



جورنل قیلیدیقن

جابتن اکام اسلام نکری جوهر

JURNAL **PENYELIDIKAN**

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

EDISI KHAS



قنایقن اسلام نکری جوهر لار العظیم

ممرشکن أهل السنة والجماعة؛ الأشاعة؛ دار الماتریدة
ملوہی قنایقن اسلام جوهر

SIDANG EDITOR

PENASIHAT BERSAMA

YB Dato' (Dr) Haji Nooh Bin Gadot, Penasihat MAINJ
Tuan Haji Md. Rofiki Bin Dato' Haji A. Shamsudin, Pengarah JAINJ
YB Dato' Haji M. Tahrir Bin Dato' Haji Samsudin, Mufti Negeri Johor
YB Dato' Haji Yahya Bin Ahmad, Timbalan Mufti Negeri Johor
Tuan Haji Md. Asri Bin Haji Amir, Timbalan Pengarah Pengurusan, JAINJ
Ustaz Haji Md Buranudin Bin Tibek, Timbalan Pengarah Operasi, JAINJ
Ustaz Haji Anoar Bin Sarimin, Timbalan Pengarah Pendidikan Agama Islam, JAINJ

KETUA EDITOR BERSAMA

Dr. Haji Mohd Azman Bin Mohsin - Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ)
Prof. Dr. Haji Badlihisam Bin Mohd Nasir – Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

EDITOR

Prof. Dr. Haji Mad Som Bin Sujimon – Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)
Dr. Haji Norizam Bin Lagiman – Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ)
Dr. Haji Aminudin Bin Hehsan – Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Dr. Halimi Binti Mohd Khalid – Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM)
Dr. Nur Zainatul Nadra Binti Zainol – Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM)
Dr. Mohd Fauzi Bin Abu @ Hussin – Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Dr. Nasrul Hisyam Bin Nor Muhammad – Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Ustaz Othman Bin Sahlan – Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)
Dr. Kamarul Azmi Bin Jasmi – Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Dr. Hairuddin Bin Mohd Amin – Institut Perguruan Guru (IPG) Kampus Ibrahim
Dr. H. Abdur Razzaq, MA – Universitas Islam Negeri (UIN) Raden Fatah,
Palembang, Indonesia
Prof. Madya Dr. Jabal Muhammad Buaben – Universiti Brunei Darussalam (UBD)

PEMBANTU EDITOR

Ustazah Sariah Binti Khamis - Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ)
Ustazah Aslinda Binti Mohd Zaire - Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ)

KANDUNGAN

Sidang Editor	II
Prakata	V
1. Latarbelakang, Peranan Dan Perkembangan Pendidikan Agama Di Negeri Johor : Sekolah Agama Kerajaan Johor <i>(Mohd. Zul Roslan, Suhana Abd Hamid, Hasidi Besah)</i>	1
2. Perkembangan Pendidikan Islam di Negeri Johor: Sekolah Menengah Agama Arab <i>(Mohd. Hairuddin Amin, Mohd. Azman Mohsin)</i>	21
3. Pemeraksanaan Pendidikan Islam Masa Hadapan di Johor: Satu Penilaian Sejarah <i>(Kamarul Azmi Jasmi)</i>	43
4. Perkembangan Tulisan Jawi dalam Konteks Pendidikan di Negeri Johor <i>(Naquiah Nahar, Jimaain Safar, Aminudin Hehsan, Ahmad Kilani Mohamed, Badlihisam Mohd. Nasir, Juhazren Junaidi)</i>	55
5. Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah UTHM: Peranan dan Tanggungjawab <i>(Abd Razak Omar, Nur Zainatul Nadra Zainol, Halimi Mohd Khalid, Abdullah Sulaiman)</i>	71
6. Program Keluarga Sakinah Negeri Johor: Analisis Pelaksanaan Kursus Pra-Perkahwinan <i>(Aminudin Hehsan, Ahmad Muhaimin Mohamed, Mohd. Fauzi Abu Hussin, Nasrul Hisyam Nor Muhammad, Sariah Khamis, Aslinda Mohd. Zaire)</i>	85

<p>7. Pertautan Amalan Yasin dan Tahlil di Negeri Johor dengan Amalan di Madinah Al-Rasul Abad Ke-17 Masihi: Kajian Menurut Shaykh Abdul Ra'uf Al-Singkili (1024H/1615M - 1105H/1693M) <i>(Arieff Salleh Rosman, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, Mohd. Nasir Ripin, Zulkiflee Haron, Zuraini Mashrom)</i></p>	<p>123</p>
<p>8. Tradisi Amalan Ratib al-Attas dalam Tarekat Alawiyah di Johor Darul Ta'zim. <i>(Mohd. Azman Mohsin, Md. Hamzaimi Azrol Md. Baharudin, Fadhil Mohamad Amin, Sulaiman Shakib Mohd. Noor, Othman Napiah)</i></p>	<p>153</p>
<p>9. Konsep Asas Pembentukan Indikator Bandar Sejahtera Menurut Perspektif Islam <i>(Norizam Lagiman, Ibrahim Ngah, Ismail Mustari, Siti Norashikin Bashirun)</i></p>	<p>169</p>
<p>10. Gagasan Johor Berkemajuan Menurut Perspektif Maqasid Syariah: Satu Sorotan. <i>(Othman Sahalan, Mad Som Sujimon)</i></p>	<p>195</p>

PRAKATA KETUA EDITOR

KETUA PENOLONG PENGARAH, BAHAGIAN PENYELIDIKAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي يَرْفَعُ النَّاسَ عَلَى قُلُوبِ عِبَادِهِ الْمُؤْمِنِينَ. وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ الطَّاهِرِينَ
وَأَصْحَابِهِ الرَّاشِدِينَ الْمُهْتَدِينَ وَعَلَى تَابِعِي التَّابِعِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَبَعْدُ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ .

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT. Selawat dan salam atas junjungan besar Baginda Rasulullah s.a.w atas segala anugerah kenikmatan kurniaan Allah SWT.

Pertamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor terutamanya Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor kerana telah mencapai usia 100 tahun dalam pengurusan sistem pendidikan Islam yang mantap dan berkualiti. Sesungguhnya bahagian ini telah memberikan khidmat bakti kepada anak bangsa Johor dalam memastikan pendidikan Islam terutamanya agenda menegakkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam aliran Imam Abu Hasan al-Asyaari (w.320H), Imam Abu Mansor al-Mathuridi (w.333H), Imam Junaid al-Baghdadi (w.298H), Imam al-Syafie (w.204H) dan Imam al-Ghazali (w.505H) sebagaimana yang termaktub Warta Kerajaan Negeri Johor 2016 dapat direalisasikan dan dilestarikan pada masa hadapan.

Semoga penerbitan Jurnal Penyelidikan ini, yang julung-julung kalinya diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor dapat dimanfaatkan oleh para pengkaji untuk terus membuat kajian akademik yang bersifat empirikal bagi mengangkat kecemerlangan sistem pendidikan agama di Negeri Johor agar terus menjadi contoh kepada negeri dan negara lain.

Saya sentiasa mendoakan agar bahagian ini akan terus berada di atas landasan kecemerlangan sistem pendidikan Islam berteraskan tiga asas utama iaitu Islam, Iman dan Ehsan yang telah dan akan terus melahirkan ramai para cendekiawan sarjana, *ulama'* dan *umara'*. Semoga segala daya usaha kita sama diredhai dan diberkati Allah hendaknya. Amin.

(DR. HAJI MOHD AZMAN BIN MOHSIN)

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penyelidikan

Jabatan Agama Islam Negeri Johor

merangkap Ketua Editor Bersama Jurnal Penyelidikan JAINJ

Rejab 1439 bersamaan April 2018



KATA-KATA ALUAN

PENGARAH JABATAN AGAMA ISLAM JOHOR

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat saya menukilkan sepatah dua kata dalam Jurnal Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor ini.

Jurnal ini pertama kali diterbitkan oleh Bahagian Penyelidikan sebagai suatu wadah bagi Jabatan mengorak langkah untuk terus maju di masa hadapan serta memberikan kefahaman Islam yang mendalam kepada anggota masyarakat dalam memperkasakan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Jurnal Penyelidikan ini memuatkan 10 jurnal yang merupakan catatan sejarah penting pembangunan sekolah agama di Johor dan antara yang terawal di Tanah Melayu. Kesultanan Melayu Johor telah berusaha memajukan anak-anak muda Johor melalui pendidikan dan ilmu pengetahuan. Hasrat baginda ini turut mendapat sokongan dari pihak Inggeris pada masa itu. Kesultanan Melayu telah mengeluarkan perbelanjaan untuk tujuan yang mulia ini dan pada 1878M wujudlah sekolah Melayu pertama di negeri Johor dan pada 1884M sebuah sekolah khusus untuk anak-anak perempuan di Telok Belanga, Singapura telah didirikan. Pada 1885M ada dicatatkan telah wujud sekolah berpendidikan agama di negeri Johor. Selanjutnya 1901M Jabatan Agama dan Pelajaran telah ditubuhkan dalam usaha permodenan urustadbir Kesultanan Johor Moden. Pada 1918M Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor telah dirasmikan. Maka pada 2018M ini genaplah 100 tahun pendidikan Islam yang tersusun dan bersistematik di negeri Johor.

Justeru itu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri Johor terutamanya Institusi Pengajian Tinggi dalam menerbitkan jurnal ini. Semoga kerjasama erat ini dapat terus digembelungkan di masa akan datang.

(HAJI MD ROFIKI BIN DATO HAJI A. SHAMSUDIN)

Pengarah Jabatan Agama Islam Johor

SEKALUNG PENGHARGAAN

PENGERUSI JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM
DAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR



الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ.

Segala puji-pujian bagi Allah SWT yang menguruskan segala perkara dengan tadbiran-Nya serta menghiaskan manusia dengan ilmu-Nya supaya dengan itu berbeza antara manusia dengan makhluk lain yang diciptakan Allah di alam ini.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Terjemahan : *Dan tiadalah kami mengutuskan engkau
(wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi
rahmat bagi sekalian alam.*

Sesungguhnya saya bersyukur dan amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk merakamkan sepatah dua kata dalam Jurnal Penyelidikan Pusat Islam Iskandar Johor yang pertama dapat dihasilkan sempena Multaqa Ulama dan 100 tahun pendidikan Islam Negeri Johor.

Jurnal penyelidikan ini sangat diperlukan oleh generasi kini khususnya bagi para pengkaji dalam dunia pendidikan islam bagi melestarikan pendidikan Islam yang membawa agenda Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jurnal ini bukan sahaja mencatatkan latar belakang, peranan dan perkembangan pendidikan Agama di negeri Johor, malah memberikan cadangan yang mapan bagi membolehkan lagi pemeraksanaan sistem pendidikan islam di negeri Johor. Turut dimuatkan dalam jurnal adalah kajian dan analisis terhadap perlaksanaan kursus pra-perkahwinan, amalan yasin dan tahlil, amalan ratib dan beberapa aspek penting yang bertepatan dengan kehendak semasa dan maqasid syariah khusus kepada rakyat bangsa Johor dan amnya untuk semua muslimin dan muslimat.

Saya berharap agar jurnal seumpama ini dapat terus dihasilkan bagi mendokumentasikan segala usaha dan kajian yang boleh dirujuk dan diguna pakai oleh anak anak muda di masa hadapan.

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Johor, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan julung julung kalinya penerbitan Jurnal Penyelidikan Pusat Islam Iskandar Johor ini.

Sekian, Wassalam.



(HAJI AMINOLHUDA BIN HAJI HASSAN)
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam
Dan Pendidikan Negeri Johor

LATARBELAKANG, PERANAN DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN AGAMA DI NEGERI JOHOR : SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR

Mohd Zul Roslan^{a*}, Suhana Abd Hamid^a, Hasidi Besah^a,

^aJabatan Agama Islam Negeri Johor, Johor

*Corresponding author: ibnunafis@yahoo.com

Abstrak

Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor (SAKNJ) telah mencapai kecemerlangan penubuhannya beberapa dekad yang lalu. Seawal kewujudan selaras titah perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar untuk memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di negeri Johor. Pengurusan sekolah agama dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Agama Kerajaan Negeri Johor. Sistem pengurusan yang mantap serta sistematik memberi nafas baru kepada kejayaan dan kegemilangan pendidikan sekolah agama di Malaysia. Pengurusan ini menjadi panduan bagi negeri-negeri lain membentuk sistem pengurusan bidang pendidikan agama yang mantap dan matang. Penubuhan 100 tahun sekolah agama dilihat banyak memberi impak positif dari segi pendidikan, prasarana, tenaga pengajar, infrakstruktur dan pelbagai pembangunan. Banyak kemudahan dapat dinaik taraf dari semasa ke semasa dengan jayanya. Jurnal ini dihasilkan bagi memberi gambaran jelas perkembangan pendidikan khususnya Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor. Jurnal ini juga mengupas pelbagai aspek penstukturan sekolah agama secara menyeluruh. Perkembangan yang memberansangkan ini adalah hasil kerjasama semua pihak sama ada Kerajaan negeri mahupun pihak MAIJ serta badan kerajaan lain. Pencirian yang terkandung dalam jurnal ini diharap dapat dimanfaatkan oleh generasi masa kini dan juga akan datang sebagai suatu wadah pendidikan yang berterusan. Selain itu, kejayaan ini dapat dikongsi bersama rakyat Negeri Johor khususnya dan seluruh Malaysia, dan dunia khususnya yang sentiasa prihatin dengan kemajuan peradaban, intelektual, serta sahsiah masyarakat. Justeru itu, jurnal ini menghuraikan perkembangan, perbincangan, implikasi dan kemenjadian Sekolah Agama Kerajaan Johor.

Kata Kunci: Sekolah agama, pengurusan sekolah, kerajaan negeri, MAIJ

1.0 PENGENALAN

Sekolah agama merupakan jenis sekolah pertama yang wujud dalam sejarah pendidikan di Malaysia. Sekolah agama melambangkan pengajaran bidang agama iaitu Pendidikan Islam dan cabang ilmu berkaitan Pendidikan Islam (Mohd Khairudin dan Kamarul Azmi, 2012). Penubuhan sekolah agama amat penting pada awal penubuhannya bagi bersaing dengan sekolah Inggeris dan sekolah vernakular Melayu (Sufean, 2004). Begitu juga kehendak dan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar yang memerintahkan pembinaan sekolah agama (Md Som, 2013). Kehendak baginda al Marhum dilaksanakan dengan menjalankan pengajaran kepada kanak-kanak seluruh negeri Johor di masjid atau balai yang dibina. Menurut Ismail Abdul Hamid (1986) bahawa perkembangan penyebaran Islam amat mendorong perkembangan institusi agama sama ada di pondok pengajian, surau, masjid atau di balai Islam yang dibina. Banyak maklumat dan penerangan agama Islam dapat disampaikan dengan baik dan sempurna yang dikendalikan oleh para murabbi yang pakar. Sebagaimana penegasan Shafie Abu Bakar dan Mohamad Anwar Omar (1997), bahawa peranan menanam jiwa keislaman dan memperluaskan dakwah dalam kalangan masyarakat merupakan tugas ulama serta para murabbi, muadib atau yang dipertanggungjawabkan sama ada secara formal atau tidak formal. Secara tidak langsung kewujudan Sekolah Agama Kerajaan Johor melambangkan kejituan hati pemimpin mengutamakan pendidikan Islam dalam kalangan rakyat seawal kanak-kanak berumur tujuh tahun.

Menurut Zawawi Ahmad (1996) bahawa pendidikan menurut Islam sebagai cara pembentukan akhlak yang mulia. Selain membimbing dan membangunkan insan supaya melaksanakan tanggungjawab yang penting selaku khalifah di muka bumi ini. Sekolah Agama Kerajaan Johor telah diterima oleh masyarakat Islam Johor khususnya sebagai satu keperluan walaupun dalam masa yang sama anak-anak mereka mendapat pendidikan agama melalui mata pelajaran Pendidikan Islam. Bahawasanya, sekolah Agama Kerajaan Johor dilihat menyumbang pembangunan kerohanian seperti akidah, ibadah dan akhlak walaupun terdapat kemelut sama ada dalam pengurusan sekolah atau pada pandangan masyarakat (Roslan Hussin, 2003). Matlamat pendidikan Islam ini demi pengukuhan akidah serta memastikan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bermazhab Imam Syafie dapat dipertahankan dengan baik bukan sahaja di Negeri Johor, malah seluruh Malaysia.

2.0 SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR

Pada umumnya penubuhan sekolah agama menurut kehendak rakyat Johor agar mendapat pendidikan agama dengan mudah secara berkumpulan. Kedudukan Johor sebagai negeri di bawah naungan kesultanan Melayu memberi kelebihan kepada aspek pendidikan agama. Kesultanan Melayu Johor dipelopori keturunan Sultan Ibrahim mengambil berat ilmu berkenaan ilmu pengetahuan atau pendidikan kepada rakyat Johor (Md Som, 2013). Antara bukti keprihatinan sultan pada ketika itu adalah melalui surat yang dihantar pada 24 Ogos 1885 kepada Gabenor Blundell yang antara lain menyebut :

“Desirous to join any plan which had the benefit and advantage of their countenance and support for the education of the Malayan Youth shall have an opportunity of acquiring general European knowledge of a character that may be useful to them in their different sphere of life hereafter...”

Pendidikan merupakan bekalan manusia sebagai pendorong yang menggerakkan setiap individu melaksanakan tugasnya sebagai khalifah. Tuntutan menyempurnakan pencarian ilmu dijelaskan di dalam al-Quran, antaranya: dalam surah al-Isra’ 17: ayat 19 bermaksud: *“Dan sesiapa dapat mengkehendaki akhirat dan berusaha mengerjakan amal-amal yang baik untuk akhirat dengan usaha yang layak baginya, sedang ia beriman, maka mereka yang demikian keadaannya, diberi pahala akan amal usahanya”*. Pengurusan pentadbiran di bawah kuasa pihak istana yang dipegang oleh Sultan telah mewujudkan pendidikan Islam secara berskala besar. Pendidikan Islam pada peringkat awal menekankan pengajaran al-Quran dan pengetahuan asas membaca, menulis dan mengira. Sementara pendidikan ini disampaikan dan diadakan pada peringkat rendah sama ada di masjid atau di balai raya ketika itu. Anak-anak Melayu yang berjaya di peringkat rendah akan meneruskan pengajian di sekolah menengah Inggeris di bandar (Abdullah Sani, 2003).

Pengasingan pendidikan akademik dan pendidikan agama di negeri Johor merupakan keunikan yang tidak terdapat di negeri lain. Justeru menjadi tanggungjawab dan amanah yang besar kepada Jabatan Agama Johor, di bawah bahagian pendidikan untuk memastikan pengurusan sekolah agama berjalan lancar. Prasarana dan infrastruktur yang menjamin keselesaan serta mendorong pendidikan yang gemilang sentiasa dirangka dan dinaik taraf demi pencapaian bidang agama yang terbaik. Bermula dengan Sekolah al-Quran yang menggunakan pakai silibus pembelajaran al-Quran sepenuhnya. Sekolah yang menetapkan pembelajaran di kawasan kariah dan jajahan seluruh Johor ini ditukar kepada

Sekolah Kitab seterusnya dikenali dengan Sekolah Agama Petang serta Sekolah Agama Kerajaan Johor sehingga ke hari ini. Ini kerana urusan pembelajaran sekolah ini hanya menumpang di sekolah Kebangsaan. Kemudian bertambah mantap dengan wujudnya Kelas Darjah Khas sebagai peringkat tertinggi dalam aliran agama. Kelas Darjah Khas mengandungi mata pelajaran pelbagai bidang termasuk Muamalat, Faraid, Jenayah, Akhlak, Sirah, Bahasa Arab lanjutan dari mata pelajaran yang murid lalui di dalam darjah satu sehingga darjah enam.

Penstrukturan sekolah agama semakin menyerlah dari tahun ke tahun dengan bantuan dan kesamarataan peruntukan pelbagai agensi dan perseorangan. Bukan sahaja di peringkat daerah, malahan kerajaan Negeri Johor sentiasa menunjukkan keprihatinan dan kesungguhan dalam menangani pelbagai kekurangan dan kekangan aspek murid, guru, prasarana, kurikulum di semua peringkat. Inti pati kejayaan ini mengundang banyak usaha dan kerjasama semua pihak terutama juga di peringkat sekolah. Gandingan usahasama antara organisasi terlibat mencambahkan banyak peningkatan dalam pelbagai aspek yang mendorong kemajuan prestasi pendidikan di sekolah agama (Suhana, et. al., 2018).

Kronologi Penubuhan Sekolah Agama Kerajaan Johor 1885 - 2017

Tahun	Peristiwa
1885	Satu-satunya lahir sekolah yang berpendidikan agama dikenali sebagai Sekolah Quran di bawah Guru Besar Encik Ismail bin Sahib (Singapore And Straits Directory, 1885 hlm 170)
1895	1895 : Sultan Ibrahim menitahkan kepada Penguasa Jabatan Agama masa itu supaya mencetak al-Quran versi Melayu sebagaimana titahnya: <i>“mesti buat Quran ada Melayunya supaya senang kepada semua pembawa tahu butir-butir satu-satu dengan terang”</i>
1901	Penubuhan Sekolah Kitab yang pertama di kawasan Muar di bawah Guru Besarnya Haji Hasamaldin (Singapore and Straits Directory, 1903 hlm 338). Sekolah Quran Sri Kopi diwujudkan (Mohd Hairudin Amin dan Kamarul Azmi Jasmi, Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak, UTM hlm. 8)

1902	<p>Sultan Ibrahim mengeluarkan Undang-undang (Enakmen 1902) mewajibkan rakyat Kerajaan Johor mendapatkan pendidikan Sekolah Agama sebagaimana dalam Pemberita Kerajaan bertarikh 1 Jun 1902 yang berbunyi :</p> <p><i>“Hendaklah sekalian rakyat dan tiap-tiap orang yang ada duduk dalam perintah Johor ini daripada sebarang bangsa pun menghantarkan sekalian anak-anak laki-laki yang cukup umurnya 7 tahun masuk belajar ke dalam sekolah Kerajaan tiap-tiap hari yang lain daripada kelepasan ialah dimana-mana ada sekolah Melayu, Quran, atau Inggeris atau Cina”</i></p>
1907	<p>Sekolah Quran pertama di Pontian dibuka iaitu Sekolah Agama Kukup (Mohd Hairudin Amon dan Kamarul Azmi Jasmi, Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak, UTM Hlm 8)</p>
1918	<p>Kerajaan telah menubuhkan Sekolah Agama secara formal apabila Sultan Ibrahim merasmikannya sebagai Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor (Rahimah Abdul Aziz dan Rahmat Saripan, Pendidikan Asas Kemajuan Minda & Material di Johor, Yayasan Warisan Johor hlm. 71)</p>
1923	<p>Sekolah Agama Petang ditambah kepada matapelajaran Muamalat, Munakahat, Faraid, Jenayah, Akhlak, Tarikh, Tulisan Jawi, dan Bahasa Arab.</p>
1923	<p>Sekolah lanjutan diwujudkan sebagai Kelas Darjah Khas bagi Sekolah Agama Petang</p>
1927	<p>Tahap pelajaran Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor sehingga Darjah V sahaja.</p>
1928	<p>Tahap pelajaran Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor sehingga Darjah VI sahaja.</p>
1930	<p>Pejabat Agama Johor menggubal sukatan pelajaran Darjah Khas.</p>
1932	<p>Kelas Darjah Khas dimulakan.</p>
1935	<p>Perkembangan dan pembinaan Sekolah Agama Petang Johor diperhebatkan.</p>
1941-1945	<p>Perkembangan Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor terbantut kerana Perang Dunia Kedua dan hanya 83 buah sahaja dapat dibuka setelah peperangan tamat.</p>
1954	<p>Sekolah Agama Princess Elizabeth untuk Pendidikan Khas bagi masalah penglihatan telah dibuka di Sekolah Kebangsaan Princess Elizabeth di Bukit Nong Chik, Johor Bahru. (M Assadiqi Sidon, Laporan Sekolah Agama Princess Elizabeth 2017)</p>

1957	Menetapkan kurikulum Sekolah Agama mengikut pendidikan kebangsaan yang mengikut Ordinan Pelajaran 1957 yang berlandaskan Laporan Pelajaran Razak 1956 serta dasar Pelajaran melalui Laporan Rahman Talib (1960) dan Akta Pelajaran 1961 (Hj Nooh bin Gadot, Sekolah Agama Kerajaan Johor Pelaksanaan, Pencapaian dan Cabaran, Jurnal Multaqa Ulama Darul Ta'zim, hlm 101.)
1960	Maahad Johor ditubuhkan sebagai pusat pengajian IV Thanawi di negeri Johor
1 Jan 1962	Nama Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor dimansuhkan dan diganti dengan nama "Sekolah Agama Kerajaan Johor" (SAKJ) (Jabatan Agama Johor, Laporan Bahagian Pendidikan, 1995 hlm 3)
Jan 1962	SAKJ memulakan persekolahan pada sesi pagi dan petang atas faktor pertambahan jumlah pelajar. Bilik darjah sementara di balai masjid dan bangunan yang didirikan orang ramai digunakan untuk menampung pertambahan tersebut (Rahimah Abdul Aziz dan Rahmat Saripan, Pendidikan Asas Kemajuan Minda & Material di Johor, Yayasan Warisan Johor hlm. 72)
1965	Nama Sekolah Agama Petang ditukarkan kepada Sekolah Agama Kerajaan Johor
1975	Pihak kerajaan negeri menyedari hakikat bahawa sudah sampai masanya SAKJ memiliki bangunannya sendiri.
1988	Penubuhan sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang (SMAKJ)
1994	Pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Agama (KBSA)
1997	Penubuhan Institut Pengajian Tinggi Islam dan Bahasa Arab iaitu MARSAH
1998	Pelarasan umur 7 tahun bagi kemasukan murid ke Sekolah Agama Kerajaan Johor
1999	Kerajaan Negeri Johor telah bersetuju merendahkan kemasukan murid Darjah 1 SAKJ dari 9 tahun kepada 7 tahun. Mewujudkan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)
2001	Penubuhan Tadika Agama Johor
2002	Sekolah Agama Pendidikan Khas Taman Tun Aminah untuk masalah pendengaran telah dibuka di Sekolah Kebangsaan Taman Tun Aminah. (Nurhafizah Sukhimee, Laporan Sekolah Agama Taman Tun Aminah 2017)

2011	Kerajaan Negeri menjalankan projek pembinaan sekolah agama di seluruh negeri Johor.
2013	Terdapat sejumlah 579 buah sekolah agama diseluruh negeri Johor, 391 darinya adalah bangunan sendiri manakala 169 gunasama di sekolah kebangsaan dan bangunan-bangunan lain.
2015	Program Johor Pendidikan Islam Digital (JPID) di 4 buah sekolah terpilih iaitu Sekolah Agama Bandar Johor Bahru, Sekolah Agama Al Imtiyaz, Kota Puteri Masai, Sekolah Agama Kerajaan Johor dan Maahad Tahfiz Negeri Johor.
2018	Jumlah sekolah agama di seluruh Negeri Johor sebanyak 579 buah.

Sumber: *Singapore and Straits Directory, (1885); Naemah Hj Md Sahib; Mohd Hairudin dan Kamarul Azmi Jasmi (2012); Hj Nooh Bin Gadot (2013); M Assadiqi Sidon (2017); Hasidi Besah (2018); Nurhafizah Sukhimee (2017)*

Sistem persekolahan di sekolah agama telah dirancang oleh Datuk Seri Diraja Abdul Rahman Andak dan Mohd Khalid Abdullah (Rahimah Abdul Aziz dan Rahmat Saripan, Pendidikan Asas Kemajuan Minda & Material di Johor, Yayasan Warisan Johor hlm. 73). Lanskap kewujudan sekolah agama dipertingkatkan sehingga mencapai kemajuan dan diterima sebagai suatu pembelajaran yang bersesuaian mengikut zaman. Penubuhan sekolah agama juga di bawah Undang-undang Tubuh Kerajaan. Penggubalan semula Undang-undang Tubuh Kerajaan oleh Sultan Ibrahim setelah kemangkatan Sultan Abu Bakar secara mengejut pada 4 Jun 1895 termasuklah menyatukan hal-hal yang berkaitan dengan agama dan pelajaran dalam satu Jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Agama dan Pelajaran atau “*Eccelestical & Education Department*” (Singapore And Straits Directory, 1901 hlm 323)

Betapa prihatinnya pihak istana di bawah penguasaan Sultan mewajibkan seluruh rakyat di Negeri Johor mendapat pendidikan agama di Sekolah Agama Kerajaan Johor. Ketetapan ini dinyatakan sebagaimana titah sultan:

“..ialah masa dan umurnya itu dari 7 tahun sehingga 16 tahun selagi belum mendapat kesempurnaan wajiblah tetap dan kekal belajar mereka itu dalam sekolah mereka itu”.

“Adalah bertanggung wajib bagi menghantar kanak-kanak ke sekolah ini ilaha bapa atau emak atau wali atau sebarang waris kanak-kanak itu”.

“Barangsiapa daripada yang tersebut di bawah ini tidak menjalankan dan menurut seperti yang telah diperintahkan

ini maka wajiblah di atas ibu bapa atau waris kanak-kanak itu menanggung keberatan dengan disaman mereka itu, dan dihukum denda sebanyak dua puluh lima ringgit atau jel sehingga tiga bulan yang tiada boleh tidak selama bagaimana yang tersebut dengan tetap rajin dan usaha” (Cenderamata Bagi Memperingati Perayaan 60 Tahun Yang Maha Mulia Sultan Johor (Riwayat Hidup Sir Ibrahim) 1895-1955 oleh Jemaah Menteri Kerajaan Johor hlm 58) (Cenderamata Bagi Memperingati Perayaan 60 Tahun Yang Maha Mulia Sultan Johor (Riwayat Hidup Sir Ibrahim) 1895-1955 oleh Jemaah Menteri Kerajaan Johor hlm 58)

Selain itu, langkah penyelarasan Sekolah Agama telah dilaksanakan oleh Engku Mohd Khalid bin Al Marhum Temenggong Ibrahim yang dilantik menjadi Yang Dipertua bagi Jabatan Agama Johor dan Pelajaran. Sementara Naib Yang Di Pertua bagi Suruhanjaya Keadilan melalui surat lantikan bertarikh 25 September 1895 (Buku Salinan Surat Titah perintah 1888-1910, disalin oleh Dato’ Jaafar bin Haji Muhammad, Menteri Besar Johor Yang Pertama hlm 42-43. Jawatan bertaraf menteri)

2.1 Hala tuju Sekolah Agama Kerajaan Johor

Pendidikan Sekolah Agama Kerajaan Johor menempatkan hala tuju bagi kejayaan dalam bidang pendidikan agama. Ini termaktub dalam matlamat Pendidikan Islam iaitu: *Melahirkan generasi muslim, mukmin, yang terpelajar, terdidik, intelektual dan bertakwa yang mempunyai kesedaran diri sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah di bumi Allah SWT melalui proses pendidikan rohani, emosi, intelek, jasmani dan amali yang bersepadu dan seimbang sehingga tercapai hasanah di dunia dan di akhirat.* (Jabatan Agama Islam Johor, Bahagian Pendidikan 2018). Pelajar dapat melanjutkan ke peringkat Darjah Khas Agama di samping meneruskan pengajiannya ke Sekolah Menengah Kebangsaan Kementerian Pendidikan. Selain itu, kelulusan sekolah agama diiktiraf bagi pengambilan Tingkatan Satu, Sekolah Menengah Agama Negeri Johor dan seterusnya bagi mengisi perjawatan awam di Negeri Johor.

2.1.1 Kurikulum Sekolah Agama

Penguasaan pembelajaran di sekolah agama sering diambil perhatian sebagaimana diketahui bahawa kenaikan kelas berdasarkan pencapaian dan kelulusan semua matapelajaran. Peluang yang lebih menyerlah apabila seseorang memegang sijil tertinggi sekolah agama di peringkat darjah khas. Matlamat Pendidikan Islam Kerajaan Johor menyebut:

Melahirkan generasi muslim, mukmin, insan terpelajar, terdidik, intelektual dan bertakwa yang mempunyai kesedaran diri sebagai hamba Allah dan sebagai khalifah di bumi Allah melalui proses pendidikan rohani, emosi, intelek, jasmani dan amalai yang bersepadu dan seimbang sehingga tercapai hasanah di dunia dan di akhirat.

(Jabatan Agama Islam Johor, Bahagian Pendidikan 2018)

Umumnya, murid di Sekolah Agama Kerajaan Johor adalah murid yang berdaftar dan belajar di sekolah rendah dan menengah kebangsaan. Namun, sekolah agama sebagai pelengkap dan memperkukuhkan lagi matapelajaran pendidikan Islam yang didapati di sekolah kebangsaan. Oleh yang demikian, kurikulum yang disediakan oleh Sekolah Agama Kerajaan Johor hanya menumpukan kepada matapelajaran pendidikan agama sahaja. Murid darjah satu, dua dan tiga pada tahap satu, manakala tahap dua bagi darjah empat, lima, dan enam. Selain akan menyambung menyambung ke kelas Darjah Khas.

Tahap 1 (Darjah 1, 2, 3)	Tahap 2 (Darjah 4, 5, 6)
<ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan Al-Quran dan Tajwid - Pendidikan Tauhid - Pendidikan Ibadah - Pendidikan Akhlak - Pendidikan Sirah - Pendidikan Jawi - Pendidikan Bahasa Arab - Pendidikan Amali 	<ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan AL-Quran dan Tajwid - Pendidikan Tauhid - Pendidikan Fiqh 1 (Ibadah) - Pendidikan Fiqh 2 (Mualamat, Jenayat, Faraid) - Pendidikan Akhlak - Pendidikan Sirah - Pendidikan Bahasa Arab - Pendidikan Jawi - Pendidikan Amali

Sukatan kurikulum pertama kali dibuat pada tahun 1918-1952, seterusnya selepas Perang Dunia Kedua pada tahun 1953 – 1993, sukatan kurikulum ketiga pada tahun 1994-2007 dan sukatan kurikulum hingga kini diterbitkan pada tahun 2008.

2.1.2 Pembelajaran Berasaskan Tulisan Jawi

Pendidikan di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan tulisan Jawi kerana memberi penekanan terhadap pengajian berasaskan al-Quran yang menggunakan bahasa Arab. Tambahan pula semua buku-buku teks di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor dicetak dalam ejaan Jawi. Ini bererti jika murid-murid tidak menguasai kemahiran bacaan dan penulisan Jawi, maka pemahaman, penghayatan dan pencapaian pendidikan agama di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor akan terjejas dan akan memusnahkan impian dan hala tuju matlamat pendidikan agama.

Penguasaan Jawi dalam kalangan rakyat Johor berjaya mendidik rakyat muslimnya untuk menguasai tulisan jawi dengan baik. Penguasaan tulisan dan bacaan Jawi yang diperjuangkan oleh pihak yang berkecimpung dalam bidang pendidikan atau sebaliknya di dalam konteks Pendidikan Agama di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor memberikan wadah penting kerana murid Islam yang memang perlu menguasai kemahiran membaca dan menulis Jawi bagi membantu mereka membaca al-Quran dan memahami buku-buku agama di dalam tulisan Jawi (Suhana et. al.,2016). Penguasaan ini menjadikan anak-anak Muslim tidak menjadi masalah untuk mempelajari Pendidikan Islam dalam tulisan tersebut di sekolah rendah dan menengah dalam sekolah persekutuan. Hasilnya, penguasaan Pendidikan Islam menjadi padu hasil kesepaduan ilmu antara sekolah agama dan sekolah persekutuan (Amir, 2015). Amir, Mohd Nasir. 2015 Perkembangan Pendidikan Islam di Johor 2008-2015/Interviewer: Kamarul Azmi Jasmi. Jabatan Agama Johor, Johor Bahru, Johor. Sementara Noh (2013), menyatakan bahawa kejayaan dan kecemerlangan sistem pendidikan Agama Kerajaan Negeri Johor juga dapat dilihat melalui kebolehan anak-anak Johor membaca teks khutbah nikah dan tulisan Jawi. Kewibawaan dan jati diri mewujudkan modal insan yang dapat mengetahui, memahami dan mengamalkan perkara-perkara fardhu dengan lebih berkesan.

2.1.3 Penglibatan Ko-kurikulum Sekolah Agama Kerajaan Johor

Kegiatan ko-kurikulum dijalankan secara berterusan sepanjang tahun di peringkat sekolah, zon, daerah dan negeri. Aktiviti ini merangkumi:

1. Perujian Tilawah Al-Quran murid-murid lelaki dan perempuan.
2. Pertandingan syarahan Bahasa Arab
3. Pertandingan mentafsir ayat al-Quran
4. Pertandingan membaca berzanji
5. Pertandingan tahfiz Al-Quran

6. Pertandingan tarhim, azan, dan iqamah.
7. Perujian seni khat.

Penglibatan pelajar dalam aktiviti yang disediakan amat dikenal pasti sebagai pemangkin kecemerlangan selain bidang agama di sekolah agama. Mereka lebih menyerlah dan terpilih menduduki asrama yang menepati syarat kemasukan. Kebanyakan sekolah berasrama penuh akan meneliti pelajar yang aktif ini bagi memenuhi kekosongan yang ada.

3.0 KESAN SEKOLAH AGAMA KEPADA RAKYAT NEGERI JOHOR

Masyarakat di negeri Johor sangat menyanjung tinggi atas peranan yang telah dimainkan oleh SAKJ dalam membantu memberikan Pendidikan Agama kepada anak-anak mereka di samping peranan Sekolah Kebangsaan.

Soal selidik terhadap 30 orang responden yang terdiri daripada ibu bapa atau penjaga yang bertugas dalam perkhidmatan persekutuan di negeri Johor, mendapati bahawa 29 orang atau 96% responden menyatakan kebimbangan jika ditukarkan ke negeri lain kerana bimbang anak-anak mereka tidak akan dapat meneruskan sekolah agama seperti yang ada di negeri Johor. (m/s 114, Jurnal Multaqa' Ulama Darul Ta'zim.

Kejayaan penginstitutionan sekolah agama SAKJ dan sistem madrasah ini bahkan telah dicontohi secara pukal oleh kerajaan Brunei Darul Salam. Sultan Brunei, iaitu Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, mengambil sistem SAKJ dan dibina tujuh buah Sekolah Rendah Ugama (SRU) di Brunei pada bulan September, 1956. Manakala pada tahun 1964 pula, batu asas Sekolah Arab (SA) dengan sistem madrasah pula dibangunkan di negara tersebut (Kementerian Hal Ehwan Agama [KHEA], Kerajaan Brunei Darussalam [KBD], 2014) dengan tertubuhnya Sekolah Arab Hassanal Bolkhiah pada tahun 1966. Guru-guru dan sistem sekolah ini telah diambil oleh kerajaan Brunei untuk dibangunkan ke negara tersebut bagi memajukan sistem Pendidikan Islam di sana. (Awang Abdul Hamid Mohd Daud, 2004; Awang Asbol Mail, 2006).

4.0 KESAN KEPADA PEMBINAAN AQIDAH, AKHLAK DAN SYARIAT UMAT ISLAM JOHOR

Kewujudan Sekolah Agama Kerajaan Johor juga telah menyumbangkan penghidupan rakyat Johor yang sejahtera dan harmoni bertunjangkan pegangan akidah ahli Sunnah Wal Jamaah dan bermazhab Syafie.

Pelbagai ancaman telah wujud seperti fahaman Syiah, Wahhabi, Qadariah, Jabariah, Muktazilah dan lain-lain telah menyelinap masuk dan menular secara senyap-senyap atau terang-terangan ke dalam ekosistem kemasyarakatan di Malaysia termasuklah di negeri Johor.

Adalah menjadi tanggungjawab Sekolah Agama Kerajaan Johor untuk berperanan bagi memastikan bahawa pendidikan dan pemahaman serta pengalaman pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bermazhab Imam Syafie dapat dipertahankan dan disalurkan dengan sebaik mungkin kepada anak-anak dan masyarakat Islam di negeri Johor. (Nooh Bin Gadot, m/s 118, Jurnal Multaqa' Ulama Darul Ta'zim).

5.0 PANDANGAN TOKOH

Temubual yang dilakukan bersama Dato' Haji Abdul Kadir bin Anuar yang pernah menjadi guru agama dan Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor pada bulan November 2013 di kediaman beliau merumuskan perkara-perkara berikut :

1. Sebahagian anak-anak kelahiran Johor yang berkelulusan SAKJ apabila berkhidmat dalam pasukan keselamatan akan dipilih menjadi imam atau bilal kerana keterampilan mereka dalam bidang agama dan taranum.
2. Pada tahun 70-an dan sebelumnya, guru-guru agama menjadi tempat rujukan dalam bidang keagamaan seperti bacaan doa selamat dan tahlil, majlis pertunangan dan perkahwinan serta ceramah-ceramah agama dan majlis-majlis keagamaan yang lain.
3. Guru-guru agama juga menjadi tempat rujukan dalam bidang kemasyarakatan sehingga sering dipilih untuk menjadi orang tengah bagi menyelesaikan konflik masyarakat. Pandangan mereka dalam sesuatu perkara diterima pakai, mereka adalah kaunselor pada ketika itu.
4. Pandangan YB Dato' Abdul Kadir bin Anuar ini telah disokong beberapa orang guru agama yang pernah berkhidmat sebagai guru agama di negeri Johor. (Nooh bin Gadot, Jurnal Multaqa' Ulama' 2013, m/s 115)

6.0 PENGIKTIRAFAN DARI LUAR NEGARA

Pelaksanaan sistem pendidikan Sekolah Agama Kerajaan Johor menjadi contoh kepada negara luar seperti Brunei Darussalam. Sekitar tahun 60 an, Kerajaan Brunei mengambil contoh dari kaedah pelaksanaan kurikulum Sekolah Agama Kerajaan Johor dan beberapa guru-guru agama SAKJ turut ditawarkan untuk berkhidmat di Brunei.

Kerajaan Pusat pada Oktober 2002, telah mengkaji Sistem Pendidikan Agama di Negeri Johor untuk pelaksanaan di peringkat kebangsaan. Timbalan Perdana Menteri ketika itu iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika berkunjung di Batu Pahat menyatakan “Walaupun pendidikan agama di peringkat kebangsaan sudah cukup komprehensif iaitu bermula dari peringkat rendah, menengah hingga ke universiti, tetapi dari segi pendidikan asas agama, Johor lebih ke depan. Boleh jadi pada masa tertentu kita dapat kumpulkan Menteri-menteri Besar terbabit untuk mendengar apa yang Johor buat “ (Buletin Majlis Oktober 2002).

Bahagian Pendidikan Islam Negeri Johor mewakili Kerajaan Johor telah dipelawa untuk memberikan taklimat pelaksanaan Sekolah Agama Kerajaan Johor di beberapa buah negeri antaranya Sabah, Sarawak, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Kedah Terengganu dan Selangor. Negeri-negeri yang terbabit walaupun begitu teruja untuk mengikuti sebagaimana sistem pendidikan SAKJ namun disebabkan faktor kewangan terpaksa membatalkan hasrat berkenaan. (Nooh bin Gadot, Jurnal Multaqa Ulama Darul Ta’zim, hlm 11 2013).

Terdapat guru agama SAKJ yang mengajar untuk pendidikan khas bagi orang cacat penglihatan di Singapura contohnya Ustazah Zaleha binti Md Som. (Laporan Azlifah Sadeli S.A Puteri Elizabeth, 2017)

BIL	TEMPOH / TARIKH	PERIHAL
1.	1935	<p>Pentadbiran Bahagian Pelajaran Agama Islam dan sekolah-sekolah agama seluruh Negeri Johor di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Johor melalui Yang Dipertua Jabatan Agama Islam Negeri sementara pentadbiran dan pengurusan serta penyeliaan secara khusus dipertanggungjawabkan kepada seorang Ketua Bahagian, beberapa pegawai dan kakitangan yang lain.</p> <p>Diwujudkan jawatan Pengarah Pelajaran Agama dan Timbalan Pengarah Agama Negeri, 3 orang pegawai pelajaran agama yang bertugas di unit perkhidmatan, pembangunan dan pelajaran dan 8 guru pengelola pelajaran serta 22 orang guru pelawat.</p>

BIL	TEMPOH / TARIKH	PERIHAL	SYARAT LANTIKAN
2.	1941 - 1942	Gaji yang diperolehi oleh Guru agama (difahamkan secara lisan oleh bekas guru agama yang berada dalam tempoh tersebut) adalah sebanyak \$12.00.	
3.	Sehingga Akhir 31 Disember 1969	guru agama yang dilantik diberi gaji berdasarkan tanggagaji \$90 (2 tahun)/112X4.50-121/130X7.50-205/220X7.50-295	
4.	1.1.1970	perubahan tanggagaji Kat. C2 – bagi maksud pemindahan kat C2. Tanggagaji : \$310X30-370/400X30-550/580X30-700/730X30-880	Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya. Lulus darjah Khas atau Lulus Darjah Khas serta lulus sekurang-kurangnya darjah IV sekolah melayu sebelum perang.
5.	1.1.1970	bagi maksud pemindahan kat D2. Tanggagaji : \$205X15-235/250X20-330/360X20-460/480X20-580	<ul style="list-style-type: none"> • Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya. • Lulus darjah Khas atau • Lulus Darjah Khas serta lulus sekurang-kurangnya darjah IV sekolah melayu selepas perang yang kedua.

BIL	TEMPOH / TARIKH	PERIHAL	SYARAT LANTIKAN
6.	Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976. Kuatkuasa pada 1.7.1977 PP bil 4 tahun 1977	perubahan gaji bersih pada tanggagaji: \$405X30-465/495X30-705/765X40-1045. Kod tanggagaji C8.	<ul style="list-style-type: none"> Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya.
7.	1.7.1980	perubahan tanggagaji kepada \$480X30-540/570X30-780/840X40-1120. Kod tanggagaji C8	
8.	1.10,1988	pelarasan gaji bagi pegawai dalam kumpulan C, B dan A dalam sector awam kepada tanggagaji \$545X30-605/635X30-845/905X40-1185. Kod gaji C8	
9.	1.1.1989	pemberian pendahuluan kenaikan gaji 8%	
10.	1.7.1999	tawaran opsyen pertukaran ke skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) Gred DGA 6 P1T1 \$917 – P1T27 \$1930 P2T1 \$976 – P2T27 \$2050 P3T3 \$1037 – P3T27 \$2192	

BIL	TEMPOH / TARIKH	PERIHAL	SYARAT LANTIKAN
11.	1.1.1992 – Pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB)	pemindahan gaji ke Sistem Saraan Baru dalam klasifikasi PENDIDIKAN san skim perkhidmatan PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN BUKAN SISWAZAH dalam Gred DGA 6 pada tanggagaji P1T1 \$592 – P1T27 \$1740 P2T1 \$629 – P2T27 \$1863 P3T3 \$666 – P3T27 \$1990	
12.	1.1.2000	pelarasan gaji 10% di bawah Sistem Saraan Baru. (SSB)	
13.	1.1.2002	pelarasan gaji 10% di bawah Sistem Saraan Baru	
14.	1.11.2002 – Pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia (SSM)	pertukaran ke skim perkhidmatan pendidikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepas Diploma Gred DGA 29 serta menerima pemindahan gaji ke SISTEM SARAAN MALAYSIA pada tanggagaji P1T1 RM1124.57 – P1T27 RM2428.95 P2T1 RM1195.96 – P2T27 RM2688.95 P3T3 RM1269.77 – P3T27 RM2753,23	

BIL	TEMPOH / TARIKH	PERIHAL	SYARAT LANTIKAN
15.	1.7.2007	<p>Pemberian kenaikan gaji kepada pegawai perkhidmatan awan di bawah Sistem Saraan Malaysia (pek. Perkhid. Bil 7 tahun 2007) sebagaimana kadar berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Tertinggi – 7% • Pengurusan & Profesional – 15% • Sokongan 1 – 25% • Sokongan II – 35% 	Tidak melibatkan perubahan syarat lantikan
16.	1.1.2013	Pelarasan gaji kerana kenaikan gaji sebanyak 13% berdasarkan gaji Sistem Saraan Malaysia dengan kenaikan gaji tahunan antara RM80 hingga RM320.	
17.	1.7.2013	Pemberian pemindahan gaji bersamaan satu(1) kenaikan gaji tahunan.	
18.	1.11.2013	Penambahbaikan jadual gaji minimum – maksimum gred 1 hingga gred 54 Sistem Saraan Malaysia. Gaji maksimum ditambah sebanyak dua (2) kenaikan gaji tahunan.	
19.	1.7.2016	Pemberian Pemindahan satu (1) kenaikan gaji tahunan kepada pegawai perkhidmatan awan mengikut pek. Perkhid. Bil 1 tahun 2016	

(Laporan Unit Pentadbiran Bahagian Pendidikan Islam Negeri Johor, 2018)

7.0 CADANGAN

1. Mewujudkan Jabatan Pendidikan Islam Negeri Johor bagi memantapkan pengurusan dari segenap segi sama ada pengurusan sekolah, pentadbiran, kurikulum, ko kurikulum dan sebagainya.
2. Memantapkan skim perjawatan guru sama ada di peringkat sekolah, daerah mahupun ibu pejabat sesuai dengan usia 100 tahun pendidikan Islam Negeri Johor dan juga sesuai dengan peredaran zaman serta berdaya saing dengan pendidikan arus perdana.
3. Mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran melalui medium baharu digital yang lebih meluas tanpa mengabaikan kitab-kitab turath Islami bermanhaj Ahlus Sunah Wal Jama'ah yang merupakan jati diri utama membentuk sahsiah umat Islam di Negeri Johor.
4. Memperkasakan Darjah Khas ke arah yang lebih mapan, mempunyai hala tuju hingga menghasilkan profesional dan alim ulama' yang mempunyai latar belakang pendidikan agama melalui darjah khas Sekolah Agama Kerajaan Johor.
5. Memperkasakan kelas untuk pendidikan khas bukan sahaja untuk murid yang kurang penglihatan dan pendengaran (Sekolah Agama Puteri Elizabeth dan Sekolah Agama Taman Tun Aminah) tetapi juga untuk murid yang autism, hyper active dan yang berkaitan dengannya sesuai dengan tahap dan keperluan murid untuk pembelajaran agama.

8.0 KESIMPULAN

Pendidikan Islam Negeri Johor mempunyai sejarah yang panjang dan telah terukir dalam dunia pendidikan tentang peranan, sumbangannya yang sangat penting dan berkesan dalam pembentukan sahsiah rakyat Negeri Johor melalui sistem pendidikannya yang tersusun. Setelah berdekad lamanya, kewujudan sekolah agama dipandang tinggi dengan kelahiran modal insan berjiwa soleh, mempunyai pekerti tinggi sepanjang zaman. Peruntukan yang disalurkan sama ada dari pihak kerajaan negeri atau juga melalui sumbangan dan wakaf masyarakat memberi impak positif pembangunan infrastruktur sekolah agama dari semasa ke semasa. Sangat membanggakan usaha dan kesepakatan yang ditunjukkan oleh rakyat Johor Darul Takzim khususnya.

Apatah lagi, cabaran masa kini dalam dunia pendidikan memperlihatkan perlu adanya usaha yang berterusan sama ada dari pihak kerajaan negeri mahupun agensi-agensi lain amat penting di dalam memartabatkan pendidikan Islam yang berteraskan manhaj Ahlus Sunah Wal Jama'ah tetap ke hadapan bagi menjaga keutuhan peribadi sekali gus perpaduan umat Islam dan rakyat Negeri Johor umumnya. Berdasarkan pemerhatian dan rumusan yang dilakukan, nyata usaha membendung gejala penyelewengan Islam amat berkait rapat dengan menyemarakkan dakwah melalui sistem pendidikan sekolah agama di negeri Johor. Lantaran itu, pelbagai kemudahan, penerangan bersistem dilaksanakan dan bantuan disalurkan kepada sekolah agama di seluruh Johor.

Maka yang demikian, pemerksaan sistem pendidikan Islam Negeri Johor perlu dibuat berterusan, terancang, berstrategi dan tindakan yang berkesan, mapan serta menyeluruh bagi mendepani cabaran-cabaran yang terkini dan mendatang bagi melahirkan rakyat Johor yang Islami dengan berteraskan aqidah Asya'irah, bermazhab Asy Syafie dan akhlak Imam al-Ghazali.

RUJUKAN

- Abdullah Sani Yahaya (2003) *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Pts Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd Hairudin Amin, Kamarul Azmi Jasmi (2011). *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak*. Skudai : Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Hairudin Amin, Kamarul Azmi Jasmi (2012). *Sekolah Agama di Malaysia Sejarah, Isu Dan Cabaran*. Skudai: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- M. S. Sujimon (PhD) (2013), *Memperkasakan Sistem Darjah Khas Agama Negeri Johor: Satu Gagasan Baru*. Kertas Kerja Pembentangan Multaqa Ulama Negeri Johor Ke-3-12 Disember 2013.
- Nooh Bin Gadot (2013). *Sekolah Agama Kerajaan Johor, SAJK. Pelaksanaan Pencapaian dan Cabaran: Pembentangan Kertas Kerja Multaqa Ulama Negeri Johor ke-3. 12 Disember 2013*.
- Roslan Hussin (2003). *Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Rakyat. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad, dan Siti Salwa Sawari (2018). *Manifestasi Elemen Keterbukaan Melalui Amalan Syura Dalam Kepimpinan Pendidikan dan hubungannya Terhadap Komitmen Kerja Guru*. International Journal of Islamic Studies and Arabic Language Education. 2018/1/4. Vol 3. No 2 <http://ssj.aies.org.my/index.php/ijisae/article/view/72>
- Suhana Abd Hamid. Ahmad Marzuki Mohamad. Azman Ahmad (2016). *Statistik Penguasaan Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Agama*. <http://journals.ump.edu.my/index.php/ijhtc/article/download/92/64> ISSN: 2289-7216;. IJHTC 1 (2) (2016) : 50-63. 50. International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC): Penerbit Universiti Malaysia Pahang
- Zawawi Ahmad (1996). *Sains Dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI JOHOR: SEKOLAH MENENGAH AGAMA (ARAB).

Mohd Hairuddin Bin Amin^{a*},
Mohd Azman Mohsin^b

^a*Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim Johor*

^b*Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Johor*

*Corresponding author: hairudin2022@gmail.com

Abstrak

Artikel ini adalah bertujuan meneliti perkembangan pendidikan Islam di negeri Johor. Jenis-jenis sekolah aliran agama yang wujud di negeri Johor merupakan reaksi masyarakat dan kepimpinan yang menyedari tentang pentingnya pendidikan Islam. Berbagai institusi telah mengambil peranan dalam memikul tugas ini. Sekolah Agama Kerajaan Negeri (SAKJ) menjangkau lebih 100 tahun kekal menjadi pilihan seluruh masyarakat Islam di Negeri Johor. Tumpuan diberi kepada sejarah perkembangan Sekolah Menengah Agama (SMA). Berasal dari Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan kini dikenali sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) merupakan sebuah institusi utama dan penting. Ia mengambil peranan dalam pengembangan dan proses perpindahan keilmuan Islam di tengah masyarakat Islam di negeri Johor. Di sebalik pembinaan institusi ini mengandungi pengorbanan besar semua lapisan masyarakat Islam di Negeri Johor sehingga kini teguh menjadi satu sistem yang mantap, sekaligus menjadi kekayaan khazanah tradisi dalam pendidikan Agama Islam di negeri Johor.

Kata Kunci: Pendidikan Islam di negeri Johor, Sekolah Menengah Agama (SMA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

1.0 PENGENALAN

Negeri Johor telah memperkenalkan Undang-undang Tubuh Kerajaan (UTK) seawal 1895. Melalui UTK kerajaan telah menitikkan soal pendidikan terhadap rakyat Johor. Sultan Johor terlibat secara langsung dalam penubuhan beberapa buah sekolah di Teluk Belanga, Singapura. Bahkan turut mengeluarkan perbelanjaan peribadi untuk tujuan pendidikan rakyat Johor. Justeru, di awal abad ke-20 beberapa buah sekolah yang mengajarkan Al-Quran dan Fardu Ain telah tumbuh subur di Johor. Sebelum merdeka sekolah-sekolah aliran agama hanyalah di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), namun menjelang pasca kemerdekaan sekolah-sekolah aliran agama di Johor terletak di bawah naungan kerajaan negeri dan kerajaan pusat. Di negeri Johor tidak terdapat sistem pendidikan agama melalui kaedah pondok seperti mana di utara atau di timur Semenanjung Tanah Melayu atau pesantren dan langgar di kebanyakan tempat di Nusantara. Di negeri Johor sistem pendidikan agama agak berbeza.

Tujuan penulisan ini ialah ingin melihat perkembangan pendidikan Islam dinegeri Johor, khususnya beberapa jenis sekolah aliran agama setelah satu abad di perkenalkan di negeri Johor. Moga dengan perkembangan pendidikan aliran agama yang semakin ditambah baik ini, tetap memiliki jiwa pendidikan Islam yang murni, serta kekal menjadi pilihan masyarakat Islam di Negeri Johor.

Wujud beberapa jenis sekolah di Johor bawah naungan berbagai jabatan dan kementerian antaranya, Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Perbezaan pentadbiran ini membezakan antara satu sama lain dari segi kemasukan pelajar, jenis peperiksaan yang dilalui pelajar, bantuan kewangan dan terdapat juga sedikit sebanyak perbezaan tentang kurikulum dan kokurikulumnya. Begitu juga terdapat perbezaan jika dibandingkan dengan sekolah agama aliran swasta. Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ) sama ada rendah atau menengah masih menjadi pilihan masyarakat Johor, terutama Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ). Sekalipun jumlah Sekolah Menengah Agama (SMA) berjumlah 20 buah namun masih tidak dapat menampung keinginan ibu bapa rakyat Johor yang inginkan pendidikan aliran agama untuk anak anak mereka di peringkat menengah. Sekolah aliran agama peringkat rendah dan menengah yang wujud di Negeri Johor antaranya adalah seperti berikut;

1.1 Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ)

Sekolah ini merupakan sekolah yang paling popular di kalangan rakyat Johor. Pada mulanya, sekolah ini dikenali sebagai Sekolah al-Quran secara tidak rasmi, sehinggalah di masyhurkan sebagai sekolah al-Quran pada tahun 1918. Kemudian pada tahun 1920, ia dikenali sebagai Sekolah Kitab. Setelah itu, pada tahun 1923, ia dikenali sebagai Sekolah Petang dan akhirnya pada tahun 1965 di kenali sebagai Sekolah Agama Pagi & Petang.

Waktu pembelajaran di sekolah ini adalah pada sebelah pagi atau petang. Jika pelajar tersebut bersekolah kebangsaan di sebelah pagi maka pelajar tersebut juga akan bersekolah agama di sebelah petang dan begitulah sebaliknya. Sekolah ini yang paling ramai anak-anak Johor memasukinya. Murid akan belajar di sekolah jenis ini setiap hari persekolahan sama seperti di sekolah kebangsaan. Ia seolah-olah menjadi suatu kewajipan bagi rakyat negeri Johor. Bagi sekolah ini pendidikan tertinggi adalah Sijil darjah Khas. Sekolah ini hanya belajar seminggu sekali dari jam 7.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Kini, jumlah sekolah agama jenis ini ialah 567 buah di seluruh negeri Johor berbanding hanya 542 pada tahun 2007. Sehingga hari ini sekolah jenis ini kekal dibawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Jumlah pelajar yang belajar disekolah ini pada 2017 ialah 183,866 pelajar. Bilangan guru Agama Kerajaan Johor pula berjumlah 2301, guru KAFA mengajar 4 jam seramai 1,585 dan guru KAFA mengajar 3 jam pula seramai 109 orang.

1.2 Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB)

Sekolah ini mengandungi 8 buah di seluruh negeri Johor. Ini bermakna di setiap daerah terdapat sebuah sekolah jenis ini. Sekolah ini mula ditubuhkan pada 1998 (Hajjah, 2008). Sekolah ini sebenarnya sebagai sekolah perintis di negeri Johor, apabila ada ura-ura kerajaan pusat akan mengadakan sekolah rendah satu sesi. Pelajar yang bersekolah di sini tidak perlu lagi bersekolah agama SAKJ kerana semua kurikulum yang terdapat dalam SAKJ telah diajarkan di sini. Semua kurikulum yang di ajar di sekolah kebangsaan ada diajarkan di sekolah ini. Pelajar akan belajar di sekolah ini dari pagi hingga ke petang. Makan di waktu rehat dan tengah hari di sediakan oleh pihak sekolah, namun ibu bapa dikenakan sedikit bayaran untuk penyediaan makanan tersebut. Pelajar akan bersekolah di sini selama enam tahun bermula usia tujuh tahun hinggalah berumur 12 tahun. Pada tahun enam mereka akan mengambil peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Setelah mereka tamat dari sekolah ini mereka boleh memasuki mana-mana sekolah menengah sama ada sekolah menengah kebangsaan, SMAKJ

atau SMAR. Sekolah jenis ini telah didaftarkan dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia bermula tahun 2012 dibawah Program Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

1.3 Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ)

Sebuah lagi sekolah yang diiktiraf sebagai Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) ialah Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor (SMAKJ). Sekolah ini yang mula ditubuhkan pada tahun 1988. Murid-murid dipelawa dari seluruh SMAR dari seluruh negeri Johor. Kebanyakan murid yang memasuki sekolah ini ialah dari SMAR berdekatan iaitu Madrasah Arabiah Kluang. Kemasukan generasi pertama ke sekolah ini tidak diletakkan sebarang syarat mengenai kelulusan, kelayakan dan sebagainya. Pihak JAIJ memohon kepada pengetua-pengetua sekolah Arab untuk membenarkan pelajarannya pergi ke sekolah ini. Sekolah menengah ini terletak di Jalan Sentosa Off Jln Hospital 86000 Kluang. Semua kurikulum dan kokurikulumnya hampir menyamai seperti apa yang terdapat di SMAR. Kelebihan sekolah ini diperingkat permulaan, berbanding SMAR ialah guru aliran akademik yang mengajar di sekolah ini adalah pinjaman dari Kementerian pendidikan dan guru bahagian bahasa Arab di sediakan oleh JAIJ sepenuhnya.

1.4 Maahad Johor (Sekolah Menengah Tinggi Arab Johor)

Murid-murid yang lulus di sekolah Arab dan mendapat Syahadah Ibtida'iyah mereka boleh melanjutkan pelajaran di sekolah Menengah Arab Johor (Maahad Johor) yang menggunakan bahasa pengantarnya dalam bahasa Arab. Maahad ini ditubuhkan pada tahun 1960 dan upacara perasmiannya telah dilakukan pada 17 Oktober 1960 oleh Yang Berhormat Dato' Haji Omar Chik, Yang Di pertua Jabatan Agama Johor (Cenderamata Maahad Johor, 1982:14).

Penubuhan Maahad Johor adalah ekoran daripada titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibn al Marhum Sultan Abu Bakar supaya didirikan sebuah sekolah tinggi arab di negeri Johor agar nanti yang lulus sekolah tinggi arab itu boleh menjadi orang alim, menjadi mufti, kadi dan lain-lain... (Cenderamata Maahad Johor, 1982:14).

Penubuhan Maahad Johor juga adalah disebabkan kerana ramai yang telah lulus Syahadah Ibtidai'iyah yang tidak dapat melanjutkan pelajarannya di dalam negeri kerana tidak ada tempat untuk mereka melanjutkan pelajarannya itu. Sehingga mendorong beberapa pihak dan pegawai Jabatan Agama Johor

untuk mengadakan satu tempat yang boleh dijadikan lanjutan kepada para lulusan Syahadah Ibtida'iyah itu untuk melanjutkan pelajarannya di dalam negeri. Dengan itu pada tahun 1960 Maahad Johor ditubuhkan bagi mengisi keperluan pemegang sijil Ibtida'iyah Johor.

Pengambilan pertama seramai 51 orang murid telah mendaftar. (Cenderamata, 1982:14). Pengetuannya yang pertama ialah Ustaz Arifin bin Awang dan seorang guru iaitu Ustaz Ramli bin Ismail (Dalil Maahad Johor, 1991:13). Pembelajaran Maahad berjalan di atas kurikulum yang digubal oleh Jawatankuasa Penaja dan sijil kelulusan Maahad di anggap sijil 4 Thanawi yang membolehkannya melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar dan beberapa buah universiti Timur Tengah. Pada 1964 Maahad Johor telah berjaya mengeluarkan murid yang berjaya mendapatkan Syahadah Thanawiyah.

Pada tahun 1969, pentadbiran Maahad telah diambil alih oleh kerajaan Johor di bawah kelulusan Majlis Agama Islam Negeri Johor serentak dengan penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Johor (Cenderamata, 1982:4).

1. Meningkatkan pelajaran agama Islam, bahasa Arab dan yang berkaitan dengannya.
2. Mengeluarkan penuntut yang layak melanjutkan pelajarannya ke kolej dan universiti.
3. Mengeluarkan penuntut yang layak menjadi bakal-bakal guru di sekolah Arab dan langsung bertanggungjawab kepada agama, bangsa dan tanah air (Cenderamata Maahad Johor, 1982:12).

Dengan sijil empat Thanawi yang dikeluarkan oleh Maahad Johor, di samping sijil akademiknya SPM dan STPM secara sendiri maka para lulusannya boleh melanjutkan pelajarannya di dalam atau di luar negeri. (Md. Miskan 1988:43). Sebelum peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di perkenalkan pelajar Maahad mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Agama (STA). Peperiksaan STA ini setaraf dengan peperiksaan Sijil Tinggi Agama bagi negeri-negeri lain di Malaysia.

1.5 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)

Sekolah ini ditadbir sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Jumlah SMKA di negeri Johor ialah sebanyak empat buah iaitu: SMKA Maahad Muar, SMKA Johor Bahru, SMKA Segamat dan SMKA Bandar Penawar. Sekolah-sekolah ini ditadbirkan sepenuhnya oleh Kerajaan pusat iaitu di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia, sepenuh masa dan berasrama penuh.

SMKA Maahad Muar merupakan satu-satunya (SAR) di negeri Johor yang pertama diambil alih oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1977. Perubahan telah dilakukan dalam kurikulum di Maahad Muar ini setelah setahun madrasah ini diambil alih oleh pihak kerajaan. (Salam, 2006). SMKA ini boleh dianggap sebagai sekolah beraliran agama, tetapi ia tidak boleh dianggap sebagai sekolah agama kerana tidak ada sijil agama yang dikeluarkan dari sekolah jenis ini. Sehingga kini pelajar dari SMKA tidak ada yang mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia (Azizi, 2008).

1.6 Sekolah Menengah Agama (Arab) Negeri Johor

Sekolah jenis ini adalah yang paling tua dan mempunyai sejarah yang panjang di negeri Johor. Sebahagian sekolah-sekolah Melayu yang ada pada hari ini adalah melalui proses pengambilalihan sebahagian dari sekolah jenis ini. Sekolah jenis ini juga mengalami berbagai-bagai masalah dan rintangan untuk terus menabur bakti kepada masyarakat yang cintakan ilmu-ilmu keagamaan. SAR adalah semua jenis Sekolah Agama Rakyat manakala bagi peringkat menengah ia dipanggil sebagai Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR).

Sekolah Agama jenis madrasah mempunyai penyusunan dan organisasi yang lebih sistematik daripada sekolah pondok, dimana sekolah tersebut mempunyai ciri seperti ada kemudahan kerusi meja yang lengkap, waktu belajar yang tetap, kurikulum pembelajaran yang berstruktur dan terdapat pembahagian bilik darjah. Madrasah yang mula ditubuhkan oleh Kaum Muda ialah Madrasah al-Iqbal pada tahun 1907 di Singapura, Sekolah al-Hadi di Melaka pada tahun 1917 dan Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang pada 1919. Penubuhan sekolah Agama jenis Madrasah atau aliran Arab di Johor telah bermula seawal abad dua puluh. Sebelum ini Pulau Penyengat di Riau lebih dikenali sebagai tempat perkembangan ilmu bagi Kerajaan Johor Riau Lingga.

2.0 SEJARAH PERKEMBANGAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA (ARAB) NEGERI JOHOR

Sekolah Menengah Agama (SMA) yang dikenali hari ini merupakan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) setelah ia didaftarkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Sekolah ini telah melalui tiga peringkat perubahan. Pertamanya ia diurus secara persendirian oleh individu atau kumpulan. Peringkat kedua MAIJ dan JAIJ telah menyusun dan menyelaraskan terutama berkaitan gaji guru, kurikulum dan infrastruktur. Manakala peringkat ketiga di bawah KPM, dimana segala kemudahan infrastruktur dan gaji guru telah diurus tadbir oleh kerajaan pusat dan negeri. Lebih setengah abad

sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) yang juga dikenali sebagai madrasah atau Sekolah Pondok di Malaysia. Sekolah jenis ini adalah antara yang paling awal ditubuhkan oleh masyarakat Islam di Nusantara. Penubuhannya dilakukan oleh sekumpulan tokoh agama Islam yang berpandangan progresif dan moden. Mereka berpendapat, sekiranya umat Islam mahu maju, mereka perlu mengukuhkan kedudukan politik dan sosioekonomi mereka. Golongan tokoh agama yang kemudiannya digelar Kaum Muda telah berusaha membina Sekolah agama dan madrasah yang bersifat moden di seluruh Tanah Melayu. Tujuan penubuhannya adalah untuk bersaing dengan Sekolah Inggeris dan Vernakular Melayu (Sufean, 2004). Kewujudan Sekolah agama ini lahir daripada tuntutan masyarakat yang inginkan sekolah berorientasikan agama dan turut memberi perhatian terhadap pendidikan akademik. Menurut catatan sejarah, sekolah agama merupakan sekolah pertama dalam sejarah pendidikan di Malaysia. Sekolah agama berkembang bersama dengan kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu, iaitu melalui sistem pondok (Abdullah, 1995).

Waktu itu, institusi masyarakat mempunyai kaitan yang amat rapat dengan institusi pendidikan seperti sekolah rakyat dan pondok. Tuntutan semasa masyarakat telah menghidupkan kembali sekolah yang berorientasikan agama. Ibu bapa seolah-olah memberi isyarat secara tidak langsung kepada institusi pendidikan, bahawa mereka mengharapkan sistem pendidikan yang berteraskan agama diberi kepada anak-anak mereka, melalui pendaftaran beramai-ramai ke sekolah-sekolah yang berorientasikan agama seperti SMAN, SMAR dan Maahad Tahfiz. Sehingga kini, sebahagian besar sekolah menengah beraliran agama ini terpaksa menolak pendaftaran yang sentiasa berlebihan pada setiap tahun (Sulaiman, 2007).

Melihat kembali pada tahun 1917, terdapat usaha untuk menghapuskan pelajaran al-Quran keseluruhannya di Tanah Melayu oleh orientalis R.O. Winstedt. Beliau mencadangkan supaya pelajaran al-Quran dikeluarkan dari bidang pendidikan dan diganti dengan pelajaran perkebunan dan anyaman. (Awang Had Salleh, 1974:87).

Pakar-pakar sejarah (Rauf, 1967; Wong, 1971) mengakui bahawa penubuhan sekolah Melayu secara berkesan selepas tahun 1954 adalah setelah pengambilalihan dan penukaran sekolah-sekolah al-Quran menjadi sekolah Melayu. Dengan kata lain, sekolah-sekolah Melayu yang merupakan asas sekolah-sekolah kebangsaan hari ini berpangkal pada sekolah-sekolah al-Quran atau pondok-pondok yang merupakan inti daripada sistem pendidikan kesultanan Melaka (Hasan Langgulung, 1995:126 –127).

Kedatangan British dan pendakwah Kristian pada abad ke-19 juga, telah memberikan satu kejutan budaya kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam. Penubuhan sekolah-sekolah Inggeris secara meluas telah dianggap oleh orang Melayu sebagai satu ancaman kepada budaya dan agama Islam. Sekolah Inggeris, malahan sekolah vernakular Melayu telah dianggap sebagai penyebar ideologi sekularisme yang bertentangan dengan nilai konservatisme fundamentalisme (Sufean, 2004:19). Sekumpulan tokoh agama Islam yang berpandangan progresif dan moden telah menyuarakan jika umat Islam mahu maju, maka umat Islam perlu mengukuhkan kedudukan politik dan sosioekonomi mereka. Golongan tokoh agama ini yang digelar kaum Muda telah berusaha membina sekolah agama madrasah yang bersifat moden di merata-rata tempat di Tanah Melayu. Tujuan penubuhan sekolah Agama madrasah adalah untuk bersaing dengan sekolah Inggeris dan Vernakular Melayu. Dua orang tokoh Kaum Muda ialah Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syed Syeikh Ahmad al-Hadi (Persatuan Sejarah Malaysia).

Antara yang terawal ditubuhkan sebelum merdeka dan masih wujud hingga kini ialah:

1. Madrasah al-Attas al-Arabiah, Johor Bahru. (1913M /1332H)
2. Madrasah Tarbiyah Islamiyah Parit Raja, Batu Pahat. (6 Jun 1941)
3. Madrasah al-Shams al- Diniyyah, Muar. (1942)
4. Madrasah Arabiyyah, Kluang. (8 Mei 1946)
5. Madrasah al-Khairiyah, Segamat. (1946)
6. Madrasah al-Khairiyah al-Islamiyah, Mersing. (1951)
7. Madrasah Bugisiah, Tampok, Pontian. (1956)

Sekolah Menengah Arab sepenuh masa yang kekal dikenali sebagai SMAR ini pada 2007 berjumlah sebanyak 15 buah sekolah sahaja di negeri Johor. Pada mulanya sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Arab rendah (Ibtidai'). Sekolah Arab ibtidai' adalah satu daripada institusi pengajian Islam yang terdapat di Johor. Sekolah ini lebih dikenali dengan nama Sekolah Agama aliran Arab atau madrasah (Salam, 2006). Perbezaannya dengan SAKJ ialah dari segi bahasa penghantar, di mana sekolah jenis ini kebanyakannya menggunakan bahasa Arab. Sebelum tahun 1999 dan 2007 terdapat 20 buah Sekolah Agama Rakyat, yang turut menyediakan pengajian agama dan akademik. Semua sekolah tersebut berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) manakala Bahagian Pendidikan di Jabatan Agama Islam Johor dipertanggungjawabkan untuk merancang, mengurus, mengawal dan melaksanakan program pendidikan agama di sekolah-sekolah berkenaan.

Menoleh kembali perkembangan sekolah ini di negeri Johor yang mula-mula sekali diwujudkan, mengikut yang masih dapat dikesan apabila berdirinya Madrasah al-Attas al-Arabiyyah al-Islamiyyah, di Johor Baharu, yang diasaskan oleh al-Sayed Hassan Ahmad al-Attas (Syed Hasan, t.th), yang sebelumnya telah mendirikan sebuah sekolah di Pekan, Pahang dalam tahun 1880-an.

Inilah Sekolah Arab yang tertua di Johor dan masih beroperasi hingga sekarang . Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1913M oleh al Marhum Sayyid Habib Hassan bin Ahmad al-Attas. Sekolah Al-Attas ini terus berjalan dan berkembang hingga sekarang ini kecuali ditutup beberapa bulan semasa perang dunia kedua dari tahun 1941-1942 (Syed Hasan, t.th.).

Sejak dari awal, sekolah ini menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantarnya. Tetapi sejak tahun 1970, sekolah ini telah mengubah dasar pelajarannya dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa Arab sebagai bahasa kedua yang penting dan ianya digunakan di dalam beberapa mata pelajaran. Di samping kedua-dua bahasa tadi, bahasa Inggeris juga ditekankan kepentingan mempelajarinya (Syed Hasan). Perubahan ini berlaku adalah kerana sekolah ini berusaha untuk mengintegrasikan pelajaran bahasa Arab, agama dan akademik dengan mengambil pelbagai peperiksaan yang dikendalikan oleh kementerian Pendidikan seperti SRP, SPM dan peperiksaan yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Johor iaitu Syahadah Ibtidi'yyah. Perkembangan seterusnya pula bagi sekolah ini ialah telah mengendalikan peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) dan Sijil Tinggi Ugama (STU) yang dikeluarkan oleh Yayasan Pelajaran Kelantan (Syed Hasan). Dengan itu sukatan pelajaran dan buku teks bagi peperiksaan di atas juga diajarkan di sekolah ini. Perubahan ini bermula pada tahun 1987 (Syed Hasan).

Daripada tingkatan 1 hingga 4, pelajaran sekolah ini menggunakan sukatan pelajaran yang digunakan oleh Jabatan Agama Johor dan sukatan pelajaran yang digunakan oleh Yayasan (Islam) Pelajaran Kelantan (YIK) bagi membolehkan pelajar-pelajar mengambil peperiksaan SMU di samping mereka juga mengambil peperiksaan SRP semasa mereka di tingkatan tiga. Semasa mereka di tingkatan lima mereka mengambil peperiksaan SPM. Semasa di tingkatan enam bawah mereka mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Ugama (STU) dan di tingkatan enam atas mereka mengambil peperiksaan STPM.

Dengan itu, pelajar di sekolah ini akan mengambil peperiksaan SRP di tingkatan tiga, Syahadah Ibtidai'yyah dan Sijil Menengah Agama (SMA) di tingkatan empat, Sijil Pelajaran Malaysia di tingkatan lima, Sijil Tinggi Agama (STU) kini

(STAM) di tingkatan enam bawah dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia semasa mereka di tingkatan enam atas. Dengan penyusunan ini pelajar Madrasah al-Attas tidak perlu melanjutkan pelajaran mereka di Maahad Johor, kerana Sijil Tinggi Uagama sudah membolehkan mereka melanjutkan pelajaran di al-Azhar dan beberapa Universiti di Timur Tengah, sama seperti yang dinikmati oleh lulusan Maahad Johor.

Selain daripada sekolah Arab al-Attas di Johor Baharu, terdapat juga sekolah Arab di Muar yang diwujudkan sebelum tahun 1920, ini berdasarkan bahawa Madrasah al Khairiyyah, Parit Jamil, Muar yang ditubuhkan pada tahun 1918 (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2000:483). Sekolah ini telah mendapat seorang guru yang bernama Abd Ghani bin Abd Rahman yang telah mendapat pendidikan di Sekolah Arab Haji Abu Bakar di Muar (Saman bin Sariff). Ini menunjukkan bahawa sekolah Arab Haji Abu Bakar di Muar telah diwujudkan sebelum tahun 1920 lagi. Madrasah Hj Taib di Parit Jamil telah ditubuhkan pada tahun 1925. Orang yang berusaha mendirikan madrasah ini ialah penghulu Hj Hassan dan adiknya Hj Jaafar bin Taib.

Terdapat juga sekolah Arab yang dahulunya ada kemudian digantikan dengan sekolah lain seperti yang berlaku dengan Sekolah Arab Parit Jamil yang ditukarkan kepada Sekolah Agama Perempuan Parit Jamil, Muar pada tahun 1936 (Saman Sariff, 1980:95).

Sekolah Arab yang wujud pada masa itu, antaranya ada yang telah diwujudkan sebelum perang dunia pertama dan ada yang telah diwujudkan selepas perang dunia kedua.

Terdapat sekolah yang didirikan lebih awal sejak tahun 1912, namun tidak lagi beroperasi misalnya Madrasah Abdul Aziz al-Shinie Johor Bahru, Madrasah Buloh Kasap Segamat dan Madrasah Arabia Bagan Batu Pahat (Hashim Abdullah et al., 1998:23), Madrasah al-Khairiyah Bandar Penggaram juga berjaya membuka cawangan sekolah Inggeris pada tahun 1923, di mana seramai 43 orang murid memasuki Madrasah ini pada tahun 1925, 18 orang mengikuti aliran Melayu dan Arab pada sebelah pagi dan 25 orang mengikuti aliran Inggeris pada sebelah petang (Junaidah, 1991:54) Madrasah Maharani Islamiah Muar (1938), Madrasah al-Arabiyyah Jami'ah al-Islamiyyah, Segamat.

a. Madrasah yang pernah ditubuhkan sebelum Merdeka:

1. Madrasah Abdul Aziz al-Shinie, Johor Bahru. (1912)
2. Madrasah Buloh Kasap, Segamat.
3. Madrasah Arabia Bagan, Batu Pahat.

4. Madrasah al- Khairiyah, Bandar Penggaram.
5. Madrasah al-Khairiyyah, Parit Jamil, Muar. (1918)
6. Madrasah Hj Taib, Muar. (1925)
7. Madrasah Maharani Islamiah, Muar. (1938)
8. Madrasah Arabiah, Parit Jawa, Muar.
9. Madrasah Arabiah Abbasiah, Jalan Dato' Hj Kosai, Muar.
10. Madrasah Saa'diah, Muar.
11. Madrasah al-Arabiyyah Jami'ah al-Islamiyyah, Segamat.

b. Madrasah yang ditubuhkan selepas Merdeka:

1. Sekolah Arab Bandar Pontian. (15 Ogos 1958)
2. Madrasah al-Lughatul al-Arabiyyah, Tangkak. (1 Oktober 1959)
3. Madrasah Jawahirul Ulum, Senggarang, Batu Pahat. (16 Mei 1961)
4. Madrasah Loghatul Quran, Muar. (20 Ogos 1961)
5. Madrasah al-Tarbiyyah, Al Islamiyah, Batu Pahat. (26 September 1963)
6. Madrasah Islamiah al-Arabiah, Parit Basilam, Pontian. (1960an)
7. Madrasah Arabiah, Parit Sulong. (1 Januari 1964)
8. Madrasah at-Tanwiriyah, Parit Jawa, Muar. (1964)
9. Madrasah al-Quran Wa al-Din, Johor Bahru. (1967).
10. Madrasah Darul Ulum, Tanjung Kupang, Gelang Patah. (1968)
11. Madrasah ad-Diniah, Parit Subari, Muar. (14 September 1969).
12. Madrasah Kota Tinggi. (02 Januari 1983)
13. Madrasah al-Masriyah, Simpang Renggam, Kluang. (1985)
14. Madrasah Darul Ulum, Serom, Muar. (1988)
15. Madrasah Bandar Tenggara, Kota Tinggi. (02 Januari 1989)
16. Sekolah Menengah Agama Arab an-Nur, Benut, Pontian. (1 Januari 1991)

Ini adalah beberapa buah sekolah yang dapat dikesan dan inilah yang dikategorikan sebagai sekolah agama yang dibina oleh masyarakat setempat. Johor juga menjadi di antara negeri yang dapat mengekalkan sistem persekolahan agama iaitu selaras dengan cita-cita perlembagaan Johor, meletakkan Islam sebagai agama rasmi. Selepas tahun 1928, Jabatan Agama Islam membuat perhatian kepada pertumbuhan sekolah agama di negeri ini. Pada 1932, di antara sekolah-sekolah yang diletakkan di bawah penyeliaan Jabatan Agama ialah kuliah al Attas dan Madrasah al-Attas di Johor Bahru. Di Batu Pahat pula terdapat Madrasah al-Arabiah. Di Muar, Madrasah al Haji Taib di Parit Jamil dan Sekolah Latihan Agama di Buloh Kasap, di Segamat (Rahimah, 1994). SMAR ini mula memainkan peranannya di negeri Johor sejak sebelum merdeka. Sebanyak 18 buah telah didirikan sejak sebelum merdeka. Manakala 16 buah SMAR telah ditubuhkan selepas merdeka.

Sekolah Arab hanya menumpukan pelajaran Agama dan bahasa Arab sahaja, di antara pelajaran yang dipelajarinya ialah nahu, saraf, tauhid, fiqh, insya', akhlaq, al-Tarikh, al-Tafsir, al-Hadith, al-Quran, al-impla', mahfuzat. Manakala pelajaran akademik juga diajarkan dalam bahasa Arab seperti al-Hisab, al-ulum (sains), dan sebagainya. Pada peringkat awal, setiap sekolah mempunyai sukatan dan buku teks yang tersendiri. Dengan itu, pada awal tahun 50-an, Jabatan Agama Islam Johor telah mewujudkan jawatan sampingan bagi salah seorang pegawainya bagi menjalankan tugas sebagai pemeriksa sekolah-sekolah Arab Negeri Johor. Antara lain tugasnya ialah menyelaraskan dan membentuk sukatan pelajaran bagi sekolah Arab negeri Johor dan mengendalikan peperiksaan Syahadah Ibtida'yyah bagi murid-murid yang berada di tahun empat ibtida'i. Ianya membolehkan murid-muridnya mengambil peperiksaan Syahadah Ibtidai'yyah dan membolehkan sekolah yang mengikut sukatan yang disediakan oleh Jabatan Agama Islam Johor mendapat bantuan dari Jabatan Agama Johor. Syahadah Ibtidai'yyah ini juga diiktiraf oleh pihak al-Azhar bagi membolehkan pemegang-pemegang Syahadah ini memasuki mana-mana Ma'ahad Thanawi al-Azhar, di Mesir.

Pada peringkat awal penubuhan sekolah-sekolah Arab, penumpuan pelajarannya hanyalah di dalam bahasa Arab dan pengajian Islam. Mata pelajaran akademik tidak dimasukkan di dalam sukatan pelajaran mereka bagi membolehkan pelajarannya mengambil peperiksaan SRP, SPM dan STPM. Keadaan ini tidak dapat bertahan lama, disebabkan suasana di negara yang memerlukan kepada sijil akademik bagi menempuh keperluan kehidupan di masa akan datang. Maka sekolah-sekolah Arab di seluruh negeri Johor juga tidak terkeluar daripada suasana itu dan akhirnya seluruh sekolah Arab di Johor telah mengadakan dua sistem pelajarannya iaitu pelajaran agama dan bahasa Arab di samping pelajaran akademik di peringkat SRP. Dengan ini, pelajar sekolah Arab yang lulus telah mendapatkan dua sijil iaitu SRP semasa mereka di tahun 3 dan Syahadah Ibtida'yyah semasa mereka di tahun IV.

Setelah ramai yang lulus Syahadah Ibtidai'yyah, maka beberapa golongan tertentu dan pegawai-pegawai pejabat Agama Islam Johor telah berusaha untuk mengadakan satu tempat yang boleh dijadikan tempat bagi para pemegang lulusan Syahadah itu meneruskan pelajaran mereka di dalam negeri. Dengan kepentingan yang begitu mendesak maka pada tahun 1960, sebuah sekolah menengah Arab telah diwujudkan di Johor yang dikenali dengan Maahad Johor.

Mulai tahun 1994, sekolah agama Arab ibtidai' ini telah berubah dengan dimulai tingkatan satu mereka bersekolah di sebuah sekolah tersebut sehinggalah ke tingkatan tiga. Ini bermakna bila saja pelajar memasuki tingkatan dua mereka akan mengambil sijil I'dadi (Sijil Menengah Rendah Agama). Tingkatan tiga

mereka mengambil Peperiksaan Menengah Rendah. Selepas itu sebahagian dari mereka boleh memohon untuk menyambung pengajian mereka ke Maahad Johor. Di tingkatan empat, mereka akan mengambil Sijil Menengah Agama dan bila di tingkatan lima mereka akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia. Namun demikian pada tahun 1999, satu perubahan dilakukan di Maahad Johor iaitu dari masa belajar tiga tahun kepada dua tahun sahaja. Ini bererti semua pelajar dikehendaki menyempurnakan persekolahan mereka selama lima tahun di SMAR. Dengan itu selama lima tahun mereka akan belajar di SMAR dan mereka akan mengambil 4 jenis peperiksaan di sana, peperiksaan tersebut ialah:

1. Tingkatan 2 - Sijil Menengah Rendah Agama (SMRA)
2. Tingkatan 3 -Penilaian Menengah Rendah (PMR)
3. Tingkatan 4 - Sijil Menengah Agama (SMA)
4. Tingkatan 5 -Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Apabila mereka melanjutkan pelajaran ke Maahad Johor mereka akan mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan tahun berikutnya diikuti dengan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Kini Sekolah Menengah Agama (Arab) yang terdapat di Johor iaitu sebanyak 20 buah yang masih beroperasi iaitu:

1. SMA al-Attas al-Arabiyyah al-Islamiyyah, Johor Bahru.
2. SMA al-Quran Wa al-Din, Kampung Melayu Majidi, Johor Bahru.
3. SMA Kota Tinggi Taman Kota Jaya, Kota Tinggi.
4. SMA Bandar Tenggara, Kota Tinggi.
5. SMA al-Khairiah al-Islamiyyah, Mersing.
6. SMA Bugisiah Tampok, Pontian.
7. Maahad Pontian.
8. SMA an-Nur, Benut, Pontian.
9. SMA al-Lughatul al-Arabiyyah, Tangkak.
10. SMA Jawahirul Ulum, Senggarang, Batu Pahat .
11. SMA Tarbiyah Islamiyah, Parit Raja, Batu Pahat.
12. SMA Parit Sulong, Batu Pahat.
13. SMA at-Tarbiyyah al-Islamiyyah, Batu Pahat.
14. SMA ad-Diniyah Parit Subari, Jalan Yusuf, Semerah Batu Pahat.
15. SMA Segamat, Kampung Kubah, Jln Hassan, Segamat.
16. SMA al-Shams al-Diniyyah, Kundang Ulu, Muar.
17. SMA Lughatul Quran, Kesang Tasek, Sungai Mati, Muar.
18. SMA Tanwiriah Jalan Temenggong Ahmad, Parit Jawa, Muar.
19. SMA Darul Ulum, Serom 4, Sungai Mati, Muar.
20. SMA Lughatul Arabiah, Sialang Tangkak, Muar.

Kronologi ini merujuk dari peristiwa dan perubahan yang berlaku terhadap

SMAR sejak tahun 1960.

Jadual 1: Perkembangan SMAR dari tahun 1960

Bil	Tahun	Perkembangan dan Peristiwa
1	1960	Maahad Johor ditubuhkan bagi memberi pendidikan tinggi untuk lepasan SMAR yang sedia ada (darjah IV Ibtidai'). Lulusan dari Maahad ini dikurniakan Sijil empat thanawi (setelah belajar sekurang-kurangnya empat tahun di Maahad) akan diiktiraf untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti Al-Azhar di Mesir.
2	1963	Peraturan Untuk Sekolah Arab Negeri Johor atau Sekolah Agama rakyat negeri Johor telah dikeluarkan. Semua sekolah diwajibkan mendaftar dan bermula bulan Januari tahun ini juga, sekolah-sekolah Arab menerima bantuan wang kerajaan dari negeri Johor.
3	1967	Sebahagian kecil pelajar SMAR telah mula mengambil peperiksaan awam iaitu Sijil Rendah Pelajaran (SRP) secara persendirian dengan cara belajar sambilan di luar atau sendiri.
3	1975	Beberapa buah sekolah SMAR mula menggunakan bahasa Melayu dalam mata pelajaran tertentu untuk memudahkan pelajarinya mengambil peperiksaan awam iaitu Sijil Rendah Pelajaran (SRP)
4	1977	11 buah SMAR di Semenanjung dan dua buah SMAR di Malaysia Timur telah diambil alih oleh Kementerian Pelajaran di mana sebuah SMAR di Johor iaitu Maahad Muar terlibat dijadikan SMKA
5	1983	SMAR mendapat bantuan Skim Bantuan Pinjaman Buku Teks dari Kementerian Pendidikan. Pada tahun ini juga bantuan guru akademik dari kementerian diberikan kepada SAR namun dari 1983-1988 SMAR di negeri Johor tidak memperolehnya. Lapan buah negeri lain dapat bantuan guru aliran akademik ini.
6	1988	SMAKJ ditubuhkan dan generasi pelajarinya yang pertama adalah terdiri daripada pelajar yang telah belajar di SMAR dari seluruh negeri Johor
	1990	Penyelarasan Enakmen Negeri oleh Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI).
7	1991	Enakmen mengenai pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam Negeri Johor dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dikeluarkan.

8	1992	Maahad Pontian ditubuhkan untuk menampung limpahan pelajar yang tidak dapat memasuki Maahad Johor kerana Maahad Johor telah dipenuhi oleh pelajar dari SMAKJ. Hanya mereka yang memperoleh keputusan Mumtaz sahaja dari SMAR dibenarkan ke Maahad Johor. Tetapi syarat yang sama tidak dikenakan kepada pelajar lepasan SMAKJ.
	1995	Pelajar yang berjaya dengan baik dalam peperiksaan PMR dan SRA dipelawa untuk memohon memasuki Maahad Johor untuk mengambil peperiksaan SMA dan SPM di Maahad Johor. Tawaran ini hanya berjalan sehingga tahun 1998. Ini bermakna pelajar hanya berada di SMAR selama tiga tahun. Sebelumnya adalah empat tahun.
9	1999	Pelajar belajar di SMAR ibtida'e ditambah dari empat tahun kepada lima tahun di mana pelajar akan mengambil SMA dan SPM di SMAR. Dua buah sekolah menjadi anak angkat MAIJ iaitu Maahad Pontian dan SMA Parit Raja
	2000	Peperiksaan STAM pertama diperkenalkan di negeri Johor dan Maahad Johor satu-satunya tempat di negeri ini untuk pelajar belajar dan mengambil peperiksaan tersebut.
10	2001	JAIJ meminda sistem peperiksaan SMRA dan SMA di SMAR untuk keselarasan dan lebih teratur apabila peperiksaan STAM telah diperkenalkan di Maahad Johor. Peperiksaan Pra STAM juga mula diperkenalkan di SMAR.
11	2002	SMAR mula melaksanakan kelas Tahfiz Al-Quran untuk tingkatan satu sebagai perintis. Program ini di wujudkan kerana permintaan ibu bapa dan juga ada pelajar yang memasuki SMAR ini adalah lepasan Sekolah Tahfiz di peringkat rendah. Sebanyak lapan buah sekolah mewakili setiap daerah telah dipilih untuk menjalankan program ini.
12	2002	Bantuan per kapita dan pembangunan dari Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk SMAR dihentikan dengan arahan Perdana Menteri. Bermula tahun berikutnya semua SMAR tidak memperoleh bantuan per kapita dan pembangunan dari KPM. Bagi mengatasi masalah ini pihak MAIJ telah mengambil alih tanggungjawab memberi bantuan sebanyak 3.4 juta ringgit setahun kepada semua SMAR, manakala JAIJ menyediakan bantuan sebanyak tidak kurang 6 juta ringgit setahun termasuk gaji guru, latihan, pembangunan dan sebagainya.

	2003	Pelajar SMAR mengambil peperiksaan Intensif Bahasa di tingkatan 1: peperiksaan SMRA di tingkatan dua: peperiksaan PMR di tingkatan tiga: peperiksaan SMA di tingkatan empat dan peperiksaan SPM di tingkatan lima. Pelajar tingkatan lima juga mempelajari 25% dari subjek peperiksaan STAM sebagai persediaan untuk mengambil peperiksaan STAM di tahun hadapan. Sementara itu MAIJ dan JAIJ berusaha untuk memperkasakan SMAR di negeri Johor dengan membuka unit pentadbiran khusus untuk pentadbiran Sekolah Menengah Agama di negeri Johor. Pada tahun ini juga Program Khas penyerapan pelajar dan guru dari SMAR ke Kementerian Pelajaran.
14	2004	SMAR ditawarkan untuk memilih menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) oleh Kementerian Pelajaran.
15	2007	Setakat akhir tahun ini hanya tiga buah sekolah SMAR sahaja yang bersetuju memilih untuk menjadi SABK. Manakala sekolah-sekolah yang lain masih menunggu keputusan Majlis Agama Islam Negeri Johor dan perbincangan tentang penyerahan ini masih diteruskan.
16	2008	Perbincangan KGSMASJ masih berterusan hingga kini kerana sebahagian besar (81% dari dapatan soal selidik yang telah dijalankan) dari guru-guru bersetuju supaya SMAR didaftarkan di bawah SABK. Seminar mengangkat martabat SABK yang dijalankan pada 3,4 &5 Disember 2008 semakin menjelaskan kepada umum bahawa mata pelajaran Azhari akan diurus perdana serta dimantapkan dalam SABK.
17	14.8. 2012	MAIJ dan JAIJ melalui satu perjanjian persefahaman telah bersetuju untuk mendaftarkan 17 buah SMAR dan lapan buah SRAB dibawah KPM dalam Program Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
18	2015	Kurikulum Dini telah diguna pakai untuk semua SABK dan Kurikulum Tahfiz bagi sebahagian SABK pilihan.

Sumber: (Laporan KPM, 1978; Salam, 2006; Anoar, 2007; Khudairi, 2007; Samsuddin, 2006; Azizi, 2008; Mahmud, 2008; Rashid, 2008; Hasni, 2018)

MAIJ dan JAIJ telah memainkan peranan yang penting dalam perkembangan SMA ini, terutama dalam menyelaraskan kurikulum, menghulurkan bantuan kewangan untuk gaji para guru dan pembangunan. Sehingga kini peranan JAIJ tetap berterusan bersama KPM, bagi penyelarasan kurikulum dan gaji guru yang memilih untuk kekal dibawah JAIJ.

Dua buah sekolah yang juga turut didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, di bawah Program Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ialah;

1. SMA Parit Raja, Batu Pahat.
2. SMA Maahad Pontian.

Kedua-dua sekolah ini pernah menjadi anak angkat kepada Majlis Agama Islam Johor pada tahun 1999. Kedua sekolah ini memiliki sejarah dan perjalanan yang berbeza berbanding dengan SMAR lainnya. Sekalipun bermula dengan SMAR di peringkat awal penubuhan, namun pada tahun 1999 ia pernah menjadi SMAN, seterusnya pada 2012 didaftarkan sebagai SABK.

Tiga buah sekolah di bawah telah dengan sendirinya memilih untuk didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di bawah KPM seawal 2005 - 2007.

1. SMA al-Attas, Ulu Tiram, Johor Bahru.
2. SMA an-Nur, Benut, Pontian.
3. SMA al-Quran Wad Din, Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru.

Jadual 2: Jumlah Pelajar di SMA di Negeri Johor Mengikut Tingkatan 2007 dan 2017 sebagai perbandingan

Nama Sekolah		2007			2017		
		L	P	JUMLAH	L	P	JUMLAH
1	Shamsudiniah, Muar.	148	114	262	141	203	344
2	Arabiah Kluang	214	204	418	178	220	398
3	Al-Khairiah Segamat.	125	116	241	151	175	326
4	Al-Khairiah, Mersing.	154	144	298	137	245	382
5	Bugisiah Benut, Pontian	279	276	555	209	254	463
6	Lughatil Arabiah, Tangkak.	35	51	86	70	110	180
7	Jawahirul Ulum, Batu Pahat.	63	46	109	84	149	233
8	Lughatul Quran Kesang Tasik, Tangkak	233	195	428	220	280	500

9	Tarbiyyah, Batu Pahat.	94	55	149	125	164	289
10	Parit Sulong	60	72	132	113	102	215
11	Tanwiriah, Parit Jawa Muar.	99	95	194	116	150	266
12	Ad-Diniah Parit Subari, Muar.	3	4	7	209	254	463
13	Kota Tinggi, Johor.	134	158	292	178	225	403
14	Darul Ulum, Serom, Muar.	57	18	75	63	53	116
15	Bandar Tenggara, Kulai, Johor	87	85	172	137	202	339
	JUMLAH	1785	1633	3418	2131	2786	4917

Sumber: Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Johor.

Perbezaan jumlah pendaftaran pelajar antara 2007 dengan 2017 tidak begitu meningkat disebabkan kemudahan yang tidak dapat disediakan oleh pihak sekolah. Secara umumnya pihak pengurusan sekolah terpaksa menolak kemasukan lebih ramai pelajar kesekolah mereka kerana ketidakupayaan mereka menyediakan frasarana yang mencukupi dan bersesuaian.

Bermula 2012 sebanyak 20 buah Sekolah Menengah Agama dan lapan buah sekolah rendah Agama Bersepadu telah didaftarkan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Kini semua sekolah Agama aliran Arab di Negeri Johor, sama ada yang sebelumnya dalam kategori Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) telah didaftarkan di bawah Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Permintaan masyarakat untuk memasuki sekolah aliran ini sentiasa meningkat setiap tahun. Namun jumlah pengambilan pelajar sangat sedikit dan terpaksa dihadkan. Keadaan ini berlaku kerana kekurangan tempat dan kemudahan di SABK, sekalipun permintaan sangat tinggi dari masyarakat. Wujudnya Sekolah Menengah Agama Swasta menjadi sangat penting, terutama dalam memenuhi hasrat ibu bapa yang mahukan anak mereka tetap mendapat didikan sekolah aliran agama. Pada tahun 2000 hanya Maahad Johor sahaja yang menyediakan pelajar untuk mengambil Peperiksaan Tinggi Agama Malaysia (STAM), tetapi kini sembilan buah sekolah SMA yang lain telah menawarkan pelajar untuk mengambil peperiksaan berkenaan. Jumlah pelajar yang memasuki SABK ini meningkat seramai 1499 orang setelah lima

tahun didaftarkan. Ini menunjukkan bilangan ibu bapa yang memilih sekolah aliran Agama ini semakin bertambah. Dari sisi lain jumlah sekolah aliran agama persendirian juga turut bertambah. Di sinilah menjadi satu keperluan yang sangat mendesak agar wujud satu badan atau kesatuan yang menyelaras semua sekolah ini agar minat masyarakat Johor yang cenderung kepada pendidikan Agama ini dapat dimanfaatkan selari dengan pembinaan masyarakat madani.

Dengan kemudahan yang telah sedia ada di peringkat kerajaan negeri, penambahan sekolah SRAB dari hanya satu daerah sebuah saja wajar untuk difikirkan untuk tambahan kepada satu bahagian parlimen sebuah sekolah SRAB. Pertambahan SRAB dikawasan padat penduduk Islam adalah sangat perlu bagi kemudahan ibu bapa yang mahukan anak mereka bersekolah jenis ini. Permintaan adalah sangat tinggi jika dilihat jumlah permohonan yang diterima setiap tahun dan ada ibu bapa yang sanggup menghantar jauh anak mereka untuk mendapat pendidikan jenis ini.

Wujudnya sekolah menengah aliran agama persendirian sebenarnya sangat penting dalam wadah pembelajaran sepanjang hayat. Di sinilah mereka berpeluang melanjutkan pelajaran kerana hanya sekolah ini yang menerima mereka lantaran keputusan peperiksaan mereka yang sederhana dan kadang kala umur mereka yang telah lebih 13 tahun atas sebab yang berbagai. Bukan mereka tidak boleh belajar, tetapi sistem SMKA, SABK, SMAKJ tidak membolehkan mereka berada di sana. Untuk menjadi manusia berjaya dan berguna, pendidikan agama yang mencukupi mesti menjadi asas kepada tiap diri insan. Jika tidak ia bukan saja menjadi beban kepada individu itu sendiri, tetapi juga menjadi beban kepada masyarakat dan negara.

Jadual 3: Jumlah jenis sekolah, jumlah murid dan guru yang sedang belajar dan mengajar dalam aliran Agama di negeri Johor tahun 2017

Bil.	Jenis Sekolah	Jumlah Sekolah	Jumlah Guru	Jumlah Murid
1	Sekolah SABK	20	688	6944
2	Sekolah SMAN	2	90	1075

3	Sekolah Agama Swasta	MEN	7	174	1927
		REN	10	307	3196
4	Sekolah Tahfiz Berdaftar		107	802	7550
5	Sekolah Tahfiz Tidak Berdaftar		33		
6	Sekolah Agama Rakyat Kelolaan Pertubuhan		1	17	140
	Jumlah		180	2078	20885

Sumber: Jabatan Pendidikan Negeri Johor; Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Islam Johor; Arif, 2018; Azli Sham, 2018.

3.0 CADANGAN

- i. Perlunya penambahan jumlah SRAB dari satu daerah sebuah kepada satu parlimen sebuah terutama di kawasan padat penduduk. Meneliti perkembangan masakini potensi Sekolah SRAB ini boleh menjadi sistem persekolahan masa depan yang berkesan.
- ii. Menjadi satu keperluan diwujudkan pusat latihan dan kursus berkala, Kursus Dalam Cuti (KDC) untuk para guru SAKJ dan SMA dan sekolah Tahfiz persendirian bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran para guru di Negeri Johor.
- iii. Pembelajaran sepanjang hayat menjadi suatu keperluan dalam dunia pendidikan hari ini, Sekolah Menengah Agama persendirian adalah jalan penyelesaian kerana ia tidak terikat dengan faktor umur dan kelulusan. Perlu dalam setiap daerah wujud sebuah SMA persendirian ini bagi mengurangkan jumlah keciciran anak-anak orang Islam. MAIJ berperanan sebagai pendaftar, penyelarasan dan bantuan gaji minimum kepada guru. Ini bertujuan supaya ramai pelajar daripada pelbagai sosio-ekonomi boleh mengambil bahagian.
- iv. Semakan kepada kurikulum, pedagogi dan pentaksiran perlu dilakukan 5-6 tahun sekali bagi memastikan Pendidikan Agama Islam di Negeri Johor ini sentiasa berjalan seiring dengan keperluan semasa.

4.0 KESIMPULAN

Perkembangan Sekolah Menengah Agama Rakyat dari selepas merdeka hingga kini memperlihatkan perkembangan yang sangat baik sama ada dari segi pembangunan dan juga pengisiannya terutama berkaitan dengan kurikulum dan ko-kurikulumnya. Sumbangan yang sangat besar ini telah dibuat untuk masyarakat Islam semenjak merdeka dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Melayu Islam di Negeri Johor. Persetujuan untuk mendaftarkan sekolah-sekolah aliran Agama ini suatu yang tidak dapat dielakkan, namun kurikulum “Azhari” merupakan suatu yang penting dipelihara. Peluang untuk pelajar yang berumur lebih 13 tahun memasuki sekolah jenis ini, menjadikan ruang pembelajaran sepanjang hayat tertutup, tidak seperti sebelum pendaftaran di bawah SABK. Sekalipun Kurikulum DINI / TAHFIZ telah diperkenalkan pada 2015, ada ibu bapa yang tetap menghantar anak mereka ke sekolah agama persendirian disebabkan oleh kurikulum “Azhari” ini. Tinjauan mendapati SRAB, SABK dan SMAN tidak mampu menampung jumlah pelajar yang ingin memasuki sekolah jenis ini setiap tahun.

Sekolah-sekolah agama persendirian yang ditubuhkan oleh komuniti masyarakat dan pertubuhan bukan kerajaan, memberi peluang anak-anak masyarakat Islam setempat untuk mendalami Agama Islam. Perlu diingat Sekolah Menengah Agama yang wujud hari ini adalah diasaskan oleh masyarakat yang sedar, sabar, tabah dan gigih tentang pentingnya pendidikan Agama Islam untuk generasi mereka akan datang. Peranan MAIJ dan JAIJ dan jabatan-jabatan berkaitan adalah penting dan sentiasa diperlukan untuk memastikan agar sekolah-sekolah aliran Agama ini terus maju dan gemilang bagi membentuk iklim dini disekolah terutamanya, seterusnya melahirkan modal insan terpuji dalam masyarakat yang bertakwa. Pelajar keluaran SMA (Arab) ini dapat dirasa dan dilihat dengan kelahiran tokoh-tokoh yang sentiasa memberi sumbangan kepada semua masyarakat Islam dan bukan Islam di Negeri Johor khususnya dan negara Malaysia amnya. Ini adalah sejajar dengan objektif MAIJ, JAINJ dan Kerajaan Johor Darul Ta’zim.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1974). *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hassan Langgulung. (1995). *Pendidikan Islam dan peralihan paradigma*. Shah Alam: HIZBI Press.
- Persatuan Sejarah Malaysia (t.t). *Madrasah Khairiah al-Islamiah Pokok Sena*. dlm. Pendidikan di Malaysia: Dahulu dan Sekarang. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Madrasah al-Attas al-Arabiah, Johor. Sambutan 100 Tahun (1332-1432H)
- Saman bin Shariff. (1980). Madrasah al-Haji Taib, Kampong Parit Jamil, Muar. Dlm. Khoo, Kay Kim, Mohd. Fadhil Othman & Abdullah Zakaria Ghazali. (pnyt.). *Islam di Malaysia*, hlm. 86-97. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdul Rahman Al Ahmadi. (2000). Pendidikan Islam di Malaysia: pembinaan intelek agama. Dlm. Mohd Taib Osman & A. Aziz Deraman (pnyt.). *Tamadun Islam di Malaysia*, hlm. 43-55. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

PEMERKASAAN PENDIDIKAN ISLAM MASA HADAPAN DI JOHOR - SATU PENILAIAN SEJARAH

Kamarul Azmi Jasmi ^{a*}

^a*Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Johor*

**Corresponding author: qamar@utm.my*

Abstrak

Sejarah membuktikan bahawa Kerajaan Johor merupakan antara negeri yang menempatkan Pendidikan Islam pada landasan yang sangat baik kepada pembentukan modal insan rakyat sejak dari abad yang ke 19 lagi. Usaha memajukan pendidikan Islam ini terbukti mampu memberikan kesepaduan ilmu kepada masyarakat Islam Johor sejak dibangunkan sehingga kini. Kedinamikan Pendidikan Islam yang berakar umbi dari sejarah Johor ini kini diteruskan dengan langkah yang lebih pantas dan tersusun serta alternatif yang lebih pelbagai pada masa kini. Selain itu, keperluan yang lebih tinggi selaras dengan perkembangan Pendidikan Islam yang pesat di Malaysia, maka pelbagai alternatif Pendidikan Islam boleh dikaji dan diperkenalkan untuk memperkukuh dan memperkasakan lagi Tamadun Johor pada masa hadapan. Kertas kerja ini cuba mengupas secara ringkas sejarah perkembangan Pendidikan Islam di Johor, langkah pembaharuan yang dijalankan dalam sistem Pendidikan Islam kini dan cadangan rancangan Pendidikan Islam bagi memperkasakan lagi bidang ini untuk rakyat Johor pada masa hadapan.

Kata Kunci: Pendidikan Islam, Pembaharuan dalam Pendidikan Islam, dan Pendidikan Islam alternatif.

1.0 PENGENALAN

Pendidikan Islam di Johor melalui pelbagai institusi. Pendidikannya berjaya menjadikan Johor sebuah tamadun yang dinamik sejak abad ke-19 lagi. Dalam era tamadun Melayu dan Nusantara masih mencari identiti bangsa akibat penjajahan Barat di Alam Melayu, Tamadun Johor moden pada era Temenggung Daeng Ibrahim (1833-1862) sudah memiliki identiti tersendiri sebagai sebuah kerajaan yang tersusun dalam pelbagai aspek bidang pentadbiran kerajaan dan undang-undang, serta sistem pendidikan (Borham, 2002a, 2002b; Mohd. Hairudin & Kamarul Azmi, 2011; Thukiman, 2011). Salah satu ciri terpenting lambang kerajaan Johor Moden ialah sistem Pendidikan Islam yang tersusun baik yang diinstitusikan sendiri oleh kerajaan negeri Johor sejak tahun 1885 (Anom, 1885; Jasmi, 2015, 2017).

2.0 PENGINSTITUSIAN PENDIDIKAN ISLAM DARI PERSPEKTIF SEJARAH TAMADUN JOHOR HINGGA KINI

Sejak diinstitusikan Pendidikan Islam dalam Kerajaan Johor pada tahun 1885 dan diwajibkan pula kepada rakyat negeri untuk mengikutinya melalui undang-undang tubuh kerajaan negeri pada tahun 1915 (Amin & Jasmi, 2012), perkembangan pesat Pendidikan Islam di Johor bergerak pantas seiring dengan perkembangan tamadun Johor itu sendiri. Perkembangan penginstitusian Pendidikan Islam boleh diringkaskan sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Penginstitusian Sekolah Agama di Negeri Johor dari perspektif rentetan sejarah sehingga tahun 2015

Tahun	Peristiwa
1885	Bermula sekolah al-Quran dengan titah baginda Sultan
1901	Sekolah Kitab dimulakan di Muar
1915	Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor bagi mewajibkan sekolah agama.
	Pemisahan Jabatan Agama dengan Jabatan Pelajaran
1925	Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) ditubuhkan. Salah satu tugas MAIJ untuk mengawal selia Sekolah Menengah Agama Rakyat Johor (SMAR) dan memberikan sebahagian bantuan kepada sekolah yang dibina oleh rakyat ini.
1928	Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor (SAKJ), iaitu gabungan Sekolah al-Quran dan Sekolah Kitab darjah 1-5.
	SAKJ ditambah setahun hingga ke Darjah Enam dan diberikan sijil.

1930	Darjah Khas diwujudkan bagi murid yang memiliki Sijil Darjah Enam SAKJ.
1934	Lulusan Darjah Khas boleh memohon mengajar di SAKJ.
1938	Syarat pengambilan guru SAKJ dikuatkuasakan dengan Darjah Khas.
1941	Sekolah Menengah (Arab) Agama (SMA), Parit Raja, Batu Pahat Johor ditubuhkan. Sekolah ini dikendalikan sendiri oleh MAIJ.
1942	SMAR Shamsuddiniah Muar ditubuhkan.
1946	SMAR Arabiah Kluang, Kluang dan al-Khairiah al-Islamiah, Segamat ditubuhkan.
1951	SMAR al-Khairiah al-Islamiah, Mersing ditubuhkan.
1955	SMAR Bugisiah Tampok, Benut, Pontian ditubuhkan.
1957	SMAR Lughat al-Arabiyyah, Tangkak, Muar ditubuhkan.
1959	SMAR Lugat al-Quran, Kesang Tasik, Sungai Mati, Muar ditubuhkan.
1961	SMAR Jawahir al-Ulum, Senggarang, Batu Pahat ditubuhkan.
1960	Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dengan nama Maahad Johor ditubuhkan. Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar.
1963	SMAR al-Tarbiyyah al-Islamiyyah, Batu Pahat ditubuhkan.
1964	Kumpulan pertama lulusan Syahadah Thanawiyyah dikeluarkan.
	SMAR Arabiah Parit Sulung ditubuhkan.
1966	SMAR al-Tanwiriyyah ditubuhkan.
1969	Kerajaan Negeri mengambil alih Maahad Johor dari MAIJ.
1977	Maahad Muar telah diambil alih oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
1983	SPM dan STPM dimulakan di Maahad Johor.
	SMAR Arabiyah Kota Tinggi ditubuhkan
1992	Maahad Pontian kelolaan MAIJ ditubuhkan.
1988	Sek. Men. Agama Kerajaan Johor (SMAKJ) ditubuhkan.
	SMAR Dar ‘Ulum, Serom, Muar dan SMA Bandar Tenggara ditubuhkan.
1998	Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) ditubuhkan di lapan daerah di Johor.
1999	Maahad Johor dijadikan Sekolah Agama (Arab) tertinggi bagi lepasan Sekolah Men. Agama Rakyat (SMAR) sehingga ke peringkat STAM.
2007	SAKJ telah mencapai jumlah 542 buah, SMAN dua buah, dan SRAB lapan buah.

	Jumlah Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) dan SMAR di bawah naungan MAIJ ialah 17 buah dengan
2008	Tiga SMAR dari 17 buah menjadi Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).
	Program Tahfiz di bawah JAIJ ditubuhkan. Pelajar ditempatkan di Maahad Johor dan SMAKJ.
2012	Pada 14.8.2012, semua SRAB (lapan buah sekolah) dan semua SMAR bawah MAIJ telah ditukarkan kepada SABK.
2015	Kurikulum al-Dini telah digunakan pada semua sekolah menengah aliran SMAKJ dan SABK.
	SMAKJ menambahkan jumlah hafazan al-Quran bagi semua pelajarinya kepada tiga juzuk setahun.
	Jumlah SAKJ bertambah kepada 563 buah dan lebih 100 sekolah lagi dalam pembinaan atau perancangan pembinaan.

(Sumber: Amin & Jasmi, 2012; Amir, 2015)

Berdasarkan sejarah penginstitusian Sekolah Agama ini, jelas kerajaan Johor sangat mengambil berat tentang Pendidikan Islam anak negeri sehingga memberikan rakyat peluang mempelajari agama dengan menyediakan kemudahan sekolah yang menyeluruh kepada semua anak negeri dengan percuma sejak dari tahun 1885.

Pada sisi lain pula, bagi anak negeri yang ingin mendalami aliran agama pada peringkat sekolah menengah rendah dan menengah atas dengan bahasa pengantar dalam Bahasa Arab juga telah dibina. Sekolah ini dipanggil sebagai Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau sekarang dikenali sebagai SMAR. Peringkat awal penubuhan sekolah ini, rakyat Johor sendiri mengambil inisiatif pembinaannya. Namun atas keprihatinan Kerajaan Johor melalui MAIJ, sekolah ini juga dibantu untuk dikembangkan sehingga menjadi sekolah aliran perdana dalam kalangan rakyat. Dalam pada itu, MAIJ dan JAIJ mengambil peranan yang penting untuk memberi peluang penyediaan Sekolah Menengah Tinggi Agama bagi pelajar aliran SMAR ini.

Kejayaan terhadap pendidikan yang ditubuhkan kerajaan Johor ini terbukti memberikan implikasi yang baik kepada anak negeri sehingga kefahaman agama yang ada kepada mereka membantu mereka menjadi manusia yang berguna dalam keluarga dan masyarakat. Kajian yang dilakukan oleh Mohd. Hairudin dan Kamarul Azmi (2011) menunjukkan bahawa sekolah agama merupakan penyumbang yang tinggi dalam menjana modal insan yang berakhlak mulia lagi

tinggi dalam kalangan rakyat Johor mengikutinya. Bahkan banyak juga tokoh agama di Johor lahir dari sistem Pendidikan Kerajaan Johor.

Dalam bidang sosial masyarakat ternyata sekolah agama membantu untuk memberi kefahaman kepada rakyat Johor terhadap kehidupan yang baik. Sebagai contoh satu kajian membuktikan bahawa pada tahun 2003, terdapat 43.4% daripada 3590 kes penceraian yang berlaku di Johor adalah dalam kalangan mereka yang tidak pernah atau tidak habis pelajaran agama di SAKJ atau mana-mana institusi agama. Peratusan ini membuktikan bahawa pengetahuan agama mampu meningkatkan kefahaman rakyat terhadap tanggungjawab sebagai manusia Muslim. Kefahaman terhadap tanggungjawab ini yang mendorong kepada kebahagiaan rumah tangga yang dibina (Muhammad & Jasmi, 2004).

Kejayaan penginstitutionan sekolah agama SAKJ dan sistem madrasah ini bahkan dicontohi secara pukal oleh kerajaan Brunei Darussalam. Sultan Brunei, iaitu Sultan Haji Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, mengambil sistem SAKJ dan dibina tujuh buah Sekolah Rendah Ugama (SRU) di Brunei pada bulan September, 1956. Manakala pada tahun 1964 pula, batu asas Sekolah Arab (SA) dengan sistem madrasah pula dibangunkan di negara tersebut (Kementerian Hal Ehwan Agama [KHEA], Kerajaan Brunei Darussalam [KBD], 2014) dengan tertubuhnya Sekolah Arab Hassanal Bolkiah pada tahun 1966. Guru dan sistem sekolah ini diambil oleh kerajaan Brunei untuk dibangunkan ke negara tersebut bagi memajukan sistem Pendidikan Islam di sana. (Awang Abdul Hamid Mohd Daud, 2004; Awang Asbol Mail, 2006).

Begitu juga dari segi penguasaan JAWI dalam kalangan rakyat Johor, rata-rata masyarakat Muslim Malaysia mempercayai bahawa kerajaan Johor telah berjaya mendidik rakyat Muslimnya untuk menguasai tulisan JAWI dengan baik. Penguasaan ini menjadikan anak-anak Muslim tidak menjadi masalah untuk mempelajari Pendidikan Islam dalam tulisan tersebut di sekolah rendah dan menengah dalam sekolah persekutuan. Hasilnya, penguasaan Pendidikan Islam menjadi padu hasil kesepaduan ilmu antara sekolah agama dan sekolah persekutuan (Amir, 2015).

Semua ini membuktikan bagaimana pendidikan agama di Johor menyumbang kepada pengetahuan dan kefahaman agama dalam kalangan rakyatnya. Sedangkan sekolah berbentuk madrasah pula mampu menjadikan anak negeri bakal ulama yang tidak kurang hebat dalam persada Pendidikan Agama di Malaysia (Jasmi, 2015, 2017).

3.0 PENDIDIKAN ISLAM DALAM KONTEKS PERSEKUTUAN MALAYSIA DAN DUNIA ISLAM

Perkembangan Pendidikan Islam dan agama Islam dalam pelbagai sudut kini sedang berkembang pesat dalam dunia Islam. Bermula daripada didikan al-Quran semasa pra sekolah lagi, perubahan penguasaan pelajar sudah semakin berbeza antara zaman dahulu dengan kini. Perubahan kaedah asuhan al-Quran dan jawi kepada anak-anak kini sebagai contoh memungkinkan anak tersebut membaca al-Quran dengan bertajwid dan mengkhatamkannya dan membaca dalam tulisan jawi sebelum memasukkan umur tujuh tahun (Jasmi, 2013).

Sistem pendidikan Islam dan agama peringkat sekolah menengah rendah dan menengah atas di Malaysia juga telah berubah. Peluang pendidikan Islam dan agama yang berkembang pesat di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia dan MARA memungkinkan ciri saintis hafiz al-Quran bakal menjadi kenyataan dengan tertubuhnya sistem Pendidikan aliran sains Ulu al-Albab di MRSM (Abdul Manaf et al., 2014) sejak 2010 yang lalu serta Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan sekolah berasrama penuh (SBP) beraliran sains yang dimulakan sejak tahun 2015 (Md. Said, 2014). Aliran Sains dengan tahfiz ini pada asasnya dipelopori oleh Yayasan Islam Kelantan sejak tahun 2004 lagi (Anom, 2015). Sejak dari itu, sekolah ini sentiasa diaudit untuk penambahbaikan sistem dua aliran agar tercapai matlamat penguasaan dua bidang, iaitu aliran sains dan tahfiz al-Quran (Buang, 2011).

Dalam konteks Malaysia dalam bidang Pendidikan Islam dan agama peringkat menengah tinggi dan institut pengajian tinggi juga berkembang pesat. Mungkin pada 15 atau 20 tahun dahulu, masyarakat Malaysia hanya bertarawih dengan membaca surah lazim. Kini bacaan al-Quran dari qari hafiz al-Quran berkumandang dalam banyak tempat di masjid dan surau pada bulan Ramadan. Kisah ulama Islam yang hafiz al-Quran ketika umur tujuh dan lapan tahun kini tidak lagi menjadi sesuatu yang pelik dalam kalangan orang Melayu. Hal ini semua ini berkait rapat dengan perkembangan berterusan Pendidikan Islam dan Pendidikan al-Quran yang berkembang pesat di Malaysia.

Berdasarkan perkembangan Pendidikan Islam dan Pendidikan al-Quran semasa dalam konteks Malaysia, boleh dijangkakan bahawa pensyaran penting untuk para ustaz dan ustazah dalam bidang agama untuk mendapat ijazah pertama dalam agama dengan termasuk juga menghafaz al-Quran keseluruhannya. Hal ini demikian kerana memandangkan pelbagai aliran lain yang bukan dalam bidang Pendidikan Islam sendiri mengintegrasikan pendidikan akademik dengan tahfiz

al-Quran, maka menjadi satu yang pelik pula jika para ustaz dan ustazah tidak menghafaz al-Quran dalam bidang agama yang sedang mereka ikuti.

Pada hakikatnya perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia saling mendukung kemajuan umat Islam di Malaysia sama ada di peringkat negeri atau di peringkat persekutuan.

4.0 RELEVANSI PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI ASAS TAMADUN JOHOR DAN SEKITARNYA

Sejarah perkembangan Pendidikan Islam di SAKJ dan sistem madrasah masih merupakan sistem yang terus berjalan serta menjadi pemangkin penting dalam membangunkan tamadun Johor. Namun begitu, alternatif yang lebih luas dan pelbagai perlu difikirkan oleh Kerajaan Johor dan badan kerajaan yang berkaitan untuk menjadikan Johor terus kekal relevan sebagai peneraju penting bidang Pendidikan Islam bagi rakyat Johor dan sekitarnya ketika perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia dan dunia mencapai zaman perkembangan yang pesat dan hebat.

Kerajaan Johor sebagai sebuah tamadun, perlu menjadi sebuah kerajaan yang terus relevan dalam bidang Pendidikan Islam untuk rakyatnya dan Muslim sekitarnya. Ciri sekolah agama dan sistem Pendidikan Islam yang sedia ada perlu dikekalkan kerana telah terbukti dari segi sejarah dan konteks sedia ada, sistem ini amat membantu kepada pembentukan modal insan yang lebih mampan dalam pengetahuan dan kefahaman agama. Namun sistem yang ada perlu diinovasikan lagi setapak ke hadapan agar pelbagai kajian untuk pembentukan alternatif sistem persekolahan boleh diperluas dan dikembangkan lagi. Hal ini bertujuan agar rakyat Johor mudah untuk mengakses sistem pendidikan terkini untuk diberikan kepada anak-anak sekiranya sistem pendidikan yang berkembang di Malaysia berada di wilayah Johor. Sistem sekolah yang sedia ada di Johor dan tambahan kepada sistem persekolahan yang sedang berkembang pesat di Malaysia, jika dikembangkan, mampu meningkatkan lagi tahap keilmuan anak-anak Johor sama ada yang berada dalam aliran agama atau aliran akademik sehingga Johor menjadi negeri yang paling relevan kepada umat Islam di Malaysia. Jika ini dilaksanakan tidak mustahil dalam dekad yang akan datang akan lahir ramai ulama, saintis, teknokrat yang hafiz al-Quran yang menjadi pemangkin kepada kemajuan Johor.

Secara ringkas beberapa langkah penting boleh dilaksanakan untuk mengekalkan sistem pendidikan sedia ada di Johor dan meningkatkan lagi alternatif pendidikan Islam di Johor, iaitu melalui kerjasama penyelidikan antara kerajaan negeri dan IPT, fokus kajian untuk memperkasakan sistem pendidikan

sedia ada, mengembalikan fungsi sekolah al-Quran di SAKJ, mengujudkan sekolah menengah rendah dan atas bagi aliran sains dan agama dengan Tahfiz Kerajaan Negeri, dan mewujudkan sistem menengah tinggi agama dengan tahfiz Kerajaan Negeri.

4.1 Kerjasama Penyelidikan Antara Kerajaan Negeri Dan IPT

Salah satu perkara penting dalam memajukan pendidikan Islam dan agama ialah meningkatkan penyelidikan yang khusus untuk pendidikan Islam, agama, dan al-Quran. Penyelidikan mampu membantu institusi yang sedia ada untuk lebih maju dan lebih tersusun. Begitu juga penyelidikan boleh mengurangkan masalah yang dihadapi dalam institusi yang berjalan. Tanpa penyelidikan, inovasi dalam pendidikan juga tidak berkembang atau menghadapi proses penjumudan. Justeru, kerjasama penyelidikan dan perundingan perlu ada antara kerajaan negeri dan IPT khususnya Fakulti Tamadun Islam, UTM serta lain-lain dalam pembangunan pendidikan Islam di Johor. Perlu wujud jawatankuasa bersama untuk melakukan penyelidikan dan rundingan bagi memajukan lagi institusi pendidikan Islam sedia ada. Fokus kajian mungkin dalam dua bentuk, iaitu memajukan sistem sedia ada dan menambahkan alternatif pendidikan baru bagi rakyat Muslim di Johor.

4.2 Fokus Kajian Untuk Memperkasakan Sistem Pendidikan Sedia Ada

Kajian dan penyelidikan pengurusan, kurikulum, huraian kurikulum, dan prasarana di SAKJ perlu dilaksanakan secara tetap agar inovasi kepada sistem SAKJ terus berkembang dengan baik sesuai dengan peredaran zaman dan keperluan masyarakat. Sebagai contoh, terdapat kurikulum yang dibuang seperti ilmu tasawuf dan ditambah baik seperti fikah yang menjadi sebab pelajar kurang memahami asas tasawuf dan semakin kurang kemampuan dalam selok-belok ilmu hukum hakam berbanding ketika Kitab Matla' al-Badrain digunakan pada sebelumnya. Sistem pengurusan sekolah juga menjadi kurang efektif apabila pentadbir sebenar sekolah, iaitu guru besar juga mengajar dengan julat masa yang panjang sehingga mereka tidak ada masa untuk mengurus sekolah dengan sempurna.

4.3 Mengembalikan Fungsi Sekolah al-Quran di SAKJ

Sejarah awal penubuhan SAKJ adalah sekolah al-Quran, iaitu memberikan pendidikan al-Quran kepada rakyat. Berdasarkan perkembangan pesat al-Quran yang di Malaysia sehingga ramai anak-anak sudah lancar membaca al-Quran

secara bertajwid serta khatam al-Quran sebelum masuk sekolah darjah 1, maka sistem sekolah al-Quran perlu dikaji semula untuk ditingkatkan lagi kepada bidang hafazan dan tafsiran al-Quran berbanding hanya untuk belajar membaca al-Quran di SAKJ. Kemungkinan satu kelas khusus dengan intergrasi kurikulum SAKJ dan tahfiz al-Quran bagi pelajar yang mencapai kualiti bacaan dan telah khatam al-Quran boleh diadakan selama enam tahun pengajian di SAKJ. Sistem negara Arab dan Muslim Asia Selatan yang menjadikan sistem tahfiz diadakan di masjid boleh dijadikan sandaran untuk diwujudkan kurikulum SAKJ dan tahfiz yang lebih dinamik di SAKJ.

4.4 Sekolah Menengah Rendah dan Atas bagi Aliran Sains dan Agama dengan Tahfiz Kerajaan Negeri

Keperluan kepada kewujudan Sekolah Menengah yang dikelolakan oleh kerajaan negeri sama ada aliran Agama atau Sains yang berintergrasi dengan tahfiz perlu dikaji dan diwujudkan di negeri Johor agar tamadun Johor tidak ketinggalan dalam kerancangan perkembangan sekolah jenis Ulul Albab ini. Keperluan ini agak mendesak bagi kerajaan Johor kerana sekolah jenis ini telah diinstitusikan oleh kerajaan pusat dan beberapa negeri lain khususnya Kelantan dan institusi ini terus mengalami pembaikan pelaksanaan dari setahun ke setahun melalui audit pelaksanaan. Pelaksanaan sistem sekolah ini di negeri lain dan tidak di Johor menyukarkan anak Johor untuk belajar di sekolah aliran seperti ini dengan sistem yang sempurna. Keperluan akan datang untuk menghasilkan ulama, saintis, dan teknokrat yang hafiz al-Quran sudah menjadi wajaran penting dalam dekad yang akan datang. Sekiranya diabaikan, Johor akan terus ketinggalan dalam sistem pendidikan ini.

4.5 Sistem Menengah Tinggi Agama dengan Tahfiz Kerajaan Negeri

Sistem pendidikan menengah tinggi agama dengan intergrasi tahfiz juga perlu dikaji untuk dilaksanakan oleh kerajaan negeri Johor sendiri. Maahad Tahfiz yang sedia ada mempunyai kemudahan yang terbatas dan tidak mampan dan setanding sekiranya dibandingkan dengan Maahad Tahfiz al-Quran dan Qiraat bawah JPM dan Maahad tahfiz di negeri-negeri lain. Sejarah membuktikan bahawa kerajaan Johor mampu menyediakan Maahad Johor bagi para pelajar yang belajar di SMAR dan SABK untuk menyambung pelajaran mereka di peringkat menengah tinggi dan menengah atas. Oleh itu, sistem yang sama juga wajar diwujudkan dengan nama pusat pendidikan Maahad tahfiz bagi memberikan pendidikan menengah tinggi kepada para pelajar yang berada di Madrasah tahfiz kelolaan MAIJ, Swasta, dan lain-lain dengan sekurang-kurangnya mendapat sijil dan diploma tahfiz al-Quran

dari kerajaan negeri. Sekarang ini adalah dianggarkan terdapat 80 buah madrasah tahfiz swasta yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam untuk mendapat bantuan zakat (Amir, 2015). Oleh itu, penerusan pendidikan kepada para pelajar madrasah ini di peringkat yang lebih tinggi wajar diberi perhatian oleh kerajaan negeri bagi memenuhi keperluan pendidikan agama umat Islam di Johor.

5.0 RUMUSAN

Hari ini, pendidikan di Malaysia sudah mencapai tahap yang membanggakan dalam bidang sains dan teknologi sehingga menjadi antara pilihan yang utama masyarakat dunia belajar di Malaysia. Pada sisi yang lain, perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia juga sedang berkembang pesat dan sedang memasuki fasa baru untuk mencapai tahap Pendidikan Islam bertaraf antarabangsa. Suka atau tidak suka, perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia akan terus berkembang dalam rangka Malaysia menjadi negara Islam setanding dalam menghasilkan ilmuwan pendidikan berkelas dunia. Johor sebagai sebuah tamadun yang pernah mencapai tahap tertinggi dalam bidang pendidikan Islam sehingga dihormati oleh negara luar wajar mengekalkan kemajuan Pendidikan Islam dengan cara memperkasakan dan mempelbagaikan lagi alternatif Pendidikan Islam dalam peradabannya. Semua ini bertujuan menjadi Johor sebuah peradaban yang terus dihormati dalam dunia yang lebih mencabar pada abad yang mendatang.

RUJUKAN

- Abdul Manaf, Umi Kalthom, Alias, Nurul Fitriah, Nor Azman, Ady Hameme, Abdul Rahman, Fadzilah, & Zulkifli, Hafizah. (2014). Expectations of Majlis Amanah Rakyat (MARA) Stakeholders on The Ulul Albab Curriculum at A MARA Junior Science College (MRSM). *Advances in Language and Literary Studies*, 5(1), 12-20.
- Amin, Mohd Hairudin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Press.
- Amir, Mohd Nasir. (2015) *Perkembangan Pendidikan Islam di Johor 2008-2015/Interviewer: Kamarul Azmi Jasmi*. Jabatan Agama Johor, Johor Bahru, Johor.
- Anom. (1885). Tanah Melayu. *Singapore and Strait Directory*.
- Anom. (2015). Pengenalan - Maahad Tahfiz Sains, Yayasan Islam Kelantan. Retrieved from <http://mtstm.edu.my/mtstm/index.php/2015-03-17-02-29-15/pengenalan>
- Borham, Abd. Jalil. (2002a). *Majalah Ahkam Johor: Latar Belakang, Pelaksanaan dan Komentari*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Borham, Abd. Jalil. (2002b). *Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Johor*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Buang, Ambrin. (2011). *Laporan Ketua Audit Negara: Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2010*. Putrajaya: Jabatan Audit Negara, Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013). *Membangun Kemahiran al-Quran dan Jawi kepada Anak-anak*. Paper presented at the Bengkel Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran SRA JAWI, Lecture Hall, Masjid Negara, Jalan Perdana 50480, Kuala Lumpur. http://eprints.utm.my/39975/1/KamarulAzmiJasmi2013_MembangunKemahiranAl-QuranJawiAnak.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2015). *Perkembangan Pendidikan Islam dan Arah Tujunya dalam Memperkasakan Peradaban Melayu Johor*. Paper presented at the Persidangan Tamadun Melayu Johor: Johor Ke Arah Pusat Tamadun Melayu Serantau, Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017). *Bicara Buku: Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak*. Paper presented at the Bicara Karya, Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia.

- Md. Said, Rosalinda. (2014). Model Ulul Albab ke SBP seluruh negara. *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20140526/dn_25/Model-Ulul-Albab-ke-SBP-seluruh-negara
- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. (2011). *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak* (Ed. 1. ed.). Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press.
- Muhammad, Azhar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2004). *Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di Kalangan Orang-orang Melayu*. Paper presented at the Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan 2004, Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya.
- Thukiman, Kassim. (2011). *Sejarah Johor dalam Pelbagai Perspektif*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.

PERKEMBANGAN TULISAN JAWI DALAM KONTEKS PENDIDIKAN DI NEGERI JOHOR

Naquiah Nahar^{a*}, Jimaain Safar^a, Ahmad Kilani Mohamed^a,
Aminudin Hehsan^b, Badlihisham Mohd. Nasir^a, Juhazren Junaidi^b

^aFakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Johor

^bPusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST),
Universiti Teknologi Malaysia, Johor

*Corresponding author: naquiah2@live.utm.my

Abstrak

Johor telah mencipta sejarahnya yang tersendiri apabila muncul sebagai sebuah negeri yang giat memperjuangkan tulisan Jawi bagi penulisan dalam bahasa Melayu. Enggan akur dengan tekanan dari pihak British yang berusaha untuk meminimakan peranan tulisan Jawi dalam urusan pentadbiran dan pendidikan di Johor, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan Johor untuk mempertahankan warisan bangsa Melayu ini dan terus menyuburkan penggunaannya. Kelahiran tokoh-tokoh bahasa anak jati Johor yang komited memperjuangkan bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi seperti Mejar Dato Haji Mohamad Said Haji Sulaiman dan Pak Matlob juga menjadikan usaha memartabatkan tulisan Jawi begitu agresif dijalankan. Inisiatif kerajaan negeri dan keprihatinan Sultan Johor membina sekolah-sekolah agama di setiap daerah di negeri Johor pula merupakan usaha progresif yang membantu meningkatkan penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan anak-anak Johor. Tulisan Jawi berkembang seiring dengan perkembangan pendidikan agama di negeri Johor dan saling melengkapi antara satu sama lain. Kertas kerja ini cuba mengupas secara ringkas sejarah awal kemunculan tulisan Jawi di Tanah Melayu, perkembangan tulisan Jawi di Johor dan perkembangannya dalam konteks pendidikan iaitu di sekolah-sekolah agama serta sekolah persekutuan di negeri Johor.

Kata kunci: Tulisan Jawi, Pendidikan, Sekolah Agama, Sekolah Persekutuan

1.0 PENGENALAN

Tulisan merupakan simbol tertentu yang dipersembah secara coretan atau dalam bentuk larikan bagi mewakili sesebuah bahasa. Sesebuah tulisan terhasil apabila masyarakat yang menuturkan sesuatu bahasa itu menjadikan lambang tertentu atau simbol visual yang saling difahami sesama mereka sebagai suatu cara untuk meluahkan ekspresi perasaan atau menyampaikan buah fikiran dalam bentuk coretan. Bagi bahasa Melayu, sistem tulisan yang digunakan adalah tulisan Jawi. Lazimnya, sesebuah bahasa mempunyai tulisannya yang tersendiri, namun berbeza dengan tulisan Jawi yang merupakan suatu bentuk ortografi terawal Nusantara (Siti Badriyah & Exzayrani, 2015) telah menggunakan abjad-abjad yang diadaptasi dari huruf Arab yang telah melalui proses asimilasi dengan bahasa Melayu (Norzahidah & Faisal @ Ahmad Faisal, 2015).

Selain aksara Rencong iaitu huruf Melayu tua yang usianya melebihi aksara Jawa kuno (Institut Pendidikan Guru, 2011), aksara Jawi merupakan salah satu abjad yang paling awal digunakan sebagai medium penulisan bagi bahasa Melayu pada zaman Kesultanan Melaka dan Kesultanan Johor malah Kesultanan Aceh serta Pattani pada abad ke-17 (Makmur *et al.*, 2016). Namun berdasarkan kajian Ismail (2009), sistem ejaan dan tulisan Jawi yang menggunakan Arab ini sejak awal lagi telah berkembang melalui proses penyebatian, asimilasi, penyesuaian, akomodasi dan penyerapan serta pengubahsuaian kaedah pemvokalan perkataan Jawi sebelum terbentuknya sistem ejaan dan tulisan Jawi sejak awal penggunaannya hingga kini.

Telah bertapak lebih 700 tahun di Tanah Melayu dan sampai lebih awal berbanding tulisan Rumi yang hanya digunakan kurang dari seratus tahun di negara ini (Faisal & Niswa, 2009; Khazriyati, 2012; Mansor, 2012), menjadikan tulisan Jawi dari sudut sejarah bukan sahaja berperanan sebagai perantara utama dalam urusan pentadbiran, perdagangan serta adat istiadat Melayu malah mempunyai peranan yang amat penting dalam bidang keintelektualan serta ilmu pengetahuan (Norhazliana *et al.*, 2010; Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015). Dalam konteks pendidikan, tulisan Jawi telah memberi sumbangan yang amat besar dalam proses pembinaan tamadun bangsa khususnya dalam bidang pendidikan Islam.

2.0 SEJARAH AWAL KEMUNCULAN TULISAN JAWI DI TANAH MELAYU

Tulisan Jawi muncul di Kepulauan Melayu seawal abad ke 13 Masihi (Abd Jalil, 2012). Bukti kewujudannya dikesan melalui penemuan artifak tertua

di Kuala Berang iaitu Batu Bersurat Terengganu yang bertarikh 22 Februari 1303 Masihi bersamaan 4 Rejab 702 Hijrah (Hashim, 2005; Abd Jalil, 2012; Berhanundin *et al.*, 2012; Faisal @ Ahmad Faisal & Faizuri, 2014). Tulisan yang terpahat pada Batu Bersurat Terengganu ini tertera sepuluh syarat undang-undang atau hukum syarak yang wajib dipatuhi oleh rakyat dan pembesar negeri yang ditulis dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan Jawi dan merupakan terjemahan daripada kitab *Aqa'id al-Nasafi* (Makmur *et al.*, 2016). Artifak yang ditemui oleh penduduk kampung Kuala Berang yang dijadikan alat pelapik untuk membasuh kaki sebelum memasuki surau (Abd Jalil, 2012) ini dipercayai merupakan tulisan Jawi tertua yang pernah ditemui di Asia Tenggara (Hermansyah, 2014).

Apabila membicarakan tentang tulisan Jawi, kewujudan dan perkembangannya sangat berkait rapat dengan pengaruh aktiviti dakwah serta penyebaran Islam ke Nusantara (Muhammad Mustaqim, 2012; Nik Hassan Basri & Wan Zana Erine, 2015) terutamanya daripada orang Parsi sekitar tahun 1300 Masihi. Kegemilangan Empayar Melaka sebagai pusat perdagangan utama dunia dan lokasi persinggahan strategik antara pedagang dari timur dan barat (Zainudin & Rozeyta, 2003) juga telah menjadikannya pusat penyebaran agama Islam di gugusan Kepulauan Melayu secara tidak langsung. Kegiatan dakwah dan penyebaran ajaran Islam berlaku melalui para pedagang yang datang dari Tanah Arab dan juga Parsi yang berdagang di Kepulauan Melayu pada waktu itu.

Walau bagaimanapun, orang Arab yang datang ke Kepulauan Melayu bukan kesemuanya atas urusan perdagangan semata-mata, tetapi terdapat juga sebahagian kecil daripada mereka yang datang khusus atas tujuan untuk menyampaikan dakwah Islam (Hamdan, 2014) menyebabkan aktiviti penyebaran Islam dan ilmu pengetahuan berlaku dengan begitu pesat. Oleh kerana itu, sistem tulisan yang menjadi media perantara bagi proses penyampaian ilmu juga turut berkembang di bawah pengaruh Islam melalui para pedagang dan pendakwah Arab iaitu dengan cara keseluruhan abjad-abjad Arab telah diambil untuk digunakan bagi mengeja dan menulis perkataan dalam bahasa Melayu.

Namun begitu, adaptasi seratus peratus abjad-abjad Arab ini ke dalam bahasa Melayu didapati tidak mencapai kesempurnaan sepenuhnya dan berlaku beberapa kekangan kerana tidak semua perkataan bahasa Melayu dapat diterjemahkan ejaan dan penulisannya menggunakan abjad Arab. Hal ini kerana perbezaan sifat kedua-dua bahasa ini yang sangat berlainan antara satu sama lain selain terdapat beberapa bunyi atau sebutan dalam bahasa Melayu yang tiada dalam bahasa Arab (Hamdan, 2014) menyebabkan tiada huruf Arab yang boleh menjadi perlambangan kepada bunyi tersebut. Oleh yang demikian, beberapa huruf baharu

telah dicipta dengan melakukan sedikit pengubahsuaian iaitu dengan menambah enam fonem yang wujud dalam sistem fonologi bahasa Melayu (Abd Jalil, 2012; Noorzahidah & Faisal @ Ahnmad Faisal, 2015).

Menurut Wan Mohd Azhar dan Abdul Ghafar (2016), proses penyebaran Islam ke Kepulauan Melayu bukan sahaja membawa ajaran yang suci, malah turut membawa bersama kalam Allah yang diterjemahkan melalui sistem abjad Arab. Tulisan Jawi yang menggunakan abjad Arab dan beberapa penambahan huruf-huruf baharu yang disesuaikan dengan sebutan bahasa Melayu ini telah digunakan dengan meluas dalam kalangan masyarakat Melayu (Makmur *et al.*, 2016) serta menjadi tulisan rasmi dalam segala urusan kehidupan dan merupakan medium interaksi antara mereka dengan pedagang-pedagang luar dari seluruh dunia.

Tidak hanya dalam urusan kemasyarakatan, tulisan Jawi juga turut digunakan dalam perjanjian-perjanjian penting antara Raja-Raja Melayu dengan kuasa-kuasa besar di barat seperti Portugis, Inggeris dan juga Belanda. Paling membanggakan ialah Pemasyhuran Kemerdekaan 1957 bagi Tanah Melayu juga turut ditulis dalam dua versi iaitu versi tulisan Rumi dan versi tulisan Jawi (Makmur *et al.*, 2016) dan ini membuktikan bahawa tulisan Jawi tidak hanya terbatas untuk tujuan penulisan dalam hal-hal keagamaan sahaja sebaliknya dalam aspek pentadbiran negara juga (Mohd Alwee, 2005).

3.0 PERKEMBANGAN TULISAN JAWI DI JOHOR

Tulisan Jawi telah berkembang dengan pesat di Johor hasil keprihatinan dan usaha berterusan kerajaan negeri Johor yang menjulang tinggi martabat bahasa Melayu yang ditulis menggunakan aksara Jawi. Lokasi asal penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) iaitu sebuah badan berkanun yang memainkan peranan besar dalam hal-hal berkaitan usaha memartabatkan bahasa Melayu bertempat di Johor Bahru, Johor (Siti Nor Azimah *et al.*, 2015) juga membuktikan bahawa di negeri inilah bermulanya usaha-usaha yang giat dilakukan untuk mengembangkan penggunaan tulisan Jawi dalam bahasa Melayu. Penubuhan Balai Pustaka iaitu nama asal bagi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 22 Jun 1956 di Bukit Timbalan, Johor Bahru merupakan langkah awal dalam memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015) yang bakal merdeka pada tahun berikutnya.

Langkah memperjuangkan tulisan Jawi dalam penulisan bagi bahasa Melayu adalah ekoran daripada penurunan kadar penggunaannya sedikit demi sedikit dalam kalangan rakyat disebabkan faktor tekanan daripada pihak British

yang lebih mengutamakan penggunaan tulisan Rumi (Ding, 2006) ketika menjajah Tanah Melayu. British sedaya upaya berusaha menyingkirkan tulisan Jawi yang telah digunapakai sekian lama dan digantikan dengan penggunaan tulisan Rumi (Ramlah, 2014), malah British dengan sengaja telah mencetak hikayat-hikayat Melayu yang sebelumnya dicetak dalam tulisan Jawi kepada cetakan bertulisan Rumi. British sama sekali tidak menampakkan niat untuk mengangkat bahasa Melayu, malah dasar pelajaran yang diperkenalkan British yang mengenakan syarat kelayakan bahasa Inggeris untuk mendapatkan peluang pekerjaan berstatus tinggi dalam masyarakat (Husin, 1999) juga secara terang-terangan merupakan tindakan provokasi dan diskriminasi ke atas bahasa Melayu dan tulisan Jawi.

Walau bagaimanapun, tekanan daripada pihak British tidak menggugat kegemilangan tulisan Jawi sebaliknya tulisan ini terus berkembang pesat di negeri Johor lebih-lebih lagi apabila Singapura yang terletak berhampiran dengan negeri ini telah membuka pusat percetakan dan penerbitan terkemuka di Asia Tenggara (Muhammad Bukhari, 2006; Hirman, 2016)). Lokasi geografi Singapura yang berdekatan dengan negeri Johor telah memberikan banyak kelebihan kepada negeri ini kerana kemudahan untuk menerbitkan bahan bacaan bahasa Melayu dalam tulisan Jawi (Faisal @ Ahmad Faisal & Faizuri, 2014). Singapura telah menjadi pusat tumpuan penerbitan berkonsepkan Muslim serantau pada akhir abad ke-19 kerana naskhah yang diterbitkan adalah dalam tulisan Jawi (National Library Singapore, 2016).

Tambahan pula, kemunculan ahli-ahli bahasa yang memperjuangkan bahasa Melayu sekitar tahun 1930-an seperti Mejar Dato Haji Mohamad Said Haji Sulaiman yang menganggotai Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Di Raja Johor (P.Bm.P.B. Diraja) atau singkatannya Pakatan (Mohd Samsudin, 2013; Faisal @ Ahmad Faisal & Faizuri, 2014; Hirman, 2016) telah memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan tulisan Jawi di Johor. Malah gerakan memperjuangkan tulisan Jawi turut dimainkan peranan oleh pegawai kerajaan terutamanya dalam kalangan guru-guru yang telah menubuhkan Pakatan Mengajar-Belajar Pengetahuan Bahasa (P.B.M.P.B.).

Penerbitan buku-buku yang dicetak dengan tulisan Jawi berlaku dengan begitu pesat sekali di bawah PBMPB kerana permintaan yang tinggi daripada golongan veteran Johor yang menjadikan bahan bertulisan Jawi sebagai bahan bacaan utama. Tidak terkecuali penerbitan bahan-bahan bacaan lain seperti surat khabar, majalah, malah novel dan cerpen juga turut berkembang hasil inisiatif dan usaha murni beberapa penerbit dan penulis di Johor. Manakala badan keagamaan di Johor iaitu Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) dan Majlis Agama

Islam Johor (MAIJ) pula telah memainkan peranannya dalam penerbitan bahan bacaan dalam tulisan Jawi berbentuk keagamaan yang bermutu tinggi sehingga mendapat permintaan yang tinggi dari negara jiran terutamanya Brunei (Hirman, 2016).

Namun begitu, perkembangan tulisan Jawi yang begitu baik hasil usaha keras PBMPB ini telah diganggu gugat oleh tindakan pihak British yang melakukan campur tangan dalam pentadbiran Johor (Mohd Samsudin, 2013) dengan menyingkirkan penggerak utama PBMPB iaitu Dato' Abd Rahman Andak menyebabkannya terkubur seketika. Walau bagaimanapun, penjenamaan semula organisasi ini telah dilakukan pada tahun 1934 (Hirman, 2016) dengan penubuhan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Buku Di Raja Johor (P.Bm.P.B. Diraja) dan kemuncak kejayaannya dapat dilihat melalui penerbitan sistem ejaan Jawi pada tahun 1937 sebagai usaha awal penyempurnaan sistem ejaan dan tulisan Jawi ketika itu (Ismail, 1991; Institut Pendidikan Guru, 2011; Faisal @ Ahmad Faisal & Faizuri, 2014). Ternyata PBMPB dan P.Bm.P.B. Diraja merupakan organisasi yang telah memberikan sumbangan yang amat besar dalam kepesatan penggunaan tulisan Jawi dan menyemai rasa kecintaan yang menebal dalam kalangan rakyat Johor terhadap tulisan ini.

Kegemilangan tulisan Jawi dan pengaruhnya dalam kalangan bangsa Melayu akhirnya tumpas kepada pengisytiharan Akta 32 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dalam fasal 9 yang menetapkan bahawa tulisan bagi bahasa kebangsaan ialah tulisan Rumi (Undang-Undang Malaysia, 2006; Faisal @ Ahmad Faisal & Niswa, 2009; Hashim & Adi Yasran, 2009). Walaupun dalam akta ini dengan jelasnya termaktub frasa tiada larangan terhadap penggunaan tulisan Melayu yang merujuk kepada tulisan Jawi bagi bahasa kebangsaan, namun penetapan ini telah memberi impak yang sangat besar kepada tulisan Jawi di Johor malah di seluruh negara secara amnya. Akibatnya, tulisan Jawi semakin dipinggirkan (Khazriyati, 2012; Nur Azuki & Nik Yusri, 2012) dan penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan bangsa Melayu makin terhakis sehingga melahirkan ramai individu yang buta Jawi (Hashim & Adi Yasran, 2009; Norhazliana *et al.*, 2010; Norhafiza *et al.*, 2016).

Kini, penguasaan membaca dan menulis Jawi dalam kalangan masyarakat berada dalam keadaan yang kritikal dan sangat membimbangkan kerana kedudukan tulisan Jawi diperlakukan seakan tiada nilai komersil mahupun nilai kesenian pada pandangan umum. Sebahagian besar bangsa Melayu terutamanya generasi muda tidak menguasai Jawi (Hashim & Adi Yasran, 2009; Nur Azuki & Nik Yusri, 2012) apatah lagi untuk mencintainya sebagai suatu warisan yang tidak ternilai harganya dan wajar dipertahankan. Amat menyedihkan tulisan yang

merupakan seni warisan budaya bangsa dan merupakan tulisan asal milik orang Melayu yang suatu ketika dahulu pernah berada di puncak kegemilangannya kini tidak mendapat tempat lagi di hati kebanyakan bangsa Melayu sendiri.

Namun, sesuatu yang membanggakan apabila negeri Johor merupakan salah sebuah negeri selain Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis yang sehingga kini masih tetap mengguna pakai tulisan Jawi dalam urusan agama Islam dan adat istiadat Melayu (Abd Jalil, 2012). Tidak hairanlah Johor adalah negeri yang suatu ketika dahulu paling banyak melahirkan tokoh-tokoh bahasa seperti Muhammad Ibrahim Munsyi, Raja Ali Haji dan Dato Haji Mohamad Said (Nik Safiah, 1983; Mohd. Koharuddin, 2004) yang telah melonjakkan kedudukan bahasa bagi bangsa Melayu iaitu Bahasa Melayu dan tulisan Jawi ke tahap yang tinggi. Langkah-langkah kerajaan negeri Johor suatu ketika dahulu melaksanakan pembangunan melalui pembukaan Iskandar Puteri atau Johor Bahru juga menunjukkan bahawa Johor merupakan negeri yang menjadi simbol ketinggian bangsa Melayu (Hirman, 2016) disebabkan usaha-usaha yang dijalankan untuk menangkis persepsi ramai bahawa bangsa Melayu adalah sebuah bangsa yang lemah dengan membina jati diri melalui pemartabatan terhadap tulisan Jawi.

4.0 TULISAN JAWI DALAM KONTEKS PENDIDIKAN DI NEGERI JOHOR

4.1 Perkembangan Tulisan Jawi di Sekolah-Sekolah Agama di Johor

Kepesatan perkembangan tulisan Jawi di Johor bergerak seiring dengan perkembangan pendidikan terutama dalam pendidikan bidang agama. Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) selaku institusi agama yang mempunyai autoriti telah memainkan peranan yang besar dalam mengurus tadbir sistem pendidikan agama dan secara tidak langsung memantapkan kedudukan tulisan Jawi dalam pendidikan agama di negeri ini (Hirman, 2016). Tulisan Jawi menjadi wasilah kepada pembelajaran agama di sekolah-sekolah agama kerajaan negeri Johor dan menjadikan penggunaannya juga begitu meluas.

Menurut Kamarul Azmi (2015), pendidikan agama bagi rakyat Johor amat dititikberatkan oleh pihak kerajaan negeri dan kemudahan pendidikan yang menyeluruh kepada semua warga Johor yang beragama Islam sejak tahun 1885 telah membuka peluang kepada mereka untuk mendapat pendidikan agama secara percuma. Keprihatinan kerajaan Johor terhadap pendidikan dan aspek agama bagi warganya dapat dilihat melalui penubuhan Jabatan Agama dan Pelajaran melalui Perlembagaan Negeri Johor 1895 dengan pelantikan Engku Muhd Khalid sebagai

Yang Dipertua (Abd Latif & Jainal, 2008). Walau bagaimanapun, beberapa tahun selepas penubuhannya, rombakan telah dilakukan dengan pengasingan Jabatan Pelajaran sebagai sebuah organisasi yang beroperasi sendiri dan telah dipisahkan dari Jabatan Agama (Rahimah, 1997).

Pemisahan ini menyebabkan lahirnya sebuah organisasi khas yang mentadbir khusus dalam bidang pendidikan di Johor. Atas hasrat Sultan Ibrahim ketika itu yang mahu melihat kemajuan orang Melayu dalam pengetahuan agama Islam, sekolah agama formal yang beroperasi pada waktu petang telah ditubuhkan dengan memberi penekanan terhadap aspek tauhid, pendidikan Al-Quran, tajwid serta tasawuf (Ab Halim & Kamarul Azmi, 2009). Pembelajaran di sekolah ini disampaikan dalam bahasa Melayu sepenuhnya dengan menggunakan tulisan Jawi.

Penubuhan sekolah rendah agama di Johor yang bermula sejak tahun 1918 menggunakan bahasa Melayu dalam tulisan Jawi sebagai bahasa pengantar menyaksikan perkembangannya berlaku dengan amat pesat seiring dengan perkembangan semasa (Azhar *et al.*, 2006). Tidak hanya di peringkat sekolah rendah, pendidikan Jawi juga telah diberi pendedahan kepada kanak-kanak di Johor sebelum menginjak usia tujuh tahun lagi melalui pembelajaran di peringkat prasekolah iaitu di Tadika Agama Johor yang mendapat permintaan dan sambutan yang memberangsangkan saban tahun (Md. Som, 2013). Dengan adanya kemudahan pendidikan agama di sekolah-sekolah agama yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri ini secara tidak langsung telah menyuburkan penggunaan tulisan Jawi kerana pembelajaran di sekolah-sekolah tersebut diajar sepenuhnya menggunakan tulisan ini.

Oleh yang demikian, kepesatan perkembangan tulisan Jawi secara umumnya banyak dipengaruhi oleh kelahiran sekolah-sekolah agama yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Johor. Menurut Azizi *et al.* (2007), selain program pendidikan yang berbentuk akademik iaitu melalui pendidikan di sekolah persekutuan, pendidikan agama melalui penubuhan sekolah-sekolah agama kerajaan negeri dianggap sebagai pelengkap kepada proses pendidikan anak-anak yang telah menjadi suatu kelaziman dalam kalangan masyarakat Islam di negeri Johor. Masyarakat Islam Johor menerima bahawa pendidikan di sekolah agama Johor sebagai suatu keperluan walaupun dalam waktu yang sama anak-anak mereka turut mendapat pendidikan agama dan tulisan Jawi melalui subjek Pendidikan Islam yang diajar di sekolah rendah dan menengah di sekolah-sekolah persekutuan yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (Azlina, 2017).

Tambahan pula, Johor mempunyai tokoh-tokoh bahasa dan Jawi yang hebat yang turut menyumbang kepada perkembangan Jawi yang pesat dalam pendidikan di Johor. Tokoh-tokoh ini telah menjalankan usaha untuk menyusun panduan sistem ejaan Jawi bagi rujukan masyarakat Johor khususnya dalam bidang pendidikan dan masyarakat di Malaysia secara amnya. Mejar Dato' Haji Mohd Said Sulaiman sebagai contoh merupakan tokoh yang telah menyusun ejaan Jawi Pakatan yang telah memberi sumbangan yang amat besar terhadap perkembangan bahasa Melayu di Johor dan digunakan dengan meluas dalam pendidikan sekolah agama kerajaan di Johor (Faisal @ Ahmad Faisal, 2014). Maka tidak hairanlah Johor merupakan sebuah negeri yang begitu menonjol dalam usaha-usaha memartabatkan tulisan Jawi sebagai khazanah warisan bangsa seterusnya memperjuangkan kelestarian tulisan Jawi di negara ini melalui medium pendidikan.

4.2 Perkembangan Tulisan Jawi di Sekolah-Sekolah Persekutuan di Johor

Dalam konteks pendidikan anak-anak Johor yang bersekolah di sekolah-sekolah persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, perkembangan pendidikan Jawi di negeri ini turut mengalami pasang surutnya seiring dengan perkembangannya dalam sistem pendidikan negara. Sama seperti perkembangannya di negeri-negeri lain di Malaysia, tulisan Jawi telah kian terhakis (Hamdan, 2003; Faisal @ Ahmad Faisal & Niswa, 2009; Che Wan Shamsul Bahri, 2014) dan semakin dipinggirkan (Faisal @ Ahmad Faisal & Niswa, 2009) apabila tulisan Rumi mendominasi dan dijadikan tulisan rasmi bagi bahasa Melayu seterusnya digunakan dalam semua bentuk persuratannya (Hashim & Adi Yasran, 2009) ekoran dari pengisytiharan seperti yang termaktub dalam Akta 32 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Akta ini telah menyebabkan tulisan Jawi bagi sekolah-sekolah persekutuan seluruh Malaysia termasuk di negeri Johor hanya diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam sahaja dan bukannya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Hashim, 2007; Faisal @ Ahmad Faisal & Niswa, 2009). Walaupun tulisan Jawi merupakan tulisan asal bagi bahasa Melayu dan silibus bagi Pelajaran Jawi sepatutnya diajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, namun suatu yang agak janggal apabila pembelajaran Jawi terpaksa diserapkan ke dalam mata pelajaran Pendidikan Islam ekoran daripada penetapan akta yang melarang sebarang paksaan ke atas pelajar untuk mempelajari Jawi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu kerana bertentangan dengan Akta 32 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

Pembelajaran Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam telah menyebabkan lahirnya suatu pentafsiran bahawa tulisan Jawi adalah hanya untuk hal-hal berkaitan agama Islam sahaja (Hashim & Adi Yasran, 2009) dan dianggap sebagai tulisan yang eksklusif bagi orang yang beragama Islam sahaja mengikut tafsiran masyarakat di negara ini malah di Johor juga. Akibatnya penggunaan tulisan Jawi di Johor khususnya mengalami kemerosotan terutama dalam konteks pendidikan kerana berlaku kekangan dalam proses penyebaran ilmu pengetahuan tentang Jawi serta penyebaran kemahiran membaca dan menulis Jawi kepada generasi muda di bangku sekolah yang telah tersekat dan menjadi amat terbatas pengajarannya.

Menyedari kejatuhan tulisan Jawi yang begitu membimbangkan dan wujud kebimbangan akan terhakisnya salah satu elemen jati diri Melayu yang telah mewarnai bangsa Melayu setelah hampir seribu tahun ini (Hashim & Adi Yasran, 2009), Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 1985 telah mengambil inisiatif untuk memartabatkan kembali tulisan Jawi dengan mewajibkan pendidikan Jawi di sekolah rendah agama di seluruh Malaysia termasuk di negeri Johor (Faisal @ Ahmad Faisal & Niswa, 2009). Langkah permulaan untuk mempertahankan tulisan ini disusuli pula dengan usaha memasukkan Pelajaran Jawi ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1992 (Hashim, 2007; Hashim & Adi Yasran, 2009; Faisal @ Ahmad Faisal & Niswa, 2009) sebagai salah satu komponen dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kementerian Pendidikan Malaysia terus mengorak langkah lebih agresif dalam mengangkat kembali martabat tulisan Jawi dengan melakukan semakan semula ke atas Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran Jawi tahun 1 hingga tahun 6 pada tahun 2000 (Faisal @ Ahmad Faisal & Niswa, 2009; Hashim & Adi Yasran, 2009). Hasilnya, lahirlah sebuah program yang dinamakan program j-QAF iaitu Pelajaran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain (Daud *et al.*, 2014; Mohd Shafiee, 2015) yang telah diperkenalkan secara berperingkat di sekolah-sekolah rendah terpilih di seluruh Malaysia mulai tahun 2005 (Ab Halim *et al.*, 2013; Nor Azlan, 2013). Program hasil idea Tun Abdullah Ahmad Badawi (Rosnah, 2016) ini memberi nafas baru kepada Pelajaran Jawi (Fatimah, 2016) yang menetapkan matlamat untuk memantapkan penguasaan Jawi dalam kalangan murid sekolah rendah di seluruh negara termasuk di negeri Johor.

Dalam konteks pendidikan negara, walaupun Pelajaran Jawi diajar secara intensif melalui program j-QAF dan pelajar yang keciciran juga dibantu melalui program Pemulihan Jawi yang akhirnya dimansuhkan pada tahun 2015 (Asyraf Ridwan & Berhanundin, 2015), namun penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar sekolah rendah mahupun menengah di Malaysia secara umumnya masih

belum mencapai tahap yang membanggakan kerana peluang pengaplikasiannya secara praktikal dalam kehidupan seharian amat kurang sekali (Hirman, 2016). Usaha yang telah dilakukan ini tidak menampakkan impak yang ketara dalam melahirkan pelajar yang celik Jawi, malah salah satu faktor yang menyebabkan pelajar gagal membaca Al-Quran dengan lancar juga adalah disebabkan oleh kelemahan pelajar menguasai tulisan Jawi (Siddiq, 2008).

Namun begitu, Kamarul Azmi (2015) dalam penyataannya menegaskan bahawa sebahagian besar masyarakat yang beragama Islam di negara ini memperakui kejayaan kerajaan Johor dalam memberikan pendidikan terbaik bagi rakyatnya yang beragama Islam untuk menguasai tulisan Jawi dengan baik melalui pendidikan yang disediakan di sekolah-sekolah di negeri Johor. Kebolehan kanak-kanak Islam di negeri Johor menguasai tulisan Jawi dengan baik hasil dari pembelajaran di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan dibantu oleh pembelajaran di sekolah-sekolah agama kerajaan negeri ini telah memudahkan mereka untuk memahami content bidang ilmu dalam Pendidikan Islam yang diajar di sekolah rendah dan menengah di sekolah persekutuan.

Kemajuan bidang pendidikan khususnya Pendidikan Islam di Johor terus unggul hasil daripada usaha kerajaan negeri yang mahu menjadikan Johor sebuah tamadun ilmu yang dihormati. Dalam konteks pendidikan di negeri Johor, sukar dinafikan bahawa usaha kerajaan negeri Johor memastikan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan pelajar sama ada melalui sekolah agama mahupun sekolah persekutuan telah memberikan sumbangan yang besar dalam memperkasa mutu pendidikan khususnya Pendidikan Islam di negeri Johor. Di samping itu, kehebatan Johor dalam melahirkan tokoh pejuang Jawi terkenal seperti Pak Matlob (Hashim, 2005) akan sentiasa dikenang dan diingati sebagai sebuah negeri yang amat tinggi usahanya dalam memartabat dan melestarikan tulisan Jawi (Faisal @ Ahmad Faisal & Faizuri, 2014) di negara ini.

5.0 PENUTUP

Setiap bangsa di dunia ini mempunyai nilai tersendiri yang amat tinggi harganya yang perlu dijaga dan dipelihara dengan baik (Noor Azam *et al.*, 2017). Bangsa Melayu amat bertuah kerana mempunyai tulisan Jawi sebagai elemen tersendiri yang merupakan satu-satunya tulisan asal milik orang Melayu. Tulisan Jawi adalah seni warisan budaya bangsa yang tidak ternilai harganya yang menjadi simbol kegemilangan tamadun Melayu dalam bidang ilmu dan keintelektualan suatu ketika dahulu. Sebagai seni yang berkait rapat dengan identiti bangsa Melayu, tulisan Jawi wajar dipelihara dan dipertahankan agar tidak terus pupus ditelan zaman. Suatu yang amat membanggakan apabila Johor merupakan sebuah negeri yang mengambil langkah proaktif seawal abad ke 19 dalam usaha memperjuangkan tulisan Jawi agar terus dimartabatkan serta diperluas penggunaannya dalam kalangan rakyat Johor. Usaha kerajaan negeri Johor menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dalam pendidikan agama melalui penggunaan tulisan Jawi juga dilihat sebagai suatu metode untuk mendidik rakyat Johor agar mempunyai nilai *sense of belonging* iaitu menanamkan sifat kepunyaan dan kecintaan serta penghargaan terhadap seni tulisan Jawi yang merupakan warisan bangsa Melayu.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri dan Kamarul Azmi Jasmi. (2009). Nilai, amalan, dan sistem pendidikan masyarakat Melayu Islam selepas penjajahan Barat hingga kini. In *Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu*. Bangi: Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, 35-57.
- Abd Jalil Borham. (2012). Tulisan Jawi: Tulisan serantau. *Kertas Kerja Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan 2012*. 18 Oktober 2012. Pahang: Universiti Malaysia Pahang, 1-6.
- Abd Latif Juffri @ Al-Jufri dan Jainal Sakban Al-Jauhari. (2008). *Sejarah Perkembangan Agama Islam Johor*, Johor: MAIJ URUS Sdn Bhd, 40.
- Asyraf Ridwan Ali dan Berhanundin Abdullah. (2015). Falsafah Pendidikan Jawi dalam memperkasa tamadun Islam di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. 6-7 September 2015. Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin, 574-585.
- Azhar Muhammad, Abdul Hafiz Abdullah, Bushrah Basiron, Kamarul Azmi Jasmi dan Sulaiman Shakib Mohd Noor. (2006). Penguasaan pelajar sekolah menengah aliran agama terhadap pengajian ilmu Retorik Arab. *Research Vote No: 75193*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon dan Mohd Fadzli Abu Bakar. (2007). Pendidikan agama, keseimbangan kognitif dan tingkah laku positif di kalangan darjah pelajar darjah khas sekolah agama di Johor Bahru. *Journal of Science & Mathematics Education*, 1-19.
- Azlina Othman. (2017, Julai 11). Kisah Sekolah Agama Johor. *Harian Sinar*. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/kisah-sekolah-agama-johor> 1.700371
- Berhanundin Abdullah, Zainab Abdullah, Zurita Mohd Yusoff dan Najmiah Omar. (2012). Sejarah Penulisan Jawi di Terengganu sebelum 1957. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. Jilid 5 (Julai) 2012, 13-25.
- Che Wan Shamsul Bahri Che Wan Ahmad. (2014). *Tulisan Jawi dan cabarannya dalam mendepani zaman*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Daud Ismail, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Mahadi Mohammad. (2014). Perkembangan dan masalah pembelajaran Al-Quran dalam program j-QAF di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 36(2) (2014), 57-66.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2015). Laporan Tahunan 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1-176.
- Ding, C.M. (2006). Daripada penghentian Utusan Melayu kepada nasib tulisan Jawi. *Jurnal Pemikir*, Bil. 45 (Jul-Sep 2006), 1-15.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abd Hamid dan Niswa @ Noralina Abdullah. (2009). Penguasaan tulisan Jawi di kalangan mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Tempatan. *Jurnal Al-Tamadun*. Bil. 4 (2009), 145-156.
- Faisal @ Ahmad Faisal dan Faizuri Abdul Latif. (2014). Sejarah perkembangan tulisan Jawi: Analisis mengenai teori Kang Kyoung Seok. *Jurnal Al-Tamadun*, Bil. 9(2) 2014, 1-15.
- Fatimah Rajak. (2016). Permasalahan penguasaan Pelajaran Jawi dalam kalangan murid tahun Tiga. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hamdan Abdul Rahman. (2014). *Panduan Menulis dan Mengeja Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa. (2005). Peranan tulisan Jawi dalam perkembangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 16, 86-115.
- Hashim Musa & Adi Yasran Abdul Aziz. (2009). Pemerksaan kembali tulisan Jawi. *Jurnal Aswara*, 4(1): 159-176.
- Hashim Musa. (2007). Tulisan Jawi dan kesan keintelektualan alam Melayu. *Kertas Kerja Seminar Aksara Menjejaki Tulisan Melayu*. Persatuan Guru Bahasa Melayu dan Lembaga Perpustakaan Negara, 10 Mac 2007, 21.

- Hermansyah. (2014). *Kesultanan Pasai Pencetus Aksara Jawi (Tinjauan Naskah-Naskah di Nusantara)*. Majalah Jumentara, 5(2) Oktober 2014.
- Hirman Mohamed. (2016). *Pelestarian Tulisan Jawi di Singapura*. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Husin, H. (1999). *Bahasa Melayu: Pembelaan dan Kemajuan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Institut Pendidikan Guru. (2011). *Modul Bahasa Melayu BBM3112: Sejarah perkembangan Bahasa Melayu, perkamusan dan terjemahan*. Cyberjaya: Institut Pendidikan Guru, 111-132.
- Ismail Abd. Rahman. (2009). *Manuskrip kesusasteraan tradisional Melayu sekitar tahun 1600M: Telaah sistem tulisan Jawi dan analisis pemikiran Melayu Nusantara*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan.
- Ismail Dahaman. (1991). *Pedoman Ejaan Jawi Yang Disempurnakan (1986). Kertas Kerja Konvensyen Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur: Pusat Islam Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2015). *Perkembangan Pendidikan Islam dan arah tujuanya dalam memperkasakan peradaban Melayu Johor. Prosiding Persidangan Tamadun Melayu Johor: Johor Ke Arah Pusat Tamadun Melayu Serantau*. 11-13 November 2015. Johor Bahru: Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor. Penerbit UTM Press, p. 1-8.
- Khazriyati Salehuddin. (2012). *Penilaian ke atas kerumitan kognitif dalam proses membaca Jawi*. *Journal of Language Studies*, Vol. 12(4), 1179-1182.
- Makmur Harun, Firman & Muhammad Yafri Yahya. (2016). *ABMS3203 Jawi dan Kajian Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia, 1-208.
- Md Som Sujimon (2013). *Memperkasa Sistem Darjah Khas Agama Negeri Johor: Satu Gagasan Baru*. Johor: Universiti Tun Hussein Onn.
- Mansor Sulaiman. (2012). *Tulisan Jawi sebagai penanda aras penguasaan tamadun Islam di Nusantara: Meneladani peranan tamadun Islam silam dalam mengukuhkan penggunaan tulisan Jawi*. 18 Oktober 2012. *Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi & Teknologi*, 1-9.
- Mohd Alwee Yusof. (2005). *Perkembangan tulisan Jawi dan aplikasinya dalam masyarakat Islam di Malaysia*. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 21(2005), 23-38.
- Mohd. Koharuddin Mohd. Balwi. (2004). *Tradisi keilmuan dan pendidikan dalam tamadun Melayu di Nusantara*. *Jurnal Kemanusiaan*, 48-62.

- Mohd Shafiee Hamzah, Azli Fairuz Laki, Rahimah Embong, dan Nik Murshidah Nik Din. (2015). Penerapan akidah dalam dasar pendidikan Malaysia: Analisis terhadap Falsafah Pendidikan Negara dan Islam Hadhari. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, Bil.9, 1-11.
- Mohd Samsudin. (2013). Tawarikh Yang Maha Mulia Ibrahim Sultan Johor: Sebuah karya sejarah negeri Johor dalam zaman pentadbiran British. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 40 (2) (December 2013), 75-92.
- Muhammad Bukhari Lubis *et.al.* (2006). Tulisan Jawi Sehimpunan Kajian. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 118.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2012). Satu milenium Islam di Nusantara: Tinjauan Sosio Sejarah. *Kertas Kerja Konvensyen Wasatiyyah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia, 1-19.
- National Library Singapore. (2016). Panduan Galeri. Singapura: National Library Singapore, 1-16.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir dan Wan Zana Erine Wan Ismail. (2015). Sejarah dan Perkembangan Sistem Tulisan dan Ejaan. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (1983). *Sumbangan Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Melayu Diraja Johor Terhadap Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Azlan Salai. (2013). *Pelaksanaan Kem Bestari Solat (KBS) program j-QAF di sekolah-sekolah rendah zon Pengerang, Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan.
- Norhafiza Alias, Adi Yasran Abdul Aziz dan Wam Muhammad Wan Sulong. (2016). Perkembangan Sistem Ejaan Jawi Tradisi Abad Ke-20 Hingga Kini. *Jurnal Pertanika Mahawangsa*, 3(1), 47-62.
- Norhazliana Mohd Hasan Abdullah, Saedah Siraj, Zaharah Hussin dan Norlidah Alias. (2010). Isu kritikal penggunaan tulisan Jawi dalam pelaksanaan kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah menengah: Pandangan pakar. *Jurnal Pendidikan*, Vol. 30 (2010), 63-84.
- Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin dan Wan Noorli Razali. (2017). *Sains Insani*, Vol.2(1), 42-47.
- Noorzahidah Mohd Zain dan Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. (2015). Perkembangan tulisan Jawi: Perbincangan dari sudut pandangan tiga sarjana awal abad ke-20. *Jurnal Al-Muqaddimah*, Vol. 3(1), 2015, Issue 1, 11-17.
- Nur Azuki Yusuff dan Nik Yusri Musa. (2012). Penerimaan dan halatuju tulisan Jawi; suatu tinjauan dari pandangan remaja kini. Seminar Jawi Serantau. Selangor: UiTM Shah Alam, 1-16.

- Rahimah Abdul Aziz. (1997). *Pembaratan Pemerintahan Johor (1800-1945): Suatu Analisis Sosiologi Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 108.
- Ramlah Adam dan Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. (2014). *Pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu di Malaysia: Sejarah dan kedudukan masa kini*. Perlis: Universiti Malaysia Perlis, 1-26.
- Rosnah Yunus. (2016). *Keberkesanan kad imbasan bergambar dalam meningkatkan kemahiran membaca suku kata Jawi dalam kalangan murid tahun 5 Sekolah Kebangsaan Parit Jawa, Muar, Johor*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siddiq Fadzil. (2008). *Tulisan Jawi: Peranannya Dalam Penyebaran Islam. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi Dan Terjemahan*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 6.
- Siti Badriyah Mohamad Yusof dan Exzayrani Sulaiman. (2015). *Sikap generasi muda terhadap tulisan Jawi: Kajian kes pelajar Universiti Brunei Darussalam*. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, Vol.15, 2015, 8-16.
- Siti Nor Azimah Abdullah, Nur Amalina Sazuar dan Nurul Aina Saidi. (2015). *Peneraju bahasa dan maklumat*. *Tinta Information Ambassador*, Bil.24, No.1/2015, 22-34.
- Undang-Undang Malaysia. (2006). *Akta 32 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67*. *Malayan Law Journal*.
- Wan Mohd Azhar Wan Mahamod dan Abdul Ghafar Don. (2016). *Keistimewaan kaedah Jawi sebagai metode dakwah untuk pembelajaran Al-Quran yang berkesan: Kajian ke atas skrip Jawi*. *Jurnal Al-Hikmah*, 8(1) 2016, 43-52.
- Zainudin Hassan dan Rozeyta Omar. (2003). *Aktiviti keusahawanan masyarakat Melayu pada zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 1-22.

INSTITUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH UTHM: PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Abd Razak Omar ^{a*}, Nur Zainatul Nadra Zainol^b,
Halimi Mohd Khalid^a, Abdullah Sulaiman^b

^a*Institut Ahli Sunnah wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

^b*Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum, UTHM*

*Corresponding author: abdulrazak@uthm.edu.my

Abstrak

Penubuhan Institut Ahli Sunnah wal Jamaah (IASWJ) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia pada tahun 2013 merupakan satu keperluan dalam memenuhi aspirasi penyelidikan selaras manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ). Segala strategi dan pendekatan yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah ini juga telah diperkembangkan oleh para sarjana pendidikan Islam melalui penggunaan beberapa strategi, kaedah dan aktiviti yang sesuai dengan keperluan semasa bagi menghasilkan kesan pendidikan yang lebih mantap khususnya dalam mengukuhkan kefahaman ASWJ ke arah menangani penyebaran aliran pemikiran yang pelbagai dan bersalahan dengan manhaj Islam. Justeru, kewujudan institut amat signifikan dalam membendung fahaman itu serta liberalisme, pluralisme dan al-Arqaam di Johor dan juga di Malaysia. Kertas ini bertujuan untuk menjelaskan penubuhan IAWSJ, peranan dan tanggungjawab dalam menyebarkan pemahaman akidah, syariah dan akhlak berlandaskan manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah serta menjelaskan aktiviti-aktiviti untuk mempertahankan dan memperkukuhkan kefahaman Ahli Sunnah wal Jammah iaitu melalui program penyelidikan dan penerbitan. Untuk mencapai objektif ini, kaedah analisis dokumen telah dilakukan terhadap dokumen-dokumen IAWSJ. Justeru, penubuhan IASWJ selari dengan keperluan untuk menangani cabaran semasa di Malaysia dan khususnya di Negeri Johor.

Kata kunci: Ahli Sunnah Waljamaah, UTHM, Johor.

1.0 PENGENALAN

Islam adalah agama yang tetap dan sesuai untuk diamalkan tanpa mengira batas waktu, tempat dan latar belakang manusia yang mengamalkannya sesuai dengan fungsinya sebagai agama terakhir yang diturunkan Allah kepada manusia sehingga akhir zaman. Prinsip-prinsip Islam berperanan sebagai panduan dalam seluruh kehidupan manusia melalui pengajaran-pengajaran yang berdasarkan dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah Rasulullah s.a.w. Kedua-dua sumber tersebut telah menggariskan strategi dan pendekatan yang dijadikan panduan bagi membentuk kaedah-kaedah yang tepat dan sesuai dalam melaksanakan proses pendidikan yang dapat membawa umat manusia ke arah kesejahteraan di dunia dan akhirat (Azhar 2006). Pendekatan untuk pengajaran dan pendidikan Islam yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah bertujuan untuk mengubah perilaku orang-orang yang beriman melalui pengajaran dan pembelajaran akidah dan nilai-nilai Islam melalui motivasi, pengulangan, menarik perhatian, penyertaan aktif dan berkesan, belajar secara beransur-ansur, usaha perubahan secara berperingkat-peringkat, meniru dan mencontohi, membuat penelitian, refleksi atau berfikir secara mendalam, menegur dan memberi nasihat secara langsung (Najati 1987, 1993; Abdul Rahman 1995; cAbd al-Wahhab 1997; Ablah 2002; Nasir 2002; Azhar 2006; Engku 2007; Mukhsin *et al* 2017).

Dalam konteks pelaksanaan, al-Sunnah berperanan sebagai model hidup dan praktikal kepada pelaksanaan strategi dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti yang telah digariskan oleh al-Quran (Najati 1993; Syed Ali Ashraf 1997). Rasulullah S.A.W telah memainkan peranan sebagai model dalam proses pembentukan generasi para sahabat sehingga mereka mampu mengatur sendiri proses pembelajaran mereka dan seterusnya membentuk perilaku, jiwa dan keperibadian yang mulia dan cemerlang seperti yang terbukti dalam sejarah kegemilangan umat Islam (Najati 1993). Segala strategi dan pendekatan yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah ini juga telah diperkembangkan oleh para sarjana pendidikan Islam melalui penggunaan beberapa strategi, kaedah dan aktiviti yang sesuai dengan keperluan semasa bagi menghasilkan kesan pendidikan yang lebih mantap khususnya dalam mengukuhkan kefahaman mazhab Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) ke arah menangani penyebaran ajaran sesat yang bersalahan dengan manhaj Islam.

2.0 AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Ahli Sunnah wa al-Jamaah merupakan suatu istilah yang tersusun daripada rangkaian tiga suku kata Bahasa Arab. Ketiga-tiga suku kata ini mempunyai

maksud yang tersendiri. Ia akan melahirkan satu rangkaian makna yang tertentu ataupun khusus apabila ia dilihat dari sudut pemaknaan istilah. Perkataan *Ahl* jika dilihat dari sudut literal, bererti ahli keluarga, pengikut atau golongan. Dari sudut terminologi, bermaksud mereka yang mengikut atau berpegang dengan sesuatu [kalimah] yang disandarkan kepada perkataan Ahl tersebut, seperti *ahl al-madhab* ia merujuk kepada mereka yang berpegang dengan mazhab tersebut (Mahmud `Abd al-Rahman `Abd al-Mun`im (t.t). Sabda Rasulullah SAW:

(من سن في الإسلام سنة حسنة كان له أجرها وأجر من عمل بها من بعده لا ينقص ذلك من أجورهم شيئاً، ومن سن في الإسلام سنة سيئة كان عليه وزرها ووزر من عمل بها من بعده لا ينقص ذلك من أوزارهم شيئاً)

خرجه مسلم في صحيحه.

Maksudnya: “Barangsiapa yang mempelopori sunnah yang baik, lalu diamalkan orang selepasnya maka dia mendapat pahalanya dan pahala seperti pahala-pahala mereka (yang mengikutinya) tanpa berkurang sedikit pun pahala-pahala mereka. Barangsiapa yang mempelopori sunnah yang buruk lalu diamalkan orang selepasnya maka dia menanggung dosanya dan dosa-dosa seperti dosa mereka tanpa berkurang sedikitpun dosa-dosa mereka”.

Manakala dari sudut terminologi, al-sunnah mengandungi maksud; sesuatu yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W., sama ada yang terdiri daripada kata-kata baginda, perbuatan, pengakuan, sifatnya dan sejarah hidupnya, sama ada sebelum kenabian mahupun selepas kenabian. Ia juga bermaksud jalan yang ditempuh oleh Nabi S.A.W. dan para sahabatnya yang selamat daripada syubhat dan hawa nafsu. Di sisi para fuqaha, perkataan al-sunnah bermaksud perkara yang pasti datangnya daripada Nabi S.A.W. yang terdiri daripada perbuatannya dan percakapannya. Perkataan al-Sunnah tersebut telah digunakan oleh para fuqaha bagi menggambarkan perbuatan yang berlandaskan kepada petunjuk Nabi, dan al-Sunnah dengan maksud ini merupakan antonim bagi bid`ah. Al-Sunnah juga merujuk kepada jalan yang dilalui oleh Nabi Muhammad S.A.W yang terdiri daripada ilmu, amalan, keperibadian, akhlak dan adab yang dipraktikkan dalam segenap urusan kehidupan yang pelbagai. Menurut Ibn al-Jawzi, istilah ahli sunnah merujuk kepada ahl al-naql wa al-athar yang telah

mengikuti Rasulullah S.A.W. dan para sahabatnya yang tidak pernah melakukan perkara-perkara baru dalam agama. Ibn Hazm pula mendefinisikan *ahl al-Sunnah* adalah mereka yang terdiri daripada para sahabat dan semua yang mengikuti manhaj mereka; yang terdiri daripada para tabien, ahl al-Hadith dan pengikut mereka dari kalangan para fuqaha generasi ke generasi sehingga hari ini dan orang awam yang mengikuti para fuqaha. Namun begitu, penggunaan istilah Ahli Sunnah pada zaman tersebut tidak digunakan dengan alasan golongan yang hidup pada zaman tersebut lebih dikenali dengan panggilan sahabat, tabien dan tabi' tabien. Istilah Ahli Sunnah mula digunakan secara meluas pada awal zaman pemerintahan Khilafah al-`Abbasi (132-232H/749- 847M) bagi membezakan antara golongan yang berbeza dari aspek akidah iaitu golongan ASWJ yang mengikuti al-Quran dan al-Sunnah dengan golongan yang ekstrem menggunakan akal iaitu golongan Muktazilah.

2.1 PENUBUHAN INSTITUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH (IASWJ)

Idea Penubuhan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah tercetus apabila Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar bertitah dalam Majlis Multaqa Ulama dan Ilmuan Johor sempena hari keputeraan baginda pada 27 Mac 2012 supaya Johor menyediakan satu institusi atau pusat sumber Islam terutama berdasarkan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah (Kertas Kerja Penubuhan 2012, Utusan 2016). Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Universiti Bil 3/2013 telah bersetuju untuk menubuhkan Institut Ahli Sunnah wal Jamaah (IASWJ) di UTHM. Penubuhan IASWJ menjadikan ia institut penyelidikan dan perundingan dalam pelbagai bidang yang berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui pendekatan holistik melahirkan modal insan yang kompetan dan berintegriti melalui visi menuju kearah institut yang berwibawa dan berautoriti dalam pemertabatkan dan memperkasakan Ahli Sunnah wal Jamaah (Kertas Kerja Penubuhan 2012).

Malah penubuhan institut adalah selaras dengan keperluan menangani penyebaran fahaman Syiah dan ajaran sesat yang semakin menular di Malaysia. Justeru, institut ini telah diwujudkan di Johor dan amat signifikan dalam membendung fahaman itu serta liberalisme, pluralisme dan al-Arqaam. Selain itu, institut seumpama ini mampu memainkan peranan yang lebih berimpak dan meluas dalam menjelaskan tentang kebatilan dan kesesatan fahaman yang menyimpang (Abd Mutalib 2013). Oleh yang demikian, peranan IAWSJ dalam memperkasa fahaman akidah dan menolak akidah yang menyeleweng amat besar. Justeru, institut merangka pelan jangka masa panjang dan pendek bagi merealisasikan tanggungjawab tersebut antaranya dengan melaksanakan program berbentuk aktiviti dan penyelidikan serta perundingan.

Di bawah pimpinan Prof. Dato' Dr Abdul Razak bin Omar selaku Pemangku Pengarah sejak ditubuhkan, beliau telah memimpin IAWSJ untuk merealisasikan visi dan misi seperti yang dirangka. Selain itu, IASWJ juga terdiri daripada 3 jabatan iaitu Jabatan Akidah dan Pendidikan yang diketuai oleh Dr Halimi binti Mohd Khalid; Jabatan Ekonomi dan Perundangan Islam yang diketuai oleh Ustaz Abdullah bin Sulaiman dan Jabatan Penyelidikan, Dokumentasi dan Penerbitan yang diketuai oleh Dr Nur Zainatul Nadra binti Zainol.

2.2 AKTIVITI DAN PROGRAM INSTITUT AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Sejak ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2015, institut telah mengorak langkah dengan melaksanakan program dan penyelidikan. Lebih daripada 100 program dan aktiviti penyelidikan telah dilaksanakan sepanjang usia 3 tahun penubuhannya. Antara program sepanjang tahun yang dilaksanakan adalah:

2.2.1. Pondok Universiti UTHM

Pondok Universiti dilihat sebagai satu usaha yang sangat penting dalam menyeimbangkan antara tuntutan jasmani dan rohani serta memenuhi keperluan untuk kehidupan di dunia dan akhirat turut mendapat sokongan padu daripada Majlis Agama Islam Johor yang merupakan penganjur bersama program ini. Selain itu ia turut menjawab kepada tuntutan untuk menyuburkan modal insan yang kreatif dan berinovasi berasaskan paradigma Tauhid sebagaimana yang tertera dalam misi UTHM. Memasuki usia tahun ketiga, Pondok Universiti terus berjalan dan telah mendapat sambutan yang baik daripada para pelajar, staf dan penduduk setempat. Halimi *et. al* (2016) menjelaskan Pondok Universiti memantapkan dan mempraktikkan pengajian talaqqi kitab Ulama Nusantara. Antara objektif utama yang ingin dicapai adalah untuk membentuk masyarakat yang memahami dan menguasai prinsip-prinsip ilmu akidah, fekah dan akhlak Islam melalui pendidikan tidak formal dan silibus kitab karya ulama di nusantara yang diintegrasikan bersama kemudahan fasiliti dan bahasa moden sehingga mudah dipraktikkan dalam kehidupan seharian berasaskan fahaman Ahli Sunnah wal Jamaah.

Bagi memastikan roh pengajian pondok dapat dirasai dalam Pondok Universiti, guru yang mengajar dipilih dari kalangan mereka yang berlatarbelakangkan pendidikan pondok. Menerima ilmu secara talaqqi sehingga tamat pengajian disulami dengan pengalaman kehidupan di pondok-pondok tersohor yang menekankan keberkatan ilmu menjadikan pengajaran murobbi


pondok universiti menyentuh hati pelajar yang hadir. Membawa mereka kepada penghayatan ilmu dalam kehidupan yang mendorong untuk meningkatkan kualiti amalan seharian. Guru juga mempengaruhi hasil pembelajaran yang dicapai. Menurut Noor Hashim (2011), ilmu agama wajib diperolehi melalui proses berguru atau mesti mendapat bimbingan daripada ahli yang layak. Ilmu akidah, syariah dan tasawwuf melibatkan proses pemindahan ilmu yang memerlukan qudwah yang hidup, proses *musohabah* dan nilai kerohanian yang bersifat *maknawi*.

Pondok Universiti UTHM mengandungi 6 komponen utama iaitu tok guru, kitab, murid, kaedah talaqqi, bacaan zikir dan solat berjemaah. Model program Pondok Universiti UTHM adalah seperti berikut:




Rajah 1: Model Program Pondok Universiti UTHM

Metodologi penyampaian Pondok Universiti adalah berlandaskan kepada carta alir proses kerja bagi pelaksanaan program. Carta alir ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada staf-staf yang terlibat bagi menyusun gerak kerja agar program yang dirancangkan dapat dilaksanakan dengan baik. Carta alir proses kerja ini melibatkan dua bentuk persediaan iaitu carta alir Perancangan Program Pondok Universiti UTHM dan Carta Alir Pelaksanaan Program Pondok Universiti UTHM.



Rajah 1: Carta Alir Perancangan Kerja (Sumber: Halimi *et. al*, 2016)



Rajah 2: Carta Alir Pelaksanaan Pondok Universiti (Sumber Halimi *et. al* 2016)

Program ini dianjurkan oleh Jabatan Akidah dan Pendidikan, yang telah dilancarkan sejak tahun 2015. Program ini bertujuan untuk memperkasa

pegangan akidah, syariah serta tasawuf mengikut manhaj fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah melalui sistem *talaqqi kitab* karya Ulama Nusantara. Siri Pondok telah berjalan selama 4 siri iaitu Pondok Universiti Siri 1, 2, 3, dan 4. Program ini telah mengumpul penuntut 300 daripada penduduk sekitar Parit Raja, Batu Pahat. Perincian siri-siri Pondok Universiti yang telah dilaksanakan adalah seperti dalam jadual 1.

Jadual 1 : Maklumat Siri Perlaksanaan Pondok Universiti UTHM, Parit Raja

Tahun	Siri	Kekerapan kuliah	Bil. Tuan Guru
2015	1	12	3
2015	2	14	3
2016	3	34	3
2017	4	35	3

Program ini telah mendapat kerjasama penuh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Antara Tuan Guru adalah Kiyai Dato' Haji Sohali Bin Haji Solihin Bin Sulaiman Bin Donodi. Beliau telah terlibat sebagai tenaga pengajar di Pondok Universiti sejak tahun 2015 sehingga ke hari ini. Bidang kepakaran beliau adalah akidah dan tafsir al-Quran al-karim. Tuan guru lain yang terlibat adalah Ustaz Yaakub bin Muhammad dan Ustaz Abu Zaki bin Yusuf. Pengajian ini melibatkan kitab *Tafsir Juzuk Amma, Penawar bagi Hati, Munyatul Musolli, Faridatul Faraid, Nasihat Agama, Wasiat Iman dan Matan Ummu Barahin*.

Pada Pertengahan tahun 2016 menyaksikan Pondok Universiti terus melebarkan sayapnya apabila diberikan kepercayaan untuk menganjurkan kelas-kelas pengajian di Kompleks Pejabat Mayang Sari di Sungai Terap Bukit Pasir Muar mulai 1 Ogos 2016 yang dinamakan Pondok Universiti UTHM Cawangan Bukit Pasir Muar. Mengekalkan konsep pengajian Pondok, kaedah pengajian kitab turath secara bertalaqqi diteruskan dan dikendalikan oleh tuan guru iaitu Ustazah Fatimah binti Ismail, Ustaz Abu Zaki bin Yusuf dan Ustaz Sulaiman bin Sharif yang mahir dalam mengendalikan pengajian secara bertalaqqi.

Berpegang teguh kepada misi Pondok Universiti iaitu melaksanakan program pemantapan ilmu tentang pegangan akidah dan pemikiran yang benar, praktikal ibadah yang sah dan akhlak yang terpuji kepada masyarakat, Jawatankuasa Pondok Universiti UTHM akan terus berusaha untuk memperkemas, memantapkan dan mempertingkatkan kualiti pengajian-pengajian yang dilaksanakan agar ia benar-benar dapat menyumbang kepada

keperluan masyarakat dari pelbagai lapisan yang sangat dahagakan ilmu-ilmu Islam yang tulen dan terpelihara daripada salah tafsiran. Bagi mereka yang tidak dapat menghadiri kelas pengajian disebabkan kekangan masa dan jadual kuliah dan kerja yang padat, mereka boleh mengikuti kelas-kelas tersebut boleh dicapai secara atas talian di UCITV Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Berseiringan dengan perkembangan tersebut, perjalanan Pondok Universiti diperkembangkan dengan menyemak hala tuju yang dilihat sebagai lebih terfokus sifatnya.

Kajian keberkesanan program telah dijalankan menunjukkan program Pondok Universiti memberi kesan yang positif kepada pelajar, staf dan masyarakat setempat di sekitar Batu Pahat dan Muar. Malah penerusan perjalanan pengajian ini mendapat sokongan daripada peserta. Pemilihan tuan guru, kitab dan kaedah pengajaran yang sesuai dengan jenama program amat penting kerana ketiga-tiga elemen tersebut memberi gambaran secara langsung kepada kandungan program. Seterusnya pilihan masa dan lokasi program dilaksanakan dapat memberi keselesaan kepada peserta untuk menumpukan perhatian semasa sesi pembelajaran. Medium penyampaian melalui Whatsapp dan makluman dari kawan turut memainkan peranan yang penting dalam menjayakan kelangsungan perjalanan program pondok universiti. Secara keseluruhannya program ini dilihat sebagai telah berjaya memberi impak kepada pengetahuan, penghayatan dan pengamalan para peserta. Ia juga telah berjaya mewujudkan hubungan yang baik antara universiti, Majlis Agama Islam Johor dan masyarakat tempatan serta menjalinkan semangat persaudaraan yang tinggi dalam kalangan para peserta.

2.2.2 Pengkaderan Fahaman Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

Program pengkaderan adalah merupakan satu proses *Training of Trainers (TOT)* yang dilakukan bagi mengembangkan dan meningkatkan potensi dan pengetahuan akal, rohani, keintelektualan serta sosial individu-individu yang telah terpilih untuk mengikutinya sebagai persediaan untuk membantu kumpulan-kumpulan sasaran yang lain khususnya dalam memperkasakan fahaman aliran Ahli Sunnah wal Jamaah khususnya di Negeri Johor Darul Takzim.

Modul-modul yang telah disusun oleh pihak penceramah iaitu SF Kiyai Idrus Ramli yang dihasilkan dalam versi Bahasa Indonesia juga telah melalui proses adaptasi ke Bahasa Malaysia oleh kumpulan penyelidik bersekutu Institut Ahli Sunnah wal Jamaah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Modul-modul ini juga telah disesuaikan dengan keadaan dan situasi semasa yang berlaku di Malaysia. Justeru perubahan-perubahan yang dilakukan ini perlu di semak bagi memastikan ianya tidak mengubah maksud sebenar model asal. Selain daripada itu, modul ini juga bakal dikongsikan bersama-sama dengan pelajar-pelajar Malaysia yang berada di Jordan dan Mesir dalam proses pengkaderan

Ahli Sunnah wal Jamaah yang akan dijalankan di sana. Program ini bermatlamat untuk mempertingkatkan pengetahuan tentang fahaman aliran Ahli Sunnah wal Jamaah; melatih kemahiran berdakwah berdasarkan manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah; dan menyelidik hujah-hujah semasa dalam isu akidah, syariah dan akhlak. Siri-siri pengkaderan fahaman akidah Ahli Sunnah wal Jamaah adalah seperti berikut:

i. Siri 2016

Bengkel Pengkaderan dan Semakan Modul Kursus Asas Ahli Sunnah Wal Jamaah anjuran Jabatan Akidah dan Pendidikan Institut Ahli Sunnah wal Jamaah dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor pada 22 dan 23 Oktober 2016 di Hotel Zamsaham Senai, Johor Bahru, Johor. Bengkel ini melibatkan 30 orang staf yang mewakili beberapa Pusat Tanggungjawab di UTHM dan telah dikenal pasti sebagai individu-individu yang mempunyai minat dan potensi untuk turun kepada masyarakat bagi memperkemas dan memperkasakan fahaman aliran Ahli Sunnah wal Jamaah.

ii. Siri 1/2017

Kursus ini diadakan pada 8 hingga 10 November 2017 di Pusat Minda Emas (PuMAS), Tanjung Laboh. Kursus pengkaderan ini merupakan satu proses *Training of Trainers (TOT)* yang dilaksanakan oleh IASWJ dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) bagi meluaskan, mempertingkatkan dan memperkasakan fahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berpegang kepada aliran al-Asyarirah dan al-Maturidiyyah di negeri Johor. Kursus telah dirasmikan oleh Pemangku Pengarah IASWJ Prof. Dato' Dr Abdul Razak bin Omar. Kursus ini telah dikendalikan oleh SF Kyai Muhammad Idrus bin Ramli. Seramai 36 orang peserta yang terdiri daripada staf UTHM telah terpilih untuk menghadiri kursus selama tiga hari ini.

iii. Siri 2/2017

Kursus ini diadakan pada 18 sehingga 20 Disember 2017 bertempat di Muar Traders Hotel, Muar Bandar Maharani Bandar Diraja, Johor. Kursus ini dijalankan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ). Objektif kursus ini adalah untuk melatih kader-kader dalam kalangan penceramah yang menerima pentauliahannya MAINJ untuk berhadapan dengan serangan pemikiran yang bersalahan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah khususnya di negeri Johor. Kursus ini telah dibimbing oleh Felo Kanan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) YM Ustaz Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali. Seramai 25 orang kader telah dilatih dengan 9 modul dan LDK sepanjang kursus ini dijalankan. Penutupan kursus ini telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Prof. Dato' Dr Abdul Razak bin Omar.

2.2.3 Penyelidikan Pembinaan Indeks Paradigma Tauhid UTHM

Indeks paradigma tauhid ialah pemboleh ubah yang disusun bagi menilai dan mengukur elemen tauhid yang dipraktikkan dan dihayati dalam peraturan dan hukum yang telah tercapai dalam pengurusan sesuatu perkara yang ditetapkan dikalangan staf, pelajar, dan sistem pengurusan universiti. Indeks ini bertujuan mengukur tahap keseriusan usaha dalam mengimarahkan indeks paradigma tauhid adalah berasaskan kepada 3 domain utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Tiga domain utama ini telah dipecahkan kepada 5 konstruk iaitu kerohanian, keilmuan, sosial, organisasi, dan pengurusan sumber serta sikap dan keperibadian. Bagi tujuan pengukuran, 38 elemen paradigma tauhid telah dibangunkan bagi mengukur indeks paradigma yang disasarkan kepada 3 kumpulan iaitu staf, pelajar dan sistem.

Kumpulan Penyelidik Pembinaan Indeks Paradigma Tauhid UTHM terdiri Dr Halimi Binti Mohd Khalid, Dr Azman Bin Hassan, Dr Zainatul Nadra Binti Zainol, Dr Intan Farhana Binti Saparudin, Ustazah Shakila Binti Ahmad, Ustazah Sharifah Khadijah Binti Syed Abu Bakar, Ustaz Abdullah Bin Sulaiman, Ustaz Abd Shukor Bin Haji Borhan.

2.2.4 Dokumen dan Penerbitan

Sebagai sebuah pusat penyelidikan, Institut Ahli Sunnah wal Jamaah UTHM telah menghasilkan beberapa buah penerbitan yang berbentuk buku, modul, brosur-brosur dan kertas kerja prosiding. Ia telah diterbitkan dalam bentuk cetakan dan digital. Maklumat lanjut mengenai siri penerbitan ini dicatatkan dalam jadual 2.

Jadual 2: Antara Penerbitan Institut Ahli Sunnah wal Jamaah UTHM

Jenis penerbitan	Judul penerbitan	Tahun
Artikel prosiding	Kajian Sumbangan Sayyid Alwi Bin Tahir al-Haddad Dalam Pengembangan Islam Di Johor: Analisis Sumbangan Dalam Fatwa-Fatwa Negeri Johor	2017
Artikel prosiding	Peranan Kiyai Dato' Hj Sohali Bin Hj Solihin Dalam Membudayakan Sistem Pembelajaran Pondok Di Daerah Batu Pahat	2017
Buku	Tinta Emas Ulama Dua Negara: Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz	2015
Buku	Bidaah yang sebenar dalam Islam	2015

Buku	Persoalan Mazhab: Kenapa Perlu Mengikut Mazhab	2014
Buku	Ahli Sunnah Wal Jamaah Kenapa Perlu Dipertahankan di Nusantara	2014
Brosur	Siri membongkar kesesatan Syiah	2014
Digital	Siri e-Pondok Universiti	2017

3.0 PENUTUP

Untuk mempertahankan dan memperkukuh kefahaman dan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah dalam kalangan masyarakat Islam, IAWSJ telah merangka dan melaksanakan dengan jayanya program-program antaranya Pondok Universiti, Pengkaderan Kefahaman Akidah Ahli Sunnah wal Jamaah Aliran Al-Ashairiyyah dan al-Mathuridiyyah, penyelidikan dan penerbitan.

RUJUKAN

- Abd Mutalib 2013. Ucapan Persidangan UMNO <http://www2.umno-online.my/2013/12/07/tubuh-institut-ahli-sunnah-wal-jamaah-tangani-ajaran-sesat/>
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi pembelajaran pengaturan sendiri Pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Tesis PhD, Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz, A., & Shamsul, A. B. (2004). The religious, the plural, the secular and the modern: A brief critical survey on Islam in Malaysia. *Inter-Asia Cultural Studies*, 5(3), 341-356.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2007). Membangun modal insan melalui pemantapan akidah. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Perdana Menteri.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2010). Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran dan pembelajaran. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Halimi, Shakila, Abdullah, Azman Dan Zurina. 2017. Pendidikan Islam Sepanjang Hayat: Model Pondok Universiti UTHM. Persidangan Pendidikan Islam Serpangjang Hayat 2017 pada 5 Februari 2017 di Universiti Sains Islam Malaysia.
- Makhsin, M., Azid, N. H., Noh, M. A. C., & Ilias, M. F. (2017). Pengukuhan Aqidah Ahli Sunnah Wa Al-Jamaah (Aswj) Dalam Pendidikan Islam Ke Arah Menangani Gerakan Syiah Di Malaysia. *Proceedings Of The ICECRS*, 1(1).
- Muhammad, R. M. (2011). *Peranan institusi keagamaan dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam menganalisis isu bioetika: ke arah pembentukan panduan kepada pengguna bioteknologi di Malaysia* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Nasir Ahmad Abu Zariq. (2002). Usul Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah wa asalibuha. Amman: Dar Al-Bashir
- Omar, A. B. (1994). In quest of an Islamic ideal of education: A study of the role of the traditional pondok institution in Malaysia.
- Rahim, A., Idha, S., Yakob, M. A., Mansor, M., Khurshiah, S., & Mohamad, R. (2016). Talaqqi Method in Teaching and Learning Islamic Education at Pondok Institutions.
- Shamsul, A. B. (2005). Islam embedded: 'Moderate' political Islam and governance in the Malay world. *Islam in Southeast Asia: Political, social and strategic challenges for the 21st century*, 103-120
- Yusof, M. F. M., Buniamin, H., Ahmad, G., & Ibrahim, M. (2013). *Developing pondok institutions as a religious tourism product*.



PROGRAM KELUARGA SAKINAH NEGERI JOHOR: ANALISIS PELAKSANAAN KURSUS PRA-PERKAHWINAN

Aminudin Hehsan^{a*}, Ahmad Muhaimin Mohamed^b, Mohd. Fauzi Abu Hussin^c,
Mohd. Fauzi Abu Hussin^c, Nasrul Hisyam Nor Mohammad^a, Sariah Khamis^d,
Aslinda Mohd. Zaire^d

^a*Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), UTM Johor*

^b*Kolej Yayasan Pahang (KYP), Pahang, Malaysia*

^c*Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Johor*

^d*Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Johor*

**Corresponding author: ahehsan@utm.my*

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pendapat individu kepada pelaksanaan Modul Keluarga Sakinah: Kursus Pra-perkahwinan dari aspek keberkesanan kursus, penilaian pelaksanaan kursus dan kesannya kepada pembentukan keluarga Sakinah. Instrumen berbentuk kuantitatif dan kualitatif iaitu borang soal selidik yang disertai soalan subjektif berstruktur ditadbir kepada 120 orang responden yang dipilih secara rawak bertujuan. Peringkat kedua mengenal pasti pendapat individu yang telah berkahwin dari aspek pelaksanaan dan cabaran kepada pembentukan keluarga Sakinah. Pendekatan kuantitatif sepenuhnya melalui 356 responden yang dipilih secara rawak bertujuan. Peringkat ketiga dilaksanakan dengan mengedarkan instrumen berbentuk kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan pendapat responden yang telah mengikuti Kursus Pra-perkahwinan dari aspek kefahaman, penerimaan dan penilaian pelaksanaan kursus dan seramai 550 responden yang dipilih secara rawak bertujuan. Kajian turut membuat perbandingan berdasarkan hasil analisis kepada pendapat responden yang belum berkahwin dan yang telah mengikuti kursus. Hasil

analisis mendapati responden yang belum berkahwin mempunyai pendapat yang baik serta pengetahuan yang tinggi terhadap aspek persediaan mendirikan rumah tangga. Seterusnya majoriti responden mempunyai sikap yang positif dan membina kepada pelaksanaan serta dapat menangani dengan baik kepada cabaran dalam usaha membentuk keluarga Sakinah. Hasil analisis mendapati tahap kefahaman, penerimaan dan penilaian pelaksanaan kursus di kalangan responden adalah sederhana menghampiri baik. Diharapkan hasil kajian ini memberi sumbangan kepada penambahbaikan pelaksanaan Modul Keluarga Sakinah: Kursus Pra-perkahwinan secara khusus serta membantu membentuk persekitaran Sakinah pada institusi kekeluargaan umat Islam.

Kata kunci: Keberkesanan kursus, Keluarga sakinah, kursus pra perkahwinan.

1.0 PENGENALAN

Keluarga adalah asas masyarakat dan negara dengan melahirkan individu seterusnya menjadi anggota masyarakat. Kenyataan ini membawa kepada tanggungjawab dan peranan ibu bapa dalam mendidik dan membimbing anak-anak menjadi anak soleh yang berguna di dunia dan akhirat. Ibu bapa berperanan mendidik dan membentuk segala aspek anak-anak lantaran mereka mempunyai pengaruh yang kuat terhadap anak-anak termasuk berperanan sebagai pelindung selagi mana anak-anak di bawah jagaan ibu bapa. Sekiranya ibu bapa ingin melihat anak-anak mereka menjadi insan berguna, maka didikan dan asuhan sempurna selari dengan kehendak Islam merupakan aspek yang perlu diberi perhatian.

Antara cabaran institusi keluarga ialah membentuk komunikasi berkesan dan positif antara suami, isteri dan anak-anak serta ahli keluarga lain dari sejak awal perkahwinan hingga ke akhir hayat bahkan ia mempengaruhi kehidupan abadi di akhirat kelak. Penghayatan agama dalam institusi keluarga penting sebagai pemangkin ke arah meningkatkan kesedaran tanggungjawab bagi mengukuhkan institusi keluarga itu sendiri. Perkara ini secara tidak langsung dapat mengurangkan keributan masalah sosial di kalangan masyarakat kini. Justeru, ilmu pengetahuan terutama berbentuk keagamaan penting sebagai persediaan diri sebagai pemimpin keluarga.

Menyedari hakikat itu, kerajaan Negeri Johor telah mengambil inisiatif menubuhkan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim pada 1 Oktober 1997 bertujuan memantapkan institusi keluarga secara sistematik dari aspek sosial, ekonomi dan politik seterusnya membantu pembentukan masyarakat yang harmoni, bahagia dalam semangat permuafakatan pelbagai bangsa. Selain institusi keluarga, pelaksanaan program anjuran Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim turut melibatkan agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan sukarela bagi meluaskan penglibatan masyarakat. Pelbagai program yang dianjurkan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim memfokuskan kepada peningkatan pengetahuan keagamaan terutama yang mengarah kepada pembentukan institusi keluarga bahagia. Antara program utama anjuran Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim ialah Modul Keluarga Sakinah (MKS) di mana modul tersebut telah dibangunkan oleh Bahagian Undang-undang Syarak, Jabatan Agama Islam Johor (JAIJ) dan dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK).

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Dewasa ini, keruntuhan akhlak dan moral, masalah sosial, jenayah dan banyak lagi semakin berleluasa dalam kalangan anak-anak terutamanya remaja. Masalah ini tidak pernah reda malah semakin menjadi-jadi dari hari ke hari. Malah, segelintir mereka cemerlang dalam bidang akademik tetapi pincang dari segi akhlaknya. Hal ini semakin membimbangkan.

Selain itu, berdasarkan kadar indeks perceraian yang tinggi baru-baru ini, telah memberikan gambaran umum terhadap penerimaan masyarakat kepada PKS yang dilancarkan di negeri Johor. Secara tidak langsung, ia menunjukkan betapa kurangnya penghayatan pasangan secara konsisten dalam menjadikan PKS sebagai panduan dan bimbingan menuju keluarga yang harmoni.

Kesukaran dalam usaha mencari sakinah dalam hidup tidak akan terasa jika setiap manusia tahu tanggungjawab masing-masing terhadap sesama manusia dan juga kepada Allah SWT. Faktor alam sekeliling boleh mengundang pelbagai penyelewengan dalam sistem kekeluargaan sehingga meruntuhkan sistem itu satu persatu. Sistem kekeluargaan dinyatakan amat penting kerana pembentukan ummah bermula dari rumah. Keruntuhan sistem ini akan meruntuhkan ummah seterusnya memecahbelahkan masyarakat. Keruntuhan rumah tangga, kecurangan suami atau isteri, keruntuhan akhlak remaja, perlakuan sumbang, dan keruntuhan moral dalam masyarakat seolah-olah sudah menjadi santapan mata dan telinga setiap hari. Masyarakat seolah-olah menerima keadaan ini dengan reda seperti halnya keadaan ini sudah tidak dapat diperbetulkan lagi. Fenomena ini menjadi budaya dan gaya hidup masa kini sehingga meminggirkan faktor agama.

Sehubungan dengan itu, satu program telah dibentuk bagi mencapai objektif ini adalah dengan mewujudkan Modul Keluarga Sakinah. Modul Keluarga Sakinah (MKS) yang dilancarkan pada 1998 telah menjadi lambang kepada Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim sebagai Modul Keluarga Johor. Sejak dari saat itu, Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Takzim bertanggungjawab untuk menyebarkan modul keluarga ini untuk digunapakai bagi setiap keluarga di negeri ini. Pelbagai pendekatan dibuat bagi menarik perhatian orang ramai seperti menganjurkan forum, tazkirah, ceramah, diskusi melalui media masa dan sebagainya.

Oleh yang demikian, Program Keluarga Sakinah (PKS) adalah merupakan satu usaha bagi mengurangkan gejala keruntuhan institusi kekeluargaan yang sering diperkatakan kini khususnya bagi golongan yang baru setahun jagung mendirikan rumah tangga. Namun begitu, bagaimanakah keberkesanan

pelaksanaan Program Keluarga Sakinah (PKS) dalam memantapkan institusi kekeluargaan? Benarkah pasangan yang mengambil kursus ini menjadikan program tersebut sebagai idealisme dalam penghayatan mereka dalam kehidupan berumah tangga?

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- a) Mengetahui pasti pendapat individu yang belum mengikuti kursus pra-perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam) dari aspek;
 - pemilihan pasangan.
 - akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin.
 - persediaan menempuh alam perkahwinan.
 - persediaan urusan perkahwinan.
 - ilmu keagamaan.
 - pengurusan rumah tangga.
 - ekonomi rumah tangga.
 - pendidikan keluarga.
 - tujuan mengikuti kursus perkahwinan?
- b) Mengetahui pasti faktor-faktor yang mempengaruhi individu dalam pemilihan pasangan bagi individu yang sudah berkahwin.
- c) Mengetahui pasti pendapat individu yang sudah berkahwin terhadap ilmu pengetahuan berkaitan rumah tangga.
- d) Mengetahui pasti pendapat individu yang sudah berkahwin terhadap perhubungan dan tanggungjawab suami isteri.
- e) Mengetahui pasti pendapat individu yang sudah berkahwin terhadap pendidikan anak-anak.
- f) Mengetahui pasti pendapat individu yang sudah berkahwin terhadap cabaran melahirkan keluarga Sakinah.
- g) Mengetahui pasti pendapat individu yang telah mengikuti kursus pra-perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam) dari aspek;
 - pemilihan pasangan.
 - akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin.
 - persediaan menempuh alam perkahwinan.
 - persediaan urusan perkahwinan.
 - ilmu keagamaan.
 - ilmu kekeluargaan.
 - pengurusan rumah tangga.
 - pendidikan keluarga.

- h) Mengenal pasti perbezaan pendapat individu yang belum dan telah mengikuti kursus pra-perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam) dari aspek;
- pemilihan pasangan.
 - akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin.
 - persediaan menempuh alam perkahwinan.
 - persediaan urusan perkahwinan.
 - ilmu keagamaan.
 - ilmu kekeluargaan.
 - pengurusan rumah tangga.
 - pendidikan keluarga.
- i) Mengenal pasti penilaian peserta kursus pra-perkahwinan terhadap Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam dari aspek;
- kefahaman penyampaian; lisan, visual dan kejelasan maklumat.
 - kepentingan isi kandungan Modul kepada persediaan perkahwinan, skop / rangkuman.
 - penceramah, fasilitator dan interaksi urus setia.
 - fizikal persekitaran tempat perlaksanaan program dan penyertaan bilangan peserta.
 - tempoh dan masa perlaksanaan program

4.0 PENGUMPULAN DATA

4.1 REKA BENTUK KUTIPAN DATA

Instrumen berbentuk kuantitatif dan kualitatif digunakan bagi memperoleh data sepanjang kajian. Instrumen berbentuk kuantitatif digunakan bagi mendapatkan gambaran umum suatu situasi manakala instrumen berbentuk kualitatif digunakan sebagai sokongan dan mendalami sesuatu situasi. Konstruk pada setiap instrumen dihasilkan dengan merujuk kepada persoalan kajian. Jadual 4.1 menunjukkan penggunaan instrumen sepanjang kajian dijalankan.

Jadual 4.1 : Reka bentuk kutipan data

Bil.	Persoalan kajian	Reka Bentuk Dan Instrumen Kutipan Data
1.	<p>Apakah pendapat individu yang belum mengikuti kursus pra-perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam) dari aspek:</p> <p>a) pemilihan pasangan? b) akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin? c) persediaan menempuh alam perkahwinan? d) persediaan urusan perkahwinan? e) ilmu keagamaan? f) ilmu kekeluargaan? g) pengurusan rumah tangga? h) pendidikan keluarga?</p>	<p>Kuantitatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Soal selidik dengan pengukuran jawapan berdasarkan skala Likert lima mata. <p>Kualitatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Soalan subjektif berstruktur
2.	Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi individu dalam pemilihan pasangan bagi individu yang sudah berkahwin?	<p>Kuantitatif</p> <ul style="list-style-type: none"> • Soal selidik dengan pengukuran berdasarkan jawapan skala Likert lima mata.
3.	Apakah pandangan responden yang sudah berkahwin terhadap ilmu pengetahuan berkaitan rumah tangga?	
4.	Apakah pandangan responden yang sudah berkahwin terhadap perhubungan dan tanggungjawab suami isteri?	
5.	Apakah pandangan responden yang sudah berkahwin terhadap pendidikan anak-anak?	
6.	Apakah pandangan responden yang sudah berkahwin terhadap cabaran melahirkan keluarga Sakinah?	

7.	<p>Apakah pendapat individu yang telah mengikuti kursus pra-perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam) dari aspek:</p> <ol style="list-style-type: none"> pemilihan pasangan? akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin? persediaan menempuh alam perkahwinan? persediaan urusan perkahwinan? ilmu keagamaan? ilmu kekeluargaan? pengurusan rumah tangga? pendidikan keluarga? 	<p>Kuantitatif</p> <ul style="list-style-type: none"> Soal selidik dengan pengukuran jawapan berdasarkan skala Likert lima mata. <p>Kualitatif</p> <ul style="list-style-type: none"> Soalan subjektif berstruktur.
8.	<p>Apakah terdapat perbezaan pendapat individu yang belum dan telah mengikuti kursus pra-perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam) dari aspek:</p> <ol style="list-style-type: none"> pemilihan pasangan? akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin? persediaan menempuh alam perkahwinan? persediaan urusan perkahwinan? ilmu keagamaan? ilmu kekeluargaan? pengurusan rumah tangga? pendidikan keluarga? 	<ul style="list-style-type: none"> Perbandingan hasil analisis Borang Soal Selidik 1 dan Borang Soal Selidik 3
9.	<p>Apakah penilaian peserta kursus pra-perkahwinan terhadap Modul Bersepadu Kursus Pra-perkahwinan Islam dari aspek:</p> <ol style="list-style-type: none"> kefahaman penyampaian; lisan, visual dan kejelasan maklumat? kepentingan isi kandungan Modul kepada persediaan perkahwinan, skop / rangkuman? penceramah, fasilitator dan interaksi urus setia? fizikal persekitaran tempat perlaksanaan program dan penyertaan bilangan peserta? tempoh dan masa perlaksanaan program? 	<p>Kuantitatif</p> <ul style="list-style-type: none"> Soal selidik dengan pengukuran jawapan berdasarkan skala Likert lima mata.

4.2 PERSAMPELAN

Terdapat beberapa kumpulan sampel dari kalangan populasi digunakan pada kajian ini. Setiap kumpulan sampel diminta menjawab set instrumen berbeza mengikut persoalan kajian. Jadual 4.2 menunjukkan kumpulan sampel (responden).

Jadual 4.2 : Persampelan responden

Responden	Tujuan	Teknik	Populasi	Bilangan
Responden kumpulan pertama	Menjawab Borang Soal Selidik 1	<ul style="list-style-type: none">Persampelan bukan rawakResponden suka rela		
Responden kumpulan kedua	Menjawab Borang Soal Selidik 2	<ul style="list-style-type: none">Persampelan bertujuanResponden terdiri dari guru-guru sekolah rendah agama kerajaan Johor	400	356
Responden kumpulan ketiga	Menjawab Borang Soal Selidik 3	<ul style="list-style-type: none">Persampelan bertujuanResponden terdiri dari para peserta kursus pra-perkahwinan anjuran Jabatan Agama Islam Johor		
Responden kumpulan keempat	Temu Bual 1	<ul style="list-style-type: none">Persampelan BertujuanUrus setia pelaksana kursus pra-perkahwinan.		

4.3 RESPONDEN PERSOALAN KAJIAN SATU

Populasi responden persoalan kajian pertama terdiri dari pelajar pasca-siswazah yang mengambil subjek umum yang ditawarkan Fakulti Tamadun Islam (FTI) semester 2 sesi 2011/2012. Kumpulan pertama dipilih sebegini atas faktor mudah diperoleh, mewakili populasi sebenar iaitu akan berkahwin (sebahagian besar belum berkahwin), akan mengikuti kursus pra-perkahwinan sebelum berkahwin serta berada pada peringkat dewasa untuk menuju alam perkahwinan. Namun demikian, beberapa syarat lain turut ditetapkan sebagai 'lebih mewakili' mereka yang akan mengikuti kursus pra-perkahwinan. Antara syarat utama berkenaan ialah beragama Islam, masih bujang dan warganegara Malaysia.

Senarai terkini yang diperoleh dari pihak fakulti mendapati seramai 257 pelajar berdaftar bagi subjek umum semester 2 sesi 2011/2012. Setelah tapisan kriteria responden berdasarkan syarat ditetapkan, maka 150 responden dipilih secara rawak untuk menjawab Borang Soal Selidik 1.

4.4 RESPONDEN PERSOALAN KAJIAN DUA, TIGA, EMPAT, LIMA, DAN ENAM

Populasi kumpulan responden kedua terdiri dari guru-guru sekolah rendah agama kerajaan Johor dari daerah; Johor Bahru, Pontian, KulaiJaya, Batu Pahat, Kluang, Segamat, Muar, dan Mersing. Sebanyak 400 set Borang Soal Selidik 2 diedarkan kepada 400 responden, tetapi hanya 356 yang dikembalikan dan sesuai dianalisis (setelah data cleaning) bagi kajian ini. Antara kriteria utama bagi data cleaning ialah menjawab semua item soal selidik.

4.5 RESPONDEN PERSOALAN KAJIAN TUJUH DAN SEMBILAN

Responden persoalan kajian tujuh dan lapan diperoleh berdasarkan individu yang mengikuti kursus pra-perkahwinan anjuran Jabatan Agama Islam Johor antara November 2011 dan Januari 2012. Antara daerah terlibat bagi pemilihan kumpulan responden kedua (yang mengikuti kursus pra-perkahwinan) ialah; Johor Bahru, Pontian, KulaiJaya, Batu Pahat, Kluang, Segamat, Muar, dan Mersing. Namun demikian, tidak semua peserta kursus pra-perkahwinan mengembalikan Borang Soal Selidik 3 walaupun diingatkan berbuat demikian. Oleh itu, pihak pengkaji mengulangi 2 hingga 3 kali (bergantung kepada situasi) proses kutipan data berkaitan persoalan kajian tujuh.

4.6 PELAKSANAAN KAJIAN

Terdapat beberapa peringkat pelaksanaan kajian yang melibatkan penggunaan instrumen tertentu pada kumpulan responden. Secara keseluruhan, terdapat tiga peringkat utama kajian sebagai diringkas pada Jadual 4.6

Jadual 4.6 : Peringkat pelaksanaan kajian

Persoalan Kajian	Pelaksanaan
1	Peringkat pertama Seramai 400 responden kumpulan pertama menjawab secara dalam talian Borang Soal Selidik 1.
2, 3, 4, 5, 6	Peringkat kedua Borang Soal Selidik 2 diedarkan secara manual ke sekolah rendah agama kerajaan Johor untuk dijawab oleh guru-guru dengan kriteria utama telah berkahwin.
7 dan 9	Peringkat ketiga Menedarkan Borang Soal Selidik 3 dan Borang Soal Selidik 4 untuk dijawab oleh para peserta selepas kursus pra-perkahwinan. Temu bual separa struktur (Temu Bual 1) ke atas urus setia pelaksana kursus pra-perkahwinan.

4.7 PELAKSANAAN KAJIAN PERINGKAT PERTAMA

Pelaksanaan kajian peringkat pertama dibuat secara dalam talian iaitu kesemua 400 responden kumpulan pertama yang terpilih diminta menjawab soal selidik secara dalam talian yang dihantar menerusi e-mel masing-masing. Tempoh masa dua minggu diberikan untuk responden menjawab Borang Soal Selidik 1 sebelum capaian soal selidik ditutup bagi tujuan analisis data.

4.8 PELAKSANAAN KAJIAN PERINGKAT KEDUA

Penglibatan responden yang ramai pada peringkat kedua kajian membolehkan gambaran hampir sebenar berkaitan aspek kekeluargaan terutama dari responden yang telah mengikuti kursus pra-perkahwinan dan telah mendirikan rumah tangga. Memandangkan kutipan data adalah berbentuk kuantitatif sepenuhnya, iaitu soal selidik, maka Borang Soal Selidik 2 diedarkan secara manual ke sekolah rendah agama kerajaan sekitar Negeri Johor. Semua guru pada sekolah

pada masa berkenaan dilibatkan kecuali guru yang cuti atau tiada di sekolah pada waktu berkenaan. Pihak pengkaji mengedarkan soal selidik dan guru diminta menjawab pada masa berkenaan dengan tempoh masa purata 20 minit untuk seorang guru menjawab soal selidik.

4.9 PELAKSANAAN KAJIAN PERINGKAT KETIGA

Pada pelaksanaan kajian peringkat ketiga, responden kumpulan ketiga diminta menjawab Borang Soal Selidik 3 dan Borang Soal Selidik 4 selepas mengikuti kursus pra-perkahwinan. Borang soal selidik diedarkan sendiri oleh pengkaji secara manual pada sesi akhir kursus pra-perkahwinan. Seterusnya responden diminta menjawab soal selidik dan mengembalikan kepada pengkaji setelah tamat kursus pra-perkahwinan. Proses ini bertujuan mendapatkan pendapat responden dari aspek dinyatakan seperti mana Persoalan Kajian 7 dan 9.

Kajian peringkat ketiga juga melibatkan kutipan data secara temu bual separa struktur kepada pengendali atau pelaksana kursus pra-perkahwinan yang terlibat dari peringkat perancangan hingga tamat kursus pra-perkahwinan. Sesi temu bual dijalankan pada tempoh kursus pra-perkahwinan dijalankan dengan melihat kepada kesesuaian dan kelapangan masa responden. Setiap sesi temu bual dirakamkan secara audio dan diterjemahkan kembali ke bentuk teks bagi tujuan analisis.

4.10 ANALISIS DATA

Pelbagai bentuk data dihasilkan sepanjang peringkat pelaksanaan kajian menggunakan dua bentuk instrumen utama iaitu kuantitatif dan kualitatif. Namun demikian, data berbentuk kuantitatif lebih banyak diperolehi manakala data berbentuk kualitatif adalah sebagai sokongan kepada data kuantitatif. Perbincangan analisis data adalah mengikut jenis instrumen digunakan sebagai mana Jadual 4.10

Jadual 4.10 : Analisis Data

Jenis Instrumen	Bentuk Analisis
Borang soal selidik	Analisis kekerapan dan analisis kecenderungan memusat dengan bantuan perisian statistik
Soalan subjektif berstruktur	Analisis isi kandungan (<i>content analysis</i>) dan pengkategorian ‘tema utama’
Temu bual separa struktur	Analisis isi kandungan (<i>content analysis</i>) bagi mendapatkan ‘isi utama’

4.11 ANALISIS DATA INSTRUMEN KUANTITATIF (SOAL SELIDIK)

Jawapan dari Borang Soal Selidik 1, Borang Soal Selidik 2, Borang Soal Selidik 3, dan Borang Soal Selidik 4 yang menghasilkan data berbentuk kuantitatif dianalisis dari dua aspek iaitu; pertama, analisis kekerapan bagi mendapatkan taburan responden dari aspek demografi; dan kedua, kecenderungan memusat berdasarkan nilai min bagi analisis item berkaitan pendapat responden. Jawapan kuantitatif setiap borang soal selidik 1 yang dinyatakan dalam bentuk nombor dianalisis dengan bantuan perisian Statical Package for Social Science (SPSS). Analisis dengan kaedah ini menghasilkan maklumat dalam bentuk taburan kekerapan responden, nilai min, dan sisihan piawai (standard deviation, SD) yang seterusnya digunakan bagi perbincangan dan menjawab persoalan kajian.

4.12 ANALISIS DATA INSTRUMEN KUALITATIF (SOALAN SUBJEKTIF BERSTRUKTUR)

Jawapan bertulis dari soalan subjektif berstruktur menggunakan pendekatan analisis isi kandungan (*content analysis*) bagi mendapatkan ‘tema utama’ jawapan seterusnya dikategorikan dan dilihat secara kekerapan bagi menyokong data kuantitatif. Sebagai panduan, jawapan hampir sama seperti frasa ‘ya’ atau ‘boleh’ diletakkan pada kategori yang sama. Analisis sebegini menghasilkan maklumat yang seterusnya digunakan bagi perbincangan dan menjawab persoalan kajian.

4.13 ANALISIS DATA INSTRUMEN KUALITATIF (TEMU BUAL SEPARA STRUKTUR)

Jawapan hasil temu bual dengan soalan separa struktur menghasilkan data berbentuk kualitatif. Jawapan lisan responden dirakamkan dalam bentuk audio yang seterusnya diterjemahkan ke bentuk teks bagi memudahkan proses analisis. Pendekatan analisis isi kandungan (*content analysis*) membolehkan ‘isi utama’ hasil temu bual diperoleh dan diberi tema tertentu. Analisis sebegini menghasilkan maklumat yang seterusnya dibincangkan bagi membantu menjawab persoalan kajian.

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Perbincangan Pendapat Individu yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Pemilihan Pasangan; Akhlak Dengan Pasangan Sebelum Berkahwin; Persediaan Menempuh Alam Perkahwinan; Persediaan Urusan Perkahwinan; Ilmu Keagamaan; Pengurusan Rumah Tangga; Pendidikan Keluarga; dan Tujuan Perkahwinan

Sebanyak 150 set soal selidik dihantar secara *soft copy* kepada 150 pelajar tetapi hanya 120 set soal selidik yang diterima dan *valid* bagi tujuan analisis. Perbincangan berikut dibuat berdasarkan sub-konstruk persoalan kajian serta mengikut sub-konstruk Borang Soal Selidik 1.

5.2 Perbincangan dan Kesimpulan Pendapat Individu yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Pemilihan Pasangan

Dapatan didapati secara keseluruhan responden memilih faktor agama sebagai faktor utama dalam pemilihan pasangan. Pendapat ini mungkin dipengaruhi kefahaman responden ke nasihat Rasulullah S.A.W untuk mengahwini wanita atas dasar agama berbanding faktor harta, wajah dan keturunan. Faktor berikut yang turut mendapat keutamaan kedua tertinggi di kalangan responden bagi pemilihan pasangan ialah taraf pendidikan. Situasi ini mungkin dipengaruhi oleh latar belakang responden yang sebahagian besar terdiri dari pelajar pasca-siswazah yang seterusnya menginginkan pasangan mereka mempunyai pendidikan yang setaraf. Ini diikuti faktor ketiga tertinggi iaitu status pekerjaan di mana responden mungkin berpandangan bahawa pasangan terutama lelaki perlu dapat memberi jaminan dari aspek ekonomi dan harta benda terutama selepas perkahwinan. Walaupun harta bukanlah menjamin kebahagiaan sebenar, namun wang dan harta benda memainkan peranan besar dalam mempengaruhi kebahagiaan rumah tangga. Akhir sekali, kecantikan fizikal mendapat keutamaan terendah berbanding aspek lain. Dapatan ini mungkin dipengaruhi persepsi responden yang matang dalam menilai apakah faktor-faktor yang mampu menjamin kebahagiaan rumah tangga. Walaupun secara fitrah manusia menginginkan kecantikan dan kesempurnaan, namun ia bukan jaminan sepenuhnya kepada kebahagiaan.

Perbincangan pendapat responden turut disokong jawapan bertulis responden. Faktor agama masih lagi menjadi keutamaan dikuti taraf pendidikan dan akhir sekali kecantikan fizikal. Berdasarkan hasil analisis, boleh dikatakan

faktor agama memainkan peranan penting pada pemilihan pasangan berbanding faktor lain terutama kecantikan fizikal. Dapatan ini bagaimanapun datang dari responden yang terdiri dari pelajar pasca-siswazah yang dianggap matang dalam menilai sesuatu perkara. Mungkin dapatan yang sedikit berbeza sekiranya persoalan berkaitan faktor pemilihan pasangan diajukan kepada responden dengan latar belakang berbeza.

5.3 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Akhlak Dengan Pasangan Sebelum Berkahwin

Sekiranya pengetahuan responden berkaitan akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin disandarkan kepada nilai min keseluruhan, maka boleh dikatakan responden mempunyai pengetahuan yang baik berkaitannya. Dapat diperhatikan bagi item berkaitan pergaulan semasa tempoh bertunang, muhrim sebagai peneman ketika tempoh bertunang dan hak jagaan wanita dalam tempoh pertunangan mendapat nilai min yang menghampiri sangat setuju di mana ia menggambarkan pandangan responden. Begitu juga dengan item berkaitan kebenaran bersalam bagi pasangan dalam tempoh bertunang, ia mendapat nilai min pada aras tidak setuju yang sekali gus menunjukkan responden mengetahui batas pergaulan dan akhlak semasa dalam tempoh pertunangan. Sekali lagi, latar belakang pendidikan responden mungkin mempengaruhi kepada dapatan persoalan kajian ini.

5.4 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Persediaan Menempuh Alam Perkahwinan

Sebahagian besar responden menyatakan sangat setuju kepada pernyataan berkaitan dengan kepentingan menguasai ilmu rumah tangga berbanding memiliki harta sebelum mendirikan rumah tangga. Keutamaan kepada faktor ini dikuatkan lagi dengan nilai min item 19 yang menghampiri sangat setuju. Seterusnya responden menunjukkan tahap kefahaman yang agak baik dengan secara keseluruhan bersetuju bahawa antara hikmah dianjurkan perkahwinan ialah akibat perbezaan individu. Walaupun begitu (perbezaan individu), namun setiap pasangan perlu mempunyai matlamat kehidupan yang sama sebelum berkahwin sebagai mana dipersetujui (dengan min = 4.05) sebahagian besar responden. Akhir sekali, faktor memiliki harta bukanlah suatu kepentingan

utama berbanding memiliki ilmu. Ini dinyatakan oleh responden menerusi item 16 pada aras sederhana setuju. Dapatan ini juga sekali gus menunjukkan bahawa responden melihat ilmu dan penetapan matlamat perkahwinan sebagai faktor utama sebagai persediaan menempuh alam perkahwinan.

Dapatan ini juga boleh dikaitkan dengan dapatan faktor pemilihan pasangan di mana responden mementingkan aspek agama dan ilmu pengetahuan berbanding kecantikan fizikal dan harta benda. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa agama dan ilmu pengetahuan terutama berkaitan rumah tangga perlu diberi perhatian oleh individu sebelum mendirikan rumah tangga.

5.5 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Persediaan Urusan Perkahwinan

Secara keseluruhan, nilai min pada aras sederhana setuju menunjukkan responden mempunyai perspektif berbeza kepada persediaan urusan perkahwinan. Sebaliknya bagi item berkaitan hukum, sebahagian besar responden bersetuju bahawa suami wajib membayar mas kahwin kepada isteri walaupun selepas majlis akad nikah. Faktor ini mungkin disebabkan sebahagian besar responden mengetahui akan kewajipan membayar mas kahwin.

Manakala bagi item berbentuk pilihan atau situasi semasa seperti kebahagiaan rumah tangga dan hak ibu bapa menentukan urusan perkahwinan, ia dinyatakan secara keseluruhan pada aras sederhana setuju. Sebagai penjelasan, responden mungkin beranggapan majlis perkahwinan yang akan diadakan adalah majlis meraikan perkahwinan mereka, maka adalah tanggung jawab bakal pengantin menguruskan majlis berkenaan. Begitu juga dengan kebahagiaan perkahwinan, responden mungkin berpendapat bahawa kebahagiaan rumah tangga tidak semestinya ditentukan sejak awal perkenalan, tetapi ditentukan oleh sejauh mana pasangan mengharungi kehidupan berumah tangga sepanjang masa. Sekiranya melihat dapatan item 19, maka faktor agama dan ilmu lebih menjamin kebahagiaan rumah tangga.

Bagi item 21 yang berbentuk negatif (perkahwinan adalah sebagai satu perkara membebankan), maka ia secara keseluruhan dinyatakan sebagai tidak setuju. Ini kerana, jika merujuk kepada item 18, sebahagian besar responden berpendapat bahawa antara hikmah perkahwinan adalah disebabkan perbezaan individu. Oleh itu, tidak timbul soal perkahwinan sebagai perkara membebankan. Tambahan pula, mungkin responden mengetahui perkahwinan adalah sunnah Rasulullah yang sangat dituntut, maka adalah tidak wajar menganggap sunnah

sebagai suatu perkara membebankan. Sebaliknya, sekiranya persoalan yang sama dikemukakan kepada individu yang mempunyai masalah atau merasa tidak bahagia dengan rumah tangga, mungkin mereka menyatakan perkahwinan sebagai perkara membebankan.

5.6 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Ilmu Keagamaan

Sekiranya pengetahuan responden mengenai ilmu keagamaan dalam berkeluarga diukur berdasarkan item-item yang dikemukakan, maka nilai min (4.388) pada aras setuju jelas menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang baik. Analisis mendapati, tiga item iaitu; akhlak ibu bapa adalah contoh kepada anak-anak, kepentingan menjaga akidah dan akhlak pada menjamin kebahagiaan rumah tangga, dan perbincangan bersama suami isteri pada keputusan keluarga mendapat persetujuan yang tinggi. Ini sekali gus menunjukkan bahawa mempunyai persepsi dan pengetahuan yang baik dari aspek akidah dan akhlak dalam berumah tangga.

Manakala bagi item yang berbentuk pilihan atau pengutaraan situasi, sebahagian responden kelihatan seperti dalam dilema membuat pilihan jawapan. Ini dapat dilihat pada nilai min item 25 di mana secara keseluruhan pendapat responden berada pada aras sederhana setuju. Item tersebut (isteri dibenarkan ingkar perintah suami sekiranya suami mengabaikan tanggungjawab) mungkin sering kali dibincangkan umum dengan sebahagian pendapat mengatakan isteri dibenarkan ingkar sekiranya suami mengabaikan tanggungjawab terutama berkaitan ekonomi dan keperluan rumah tangga. Keingkaran di sini mungkin bermaksud isteri keluar bekerja tanpa pengetahuan suami atau isteri mengadu masalah kepada pihak lain tanpa pengetahuan suami. Mungkin juga majoriti responden yang tidak bersetuju kepada item ini terdiri dari responden perempuan dan sebaliknya pada responden lelaki. Bagaimanapun, suami wajib menjalankan tanggungjawab kepada isteri dan keluarga sekiranya tidak mahu isteri ingkar disebabkan perkara sedemikian.

5.7 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Pengurusan Rumah Tangga

Bersandarkan nilai min keseluruhan, boleh dikatakan responden mempunyai pengetahuan dan persepsi yang baik dari aspek pengurusan rumah tangga. Didapati tiga item iaitu; keseimbangan tanggungjawab suami isteri, pengaruh persekitaran

rumah tangga kepada kesihatan mental, dan kewajipan tanggungjawab suami isteri dinyatakan pada aras setuju yang sekali gus menunjukkan tahap pengetahuan responden yang baik bagi konstruk ini. Seperti diketahui umum, sememangnya suami isteri perlu saling bertanggungjawab kepada urusan rumah tangga walaupun dilakukan tanpa kerelaan dan keikhlasan. Secara ringkas tanggungjawab kekeluargaan merujuk kepada suami tidak mengabaikan tanggungjawab kepada keluarga, manakala isteri patuh kepada suami selagi tidak melanggar syariat.

Sekali lagi bagi item berkaitan pilihan dan bukan berbentuk hukum, pendapat responden adalah pada aras sederhana seperti boleh dilihat pada item berkaitan merancang keluarga demi kebahagiaan. Perkara ini mungkin dipengaruhi persepsi responden kepada kehidupan sekarang di mana banyak cabaran, persaingan, dan terlalu bersifat keduniaan. Oleh itu, responden merasakan perlu membuat perancangan keluarga bersesuaian dengan taraf ekonomi dan pekerjaan.

5.8 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Ekonomi Rumah Tangga

Seperti dapatan konstruk lain, persoalan mengenai ekonomi rumah tangga turut mendapat pandangan dan persepsi yang baik di kalangan responden. Ini dapat dilihat dari semua item dikemukakan mendapat persetujuan dari responden dengan nilai min keseluruhan 4.485 iaitu melebihi aras setuju. Berdasarkan keempat-empat item dikemukakan, boleh dikatakan bahawa responden bahawa faktor ekonomi sangat penting dalam menjamin kebahagiaan rumah tangga walaupun ia bukan faktor utama. Di sini, responden berpendapat bahawa perancangan dan pengurusan ekonomi sangat penting dalam menjamin kebahagiaan keluarga walaupun dengan cara sederhana. Mungkin juga responden berpendapat bahawa kemewahan dan ekonomi adalah alat untuk mencapai kebahagiaan di mana faktor agama dan ilmu lebih penting sebagai mana dinyatakan dapatan sebelum.

5.9 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Pendidikan Keluarga

Merujuk kepada nilai min yang agak tinggi menghampiri sangat setuju, diandaikan responden mempunyai pengetahuan, persepsi, dan pandangan sangat baik dari aspek pendidikan dan bimbingan keluarga. Dapatan ini tidak menghairankan kerana sebahagian besar bahkan semua responden terdiri dari

pelajar pasca-siswazah yang mempunyai latar pendidikan yang tinggi. Daripada empat item dikemukakan, didapati responden bersetuju bahawa pendidikan keluarga terutama anak-anak adalah tanggungjawab bersama suami-isteri. Sebahagian besar responden juga bersetuju bahawa proses pendidikan dalam keluarga adalah berterusan dengan penekanan kepada pendidikan agama. Dapatan ini juga boleh dikaitkan dengan dapatan sebelum iaitu sebahagian besar responden mengutamakan faktor agama dan latar belakang pendidikan berbanding kecantikan fizikal dan kekayaan. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang baik dari aspek pendidikan dan bimbingan keluarga walaupun belum mengikuti kursus pra-perkahwinan.

5.10 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Belum Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam) Dari Aspek; Tujuan Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan

Berkaitan dengan persoalan pendidikan, didapati sebahagian besar responden (60%) menyatakan tujuan utama mengikuti kursus pra-perkahwinan disebabkan ingin mempelajari ilmu rumah tangga. Ini kerana dengan mempelajari ilmu rumah tangga, mereka mungkin dapat membentuk keluarga bahagian dan mendapat gambaran awal perkahwinan seperti dinyatakan oleh masing-masing 11.429% responden. Kedapatan juga responden (4.289% dan 1.429%) mengatakan kursus pra-perkahwinan perlu diikuti disebabkan ia adalah program wajib bagi membolehkan perkahwinan dilangsungkan. Manakala baki sebanyak 1.429% menjelaskan kursus pra-perkahwinan sewajarnya tidak terhad kepada bakal pengantin sahaja. Pendapat ini juga ada benar kerana setiap pasangan yang telah berkahwin juga sepatutnya diberikan kursus atau pendedahan ke arah pembinaan keluarga lebih bahagia. Kedapatan juga 10% responden yang tidak memberikan pendapat dengan membiarkan ruangan jawapan kosong.

5.11 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Berkahwin Pada Faktor Pemilihan Pasangan – Sebelum Mendirikan Rumah Tangga

Item-item bagi konstruk faktor pemilihan pasangan boleh dikategorikan kepada; melebihi aras setuju, aras sederhana setuju, dan sederhana setuju ke bawah. Bagi pendapat melebihi aras setuju, item-item berkenaan menunjukkan faktor utama dalam pemilihan pasangan seperti agama, berilmu, berpengetahuan, berakhlak, sopan santun, keturunan yang baik, serta saling memahami. Ini sekali gus menunjukkan betapa penting bagi individu mempunyai ciri-ciri umat Islam yang berkualiti yang antara lain bertujuan mendapatkan pasangan yang baik. Dapatan

ini juga menunjukkan sebahagian besar responden menghayati saranan syariat yang menghendaki mencari pasangan yang beragama dan berakhlak.

Sebaliknya bagi item berkaitan mencari pasangan yang pandai bergaya, ia mendapat persetujuan pada aras sederhana. Dapatan ini sekali gus menunjukkan bahawa penampilan dan gaya bukanlah suatu keutamaan pada mencari pasangan, sebaliknya ia adalah sekadar pilihan, sama ada dimiliki atau tidak pada pasangan individu. Sekiranya pasangan pandai bergaya dan menghias diri, maka ia dianggap bonus kepada faktor mencari pasangan. Pernyataan ini adalah andaian berdasarkan dapatan kajian bagi konstruk faktor pemilihan pasangan di kalangan responden kajian ini. Mungkin dapatan yang sedikit berbeza mungkin diperoleh sekiranya persoalan ini dikemukakan kepada individu yang mempunyai latar belakang berbeza.

Akhir sekali, didapati item berkaitan dengan harta dan kecantikan fizikal sebagai faktor pemilihan pasangan dinyatakan di bawah aras sederhana setuju menghampiri tidak setuju. Dapatan ini sekali gus menguatkan lagi dapatan bahawa keutamaan responden pada mencari pasangan ialah faktor agama, akhlak, dan keturunan. Ini berdasarkan andaian bahawa kecantikan adalah begitu subjektif dan berbeza mengikut perspektif individu. Manakala kekayaan tidak menjamin sepenuhnya kepada kebahagiaan sebaliknya pada pandangan responden, memadai bagi memenuhi keperluan rumah tangga. Namun demikian, dapatan ini mungkin berbeza sekiranya persoalan yang sama dikemukakan kepada individu dengan latar belakang berbeza.

5.12 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Berkahwin Terhadap Perhubungan dan Tanggungjawab Suami Isteri

Item-item dikemukakan berkaitan persoalan perhubungan dan tanggungjawab suami isteri seperti boleh dilihat pada Jadual 4.19 secara keseluruhan mendapat persetujuan responden. Terdapat 7 item iaitu item 1, 2, 4, 5, 6, 11, dan 13 yang mendapati persetujuan menghampiri sangat setuju (nilai min antara 4.5 – 4.75). Berdasarkan dapatan item-item berkenaan, boleh dikatakan perhubungan dan tanggungjawab suami isteri di kalangan responden mempunyai persekitaran seperti kerjasama dalam tanggungjawab bersama, keceriaan, jujur, keikhlasan, kerahsiaan, perbincangan, kesepakatan, kerahsiaan, dan saling menghargai. Ciri-ciri atau faktor perhubungan ini boleh dikategorikan sebagai sesuatu yang perlu atau mesti ada dalam perhubungan suami isteri bagi menjamin kebahagiaan atau ikatan rumah tangga agar berkekalan. Oleh itu, ia dinyatakan oleh responden pada aras persetujuan yang sangat tinggi.

Seterusnya, terdapat juga 4 item iaitu item 3, 8, 10, dan 12 seperti yang boleh dilihat pada Jadual 4.19 yang dinyatakan pada aras setuju. Perincian mendapati item-item berkenaan berkisar kepada persoalan berkaitan beban tanggungjawab, memberikan layanan yang baik, menjaga kebersihan diri, dan sunnah dalam perhubungan suami isteri. Berbeza dengan kelompok 7 item seperti dibincangkan sebelum, kelompok 4 item ini boleh dikatakan atau responden berpendapat sebagai nilai tambah atau “lebih baik jika ada” kepada faktor perhubungan suami isteri dan oleh itu, ia dinyatakan pada aras setuju (nilai min antara 4.31 – 4.42). Namun demikian, nilai tambah berkenaan tidak kurang penting sebagai menjamin kebahagiaan berpanjangan rumah tangga.

Terdapat juga dua item iaitu item 9 dan 7 yang dinyatakan pada aras sederhana setuju menghampiri setuju dengan nilai min 3.86 – 3.93. Dua item berkenaan berkaitan dengan sikap yang membuatkan pasangan sedih atau kecewa serta perbalahan akibat perkara kecil. Diandaikan perkara-perkara seperti dinyatakan dua item berkenaan pernah berlaku tetapi pada kekerapan yang berbeza mengikut responden. Apatah pernyataan pada dua item kelompok ini boleh dikatakan sebagai perkara yang sememangnya berlaku dalam perhubungan suami isteri terutama pada situasi zaman sekarang. Oleh yang demikian, ia dinyatakan secara keseluruhan sebagai sederhana setuju oleh responden.

Berdasarkan perbincangan persoalan berkaitan perhubungan dan tanggungjawab suami isteri, didapati terdapat tiga aras pendapat responden pada tiga bentuk perhubungan suami isteri. Pertama, pendapat sangat setuju pada perkara yang mesti ada atau perlu pada perhubungan suami isteri seperti keikhlasan tanggungjawab bersama dan penghargaan. Manakala pendapat setuju dinyatakan pada perkara yang memberi nilai tambah kepada kebahagiaan rumah tangga seperti layanan yang baik dan kebersihan diri. Akhir sekali, kelompok item yang dinyatakan sebagai sederhana setuju berkaitan dengan perkara yang sememangnya berlaku dalam perhubungan suami isteri seperti perbalahan, perasaan sedih, dan kecewa. Oleh itu, boleh dikatakan, perhubungan dan tanggungjawab suami isteri di kalangan responden bergantung kepada situasi semasa suami isteri.

5.13 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Berkahwin Terhadap Pengurusan Ekonomi Rumah Tangga

Terdapat dua aras utama bagi konstruk berkaitan ilmu pengetahuan rumah tangga. Pertama bagi item berkaitan penekanan kepada matlamat perancangan ekonomi rumah tangga mendapat nilai min tertinggi yang sekali gus menunjukkan sebahagian besar responden mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan

perancangan ekonomi rumah tangga. Sebaliknya bagi dua item berkaitan dengan kemewahan seperti hidangan mewah dan pemilikan kad kredit sekadar dinyatakan pada aras tidak setuju. Dapatan dua item ini boleh diandaikan pada dua situasi; sebahagian besar responden lebih mengutamakan faktor pengisian atau ruhhiyyah keluarga berbanding faktor material dalam menjamin kebahagiaan keluarga, dan kedua; mendapati majoriti responden mempunyai pendapatan yang dianggap sederhana. Oleh itu, kemewahan bukanlah keutamaan kepada responden sebagai menjamin kebahagiaan hakiki.

5.14 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Berkahwin Terhadap Pendidikan Anak-Anak

Merujuk kepada nilai min melebihi aras setuju (4.556) bagi konstruk pendidikan anak-anak, boleh dikatakan responden secara keseluruhan menyediakan peluang pendidikan terbaik kepada anak-anak. Perincian mendapati 11 dari 13 item yang dikemukakan mendapat nilai min melebihi 4.5. Persetujuan yang agak tinggi bagi item-item berkenaan menunjukkan responden mempunyai pendapat atau pandangan yang baik seperti berikut berkaitan pendidikan anak-anak;

- a) Tanggungjawab bersama suami isteri kepada pendidikan anak-anak dengan tidak mengharap pendidikan dari pihak sekolah semata-mata
- b) Proses pendidikan anak-anak bermula sejak awal iaitu semasa di dalam kandungan dan ketika masih kecil (peringkat usia bayi)
- c) Keseimbangan antara ilmu agama dan pendidikan bersifat keduniaan
- d) Pengetahuan ilmu agama sangat penting kepada ibu bapa sebagai usaha mendidik anak-anak
- e) Perlakuan ibu bapa terutama akhlak akan menjadi contoh ikutan kepada anak-anak. Oleh itu, sebahagian besar responden menyatakan mereka perlu berakhlak baik di hadapan anak-anak serta menjadikan anak-anak sebagai rakan pada situasi tertentu
- f) Perlakuan anak-anak perlu diawasi, dipantau, dan ditegur sekiranya mereka melakukan kesilapan seterusnya membantu memperbaiki akhlak anak-anak

Terdapat juga item yang dinyatakan sebagai setuju dengan min lebih rendah dari 4.5 iaitu 4.21. Item berkenaan jika diteliti berkaitan dengan penyediaan kemudahan dan bahan-bahan pendidikan agama di rumah. Pendapat sebahagian besar responden yang pada aras setuju ini mungkin disebabkan faktor penyediaan kemudahan dan bahan-bahan pendidikan agama yang memerlukan kos berbanding dapatan item-item sebelum yang lebih berbentuk pengisian. Tambahan pula, jika dikaitkan dengan Jadual, didapati sebahagian besar

responden mempunyai pendapatan RM2000 dan ke bawah. Oleh itu, penyediaan kemudahan dan bahan-bahan pendidikan agama bukanlah suatu kemestian, sebaliknya lebih tertumpu kepada aspek pengisian pendidikan anak-anak.

Selain itu, bagi item berkaitan keperluan pendidikan formal di kalangan anak-anak, didapati responden secara keseluruhan menyatakan pada aras sederhana setuju (nilai min = 3.78). Berdasarkan dapatan ini, boleh dikatakan bahawa sebahagian besar responden mungkin beranggapan item ini merujuk kepada pendidikan formal sudah memadai untuk pendidikan akademik atau berbentuk duniawi bagi anak-anak. Oleh yang demikian, ia dinyatakan sebagai sederhana setuju sahaja. Sebaliknya, pada pandangan responden, pendidikan formal perlu disokong dengan pendidikan tidak formal dan pendidikan non-formal yang mungkin disediakan oleh ibu bapa di luar waktu sekolah atau secara tidak langsung di rumah. Pendidikan tidak formal di sini juga mungkin bermaksud sebagai pendidikan atau bimbingan atau asuhan yang diterima anak-anak semasa di rumah.

5.15 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Berkahwin Terhadap Cabaran Melahirkan Keluarga Sakinah

Merujuk kepada analisis berkaitan persoalan cabaran melahirkan keluarga sakinah, menunjukkan secara keseluruhan pendapat responden berada pada aras sederhana setuju yang sangat menghampiri setuju (min = 3.974). Bagaimanapun, terdapat beberapa item iaitu item 29, 31, 33, 34, 36, dan 37 yang mendapat nilai min melebihi aras setuju dengan nilai min antara 4.22 hingga 4.52. Berdasarkan persetujuan yang tinggi terhadap item-item berkenaan, ia menunjukkan antara usaha atau tindakan melahirkan keluarga sakinah mengikut perspektif responden ialah:

- a) Hubungan keluarga yang erat mampu mengurangkan risiko pertelingkahan dan keluarga,
- b) Perbincangan sesama suami isteri penting sebagai langkah awal menyelesaikan masalah,
- c) Bermuhasabah penting bagi mengurangkan sifat-sifat negatif dalam diri sendiri,
- d) Berterus terang atau bersikap jujur dengan pasangan,
- e) Penyediaan kediaman yang selesa,
- f) Mengurangkan sikap panas baran yang mampu menyumbang kepada keretakan hubungan kekeluargaan,

Dari dapatan 6 item dinyatakan, boleh difahami bahawa sikap atau perlakuan suami isteri amat mempengaruhi kepada pembentukan keluarga sakinah dengan sebahagian besar responden memberikan pandangan yang positif dalam perkara ini. Selain itu, usaha sendiri individu seperti bermuhasabah mampu membantu kepada pembentukan keluarga sakinah. Manakala faktor luaran seperti kediaman yang selesa turut dipersetujui sebahagian besar responden kepada usaha ke arah melahirkan keluarga sakinah.

Terdapat juga tiga item (item 27, 32, dan 35) yang dinyatakan secara keseluruhan oleh responden pada aras sederhana setuju dengan nilai min antara 3.86 dan 3.51. Pendapat yang sederhana setuju berkenaan menunjukkan perkara-perkara berikut adalah sebagai nilai tambah kepada usaha melahirkan keluarga sakinah, seperti:

- a) Mengelakkan pertelagahan yang disebabkan masalah kewangan. Dapatan ini jika merujuk kepada dapatan sebelum (lihat Jadual 4.13) boleh dikatakan bahawa kekayaan fizikal dan kewangan bukanlah penentu kepada kebahagiaan sesebuah keluarga, sebaliknya adalah sebagai nilai tambah kepada kebahagiaan,
- b) Kerjaya tidak sepatutnya dijadikan alasan oleh pasangan untuk kurang memberi perhatian kepada keperluan keluarga,
- c) Sentiasa menghadiri majlis ilmu bukanlah jaminan sepenuhnya kepada kebahagiaan keluarga sebaliknya apa yang dipelajari dari majlis ilmu dilaksanakan dalam keluarga

Berdasarkan pendapat responden kepada tiga item dinyatakan secara sederhana setuju, ia menunjukkan bahawa faktor luaran seperti kewangan, kerjaya dan menghadiri majlis ilmu bukanlah jaminan kepada pembentukan keluarga sakinah, sebaliknya ia lebih kepada usaha-usaha yang diperlukan oleh individu atau pasangan ke arah pembentukan keluarga sakinah.

Satu item yang dikemukakan secara negatif iaitu berkaitan campur tangan keluarga pasangan dalam masalah rumah tangga dinyatakan secara keseluruhan pada aras tidak setuju (nilai min = 2.5). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden lebih selesa menyelesaikan masalah keluarga secara dalaman (contoh: perbincangan suami isteri) berbanding melibatkan pihak luar walaupun keluarga sendiri. Oleh itu, berdasarkan pendapat responden ini, usaha melahirkan keluarga sakinah adalah lebih kepada faktor dan tindakan suami isteri (dari dalam rumah tangga) berbanding faktor dan pengaruh luaran. Bagaimanapun, faktor atau persekitaran perlu diambil kira sebagai pertimbangan kepada melahirkan keluarga sakinah seperti faktor kediaman dan campur tangan keluarga pasangan.

5.16 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Terhadap Aspek Pemilihan Pasangan

Berdasarkan hasil analisis berkaitan faktor pemilihan pasangan seperti ditunjukkan di Jadual 4.23, didapati faktor “agama” amat ditekankan oleh para responden kumpulan 3 (para peserta kursus pra-perkahwinan) dengan nilai min 4.39 (tertinggi berbanding aspek lain bagi faktor pemilihan pasangan). Faktor seterusnya ialah “status pekerjaan atau ekonomi” dengan nilai min 3.69. Hal ini mungkin disebabkan pekerjaan atau ekonomi adalah sebagai sumber utama kepada kehidupan berkeluarga seperti makanan, kediaman, pendidikan serta aspek lain bagi kelangsungan hidup. Dengan nilai min 3.68, faktor “keturunan dan status sosio-ekonomi” mendapat tempat ketiga bagi faktor yang diutamakan dalam aspek pemilihan pasangan. Walaupun faktor ini mendapat tempat ketiga, namun masih dinyatakan pada aras sederhana keutamaan menghampiri diutamakan. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan para responden masih mementingkan faktor “keturunan dan status sosio-ekonomi” dalam pemilihan pasangan.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam menentukan “perjalanan hidup” seseorang individu sama ada dari segi agama, akhlak, pekerjaan, mahupun pergaulan sosial dengan persekitaran. Namun demikian, faktor “pendidikan” mendapat tempat keempat dengan nilai min 3.53 berbanding faktor lain. Dapatan ini diandaikan responden berpendapat bahawa cukup sekadar pasangan masing-masing mempunyai pendidikan asas yang menjamin kelangsungan hidup seperti aspek membaca, menulis dan mengira serta mampu menyediakan persekitaran selesa bagi rumah tangga. Bagaimanapun perkara ini adalah andaian kajian sahaja dan mungkin berbeza sekiranya ditanya secara terperinci kepada setiap responden atau individu.

Dengan faktor-faktor bersifat rohaniah atau dalaman individu mendapat keutamaan yang agak tinggi atau sederhana keutamaan, didapati faktor fizikal, kecantikan dan paras rupa mendapat tempat terendah (nilai min = 3.15). Hal ini mungkin disebabkan responden atau para peserta kursus merujuk kepada hadis Rasulullah yang berkaitan, iaitu yang bermaksud,

"Dinikahi wanita itu kerana empat perkara; kerana hartanya, keturunannya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah dalam hal keagamaannya. Nescaya beruntunglah kedua-dua tanganmu"

(Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sekiranya merujuk kepada maksud hadis berkenaan dan dapatan kajian ini berkaitan dengan faktor pemilihan pasangan, maka didapati responden telah meletakkan agama sebagai keutamaan pada pemilihan pasangan dan diikuti faktor lain.

5.17 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Terhadap Pengetahuan Pergaulan dan Akhlak dengan Pasangan Sebelum Berkahwin

Merujuk kepada Jadual 4.24, didapati responden mempunyai pengetahuan pada aras sederhana setuju menghampiri setuju (nilai min keseluruhan = 3.76) secara keseluruhan bagi konstruk pergaulan dan akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin. Namun demikian, beberapa perkara dinyatakan pada aras setuju yang menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenainya iaitu:

- a) Hak jagaan ibu bapa kepada anak perempuan yang telah bertunang,
- b) Batas pergaulan semasa tempoh pertunangan,
- c) Perlunya membawa teman (muhrim) semasa berjumpa walaupun “dalam tempoh pertunangan”,

Namun demikian, terdapat satu perkara yang diutarakan dalam bentuk pernyataan negatif seterusnya dinyatakan tidak setuju oleh responden iaitu berkaitan batasan pergaulan atau hak bersalaman antara pasangan dalam tempoh bertunang. Dapatan ini walaupun mendapat nilai min yang rendah (2.27), namun secara tidak langsung menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan batas pergaulan terutama dari aspek bersentuhan (bersalaman) dengan pasangan (tunangan). Berdasarkan dapatan hasil analisis item-item seperti di Jadual 4.24, maka boleh dikatakan responden mempunyai pengetahuan yang baik mengenai pergaulan dan akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin. Namun demikian, perkara ini perlu ditekankan lagi sepanjang kursus pra-perkahwinan bagi meningkatkan lagi kefahaman responden berkaitannya.

5.18 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Terhadap Pengetahuan Persediaan Menempuh Alam Perkahwinan

Hasil dapatan bagi konstruk persediaan menempuh alam perkahwinan, didapati responden bersetuju yang secara tidak langsung menunjukkan pengetahuan yang baik dari aspek; kepentingan penguasaan ilmu rumah tangga sebelum berkahwin (nilai min = 4.19), dan menetapkan matlamat hidup yang sama pada menempuhi alam rumah tangga (nilai min = 4.14). Seterusnya dengan nilai min

= 3.88 iaitu pada aras sederhana setuju menghampiri setuju, boleh dikatakan responden mempunyai pengetahuan yang agak baik tetapi boleh ditingkatkan mengenai hikmah anjuran perkahwinan dalam Islam. Sememangnya benar perbezaan adalah antara hikmah dianjurkan perkahwinan dalam Islam, namun itu bukanlah matlamat utama sebaliknya antara matlamat utama perkahwinan menurut maksud beberapa hadis Rasulullah ialah, sunah Rasulullah yang amat dituntut, sunat muakad, meramaikan umat Islam, dan mengekang nafsu. Merujuk kepada dapatan item 19 dan dikaitkan dengan dapatan item 16 dengan nilai min = 2.67, maka responden lebih bersetuju kepada penguasaan ilmu berbanding pemilikan harta sebelum berkahwin terutama bagi seorang lelaki. Dapatan item 16 juga boleh diandaikan bahawa perkahwinan boleh dilaksanakan sekiranya seorang lelaki tidak memiliki pendapatan (kerja) yang tinggi serta kemewahan harta benda sebaliknya mampu memenuhi kelangsungan hidup berumah tangga.

5.19 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Terhadap Pengetahuan Persediaan Urusan Perkahwinan

Dengan nilai min keseluruhan = 3.31 (lihat Jadual 4.26), boleh dikatakan pengetahuan responden berkaitan persediaan urusan perkahwinan berada pada aras sederhana. Perincian juga mendapati tiga dari empat item dinyatakan pada aras sederhana setuju yang boleh dikatakan responden mempunyai pengetahuan yang agak baik tetapi perlu dipertingkatkan mengenai perkara-perkara berikut:

- a) Kewajipan suami membayar mas kahwin walaupun selepas majlis akad nikah,
- b) Perlunya hubungan yang baik sejak awal perkenalan pasangan kerana hal demikian sebahagiannya mempengaruhi kebahagiaan alam rumah tangga yang bakal didirikan,
- c) Ibu bapa masih mempunyai hak yang besar kepada menentukan urusan dan perjalanan majlis perkahwinan.

Namun demikian, terdapat satu item (nilai min = 1.9) berkaitan dengan “perkahwinan adalah perkara membebaskan”. Dapatan yang berada pada aras tidak setuju ini menunjukkan bahawa responden memahami bahawa anjuran perkahwinan adalah disebabkan tuntutan agama yang tidak dianggap sebagai suatu bebanan.

5.20 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Terhadap Pengetahuan Akidah, Ibadah, dan Akhlak Dalam Berkeluarga

Mungkin responden beranggapan bahawa kehidupan beragama sangat memainkan peranan sangat penting dalam menentukan kebahagiaan berumah tangga, maka konstruk berkaitan akidah, ibadah dan akhlak seperti ditunjukkan di Jadual 4.27 mendapat nilai min yang tinggi (4.27) iaitu pada aras setuju. Hal ini dapat dilihat terutama dari aspek “akhlak ibu bapa sebagai contoh akhlak anak-anak” (nilai min = 4.63) dan “akidah dan akhlak adalah keutamaan kepada jaminan kebahagiaan rumah tangga” (nilai min = 4.62). Oleh itu boleh dikatakan bahawa responden sangat mementingkan pembentukan akhlak yang baik pada menjamin kebahagiaan rumah tangga. Perkara ini turut bersesuaian dengan dapatan item seterusnya iaitu “keputusan keluarga perlu dibincangkan bersama suami isteri” di mana kesaling fahaman suami isteri amat mempengaruhi kebahagiaan rumah tangga selain dari faktor akidah dan akhlak. Akhir sekali pernyataan “isteri mengingkari perintah suami akibat suami mengabaikan tanggungjawab keluarga” mendapat nilai min terendah bagi konstruk akidah, ibadah, dan akhlak dalam berkeluarga. Berdasarkan nilai min = 3.39 kepada item 25 ini, tiga andaian boleh dibuat; pertama, sebahagian responden bersetuju dengan pernyataan berkenaan; kedua, sebahagian yang lain tidak bersetuju; dan ketiga, selainnya terkeliru dengan pernyataan berkenaan.

Berdasarkan dapatan kepada perkara-perkara yang dinyatakan, maka secara keseluruhan boleh dikatakan responden mempunyai pengetahuan yang baik tetapi boleh dipertingkatkan mengenai akidah, ibadah dan akhlak dalam berumah tangga menerusi kursus pra-perkahwinan serta program berkaitan kehidupan berumah tangga bagi setiap individu.

5.21 Perbincangan Pendapat Individu Yang Telah Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Terhadap Pengetahuan Tanggungjawab, Pengurusan, dan Kesihatan Keluarga

Merujuk kepada nilai min yang berada pada aras sederhana setuju menghampiri setuju yang berkaitan dengan konstruk tanggungjawab, pengurusan dan kesihatan keluarga, menunjukkan sebagai besar responden mempunyai pengetahuan yang boleh dikatakan baik berkaitan aspek tanggungjawab dan pengurusan keluarga. Bagaimanapun, sebahagian besar responden mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan tanggungjawab bersama suami isteri ke arah menjamin kebahagiaan rumah tangga. Berkenaan dengan hal itu juga, sebahagian besar responden turut bersetuju bahawa perancangan keluarga diharuskan demi menjamin kebahagiaan keluarga. Hal ini juga boleh dikaitkan dengan kesaling fahaman dan tanggungjawab suami isteri kepada pembentukan perancangan demi kebahagiaan keluarga. Begitu juga dengan aspek kesihatan mental yang turut dinyatakan secara sederhana setuju menghampiri setuju sebagai mampu mempengaruhi

persekitaran, kebahagiaan dan hubungan rumah tangga. Berdasarkan dapatan item-item berkaitan konstruk tanggungjawab, pengurusan dan kesihatan keluarga, boleh dikatakan bahawa setiap individu memerlukan ‘didikan’ ‘pupukan’ dan ‘semaian’ kepada keikhlasan, ‘sikap bertanggungjawab’ dan ‘perasaan untuk perkongsian hidup’ sebelum menempuh alam rumah tangga.

5.22 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Terhadap Pengetahuan Pengurusan Ekonomi, Kewangan, dan Perbelanjaan Rumah Tangga

Merujuk kepada nilai min keseluruhan yang berada pada aras setuju, boleh dikatakan responden secara keseluruhan mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan pengurusan ekonomi, kewangan dan perbelanjaan rumah tangga. Hal ini boleh dilihat kepada semua item yang mendapat nilai min melebihi aras setuju pada perkara-perkara berikut:

- a) Suami tetap bertanggungjawab kepada urusan perbelanjaan rumah tangga walaupun isteri bekerja.
- b) Sumber ekonomi rumah tangga perlu dilaksanakan dengan baik dan bersumberkan ‘sumber yang halal’ bagi menjamin kebahagiaan rumah tangga serta pembentukan akhlak yang baik dalam kalangan anak-anak.
- c) Perbelanjaan rumah tangga sepatutnya diuruskan pada tiga perkara iaitu, perbelanjaan simpanan dan kebajikan.
- d) Aspek kesederhanaan dalam perbelanjaan rumah tangga lebih diutamakan menjamin kebahagiaan berbanding kemewahan.

Berdasarkan dapatan kepada item-item berkaitan pengurusan ekonomi, kewangan dan perbelanjaan rumah tangga, boleh dikatakan responden mempunyai pengetahuan yang baik berkenaannya.

5.23 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Yang Telah Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan Terhadap Pengetahuan Pendidikan dan Bimbingan Rumah Tangga

Pendapat responden terhadap konstruk pendidikan dan bimbingan keluarga secara keseluruhan berada pada aras setuju menghampiri sangat setuju. Hal ini sekali gus menunjukkan sebahagian besar responden mempunyai pengetahuan yang baik dari aspek pendidikan keluarga seperti mana diutarakan menerusi item-item soal selidik:

- a) Ilmu berkaitan rumah tangga perlu sentiasa dipertingkatkan walaupun selepas berkahwin,

- b) Adalah menjadi tanggungjawab bersama suami isteri kepada aspek pendidikan berterusan dalam keluarga,
- c) Ilmu dan kehidupan berlandaskan agama lebih menjamin kebahagiaan rumah tangga berbanding kemewahan,
- d) Pembentukan akhlak dan pendidikan anak bermula sejak awal di rumah.

Walaupun berdasarkan dapatan menunjukkan responden mempunyai pengetahuan yang baik dari aspek pendidikan dan bimbingan keluarga, namun ia perlu senantiasa dipertingkatkan lagi walaupun selepas berkahwin sebagai mana yang dinyatakan dalam salah satu item soal selidik konstruk ini. Oleh itu boleh juga difahami di sini, kursus pra-perkahwinan bukan sahaja dilaksanakan kepada bakal pengantin, bahkan perlu meliputi sepanjang kehidupan berumah tangga seseorang. Adalah menjadi tanggungjawab suami isteri untuk 'istiqamah' dalam proses pendidikan sama ada kepada diri sendiri atau terutama kepada anak-anak sepanjang menempuh alam perkahwinan.

5.24 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Terhadap Aspek Kefahaman Penyampaian (Lisan, Visual Dan Kejelasan Maklumat) Kursus Pra-Perkahwinan

Nilai min keseluruhan ialah 3.91 yang membawa maksud tahap kefahaman responden kepada kursus pra-perkahwinan yang diikuti berada pada aras sederhana setuju menghampiri setuju. Bagaimanapun, terdapat dua item yang dinyatakan pada aras setuju yang secara tidak langsung menunjukkan bahawa penyampaian maklumat secara lisan pada kursus pra-perkahwinan berkenaan diterima dengan baik serta mudah difahami.

Namun demikian, penggunaan audio visual pada penyampaian maklumat perlu dipertingkatkan dan dipelbagaikan kaedah penyampaiannya bagi meningkatkan tahap kefahaman para peserta. Begitu juga dengan bahan bercetak kursus (contoh: nota dan modul) yang perlu diperbaiki kaedah penyampaiannya agar boleh dibaca dan difahami walaupun tanpa bantuan penerangan lisan.

Oleh itu, berdasarkan dapatan kepada item-item dalam konstruk kefahaman penyampaian; lisan, visual dan kejelasan maklumat, maka boleh dikatakan bahawa aspek kaedah penyampaian isi kandungan kursus pra-perkahwinan perlu dipelbagaikan serta disokong dengan pelbagai aktiviti menarik bagi membantu meningkatkan kefahaman para peserta. Begitu juga dengan penggunaan alat pandangan dengar yang bukan berbentuk persembahan *PowerPoint* sahaja, tetapi juga mungkin boleh ditambah dengan elemen multimedia seperti animasi, video dan sumber laman web.

Dapatan kepada item-item ini diperbincangkan pada Bab 5 bertujuan menjawab persoalan kajian serta kesimpulan yang membawa kepada implikasi kajian.

5.25 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Terhadap Aspek Kefahaman Penyampaian (Kepentingan Modul Kepada Persediaan Perkahwinan, Skop / Rangkuman) Kursus Pra-Perkahwinan

Secara keseluruhan, sebahagian besar responden bersetuju (nilai min = 4.13) dengan item-item yang dikemukakan berkaitan kepentingan kursus pra-perkahwinan kepada persediaan perkahwinan sama ada dari segi skop dan rangkuman. Persetujuan kepada semua item yang diutarakan membawa kepada kesimpulan ringkas seperti berikut:

- a) Kursus perlu diwajibkan kepada semua bakal pengantin,
- b) Penerangan maklumat mengenai prosedur dan urusan perkahwinan perlu disampaikan dengan baik dan pastikan setiap peserta memahaminya kerana ia membantu bakal pengantin sebagai persediaan majlis perkahwinan,
- c) Isi kandungan kursus dianggap memadai sebagai memenuhi persediaan para peserta menempuh alam perkahwinan.

Berdasarkan hasil analisis kepada item-item berkaitan pendapat responden kepada pengisian kursus pra-perkahwinan, maka boleh dikatakan skop atau rangkuman kepada pengisian atau modul kursus pra-perkahwinan yang sedia ada memadai bagi memenuhi keperluan bakal pengantin bagi menghadapi alam perkahwinan, namun adalah lebih baik dipertingkatkan dari masa ke masa sesuai dengan perubahan sosial semasa.

5.26 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Terhadap Aspek Kefahaman Penyampaian (Penceramah, Fasilitator Dan Interaksi Pihak Urus Setia) Kursus Pra-Perkahwinan

Walaupun secara keseluruhan pendapat responden berada pada aras setuju bagi konstruk penceramah, fasilitator dan interaksi pihak urus setia sepanjang pelaksanaan kursus pra-perkahwinan, namun terdapat dua kategori pendapat sebahagian besar responden kepada item-item yang diutarakan. Pendapat pertama yang dikategorikan bersetuju:

- a) kursus pra-perkahwinan yang diikuti berfaedah kepada pembentukan alam rumah tangga yang lebih harmoni,
- b) penyampaian dan penerangan maklumat yang berkesan.

Terdapat juga perkara-perkara lain yang dinyatakan secara sederhana setuju oleh responden:

- a) Fasilitator memudahkan pelaksanaan atau menjalankan aktiviti sepanjang kursus diadakan,
- b) Mudah dan menyenangkan berurusan dengan pihak urus setia,
- c) Penceramah mudah dihubungi walaupun selepas kursus,
- d) Bahasa penyampaian isi kandungan kursus yang bersesuaian dan mudah difahami,
- e) Sesi soal jawab dikendalikan dengan baik oleh penceramah.

Berdasarkan hasil analisis kepada item-item berkaitan pendapat responden kepada kursus pra-perkahwinan dari aspek penilaian penceramah, fasilitator dan interaksi pihak urus setia, maka boleh dikatakan penceramah perlu mempelbagaikan kaedah penyampaian semasa kursus pra-perkahwinan bagi memudahkan pemahaman para peserta. Selain itu, peranan fasilitator yang terdiri dari pihak urus setia atau penganjur kursus pra-perkahwinan perlu lebih aktif membantu para peserta melaksanakan sebarang aktiviti pada kursus pra-perkahwinan yang diikuti.

5.27 Perbincangan Dan Kesimpulan Pendapat Individu Terhadap Aspek Kefahaman Penyampaian (Fizikal Persekitaran Tempat Pelaksanaan Program dan Penyertaan Bilangan Peserta) Kursus Pra-Perkahwinan

Merujuk kepada hasil analisis seperti di Jadual 4.37, didapati sebahagian besar pendapat responden boleh dinyatakan pada aras baik dan sederhana atau memuaskan. Seterusnya perincian mendapati penilaian berkaitan penceramah, fasilitator dan pihak urus setia dinyatakan sebagai baik. Begitu juga dengan kefahaman responden kepada penyampaian dan pengisian kursus. Namun demikian dari aspek pelaksanaan, kursus pra-perkahwinan yang dianjurkan perlu diperbaiki agar lebih membantu para peserta kursus fokus kepada pengisian dan penyampaian isi kandungan kursus.

5.28 Perbincangan Dan Kesimpulan Perbezaan Pendapat Individu Yang Belum Dan Telah Mengikuti Kursus Pra-Perkahwinan (Modul Bersepadu Kursus Pra-Perkahwinan Islam)

Merujuk kepada perbandingan nilai min seperti di Jadual 4.38, didapati terdapat dua kategori konstruk selepas mengikuti kursus pra-perkahwinan, iaitu menunjukkan perubahan (peningkatan) dan perubahan (penurunan). Didapati juga item konstruk yang menunjukkan perubahan (penurunan) lebih banyak berbanding item konstruk yang menunjukkan perubahan (peningkatan). Berikut

ialah perincian kepada dapatan perbandingan item konstruk sebelum dan selepas kursus pra-perkahwinan:

Item konstruk (perubahan meningkat)

- a. Keturunan dan status sosio-ekonomi
- b. Status pekerjaan / ekonomi
- c. Konstruk : persediaan urusan perkahwinan

Item konstruk (perubahan menurun)

- a. Fizikal, kecantikan / rupa paras
- b. Taraf pendidikan
- c. Status pekerjaan / ekonomi
- d. Beragama
- e. Pergaulan dan akhlak dengan pasangan sebelum berkahwin
- f. Persediaan menempuh alam perkahwinan
- g. Persediaan urusan perkahwinan
- h. Akidah, ibadah dan akhlak dalam berkeluarga

Melihat kepada item konstruk perubahan (penurunan) lebih banyak berbanding item konstruk perubahan (peningkatan), maka sepintas lalu menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden berkaitan dengan item konstruk semakin menurun. Walau bagaimanapun, hal ini boleh dipersoalkan kerana perbezaan latar belakang responden bagi kedua-dua soal selidik. Responden kumpulan 1 yang menjawab borang Soal Selidik 1 iaitu sebelum kursus pra-perkahwinan sebahagian besar terdiri dari pelajar pasca-siswazah manakala responden kumpulan 3 yang menjawab borang Soal Selidik 2 iaitu selepas kursus pra-perkahwinan sebahagian besar terdiri dari individu yang telah bekerja. Diandaikan perbezaan latar belakang responden ini menyebabkan terdapat perbezaan atau perubahan (penurunan) kepada tahap pengetahuan yang diukur berdasarkan perbandingan nilai min hasil analisis borang Soal Selidik 1 dan borang Soal Selidik 3.

6.0 CADANGAN KAJIAN

Beberapa cadangan dikemukakan berdasarkan hasil kajian sebagai penambahbaikan kepada kursus pra-perkahwinan sedia ada terutama kepada pelaksanaan Program Keluarga Sakinah : Modul Kursus Pra-perkahwinan. Secara umum, dapatan kajian ini boleh dijadikan data awalan atau perbandingan kepada kajian lanjutan yang mungkin dilaksanakan pada perspektif berbeza dan berskala besar. Berikut dinyatakan beberapa cadangan hasil kajian:

- a) Penekanan kepada aspek akidah, keagamaan, dan akhlak dalam pelaksanaan modul kursus pra-perkahwinan berbanding aspek materialistik dan fizikal.
- b) Manakala selepas mendirikan rumah tangga, satu program pembangunan keluarga yang berkaitan pengurusan rumah tangga, pendidikan keluarga serta pembentukan keharmonian keluarga perlu diberikan kepada pasangan yang telah mendirikan rumah tangga.
- c) Pelaksanaan Program Keluarga Sakinah diperluaskan dan diberi penekanan kepada pasangan selepas mendirikan rumah tangga secara berskala. Sebagai contoh, setiap dua atau tiga tahun, setiap pasangan digalakkan menyertai kursus berkaitan kekeluargaan.
- d) Tempat penganjuran program berkaitan kekeluargaan (contoh : Program Keluarga Sakinah selepas mendirikan rumah tangga) tidak tertumpu pada premis Pejabat Agama Daerah atau masjid sahaja, sebaliknya bersesuaian juga diperluaskan di tempat kerja (seperti agensi kerajaan) memandangkan sebahagian besar individu bekerja.
- e) Mempelbagaikan aktiviti Program Keluarga Sakinah selain berbentuk ceramah atau syarahan. Mungkin juga diadakan program-program berbentuk riadah, rehlah, aktiviti luar (outdoor activity) atau yang bersesuaian bagi menarik minat masyarakat.
- f) Meluaskan capaian (access) kepada Program Keluarga Sakinah (bagi pasangan yang telah mendirikan rumah tangga) menerusi penggunaan aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seperti laman web, laman web sosial, kumpulan maya atas talian (virtual group) atau membentuk komuniti maya yang saling membantu bagi meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan keluarga Sakinah.

7.0 PENUTUP

Perbincangan dan kesimpulan kepada beberapa perkara yang dikemukakan kepada para responden berjaya membantu kepada menjawab persoalan kajian yang dinyatakan pada awal kajian. Secara keseluruhan, kursus pra-perkahwinan yang dianjurkan menggunakan Modul Keluarga Sakinah: Pra-perkahwinan didapati mampu membantu para peserta kepada lebih memahami tanggungjawab sebuah perkahwinan dan juga sebagai persediaan 'mental' dan 'fizikal' sebelum melangsungkan majlis perkahwinan. Namun demikian, beberapa perkara perlu diberi perhatian terutama oleh pihak penganjur kursus pra-perkahwinan. Antaranya ialah penyampaian isi kandungan kursus perlu lebih bersifat interaktif dan aktif (lebih banyak aktiviti melibatkan interaksi penceramah - peserta) serta bantuan penggunaan alatan multimedia. Selain itu, aspek isi kandungan kursus pra-perkahwinan perlu disemak kembali dari aspek pelaksanaan dan rangkuman memandangkan perubahan semasa kepada persekitaran sosial kini yang bukan sahaja berbentuk fizikal, bahkan banyak dipengaruhi 'persekitaran sosial maya' lantaran perkembangan teknologi. Dapatan kajian boleh digunakan sebagai panduan pelaksanaan kajian lanjutan pada pelbagai perspektif dan penglibatan lebih ramai pihak yang berkenaan.

RUJUKAN

- Abd. Rahman Abd Majeed (2003). *Sifat-Sifat Lelaki Yang Disukai Isteri*. Kuala Lumpur: Darul Nu`man.
- Abd. Rahim Abd Rashid, Sufean Hussin dan Jamaludin Tubah (2006). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz (1998). *Kursus Dan Bimbingan Perkahwinan*. Kuala Lumpur: Darul Nu`man.
- Abdul Azwar Manaf (1997). *Petua Membentuk Anak Pintar Dan Kreatif*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Abdul Ghani Ahmad Naji (1991). *Ibu Dan Anak Menurut Pandangan Islam*. Terjemahan oleh Nik Ismah Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdullah Al-Qari Bin Salleh (1972). *Dasar-Dasar Pendidikan Menurut Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Abdullah Nasih Ulwan (1988). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Jilid 1. Terjemahan oleh Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Abdullah Nasih Ulwan (2002). *Pendidikan Anak-Anak Dalam Islam*. Jilid 2. Terjemahan oleh Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional.
- Abu Fuad Firdaus Ahmad Sanusi (2005). *Pedoman Pendidikan Islam Sejak Anak Dalam Kandungan Hingga Dewasa*. Jakarta, Indonesia: Pustaka Abu Hurairah.
- Abu Hafsh Usamah bin Kamal ‘Adbir Razzaq (2006). *Panduan Lengkap Nikah (Dari “A” Sampai “Z”)*. Bogor; Pustaka Ibnu Katsir.
- Ahmad Mohd. Salleh (2004). *Pendidikan Islam Falsafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Shalabi (1976). *Sejarah Pendidikan Islam*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Aishah Hassan (1988). *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-Anak*. Bahagian Dua. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Al-Maghribi bin as-Said al-Maghribi (2004). *Begini Seharusnya Mendidik Anak— Panduan Mendidik Anak Sejak Masa Kandungan Hingga Dewasa*. Terjemahan oleh Zainal Abidin, Lc. Jakarta, Indonesia: Darul Haq.
- Amina Bt. Noor (1999). *Mendidik Mental Anak*. Kuala Lumpur: Darul Nu`man.
- Basri Ibrahim (1997). *Pemantapan Kekeluargaan* . Kuala Lumpur : Darul Nu`man.
- Abu Hassan (1999). *Krisis Rumah tangga & Cara Mengatasinya*. Kuala Lumpur: Darul Nu`man.
- Abu Hassan (2002). *Seks dan Rumah tangga*. Kuala Lumpur: Darul Nu`man.

- Abdul Halim El-Muhammady (1988). "Falsafah Pendidikan Kanak-Kanak Dalam Islam." *Jurnal Pendidikan Islam*. Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Hasan Ali (1996). *40 Kesilapan Mendidik Anak. Siri Keluarga Mithali Utusan - AKRAB*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Bakri A. Rahman dan Ahmad Sukardja SH (1981). *Hukum Perkahwinan Menurut Islam: Undang-Undang Perkahwinan Dan Hukum Perdata/BW*. Jakarta, Indonesia: Penerbit PT Hidakarya Agung.
- Fatimah Omar (1995). *Anak 'Amanah Allah'*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Harun Arrasyid Tuskan (2004). *Pengorbanan Ibu Bapa Terhadap Anak*. Kuala Lumpur: Progressive Publishing House Sdn.Bhd.
- Hasan Langgulung (1986). *Manusia dan Pendidikan. Suatu Analisis Psikologi dan Pendidikan*. Jakarta, Indonesia: Pustaka Al-Husna.
- Hassan Salleh (1993). *Asas-Asas Kekeluargaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Imam Ghazali (1975). *Bimbingan Mu'min*. Selangor; Klang Book Centre.
- Kamal Muchtar (1974). *Asas-Asas Hukum Islam Tentang Perkahwinan*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom, (2007). *Pendidikan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan, Edisi Ke-Dua (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim Ilahi (1995). *Jodoh Perkahwinan & Rumah tangga Bahagia*. Johor: Penerbitan Al-Masyhur Sdn. Bhd.
- Kerajaan Negeri Melaka (2005). *Rumahku Syurgaku Modul 2*. Melaka: Bahagian Pembangunan Rumahku Syurgaku, Jabatan Ketua Menteri Melaka.
- Kerajaan Negeri Melaka (2005). *Rumahku Syurgaku Modul 4*. Melaka: Bahagian Pembangunan Rumahku Syurgaku, Jabatan Ketua Menteri Melaka.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majeed (1995). *Kursus Perkahwinan Dan Undang-Undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dasar Padu (M) Sdn. Bhd.
- Mat Saat Abd.Rahman (1993). *Undang-Undang kekeluargaan Islam Aturan Perkahwinan Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*. Shah Alam, Selangor: HIZBI Sdn. Bhd.
- Mohd Fadzilah Kamsah dan Muhammad Zakaria (2005). *21 Kaedah Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd. Hasmawi (2000). *Mahligai Syahdu Idaman Isteri*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Mohd.Idris Abdul Rauf al-Marbawi (1350H / 1931M). *Kamus al-Marbawi*. Mesir: Mustofa al- Baabi al-Halabi Wa Auladuhu Bimisra.

- Muhammad Isa Selamat (1998). *Suami Teladan Igauan Isteri*. Kuala Lumpur: Darul Nu`man.
- Muhammad Nur Abdullah Hafiz Suaid (2006). *Didik Anak Cara Rasulullah s.a.w*. Selangor: Klang Book Centre.
- Muhammad Salih Samak (1983). *Ilmu pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Thalib (1999). *90 Tips Kedamaian Suami Isteri*. Kuala Lumpur: Darul Nu`man.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugho dan Ali al-Syarbaji (2002). *Kitab Fikah Mazhab Syafie*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- N Nasuha Ma (2000). *Mutiara Syurga Di Kamar Suami Isteri*. Kuala Lumpur: Darul Nu`man.
- Noorfizah Abdul Malek (1995). *Siri Motivasi Keluarga: Bimbingan Motivasi Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu`man.
- Perkembangan dan Masalah Tingkah Laku Remaja Dalam Keluarga. Universiti Malaya: Pusat Pembangunan Keluarga.
- Peunoh Daly (1989). *Hukum Perkahwinan Islam Suatu Studi Perbandingan Dalam Kalangan Ahlus Sunnah Dan Negara-Negara Islam*. Selangor: Thinker Library Sdn. Bhd.
- Qadi Muhd Ahmad (1993). *Perkahwinan Etika Hubungan Suami Isteri*. Kuala Lumpur: Darul Nu`man.
- Rusmiati Harun (1995). *Falsafah Perkahwinan Dalam Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Saat Sulaiman (2005). *Panduan Menjadi Ibumama Cemerlang: Siri Pembangunan Keluarga*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Saedah Siraj (2006). “Mengamalkan Konsep Perkongsian Hidup Melalui Perkahwinan.” *Seminar Falsafah Perkahwinan*, Universiti Malaya. 29 - 30 Mac.
- Siti Nor Bt. Mohd Tahir (2007). *Konsep Keluarga Bahagia Menurut Perspektif Islam*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Syeikh Ghazali Abd.Rahman (1997). *Memasuki Gerbang Perkahwinan*. Kuala Lumpur : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Yahya Jusoh et.al (2000). *Pengantar Institusi-Institusi Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Zahazan Mohamed (2006). *Anakku Hebat Anakku Soleh*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

PERTAUTAN AMALAN YASIN DAN TAHLIL DI NEGERI JOHOR DENGAN AMALAN DI MADINAH AL-RASUL ABAD KE-17 MASIHI: KAJIAN MENURUT SHAYKH ABDUL RA'UF AL-SINGKILI (1024H/1615M - 1105H/1693M)

Arieff Salleh Rosman^{a*}, Mohd Syukri Yeoh Abdullah^b, Zuraini Mashrom^c,
Zulkiflee Haron^a, Mohd. Nasir Ripin^a

^a*Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFiRST),
Universiti Teknologi Malaysia, Johor*

^b*Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.*

^c*Institut Pendidikan Guru Pendidikan Islam Bangi, Selangor*

**Corresponding author: aswar@utm.my*

Abstrak

Amalan bacaan Yasin dan tahlil yang diamalkan sejak sekian lama di Alam Melayu, khususnya di Negeri Johor telah menjadi polemik perdebatan dalam kalangan ilmuan semasa. Amalan ini dilihat oleh sebahagian ilmuan semasa sebagai amalan bid'ah yang tiada asal usulnya daripada Nabi Muhammad SAW. Ini menimbulkan keresahan dalam kalangan umat Islam di Negeri Johor. Artikel ini merungkai polemik ini dengan merujuk kepada manuskrip penulisan Shaykh Abdul Ra'uf Al-Singkili, iaitu 'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin. Menurut Shaykh Abdul Ra'uf Al-Singkili, amalan bacaan Yasin dan tahlil pada malam Jumaat merupakan salah satu amalan yang diamalkan para AhlilLah di Madinah al-Rasul pada kurun pada abad ke-17 Masihi berdasarkan ijtihad tarbiyyah ruhiyyah yang dilakukan oleh ulama' Haramayn, iaitu Shaykh Ahmad al-Qushashi. Artikel ini mengemukakan teks amalan tersebut yang dinyatakan dalam manuskrip 'Umdat al-Muhtajin berserta tahqiq dan selanjutnya menganalisa beberapa isu berkaitan amalan tersebut berdasarkan penjelasan hadis Nabi Muhammad SAW dan ijtihad para ulama' muktabar. Berdasarkan kajian yang dilakukan, amalan Yasin dan tahlil yang diamalkan oleh umat Islam di Alam Melayu secara jelasnya bukan amalan bid'ah yang direka-reka, bahkan ia disandarkan kepada hadis Nabi Muhammad SAW dan ijtihad tarbiyyah ruhiyyah ulama' AhlilLah yang muktabar.

Kata kunci: Bacaan Yasin dan Tahlil, Ijtihad, Tarbiyyah Ruhiyyah, Amalan Tawqifi, Amalan Tawfiqi

1.0 PENDAHULUAN

Dewasa ini, terdapat pelbagai pengaruh aliran amalan yang berbeza memasuki Alam Melayu. Antara faktor yang menyumbang ialah terdapat sarjana Melayu dihantar keluar belajar ke luar negara yang membawa pulang pelbagai pengaruh tersebut. Oleh kerana tanpa mengetahui asal usul dan kedangkalan pengalaman dan ilmu, menyebabkan sebilangan besar mereka ini menganggap amalan masyarakat Alam Melayu, terutama sekali amalan pembacaan tahlil Yasin tidak memiliki landasan yang kukuh, malah dituduh melakukan bid'ah yang buat kerosakan dalam masyarakat.

Tuduhan sedemikian telah menimbulkan keraguan dan kegelisahan masyarakat Islam di Alam Melayu terhadap amalan seperti wirid seusai solat, tahlil Yasin dan ayat al-Manzil (al-Hirs) yang mereka warisi dan menjadi amalan seharian di masjid selama ini, seolah-olah tidak memiliki sejarah, asal usul dan landasan. Keadaan ini telah menimbulkan kerancuan pemahaman, keyakinan dan penghayatan agama seluruh masyarakat Islam di Malaysia. Artikel ini akan merungkai permasalahan ini dengan mengemukakan analisa kepada konsep ijtihad tarbiyah ruhiyah dan sejarah amalan bacaan Yasin dan tahlil di Alam Melayu.

2.0 AMALAN YASIN DAN TAHLIL DALAM MANUSKRIP *UMDAT AL-MUHTAJIN*

Shaykh Abdul Ra'uf Al-Singkili menjelaskan dalam kitabnya *'Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin* (Abdul Ra'uf Al-Singkili, t.th.):

“Dan sayugianya pula dikerjakan oleh segala *jama'ah* yang menjalani jalan ini tiap-tiap malam Jumaat, atau malam Isnin, atau malam Selasa seperti *ratib shaykh* kita dalam Madinah al-Rasul itu, iaitu pertama, dibaca mereka itu Fatimah akan shaykh kita yang tersebut itu, setelah itu maka akan segala *masyaikh* yang *ahl al-silsilah* dengan perlahan-lahan, setelah itu maka akan Nabi sallalLah ‘alayhi wa sallam dengan barang suara mereka itu. Setelah itu, maka dibaca mereka itu Yasin sekali bersama-sama dengan barang suara mereka itu, dan diulang-ulang mereka itu membaca seperti berikut:

a) tiga kali ¹ ﴿سَلَامٌ قَوْلًا مِّن رَّبِّ رَحِيمٍ﴾

b) Tiga kali ² ﴿فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ﴾

Setelah itu, maka dibaca mereka itu pula sekali. ³ ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمَلِكُ﴾

Dan diulang-ulang mereka itu tiga kali. ⁴ ﴿قُلْ هُوَ الرَّحْمَنُ أَمَّنَّا بِهِ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا﴾

Setelah selesai daripada membaca surah itu, maka dibaca mereka itu pada akhirnya:

¹ Surah Yasin, ayat 58.

² Surah Yasin, ayat 83.

³ Iaitu membaca surah al-Mulk seusai membaca surah Yasin.

⁴ Surah al-Mulk, ayat 29.

﴿رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾⁵، اللَّهُ ﴿فَتَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ﴾⁶، ﴿إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ﴾⁷، ﴿وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾⁸، ﴿وَاللَّهُ مِنْ وَرَائِهِمْ مُحِيطٌ. بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَّجِيدٌ فِي لَوْحٍ مَّحْفُوظٍ﴾⁹، ﴿يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً. فَادْخُلِي فِي عِبَادِي. وَادْخُلِي جَنَّاتِي﴾¹⁰ .sekali

Setelah itu, maka dibaca mereka itu ﴿وَالضُّحَىٰ﴾¹¹ hingga datang kepada ﴿تَبَّتْ يَدَا﴾¹¹ sekali. Setelah itu, maka dibaca mereka itu dua belas kali ﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾¹² bersama-sama. Setelah itu, maka dibaca mereka itu ﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ﴾¹³ dan dan surah Fatihah sekali. Setelah itu, maka dibaca ﴿قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ﴾¹⁴ mereka itu

﴿الْم. ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ. الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ. وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ. أُولَٰئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ﴾¹⁵

Setelah itu, maka dibaca mereka itu

﴿وَالِهَيْكُمُ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ﴾¹⁶ ،
﴿اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ﴾¹⁷

⁵ Surah al-A'raf, ayat 54.

⁶ Surah al-Mu'minun, ayat 14.

⁷ Surah al-A'raf, ayat 56.

⁸ Surah al-An'am, ayat 45.

⁹ Surah al-Buruj, ayat 20-22.

¹⁰ Surah al-Fajr, 27-30.

¹¹ Iaitu membaca surah al-Dhuha sehingga surah al-Masad.

¹² Iaitu membaca surah al-Ikhlash.

¹³ Iaitu membaca surah al-Falaq.

¹⁴ Iaitu membaca surah al-Nas.

¹⁵ Surah al-Baqarah, ayat 1-5.

¹⁶ Surah al-Baqarah, ayat 163.

¹⁷ Surah al-Baqarah, ayat 255.

hingga datang kepada akhir ayat al-kursi. Setelah itu, maka dibaca mereka itu

﴿لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۚ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمَرْ
بِاللَّهِ فَقَدْ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾ اللَّهُ
وَلِيُّ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ ۗ وَالَّذِينَ كَفَرُوا
أَوْلِيَآؤُهُمُ الطَّاغُوتُ يُخْرِجُونَهُم مِّنَ النُّورِ إِلَى الظُّلُمَاتِ ۗ أُولَٰئِكَ
أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٥٧﴾﴾¹⁸

Maka dibaca mereka itu:

﴿لِلَّهِ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ ۗ وَاِنْ تُبَدُوْا مَا فِىْ اَنْفُسِكُمْ اَوْ تَخَفُوْهُ
يُحٰسِبْكُمْ بِهٖ ۗ اللّٰهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَآءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَآءُ ۗ وَاللّٰهُ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيْرٌ ﴿٢٥٨﴾ ءَاٰمَنَ الرَّسُوْلُ بِمَا اُنزِلَ اِلَيْهٖ مِنْ رَّبِّهٖ ۗ وَالْمُؤْمِنُوْنَ كُلٌّ ءَاٰمَنَ بِاللّٰهِ
وَمَلٰٓئِكَتِهٖ ۗ وَكُتِبَہٗ وِرْثٰہٗ ۗ وَرُسُلِهٖ ۗ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ اَحَدٍ مِّنْ رُّسُلِهٖ ۗ وَقَالُوْا سَمِعْنَا
وَاَطَعْنَا ۗ غُفْرٰنَكَ رَبَّنَا ۗ وَاِلَيْكَ الْمَصِيْرُ ﴿٢٥٩﴾ لَا يُكَلِّفُ اللّٰهُ نَفْسًا اِلَّا وُسْعَهَا ۗ
لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ۗ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا اِنْ نَسِْنَا اَوْ اٰخَطَاْنَا ۗ رَبَّنَا
وَلَا تَحْمِلْ عَلَيْنَا اِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ ۗ عَلٰى الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِنَا ۗ رَبَّنَا وَلَا
تَحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهٖ ۗ وَاَعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَا وَاَرْحَمْنَا ۗ اَنْتَ مَوْلٰنَا
فَاَنْصُرْنَا عَلٰى الْقَوْمِ الْكَافِرِيْنَ ﴿٢٦٠﴾﴾¹⁹

¹⁸ Surah al-Baqarah, ayat 256-257.

¹⁹ Surah al-Baqarah, ayat 284-286.

﴿وَأَعْفُ عَنَّا وَاعْفِرْ لَنَا وَارْحَمْنَا﴾²⁰ Pada hal diulang-ulang mereka itu membaca tiga kali. Setelah itu, maka dilalukan mereka itu kepada akhir surah. Setelah itu, maka dibaca mereka itu dapatnya.-barang sedapat يا أرحم الراحمين إرحمنا²¹ Kemudian, maka dibaca mereka itu

﴿رَحِمْتَ اللَّهُ وَبَرَكَاتُهُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ إِنَّهُ حَمِيدٌ مَّجِيدٌ﴾²²، ﴿إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا﴾²³، ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾²⁴

Setelah itu, maka mengucap selawatlah mereka itu barang sedapatnya, iaitu

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ²⁵، عدد خلقك، ورضى نفسك، وزنة عرشك، ومداد كلماتك، كلما ذكرك الذاكرون وغفل عن ذكرك الغافلون²⁶

²⁰ Surah al-Baqarah, ayat 286.

²¹ Abu Umamah al-Bahili melaporkan, Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya Allah mewakili seorang malaikat untuk sesiapa yang membaca ‘Ya Arham al-Rahimin’. Sesiapa yang membacanya tiga kali, maka malaikat itu akan berkata, ‘Sesungguhnya Tuhan yang paling merahmati telah menerima daripada kamu, maka mohonlah daripadanya.’” Hadis sahih direkod oleh Imam Munziri – al-Munziri, ‘Abd al-‘Azim ibn ‘Abd al-Qawiy, *al-Tarhib wa al-Tarhib* (al-Riyadh: Maktabah al-Ma’arif, 1424H), jil. 2, hlm 393.

²² Surah Hud, ayat 73.

²³ Surah al-Ahzab, ayat 33.

²⁴ Surah al-Ahzab, ayat 56.

²⁵ Selawat ini adalah berdasarkan hadis sahih yang dilaporkan oleh ‘Uqbah bin ‘Amr bin Tha’labah dan direkodkan oleh Imam al-Tirmizi.

²⁶ Imam al-Khatib al-Sharbini melaporkan, “al-Asbahani berkata, ‘Saya pernah mimpi berjumpa Nabi Muhammad SAW. Saya bertanya kepada Baginda, ‘Wahai Rasulullah, adakah Tuan memberikan satu keistimewaan khusus untuk Muhammad bin Idris al-Syafi’i?’ Baginda menjawab, ‘Ya. Aku memohon daripada Allah agar Dia tidak menghisabnya (al-Syafi’i)’. Saya bertanya lagi, ‘Kenapa wahai Rasulullah?’ Baginda menjawab, ‘Kerana dia berselawat untukku dengan selawat yang tidak pernah diungkap oleh orang lain.’ Saya bertanya lagi, ‘Apakah selawat itu wahai Rasulullah?’ Baginda menjawab, ‘Dia berselawat, ‘*Allahumma salli ‘ala Muhammad kullama zakaraka al-zakirun, wa salli ‘ala Muhammad wa ‘ala ali Muhammad kullama ghafala ‘an zikrihi al-ghafilun.*’” – al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad al-Khatib al-Syafi’i,

Setelah itu, maka dibaca mereka itu

اللهم يا سابع النعم، ويا دافع النقم، ويا فارح الغمم، ويا كاشف الظلم، ويا أعدل من حكم، ويا حسيب من ظلم، ويا ولي من ظلم، ويا أول بلا بداية، ويا آخر بلا نهاية، ويا من له اسم بلا كنية، اللهم اجعل لنا من أمرنا فرجا ومخرجا²⁷

lima kali. Setelah itu, maka dibaca mereka itu²⁸ pula salawat yang lain, iaitu

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ السَّابِقِ لِلْخَلْقِ نُورُهُ الرَّحْمَةَ لِلْعَالَمِينَ ظُهُورُهُ عَدَدَ مَنْ مَضَى مِنْ خَلْقِكَ، وَمَنْ بَقِيَ وَمَنْ سَعِدَ مِنْهُمْ وَمَنْ شَقِيَ صَلَاةٌ تَسْتَعْرِقُ الْعَدَّ وَتَحِيطُ بِالْحَدِّ، صَلَاةٌ لَا غَايَةَ لَهَا وَلَا انْتِهَاءَ وَلَا أَمَدَ وَلَا انْقِضَاءَ، صَلَاتُكَ الَّتِي صَلَّيْتَ عَلَيْهِ صَلَاةً دَائِمَةً بِدَوَامِكَ بَاقِيَةً بِبِقَائِكَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ كَذَلِكَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى ذَلِكَ²⁹

Mughni al-Muhtaj 'ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj (Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1994), jil. 1, hlm. 565.

²⁷ Anas bin Malik melaporkan, “Pada hari Allah membebaskan Aisyah daripada fitnah, saya duduk bersebelahan dengan beliau. Beliau berkata, ‘Demi Allah, ahli keluarga yang dekat dan jauh telah memulaukan aku, sehingga kucing turut memulaukan aku. Aku tidak makan dan tidak minum. Aku berbaring dalam keadaan kelaparan. Dalam tidur aku bermimpi bertemu dengan seorang pemuda, dia berkata kepadaku, ‘Kenapa dengan kamu?’ Aku berkata, ‘Aku sedang sedih kerana fitnah yang manusia lontarkan kepadaku.’ Pemuda itu berkata, ‘Berdoalah dengan doa ini, semoga Allah menyelesaikan masalahmu.’ Aisyah bertanya, ‘Apa doanya?’ Pemuda itu berkata, ‘Kamu katakanlah, ‘Ya Sabigh al-ni’am, wa ya Dafi’ al-niqam, wa ya Farij al-ham, wa ya Kashif al-zulam, wa ya A’dal man hakam, wa ya Hasib man zalam, wa ya Wali man zulim, wa ya Awwal bi la bidayah, wa ya Akhir bi la nihayah, wa ya man laHu ism bi la kunyah, ij’al li min amri farajan wa makhrajan.’ Aisyah berkata, ‘Aku tersedar dan aku dapati aku sudah kenyang. Kemudian Allah menurunkan pembebasan untukku daripada fitnah tersebut.” – athar da’if direkod oleh Ibnu al-Najjar, al-Suyuti, dan al-Alusi.

²⁸ Perkataan ini ditulis di tepi sebelah kiri manuskrip.

²⁹ Syaikh al-Nabhani menjelaskan bahawa selawat ini dinisbahkan kepada Shaykh ‘Abd al-Qadir al-Jailani (w561H/1166M) di mana beliau menutup hizibnya dengan selawat ini. Dalam kitab syarah al-Dala’il, Imam Muhyi al-Din yang dikenali sebagai Jayyid al-Yaman, beliau menyatakan, “Sesiapa berselawat dengan selawat ini sebanyak sepuluh kali pada waktu pagi dan petang, maka dia akan memperoleh redha Allah, selamat daripada kemurkaannya, berterusan memperoleh rahmat-Nya serta mendapat peliharaan Ilahi daripada segala keburukan dan dipermudah segala urusan.” – al-Nabhani, Yusuf bin Isma’il, *Afdal al-Salawat ‘ala Sayyid al-Sadat*, (Misr: Matba’ah Mustafa al-Babi al-Halabi, t.th.), hlm. 82. Manakala dalam kitab yang lain, Shaykh al-Nabhani menjelaskan bahawa selawat ini juga digunakan oleh Syaikh Muhammad al-Sanusi (w1859M); pengasas tarekat Sanusiyyah – al-Nabhani, Yusuf bin Isma’il, *Sa’adat al-Darayn fi al-Solat ‘ala Sayyid al-Kawnayn* (Beirut: Dar al-Fikr, t.th.), hlm. 277-278.

tiga kali. Dan dibaca mereka itu pada akhir yang ketiga kalinya

وسلم ورضي الله عن ساداتنا أصحاب سيدنا رسول الله أجمعين وحسبنا الله ونعم الوكيل، ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم، أستغفر الله

Setelah itu, maka dibaca mereka itu *astaghfirullah*, *astaghfirullah*, diulang-ulang mereka itu akan dia barang sedapatnya. Dan dikata mereka itu pada akhirnya

أستغفرُ الله العظيمَ الذي لا إلهَ إلا هو الحيُّ القيومَ وأتوبُ إليه³⁰

tiga kali. Dan dikata mereka itu pada kali ketiga kalinya *وأسأل التوبة والمغفرة*

Setelah itu, maka diam mereka itu seketika, maka dikata oleh pengetua mereka itu.

توبة عبد مسئ ظالم لا أملك لنفسي نفعا ولا ضرا ولا موتا ولا حياة ولا نشورا،
مستشفعا إلى الله بكلمتين خفيفتين على اللسان ثقيلتين في الميزان حبيبتين إلى
الرحمان، سبحان الله وبحمده، سبحان الله العظيم³¹

Maka dibaca mereka itu tasbih itu bersama-sama barang sedapatnya. Setelah itu, maka dibaca mereka itu pada akhirnya

عدد خلقه ورضى نفسه وزنة عرشه ومداد كلماته³² وملاء سمواته وأرضيه وما بين
ذلك وإضعاف إضعاف ذلك والحمد لله على ذلك دائما أبدا إلى يوم الدين

³⁰ Zaid bin Harithah melaporkan, Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa mengucapkan ‘*Astaghfirullah allazi la ilaha illa Huwa al-Hayya al-Qayyuma wa atubu ilayhi*’, maka diampunkan baginya walaupun dia melakukan dosa besar dengan melarikan diri daripada medan peperangan.” Hadis sahih direkod oleh Imam al-Tirmizi – al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak, *Sunan al-Tirmizi* (Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi, sunt. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, cet. ke-2, 1975), jil. 5, hlm. 568.

³¹ Abu Hurairah melaporkan, Nabi Muhammad SAW bersabda, “Dua kalimah, ringan untuk dilafaz di bibir, namun berat pada timbangan mizan, serta dicintai oleh Allah yang maha penyayang, iaitu ‘*Subhanallah wa bi hamdiHi, subhanallah al-‘azim*.’” Hadis sahih direkod oleh Imam Bukhari – al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il al-Ja'fi, *Sohih al-Bukhari* (Dar Tuq al-Najah, Sunt. Muhammad Zuhayr bin Nasir, 1422H), jil. 8, hlm. 86.

³² Abdullah bin 'Abbas melaporkan, "Pada suatu hari, Rasulullah meninggalkan rumah waktu sembahyang subuh ketika isterinya; Juwairiyah sedang di tempat sembahyangnya. Selepas selesai sembahyang sunat dhuha, Rasulullah balik ke rumah dan mendapati Juwairiyah masih lagi di tempat sembahyangnya. Rasulullah bertanya, 'Adakah kamu masih di tempat sembahyang sebagaimana saya tinggalkan kamu tadi?' Juwairiyah berkata, 'Ya, memang betul.' Rasulullah berkata, 'Semenjak saya meninggalkan kamu tadi, saya telah membaca empat doa sebanyak tiga kali. Apabila dibandingkan ucapan-

Setelah itu, maka dibaca oleh pengetua mereka itu doa, pada hal mereka itu sekalian mengata *amin*.

Maka apabila selesailah daripada membaca doa, maka jika tiada ada di sana orang tahu bernasyid, maka dibaca oleh pengetua mereka itu sesuatu daripada ayat Qur'an yang berpatutan dengan zikir itu. Dan jika ada di sana orang yang tahu akan nasyid, maka hendaklah ia bernasyid dengan suatu nasyid yang memberahikan mereka itu. Setelah itu, maka zikirlah mereka dengan zikir *la ilaha illallah*, pada hal mereka itu menyaringkan suara mereka itu lagi bersama-sama, jangan terdahulu seorang jua pun daripada mereka itu atas seseorang daripada mereka itu pada menyebut kalimah itu, dan jangan terkemudian. Dan demikian lagi saf mereka itu pun, jangan terdahulu seorang jua pun daripada mereka itu atas seorang daripada mereka itu, dan jangan terkemudian. Dan diulang-ulang mereka itu zikir itu barang sedapatnya. Setelah itu,³³ maka dikerjakan mereka itu pula pada zikir *Allah, Allah* barang sedapatnya. Setelah itu, maka dikerjakan mereka itu pula zikir *munshari* dengan berdiri atau duduk barang sedapatnya. Maka apabila selesailah mereka itu daripada zikir *munshari* itu, maka diucap mereka itu pula *la ilaha illallah* tiga kali atau lebih daripadanya, dan diucap mereka itu pada keempat kalinya

لا إله إلا الله محمد رسول الله عليها نموت وعليها نبعث إن شاء الله من الآمنين برحمة
الله وكرمه

Maka jika ada di sana orang yang tahu bernasyid, maka hendaklah dinyasyidkannya suatu nasyid yang berpatutan. Dengan hal itu, maka apabila selesailah ia daripada bernasyid itu atau tiada ada di sana orang yang tahu bernasyid, maka dibaca mereka itu bersama-sama

جزى الله عنا سيدنا محمد صلى الله عليه وسلم ما هو أهله³⁴ tiga kali dan

ucapan yang saya baca dengan apa yang kamu baca semenjak saya keluar tadi, pahalanya sama banyak. Doa itu ialah: *Subhanallah wa bihamdihi, 'adada khalqihi, wa rido nafsihi, wa zinata 'arsyih, wa midada kalimatih* (maksudnya: Maha suci Allah dan segala puji-pujian hanya untukNya, sebanyak jumlah makhlukNya, setimpal dengan keredhaan-Nya, sama berat dengan Arasy-Nya, dan sebanyak jumlah kalimatNya.)” Hadis sahih direkod oleh Imam Muslim - Muslim bin al-Hajjaj, Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Nisaburi, *Sohih Muslim* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, sunt. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, t.h.), jil. 4, hlm. 2090.

³³ Perkataan ini ditulis pada perkataan berikutnya.

³⁴ Abdullah bin 'Abbas melaporkan, Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang berkata ‘jazalLah ‘anna Muhammadan ma huwa ahluhu’ maka ditulis baginya tujuh puluh pahala selama seribu pagi.” Hadis da'if direkod oleh Imam al-Tabarani – al-Haythami, Abu al-Hasan Nur al-Din 'Ali bin Abi Bakr bin Sulayman, *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id* (al-Qaherah: Maktabah al-Qudsi, sunt. Husam al-Din al-Qudsi, 1994), jil. 10, hlm. 163.

يا الله، يا نور، يا حق، يا مبین، نور قلوبنا بنورك، وأيقظنا لشهودك، وعرفنا الطريق إليك، وهونها علينا بفضلك، وأدبنا بين يديك، وألبسنا التقوى منك وإليك، إنك على كل شيء قدير

tiga kali. Setelah itu, maka dibaca mereka itu

يا نعم المولى ويا نعم النصير

tiga kali. Setelah itu, maka dibaca pula

﴿غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ﴾³⁵

ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي العظيم³⁶، أستغفر الله،

﴿دَعَاؤُهُمْ فِيهَا سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَتَحِيَّتُهُمْ فِيهَا سَلَامٌ ۖ وَأَخْرَجُوا عَنْهُمْ أَنْ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ﴾³⁷

Maka dibaca mereka itu pula

يا دائمَ الفضلِ على البرية، يا باسطَ اليدينِ بالرحمة والعطية، يا صاحبَ المواهبِ السنية، صلِّ على مُحَمَّدٍ خَيْرِ الْوَرَى سَجِيَّةً، وَاغْفِرْ لَنَا يَا ذِي الْعُلَى فِي هَذِهِ الْعَشِيَّةِ³⁸

barang sedapatnya. Dan dibaca mereka itu pula

يا دائم، يا دائم، يا هو دائم، سبحانك يا دائم، الله دائم

tiga kali. Dan jika dibaca oleh pengetua mereka itu setengah daripada *abyat*³⁹ daripada segala ayat *ahlullah*, nescaya disahut mereka itu akan dia pada tiap-tiap

³⁵ Surah al-Baqarah, ayat 285.

³⁶ Abu Musa al-Ash'ari melaporkan, Rasulullah SAW bersabda, "Hendakkah kamu saya ajarkan satu kalimah yang adalah salah satu daripada harta perbendaharaan syurga?" Saya berkata, 'Mahu wahai Rasulullah.' Baginda bersabda, 'La hawla wa la quwwata illa bilLah'" Hadis sahih direkod oleh Imam Bukhari dan Muslim – al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, jil. 5, hlm. 133.

³⁷ Surah Yunus, ayat 10.

³⁸ Dilaporkan oleh Abdullah bin 'Abbas bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Sesiapa membaca doa berikut pada malam Jumaat sepuluh kali: 'Ya Da'im al-fadhl 'ala al-bariyyah, ya Basit al-yadayn bi al-'atyyah, ya Sahib al-mawahib al-saniyyah, salli 'ala Muhammad khayr al-wara bi al-sajyyah, wa-ghfir lana za al-'ula fi hazihi al-'ashiyah', maka Allah menulis untuknya 100 juta pahala, dihapuskan daripadanya 100 juta dosa, ditinggikan baginya 100 juta kedudukan, dan di hari kiamat kelak beliau akan berada bersama Nabi Ibrahim al-Khalil di dalam kubahnya." Hadis da'if direkod oleh Abu Musa al-Madini – al-Sakhawi, Muhammad bin 'Abd al-Rahman, *al-Qawl al-Badi' fi al-Solat 'ala al-Habib al-Shafi'* (al-Madinah al-Munawwarah: Mu'assasah al-Rayyan, sunt. Muhammad 'Awwamah, 2002), hlm. 383.

³⁹ Ar., bayt-bayt sya'ir

يا دائم، يا دائم، يا هو دائم، ya'ir suatu *bayt* daripadanya dengan kata mereka *يا دائم* hingga datang kepada kesudahan ayat itu. Maka dikata mereka itu pada akhirnya

عزك دائم، جاهك دائم، سبحانك يا دائم، الله دائم، ﴿وَتَرَى الْمَلَائِكَةَ حَاقِقِينَ مِنْ حَوْلِ الْعَرْشِ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ ۗ وَقُضِيَ بَيْنَهُمْ بِالْحَقِّ وَقِيلَ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ﴾⁴⁰

Setelah itu, maka disudahi mereka itu dengan Fatihah bagi segala masyaikh *ahl al-silsilah*⁴¹, setelah itu, maka akan segala *anbiya*⁴², dan segala *shuhada'*, dan segala *siddiqin*, dan segala hamba Allah yang *salihin* datang kepada hadrat Nabi SAW seperti permulaan. Maka setelah itu, maka berjabat tanganlah mereka itu, pada hal dikata setengah mereka itu akan setengahnya *تقبل الله منكم* dan disahutnya *ومنكم كذلك بكرم الله*. Demikianlah dikerjakan pada riwayat shaykh kita dalam Madinah al-Rasul SAW, *wa bi-LLahi tawfiq.*"

3.0 ANALISIS ISU BERKAITAN AMALAN YASIN & TAHLIL

Amalan doa dan zikir merupakan antara elemen penting dalam pendidikan kerohanian (*tarbiyah ruhiyah*). Syeikh Abdul Rauf al-Singkili menjelaskan dalam bukunya 'Umdat al-Muhtajin', pendidikan kerohanian itu merujuk kepada empat elemen iaitu ilmu, guru murshid, adab dan zikir (Abdul Ra'uf Al-Singkili, t.th.).

Kepelbagaian ramuan amalan soleh yang diajar dan dididik oleh Rasulullah SAW; sama ada dalam bentuk tingkah laku (*ibadah*), zikir, pembacaan al-Quran mahupun pengajaran adalah bertujuan merawat pelbagai jenis penyakit dan mendidik rohani para sahabatnya. Malah baginda sendiri memberi kebebasan para sahabat berijtihad dalam melakukan sebarang amalan (dengan memiliki syarat ijtihad yang mencukupi). Namun, bagi masyarakat awam yang tidak mampu berijtihad, maka mereka perlu mendapatkan petunjuk daripada ulamak yang mampu berijtihad. Peranan ulamak sebagai pewaris Nabi antaranya adalah untuk melaksanakan tugas mendidik rohani dan merawat penyakit masyarakatnya.

Ijtihad menurut Hujjatul Islam Imam al-Ghazali (w505H) bermaksud: "Kesungguhan mujtahid menggunakan seluruh potensi yang ada untuk mencari hukum syarak (keputusan/penyelesaian)" (al-Ghazali, 1997: 2/204). Proses ijtihad berlaku melalui dua proses, iaitu:

Kesungguhan mujtahid menggunakan seluruh potensi yang ada untuk memahami hukum daripada nas Syarak; al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW. Ini berdasarkan penjelasan Imam al-Syafi'i (w204H): "Kesungguhannya Allah SWT

⁴⁰ Surah al-Zumar, ayat 75.

⁴¹ Ar., ahli salasilah, iaitu guru-guru dalam salasilah tarikat

⁴² Ar., para nabi

mengarahkan dalam KitabNya menggunakan bahasa Arab berdasarkan lisan orang Arab memahami maknanya.” (Al-Syafi’i, t.th. : 51-52)

Kesungguhan mujtahid menggunakan seluruh keupayaan (potensi) yang ada untuk mempraktik hukum yang difahami daripada nas Syarak kepada manusia. Ini merujuk kepada prinsip ‘tahqiq al-manat’ menurut ilmu usul fiqh. Imam al-Amidi (w631H) menjelaskan: “‘Illah (sebab hukum) adalah hubungan antara hukum dan sebab hukum itu ditetapkan. Proses mengenalpasti hukum dan ijtihad padanya sama ada merujuk kepada proses ‘tahqiq al-manat’, ‘tanqih al-manat’, dan ‘takhrij al-manat’. ‘Tahqiq al-manat’ adalah proses untuk mengenalpasti adakah sesuatu illah (sebab hukum) wujud dalam salah satu gambaran setelah mengenalpasti maksud hukum, sama ada daripada nas, ijmak atau istinbat.” (Al-Amidi, 2010: 3/302) ‘Abd al-Majid al-Najjar menyatakan bahawa asas utama dalam ijtihad untuk mempraktikkan nas ini ialah ilmu berkenaan maqasid Syarak dalam sesuatu hukum dan ilmu tentang realiti masyarakat yang hendak dipraktikkan hukum itu (Al-Najjar, 1993: 117-122).

Ijtihad hanya melibatkan elemen zanni, manakala yang bersifat qat’i, maka tiada ijtihad padanya (Al-Syafi’i, t.th.; al-Ghazali, 1997). Ruang ijtihad berlaku sekiranya sesuatu nas; sama ada ayat al-Quran atau hadis terdapat elemen zanni pada kefahaman terhadap lafaznya serta pada pelaksanaan kefahaman itu kepada masyarakat. Ijtihad hanya boleh dilakukan oleh ulamak yang mempunyai kelayakan.

Ijtihad yang dilakukan ulamak berkaitan pendidikan kerohanian antara lain adalah untuk memahami arahan Allah SWT berkaitan doa dan zikir serta mempraktikkan kefahaman itu ke dalam kehidupan umat Islam. Arahan Allah SWT berkaitan doa dan zikir ialah:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ

عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksud: “Dan Tuhan kamu berfirman, ‘Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.’ Sesungguhnya orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina.”

(Surah Ghafir, ayat 60)

Selanjutnya, firman Allah SWT:

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴿١٥٢﴾

Maksud: “Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu (dengan mematuhi hukum dan undang-undangKu), supaya Aku membalas kamu dengan kebaikan; dan bersyukurlah kamu kepadaKu dan janganlah kamu kufur (akan nikmatKu).”

(Surah al-Baqarah, ayat 152)

Isu utama berkaitan doa dan zikir yang dibincangkan oleh para ulamak ialah kaedah melaksanakan arahan Allah agar hambaNya berdoa dan berzikir. Adakah hanya doa dan zikir yang teksnya ada dinyatakan dalam al-Quran dan sunnah sahaja yang boleh diungkapkan. Adakah cara pelaksanaan doa dan zikir adalah termasuk dalam ibadah yang bersifat *tawqifi* iaitu hanya merujuk cara pelaksanaan doa dan zikir Nabi Muhammad SAW sahaja atau ia bersifat *tawfiqi* iaitu ada ruang ijtihad untuk melaksanakan doa dan zikir.

Perbezaan kaedah menjelaskan sifat doa dan zikir ini melahirkan dua aliran yang diwarisi hingga masa kini. Aliran pertama yang mengatakan bahawa doa dan zikir adalah ibadah yang bersifat *tawqifi*, maka apa-apa doa dan zikir yang tidak bersumber daripada al-Quran dan sunnah dan kaedah pelaksanaannya juga tiada dalam sunnah, maka ia adalah amalan bid'ah yang dilarang. Jika dilihat amalan bacaan Yasin dan tahlil yang diamalkan oleh masyarakat Melayu daripada kaca mata aliran ini, ia dianggap sebagai amalan bid'ah kerana tiada nas yang jelas daripada sunnah, Nabi Muhammad SAWmelakukannya.

Imam Ibnu Taimiyah (w728H) menjelaskan, “Sesuatu yang paling mengaibkan ialah apabila seseorang itu melakukan hizib yang tidak bersumberkan daripada Nabi Muhammad SAW, walaupun hizib itu diperkenalkan oleh seseorang Syeikh, dengan meninggalkan hizib yang bersumberkan daripada hadis Nabi.” (Ibnu Taimiyah, 1995: 22/525)

Kaedah ibadah adalah bersifat *tawqifi*, iaitu merujuk kepada kaedah ‘asal ibadah adalah haram dilakukan melainkan ada dalil yang membenarkannya’ dipopularkan oleh Imam Ibnu Taimiyah dalam fatwanya, “Tidak diragui bahawa zikir dan doa adalah antara ibadah yang paling afdhal. Ibadah itu dibina atas sifat *tawqifi*, iaitu lafaz dan cara pelaksanaannya mengikut sepenuhnya apa yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW, bukan dilakukan mengikut kehendak nafsu dan mereka-reka amalan. Tiada seorang pun boleh memperkenalkan kepada orang ramai jenis zikir dan doa tertentu yang tiada dalil daripada sunnah Nabi Muhammad SAW yang kemudiannya dijadikan amalan itu sebagai ibadah yang disusun dan diamalkan secara berterusan oleh orang ramai seperti mereka melakukan solat lima waktu. Ini adalah amalan bid'ah dalam agama yang tidak dibenarkan oleh Allah SWT. Adapun mengamalkan wirid dan zikir yang tiada sumber daripada nas Syarak adalah dilarang. Ini disebabkan doa dan zikir yang bersumberkan nas Syarak mempunyai objektif dan tujuan yang tinggi, yang tidak sama dengan zikir bid'ah yang direka-reka oleh orang jahil atau orang yang melampaui batas.” (Ibnu Taimiyah, 1995: 22/510)

Imam al-Syatibi (w790H) turut menjelaskan antara amalan yang dianggap bid'ah yang menyesatkan ialah beriltizam dengan kaedah dan cara pelaksanaan ibadah seperti zikir beramai-ramai, menyambut maulid Rasul. Juga termasuk amalan bid'ah ialah beriltizam dengan ibadah tertentu pada waktu tertentu sedangkan penentuan waktu itu tidak dinyatakan dalam sunnah Nabi Muhammad SAW, seperti beriltizam puasa sunat pada nisfu Syaaban dan melakukan ibadat tertentu pada waktu malamnya (Al-Syatibi, 1992: 53).

Manakala aliran kedua pula mengatakan bahawa doa dan zikir adalah amalan yang mempunyai ruang ijtihad padanya. Ijtihad yang dilakukan termasuk teks doa

dan zikir dan cara pelaksanaannya adalah dibenarkan. Contohnya, Imam al-Nawawi (w676H) telah berjihad dengan mengemukakan hizibnya sendiri yang dikenali sebagai ‘Hizib al-Nawawi’ atau ‘Wird al-Nawawi’⁴³. Namun begitu, bagi aliran pertama, mereka menolak hizib ini dan menganggap orang yang mengamalkannya telah melakukan bid’ah yang menyesatkan⁴⁴.

Berdasarkan analisa kepada hujah kedua-dua pendapat, pendapat yang paling rajih ialah pendapat kedua iaitu doa dan zikir bersifat *tawfiqi* iaitu nasnya bersifat zanni dan terdapat ruang untuk berjihad padanya. Ini merujuk kepada beberapa hadis Nabi Muhammad SAW dan amalan para sahabat. Terdapat banyak hadis yang menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW memberikan peluang kepada para sahabat melaksanakan zikir dan doa mengikut cara mereka sendiri.

1) Nabi Muhammad SAW membenarkan sahabat melakukan hizib mereka sendiri

‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Qari melaporkan, saya mendengar Umar bin al-Khattab berkata, Rasulullah SAW bersabda:

من نام عن حزبه أو عن شيء منه فقرأه ما بين صلاة الفجر وصلاة الظهر
كتب له كأنما قرأه من الليل

Maksud: “Sesiapa yang tertidur, sedangkan dia masih belum sempat membaca hizibnya, atau masih belum sempat menghabiskan hizibnya, lalu dia membacanya di antara waktu subuh dan zohor, maka baginya pahala yang sama seperti dia membacanya pada waktu malam.”

Hadis sahih direkod oleh Imam Muslim (t.th.: 1/515), Abu Daud, al-Tirmizi dan al-Nasa’i.

⁴³ Al-Marhum Dr. Sa’id Ramadhan al-Buti telah menjelaskan sanad hizb ini dalam muqaddimah ‘Hizb al-Nawawi’, katanya: “Ramai dalam kalangan ulamak dan para Imam mengamalkan hizib ini sehingga ke hari ini. Mereka mengamalkannya pada setiap pagi bagi mencerahkan hati mereka dengan cahaya tauhid, merasai kemanisan munajat dan pengabdian kepada Allah SWT... terdapat golongan yang mempertikaikan sanad hizib ini kepada Imam al-Nawawi. Imam Umar al-Syubrawi menjelaskan dalam muqaddimah syarah kepada hizib ini: Saya menerima talqin hizib ini daripada Shaykh kami al-‘Allamah Muhamad al-Siba’i, beliau menerimanya daripada bapanya; al-‘Allamah al-Sayyid Soleh al-Siba’i, beliau menerimanya daripada al-‘Allamah Shaykh al-Dardir, beliau menerimanya daripada al-Syeih al-Hafni, beliau menerimanya daripada al-Syeikh Mustafa al-Bakri, beliau menerimanya daripada Shaykh Muhammad bin Ahmad al-Dimyati al-Syafi’i, beliau menerimanya daripada Shaykh al-Syubramillisi, beliau menerimanya daripada al-Syeikh al-‘Allamah ‘Abd al-Rahim al-‘Iraqi, daripada al-Syeikh ‘Ala’ al-Din ibn al-‘Attar, beliau menerimanya daripada al-Qutub Yahya al-Nawawi.” Al-Buti turut mengamalkan hizib ini di samping beliau adalah pengamal tarekat Naqsyabandiyah.

⁴⁴ Sebagai contoh fatwa yang dikemukakan oleh *al-Islam su’al wa jawab* yang dikelolakan oleh Shaykh Muhammad Soleh al-Munajjid: <https://islamqa.info/ar/171881>.

Ibnu Qutaibah (w276H), Qadhi ‘Iyadh (w544H) dan al-Jazari (w833H) menjelaskan, hizib ialah sekumpulan amalan yang dilazimi oleh seseorang untuk dirinya, sama ada ia terdiri daripada bacaan kumpulan ayat al-Quran atau solat sunat, yang diamalkan sebagai wirid individu (Ibn ‘Allan, 2004: 2/411; Al-Mubarakfuri, t.th.: 3/150; *Al-Mawsu’ah al-fiqhiyah*, 1427H: 21/257). Al-‘Azim Abadi (w1329H) menjelaskan, maksud hizib dalam hadis ini adalah kumpulan wirid yang menjadi amalan seseorang daripada gabungan beberapa ayat atau surah dalam al-Quran (Al-‘Azim Abadi, 1415H: 4/138).

Imam Al-Nawawi menjelaskan amalan hizib yang terdapat dalam hadis tersebut, bahawa seseorang yang mempunyai amalan zikir yang khusus, yang dilakukan pada waktu tertentu seperti pada waktu pagi atau petang, atau selepas solat, atau keadaan tertentu yang lain, kemudian dia tertinggal untuk melakukannya, maka hendaklah dia menggantikannya pada waktu yang lain (*Al-Mawsu’ah al-fiqhiyah*, 1427H: 21/257). Selanjutnya al-Syawkani (w1250H) menyatakan, para sahabat mempunyai kumpulan amalan zikir mereka sendiri (hizib) yang dilakukan pada waktu tertentu. Sekiranya mereka tertinggal untuk melakukannya, mereka akan menqadha’kannya (*Al-Mawsu’ah al-fiqhiyah*, 1427H: 257-258). Al-Mubarakfuri (w1353H) menjelaskan, hadis ini menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW menggalakkan pemeliharaan secara konsisten amalan kumpulan wirid. Sehingga apabila ia ditinggalkan, maka boleh diqadha’ (Al-Mubarakfuri, t.th.: 2/430).

2) Melazimkan diri membaca surah tertentu dalam solat

A’ishah r.a. melaporkan, “Rasulullah SAW telah menghantar seorang lelaki dalam peperangan. Dia membaca (al-Quran) semasa solat bersama dengan sahabat lain. Pada setiap rakaat, selepas membaca al-Fatihah, beliau membaca surah al-Ikhlâs. Apabila mereka kembali dari peperangan, dilaporkan perkara itu kepada Rasulullah SAW. Baginda bersabda, ‘Kamu tanyalah kepadanya, kenapa dia melakukan demikian.’ Lalu mereka pun bertanya kepadanya dan dia menjawab, ‘Kerana ia adalah sifat *al-Rahman* dan aku suka membacanya.’ Rasulullah SAW bersabda, “Beritahu dia bahawa sesungguhnya Allah kasih kepadanya.” Hadis sahih direkod oleh Imam Muslim (Muslim, t.th.: 1/557). Hadis ini menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW membenarkan kita untuk melazimkan diri membaca ayat al-Quran secara berulang kali pada keadaan tertentu.

3) Para sahabat berzikir beramai-ramai di dalam masjid dengan suara yang nyaring

Thabit melaporkan, “Salman r.a. berzikir kepada Allah secara berjemaah (di dalam masjid), kemudian Nabi SAW melintasi jemaah atau kumpulan tersebut lalu mereka berhenti berzikir. Baginda bersabda, ‘Apa yang kalian semua ucapkan?’ Salman menjawab, ‘Kami berzikir kepada Allah.’ Nabi SAW bersabda:

فَإِنِّي رَأَيْتُ الرَّحْمَةَ تَنْزِلُ عَلَيْكُمْ، فَأَحْبَبْتُ أَنْ أَشَارِكُكُمْ فِيهَا

Maksud: "Sesungguhnya saya nampak rahmat mencurah-curah ke atas kamu sekalian dan saya juga ingin untuk bersama-sama dengan kamu semua berzikir."

Hadis sahih direkod oleh Imam al-Hakim (1990: 1/210)

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi Muhammad SAW membenarkan para sahabat berkumpul untuk berzikir beramai-ramai di dalam masjid (Al-Alusi, 1995: 8/249; 4/150) dan juga di tempat lain.

Walaupun para ulamak aliran pertama berpendapat bahawa doa dan zikir adalah ibadah *tawqifi*, iaitu ia hanya boleh dilakukan mengikut sepenuhnya kaedah yang dinyatakan dalam hadis yang sahih, namun, apabila dianalisa penulisan mereka, didapati mereka turut mengemukakan ijtihad berkaitan doa dan zikir yang tidak bersandarkan kepada mana-mana hadis yang sahih. Contoh:

- 1) Ibnu Qayyim (w 751H) berkata, "Antara pengalaman yang telah disahkan oleh para salik ialah sesiapa yang selalu berzikir ((يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ)), maka dia akan dikurniakan hati dan akal yang hidup. Syeikh al-Islam Ibnu Taimiyah *qaddasallahu ruhahu* sangat menitikberatkan zikir ini. Beliau berkata kepada saya pada suatu hari tentang dua nama Allah ini iaitu *al-Hayyu* dan *al-Qayyum* sangat besar kesannya bagi menghidupkan hati dan menyatakan bahawa ia adalah *al-ism al-a'zam*. Saya mendengar beliau berkata:

((وَمَنْ وَاظَبَ عَلَىٰ أَرْبَعِينَ مَرَّةً كُلَّ يَوْمٍ بَيْنَ سُنَّةِ الْفَجْرِ وَصَلَاةِ الْفَجْرِ يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ حَصَلَتْ لَهُ حَيَاةُ الْقَلْبِ، وَلَمْ يَمُتْ قَلْبُهُ))

Maksud: *Maksudnya: "Sesiapa yang sentiasa berzikir*

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

empat puluh kali pada setiap hari antara waktu solat sunat subuh dengan solat fardhu subuh, maka dia akan memperoleh hati yang sentiasa hidup dan hatinya tidak akan mati."

(Ibnu Qayyim, 1996: 446)

Berdasarkan pernyataan Ibnu Qayyim ini, amalan zikir yang dikemukakan adalah berdasarkan ijtihad para ulamak yang diamalkan oleh para salik dalam tarekat. Oleh itu, beliau menggunakan istilah mengikut 'tajribat' iaitu pengalaman para salik. Tambahan pula, kaedah zikir yang dianjurkan oleh gurunya; Ibnu Taimiyah, iaitu berzikir dengan kalimah tersebut sebanyak empat

- puluh kali dalam sela waktu antara solat sunat subuh dengan solat fardhu subuh, adalah berdasarkan ijtihad beliau, bukan bersandarkan mana-mana hadis sahih.
- 2) al-Hafiz Abu Hafs al-Bazzar (w749H) melaporkan, “Pada suatu hari Ibnu Taimiyah mengajak saya duduk di sebelahnya. Pada ketika itu saya mendengar beliau sedang berzikir. Saya mendengar beliau sedang membaca surah al-Fatihah dan mengulang-ulangnya. Beliau melakukannya seusai solat fardhu subuh sehingga naik matahari. Saya terfikir tentang amalan beliau itu. Kenapa beliau mengulang-ulang bacaan surah al-Fatihah, bukan membaca surah yang lain!...lalu saya mendapati bahawa beliau menggabungkan antara hadis Nabi Muhammad SAW dan pendapat para ulamak.” (Al-Bazzar, 1976: 38) Laporan ini juga menunjukkan bahawa Ibnu Taimiyah melakukan ijtihad dalam berdoa dan berzikir, kerana tiada hadis sahih yang menyatakan Nabi Muhammad SAW membaca surah al-Fatihah berulang-ulang antara waktu selepas solat fardhu subuh sehingga waktu dhuha.

Berdasarkan dua contoh tersebut, didapati pendapat aliran pertama (yang berpegang kepada pendapat Ibnu Taimiyah) yang mengatakan bahawa doa dan zikir adalah ibadah *tawqifi*, bertembung dengan amalan mereka sendiri. Jika mereka berkata, orang yang memandai-mandai mereka-reka doa dan zikir serta kaedah doa dan zikir yang tidak dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW adalah melakukan bid'ah yang menyesatkan, maka Ibnu Taimiyah sendiri telah melakukan bid'ah tersebut.

Amalan tahlil Yasin yang diamalkan oleh masyarakat Islam adalah amalan soleh yang bersumberkan ijtihad para ulamak muktabar. Para ulamak yang mewariskan amalan tahlil Yasin ini telah berijtihad dalam memahami teks Wahyu; al-Qur'an dan sunnah, berkaitan amal soleh, doa dan zikir.

Berdasarkan kajian, amalan Yasin dan Tahlil yang diamalkan oleh masyarakat Islam di Alam Melayu, yang diwarisi daripada satu generasi ke generasi adalah bersumberkan amalan yang diijtihadkan oleh Syeikh Ahmad al-Qushashi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Syaikh Abdul Rauf, “Dan sayugianya pula dikerjakan oleh segala *jama'ah* yang menjalani jalan ini tiap-tiap malam Jumaat, atau malam Isnin, atau malam Selasa seperti *ratib shaykh* kita dalam Madinah al-Rasul itu.” (Abdul Rauf al-Singkili, t.th.)

Syeikh Ahmad al-Qushashi atau nama sebenarnya Ahmad bin Muhammad bin Yunus Safiy al-Din al-Dajani al-Qushashi berasal daripada keturunan para ulamak dan auliya, iaitu daripada keluarga al-Dajani di Quds (Baitulmuqaddis). Moyang beliau Syeikh Ahmad Shihab al-Din bin 'Ali al-Husayni adalah tokoh ulamak dan awliya yang aktif menyampaikan ilmu di Quds dan bertanggungjawab mempertahankan dan menjaga makam Nabi Daud a.s. di Bukit Zion setelah mendapat ilham daripada Allah SWT melalui mimpi. Ketika itu, al-Quds berada di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman I (926–974H/1520-1566M), Dawlah 'Uthmaniyyah dan baginda telah mengurniakan hak wakaf Bukit Zion kepada Shaykh Ahmad Shihab al-Din, pengikut dan keturunannya agar mereka terus aktif dalam kegiatan penyebaran ilmu.

Datuk beliau, Shaykh Yunus telah berhijrah ke Madinah pada awal abad ke-16 masihi lalu menetap di sana dan menjalankan perniagaan *al-qushashah*, iaitu barang-barang terpakai atau *al-qash*, iaitu sejenis makanan binatang. Dari sinilah beliau

menerima gelaran al-Qushashi. Selain itu, Shaykh Ahmad al-Qushashi juga mendapat beberapa gelaran lain, misalnya al-Dajani dan al-Ansari. Gelaran al-Dajani diambil daripada keturunan datuknya, iaitu Shaykh Yunus yang menetap di suatu kawasan yang bernama al-Dajanah yang terletak berhampiran dengan masjid al-Aqsa. Gelaran al-Ansari pula kerana ibunya berasal daripada keturunan al-Ansar, iaitu Tamim al-Dari r.a. Selain itu, Shaykh Ahmad al-Qushashi juga digelar Shihab al-Din. Namun beliau tidak suka dengan gelaran tersebut kerana menurutnya gelaran itu bercanggah dengan namanya ‘Ahmad’ yang membawa maksud yang baik, sedangkan ‘Shihab’ pula bermaksud azab dan jauh daripada rahmat. Lantaran itu, beliau digelar pula Safiy al-Din. Walaupun begitu dalam karya beliau yang berbentuk manuskrip, iaitu ‘Targhib al-gharib fi muda’afah al-wahib’ telah dicatat dengan nama Ahmad Shihab al-Din bin Muhammad al-Madani al-Dajani (al-Qushashi, 1909: 181; al-Muhibbi, t.th.: 1/344; al-Zirikli, 2002: 1/239).

Salasilah keturunan beliau adalah kembali kepada Rasulullah SAW melalui cucu baginda Saidina Husayn bin ‘Ali r.a. Hal ini diperakui sendiri oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi. Menurut beliau, walaupun asal keturunannya daripada sebelah bapanya kembali kepada Rasulullah SAW, namun disebabkan nasab tersebut tidak dizahirkan oleh moyangnya dan beliau telah terpisah daripada negeri asalnya, maka salasilah keturunan tersebut tidak dapat diketahui. Lantaran asal keturunannya yang mulia ini, Shaykh Ahmad al-Qushashi telah melahirkan kesyukuran yang tinggi kepada Allah SWT, namun beliau menyembunyikan nasab keturunannya yang sampai kepada Nabi Muhammad SAW untuk memelihara sifat takwanya dan tidak mahu dijadikan kebanggaan oleh diri dan keturunannya. Walaupun begitu, al-Muhibbi dalam kitabnya ‘Khulasat al-athar fi a’yan al-qarn al-hadi al-‘ashr’ mencatatkan salasilah keturunan beliau yang sampai kepada Rasulullah SAW, seperti berikut: Ahmad bin Muhammad bin Yunus bin Ahmad bin ‘Ala’ al-Din ‘Ali bin Yusuf bin Hasan bin Yasin al-Badri bin Muhammad bin Yusuf bin Badar bin Ya’qub bin Muzaffar bin Salim bin Muhammad bin Muhammad bin Zayd bin ‘Ali bin al-Hasan bin al-‘Arid al-Akbar bin Zayd bin Zayn al-Abidin bin ‘Ali bin al-Husayn bin ‘Ali bin Abi Talib (al-Qushashi, 1909: 62, 63, 181; al-Muhibbi, t.th.: 1/343-344).

Shaykh Ahmad al-Qushashi dilahirkan di Madinah pada tahun 992H/1583M semasa era pemerintahan Sultan Murad III (982-1003H/1573-1594M) Dawlah ‘Uthmaniyyah. Ketika itu Hijaz berada di bawah pemerintahan Sharif Hasan (973–1009H/1566–1601) yang berpusat di Mekah. Kealiman, ketakwaan dan keautoritian Shaykh Ahmad Qushashi memperoleh tiga pengiktirafan dari jumhur ulamak Haramayn, iaitu Shaykh Akbar, al-Khatamah al-Khassah dan juga Imam Mufarrid (al-Zirikli, 2002: 1/239).

Ketiga-tiga gelaran tersebut membuktikan bahawa Shaykh Ahmad al-Qushashi berwibawa dan berautoriti menyusun sebuah seperangkat amalan dengan mengambilkira ajaran baginda Rasulullah SAW, athar para sahabat r.a., usul, prinsip dan kaedah ijthad serta gabungan amalan pelbagai aliran tarekat pendidikan rohani ijthadi yang dipeturun kepadanya.

Maka adalah tanggungjawab Shaykh Ahmad al-Qushashi selaku ulamak yang berautoriti untuk berijthad menyusun suatu amalan untuk dijadikan amalan umat Islam yang datang secara berjemaah untuk pelbagai kegiatan ibadah, seperti

menuntut ilmu dan sebagainya di Haramayn (Mekah dan Madinah). Berdasarkan beberapa perintah Allah SWT dan baginda Rasulullah SAW seperti berzikir atau beramal secara berjemaah (berkumpulan) dan secara nyaring (jahr) seperti beberapa ungkapan al-Quran, hadis, athar para Sahabat dan pandangan para ulamak menyebabkan Shaykh Ahmad al-Qushashi berjihad mengemukakan seperangkat amalan wirid seusai solat, tahlil Yasin, wirid al-hirs (manzil) dan ratib Ahmad al-Qushashi yang digabungjaln dengan beberapa ayat al-Quran lain, zikir dan tahlil dengan mengambilkira manfaat dan anjuran daripada teks wahyu, anjuran baginda Rasulullah SAW, athar para sahabat, ijmak dan qiyas para ulamak.

Amalan Yasin dan tahlil yang diamalkan dalam kalangan umat Islam di Malaysia yang diwarisi daripada zaman berzaman adalah sebahagian daripada hizib yang disusun oleh Syeikh Ahmad al-Qushashi dalam 'Awrad Qushashiah'. Awrad Qushashiah ini juga dikenali sebagai awrad Madaniyyah kerana memperoleh kesepakatan (ijmak) jumur ulamak mengamalkannya dan seterusnya menjadi amalan masyarakat Haramayn (Mekah dan Madinah) pada abad ke-17 Masihi dan abad-abad berikutnya⁴⁵. Amalan ini tersebar ke seluruh dunia apabila umat Islam dari segala pelusuk dunia datang untuk menunaikan haji dan belajar, dan membawanya pulang dikembangkan ke daerah masing-masing, termasuklah Alam Melayu.

Amalan awrad ini tersebar luas dalam kalangan masyarakat Alam Melayu oleh para alim ulamak Melayu yang belajar di Haramayn dan membawa ke daerah masing-masing. Pelopor awal yang memiliki ijazah rasmi sebagai Syeikh yang bertanggungjawab untuk mengajar dan menyebarkan ilmu dan amalan adalah Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili, mufti empat era pemerintahan Kesultanan Aceh Darussalam, iaitu: pemerintahan Sultanah Taj al-Alam Safiatuddin Syah (1641-1675M) dan diikuti oleh era pemerintahan Nur al-Alam Nakiyatuddin Syah (1675-1678M), Inayat Syah Zakiyatuddin Syah (1678-1688M) dan Kamalat Syah (1688-1699M) & (1641-1675M). Ketika itu kesatuan kesultanan Melayu di bawah naungan Kerajaan Aceh Darussalam terlerai kerana pujukan dan hasutan penawaran pelaburan yang istimewa dari para penjajah Barat, seperti Portugis, Belanda dan Inggeris bagi meraih pemecahan pemerintahan kesatuan Kesultanan Alam Melayu, iaitu Kerajaan Aceh Darussalam. Namun begitu, dari pengajian ilmu, penyebaran Islam dan tempat persinggahan ke ibadah haji masih tetap berpusat di Aceh disebabkan struktur strategi geografi menyebabkannya dikenali sebagai Serambi Mekah. Sementara pertukaran angin monsun, para jemaah haji melakukan pelbagai kegiatan kehidupan seperti pengajian ilmu dan sebagainya sebelum berangkat atau pulang dari ibadah Haji atau Umrah di Haramayn.

Awrad ini turut diperkenalkan bukan sahaja melalui jemaah haji yang pulang dari melakukan ibadah dan menuntut ilmu dari Haramayn, tetapi juga oleh Shaykh

⁴⁵ Namun amalan awrad ini sudah tidak ditemui di Masjid al-Haram dan Masjid Nabawi kini. Ini disebabkan usaha penghapusan amalan tarekat kerohanian oleh golongan yang mendakwa aliran tarekat sebagai ahli bid'ah yang sesat. Namun begitu, awrad ini masih diamalkan di bahagian kampung pinggiran Mekah dan Madinah, khususnya di Zawiyah Qushashi di Madinah Munawwarah- Lihat: al-Siddiqi, Sahr binti 'Abd al-Rahman, *Athar al-waqf al-Islami fi al-hayat al-'ilmiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah*, (Madinah Munawwarah: Markaz Buhuth Dirasat al-Madinah al-Munawwarah, 2003), hlm. 125-126.

Abdul Rauf Ali al-Fansuri al-Singkili, mufti Kerajaan Aceh Darussalam. Awrad ini juga menjadi induk atau dasar amalan masyarakat Alam Melayu dalam kehidupan seharian kerana ia diamal bukan saja di Haramayn (Mekah dan Madinah), tetapi amalan seharian masyarakat Melayu, antaranya termasuk masjid, surau, madrasah di seluruh Alam Melayu. Amalan awrad ini, terutama sekali tahlil Yasin telah diguna dalam majlis rasmi masyarakat Haramayn, seperti beberapa gambaran yang diberi oleh Syeikh Abdul Rauf dalam karyanya; ‘Umdat al-Muhtajin’:

Maksudnya : *“Dan sayugianya pula bahawa dikerjakan dan disuruh-kan akan segala jama’ah kita, jika mati seseorang daripada mereka itu dengan menghimpunkan tahlil dalam tiga hari tiga malam, pada diniatkan mereka itu pahalanya akan mayat itu tiap-tiap seorang daripada mereka itu seribu tahlil atau lebih daripadanya hingga sampai perhimpunan sekaliannya tahlil mereka itu pada malam ketiga, tujuh puluh ribu kerana dalam Sanusi, pada suatu riwayat hadith: ‘Barangsiapa mengata لا إله إلا الله tujuh puluh ribu kali, nescaya adalah ia akan dindingnya daripada api neraka.’ Amalan pada malam yang ketiga itu berhimpun mereka itu khatam al-Quran, diniatkan mereka pahalanya akan mayat itu. Maka jika belum lagi sampai tahlil mereka itu pada malam yang ketiga itu kepada tujuh puluh ribu, nescaya digenap mereka itu akan dia pada ketika khatam mereka itu. Demikianlah dikerjakan dan disuruhkan Syeikh Kita (Ahmad Qushashi) dalam Madinah al-Rasul sallalLah ‘alayh wasalam.”*

(Abdul Rauf al-Singkili, t.th.)

Kemudian pada bahagian sub bab lain, Syeikh Abdul Rauf membuat kenyataan lagi:

“Demikianlah pada ghalib (kebiasaan)nya dikerjakan orang tertib khatam al-Quran dalam Madinah al-Rasul pada zaman fakir (Syeikh Abdul Rauf) ini, sama ada khatam itu orang mati atau lainnya.”

(Abdul Rauf al-Singkili, t.th.)

**Rajah 1: Sanad Tarekat Shattariyah-Qadiriyyah, Ilmu, Amal & Institusi;
Zawiyah Syeikh Kuala (Abd al-Ra'uf al-Singkili, t.th.: 13-16; Mohd Syukri
Yeoh Abdullah, 2011: 35)**



Rajah 2: Sanad Tarekat Shattariyyah-Qadiriyyah, Ilmu, Amal & Institusi; Zawiyah Tanoh Abe

Syeikh 'Abd al-Ra'uf 'Ali al-Fansuri al-Singkili

Syeikh Nayan al-Fayrusi al-Baghdadi
Syeikh Muhammad Hafidh al-Fayrusi al-Baghdadi
Syeikh Abdul Rahim al-Fayrusi al-Baghdadi
Syeikh Muhammad Saleh al-Fayrusi al-Baghdadi
Syeikh Abdul Wahhab al-Fayrusi al-Baghdadi
Syeikh Muhammad Sa'id al-Fayrusi al-Baghdadi
Syeikh Muhammad Ali al-Fayrusi al-Baghdadi
Syeikh Muhammad Dahlan al-Fayrusi al-Baghdadi

Syeikh Mangku Alam; Mohd Syukri Yeoh Abdullah

Maka dari sini jelas bahawa Syeikh Abdul Rauf juga menggunakan amalan awrad ini, iaitu tahlil Yasin di majlis rasmi masyarakat Alam Melayu seperti hal yang sama berlaku di majlis rasmi di Haramayn (Mekah dan Madinah), iaitu majlis kelahiran, perkahwinan, kesyukuran, hajat, tolak bala, arwah, khatam al-Quran dan lain-lain. Keadaan ini telah menjadi amalan budaya masyarakat Alam Melayu terutama sekali di Malaysia sehingga dewasa ini.

Hari ini masih terdapat sanad dan ijazah amalan awrad tersebut masih kekal dan diwarisi dari Zawiyah Syeikh Kuala⁴⁶ kepada Zawiyah Tanoh Abe, iaitu al-Marhum Abu Dahlan al-Fairusy al-Baghdady dan juga Shaykh Sapu Angin dari Zawiyah Ujong Kulon melalui Zawiyah Securai, Pangkalan Brandan, Sumatera Utara. Kedua-duanya telah menurunkan ijazah rasmi kepada Syeikh Mangku Alam⁴⁷. Syeikh Abdul Rauf merupakan Syeikh Murshid tarekat Shattariyyah-Qadiriyyah melalui sanad Syeikh Ahmad al-Qushashi. Sanad tersebut seperti Rajah 1 & 2.

Antara contoh penjelasan ijtihad yang telah dilakukan oleh Shaykh Ahmad al-Qushashi berkaitan amalan Yasin dan tahlil.

1) Amalan Yasin dan tahlil sebagai susunan amalan

Timbul persoalan dalam kalangan penentang amalan Yasin dan tahlil, yang menyatakan bahawa amalan ini adalah bid'ah kerana tiada hadis sahih yang

⁴⁶ Syeikh Kuala adalah gelaran kepada Syeikh Abdul Rauf al-Singkili.

⁴⁷ Syeikh Mangku Alam adalah gelaran kepada Syeikh Mohd Syukri Yeoh Abdullah.

menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW membaca surah Yasin mengikut kaedah tertib Yasin tahlil yang dilakukan oleh masyarakat Islam.

Sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini, pendapat yang rajih mengatakan bahawa doa dan zikir adalah amalan ibadah yang bersifat tawfiqi iaitu boleh berlaku ijthihad padanya. Amalan Yasin dan tahlil adalah hasil ijthihad seorang ulamak berautoriti iaitu Syeikh Ahmad al-Qushashi. Amalan ini bukan amalan bid'ah kerana:

- a) Nabi Muhammad SAW membenarkan para sahabat untuk menyusun hizib (susunan amalan khusus yang terdiri daripada ayat al-Quran, doa dan zikir) sendiri sebagaimana yang difahami daripada hadis yang diriwayatkan oleh Umar bin al-Khattab yang telah dinyatakan sebelum ini.
- b) Setiap zikir dan doa yang terkandung dalam amalan Yasin dan tahlil adalah bersumberkan daripada al-Quran dan sunnah. Syeikh Ahmad al-Qushashi menghimpunkan surah Yasin beserta doa dan zikir tersebut menjadi satu susunan amalan. Sebagai contoh:
 - i) Membaca surah Yasin itu sendiri merupakan galakan Nabi Muhammad SAW Abu Hurairah melaporkan, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ يَسَ فِي لَيْلَةٍ أَصْبَحَ مَغْفُورًا لَهُ ، مَنْ قَرَأَ حَمَّ التِّي
يُذَكِّرُ فِيهَا الدُّخَانَ أَصْبَحَ مَغْفُورًا لَهُ

Maksudnya : “Sesiapa membaca surah Yasin pada waktu malam, maka dia akan bertemu dengan keesokan harinya dalam keadaan dosanya diampun. Sesiapa membaca surah al-Dukhan pada waktu malam, maka dia akan bertemu dengan keesokan harinya dalam keadaan dosanya diampun.”

Hadis sahih direkod oleh Imam Ibnu Kathir (1419H: 6/498)

- ii) Bertahlil adalah amal soleh yang besar fadhilatnya
Jabir bin ‘Abdullah melaporkan, Rasulullah SAW bersabda:

أَفْضَلُ الذِّكْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَفْضَلُ الدُّعَاءِ الْحَمْدُ لِلَّهِ

Maksudnya : “Sebaik-baik zikir ialah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dan sebaik-baik doa ialah الْحَمْدُ لِلَّهِ ”

Hadis sahih direkod oleh Imam al-Hakim (1990: 1/676)

Al-Munawi (w1031H) melaporkan, “Ibn ‘Arabi (w638H) telah berkata: “Aku mewasiatkan kepada kamu supaya kamu menjaga (amalan) yang sesungguhnya dapat membeli diri kamu daripada Allah s.w.t dengan membebaskan diri kamu daripada

api neraka, iaitu dengan berkata (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) sebanyak 70,000 kali. Maka, sesungguhnya Allah SWT telah membebaskan perhambaan kamu atau perhambaan terhadap sesiapa yang membaca daripadanya dengan (keberkatan doa) nya. Ia terdapat di dalam hadis Nabi SAW. Abu al-Abbas al-Qustulani yang berasal daripada Mesir telah mengkhabarkan kepadaku bahawa sesungguhnya al-Arif Abu al-Rabi' al-Maliqi telah berada pada satu jamuan dan zikir ini telah disebut kepada seorang kanak-kanak di kalangan ahli *kasyaf*. Maka, ketika mana budak kecil itu menghulurkan tangannya untuk makan, beliau telah menangis, lalu dikatakan kepadanya: “Apa yang berlaku kepada diri kamu?” Beliau telah berkata: “Ini adalah neraka *jahannam*. Aku telah melihat ibuku di dalamnya”. Maka, al-Maliqi telah berkata dalam dirinya: “Ya Allah!, Sesungguhnya aku telah menjadikan tahlil ini sebagai pembebasan bagi ibunya daripada api neraka”. Maka, budak kecil itu tertawa dan berkata: “Segala puji adalah bagi Allah yang telah membebaskan ibuku daripada api neraka dan aku tidak mengetahui sebab keluarnya (daripada api neraka)”. al-Maliqi berkata: “Maka terbuktilah bagi diriku kebenaran hadis ini”. Ibnu ‘Arabi telah berkata: “Dan aku telah beramal (dengan amalan ini) berdasarkan kisah ini dan aku telah melihat keberkatannya (dengan amalan ini)” (al-Munawi, 1356H: 6/188).

Kenyataan (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) 70,000 kali ini sebenarnya hanya disandar kepada °Ali Ibn Zayd al-Qurtubi tanpa disandar kepada mana-mana sahabat Rasulullah SAW, kata beliau, “Saya telah mendengar dalam sebahagian *athar* bahawa sesiapa yang membaca (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) sebanyak 70,000 kali, adalah bagi dirinya pembebasan daripada api neraka.” (al-Maghribi, 1937: 1/68)

Ibnu Taymiyyah telah ditanya mengenai hadis tentang “Orang yang bertahlil 70,000 kali dan menghadiahkan (pahalanya) kepada orang mati agar mendapat kelepasan bagi si mati dari azab api neraka. Adakah hadis tersebut *sahih* atau tidak? Dan apabila seseorang itu melakukan tahlil dan dihadiahkan (pahalanya) kepada orang mati. Adakah pahalanya sampai kepada si mati atau tidak?” Maka Ibn Taymiyyah menjawab: “Apabila bertahlil seseorang dengan yang sedemikian 70,000 atau kurang atau lebih dan dihadiahkan kepada si mati, Allah menjadikannya bermanfaat baginya dengan yang sedemikian itu, dan hadis tersebut tidaklah *sahih* dan tidak juga *da’if* (yakni tidak sabit kedudukan hadis tersebut di sisi Ibnu Taymiyyah). Allah jua lah yang maha mengetahui.” (Ibnu Taymiyyah, 1995: 24/323)

Al-Albani berkata, “Adapun hadis “Sesiapa yang berkata (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) sebanyak tujuh puluh ribu kali, maka sesungguhnya dia telah membeli (menebus) jiwanya daripada Allah SWT!”, maka Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani telah berkata ketika ditanya mengenainya: “Hadis ini tidak *sahih* dan *da’if*, bahkan hadis ini adalah hadis yang batil yang direka-reka. Tidak dibenarkan untuk meriwayatkannya (hadis ini) melainkan apabila disertakan dengan penerangan terhadap keadaannya (hadis ini).” Al-Syeikh Muhammad bin Ahmad Najm al-Din al-Ghiti turut menukulkan pendapat ini dalam kitab ‘al-Ibtihaj fi al-Kalam ‘ala al-Isra’ wa al-Mikraj’, kemudian beliau memberikan komentarnya, “Namun, seseorang itu boleh melakukannya (iaitu

berzikir (لا إله إلا الله) sebanyak tujuh puluh ribu kali) kerana mencontohi amalan ulamak salaf. Juga sebagai pelaksanaan amalan ulamak yang menggalakkan untuk melakukannya serta mengambil berkat daripada amalan mereka.” (al-Albani, 1992: 11/467).

2) **Hukum membaca surah Yasin dan tahlil beramai-ramai**

Antara tohmahan golongan yang menentang amalan Yasin dan tahlil ialah tiada hadis yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad SAW membaca al-Quran secara beramai-ramai dengan para sahabat. Pendapat ini adalah tidak tepat kerana banyak hadis Nabi Muhammad SAW yang menyatakan tentang kelebihan membaca al-Quran dan berzikir beramai-ramai.

- i) Abu Hurairah melaporkan, daripada Rasulullah SAW berdasarkan apa yang difirmankan daripada Allah SWT, bahawa Dia telah berfirman:

مَنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ، ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي، وَمَنْ ذَكَرَنِي فِي مَالٍ مِنَ النَّاسِ، ذَكَرْتُهُ فِي مَالٍ أَكْثَرَ مِنْهُمْ وَأَطْيَبَ

Maksudnya : “Barangsiapa yang mengingati Aku dalam dirinya, maka Aku akan mengingatinya dalam diri-Ku; dan barangsiapa yang mengingati Aku dalam satu kumpulan daripada manusia, maka Aku akan mengingatinya dalam satu kumpulan yang lebih ramai daripada mereka dan lebih baik daripada itu.”

Hadis sahih direkod oleh Imam Ahmad dan al-Hakim (1990: 275).

al-Hakim berkata: “Sanadnya sahih”

- ii) Mu’awiyah melaporkan, “Rasulullah SAW bertemu dengan sekumpulan para sahabat, lalu bertanya, ‘Apa penyebab kalian duduk beramai-ramai?’ Para sahabat menjawab, ‘Kami berzikir serta memuji Allah atas petunjuk-Nya kepada Islam dan menganugerahkan kami dengan nikmat itu.’ Nabi bertanya lagi, ‘Demi Allah! Adakah benar kalian tidak berkumpul kecuali dengan tujuan itu?’ Jawab sahabat, ‘Ya, kami tidak berkumpul kecuali atas tujuan itu!’ Sabda Nabi SAW:

أَمَا إِنِّي لَمْ أَسْتَحْلِفْكُمْ تُهْمَةً لَكُمْ، وَإِنَّمَا أَتَانِي جِبْرِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ فَأَخْبَرَنِي أَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُبَاهِي بِكُمْ الْمَلَائِكَةَ

Maksudnya : “*Sesungguhnya saya tidak meminta kalian untuk bersumpah kerana ia akan membebankan kalian. Akan tetapi Jibril datang menemui-ku dan menyampaikan bahawa Allah membanggakan kalian kepada para malaikat.*”

Hadis sahih direkod oleh Imam Muslim (t.th.: 4/2075), Tirmizi (1975: 5/460) dan al-Nasa’i.

- iii) Abu Hurairah r.a melaporkan, Rasulullah SAW bersabda, “Sesungguhnya bagi Allah itu ada sekumpulan malaikat yang mulia berlegar-legar mencari majlis zikir di muka bumi. Apabila mereka telah menjumpainya lalu mereka mengelilinginya dengan mengembangkan sayap-sayap mereka tindih-menindih hingga ke langit” (Setelah mereka kembali) lalu Allah bertanya, ‘Dari mana kamu semua datang?’ Para Malaikat menjawab, ‘Kami semua datang dari sisi hamba-hamba-Mu yang mereka beramai-ramai bertasbih kepada-Mu, takbir, tahmid, tahlil dan memohon doa kepada-Mu dan meminta perlindungan daripada-Mu.’ Firman Allah, ‘Adakah mereka pernah melihat Aku?’ Jawab malaikat: ‘Demi Allah!, mereka tidak pernah melihat-Mu.’ Firman Allah, ‘Bagaimana keadaan mereka sekiranya mereka pernah melihat Zat-Ku?’ Jawab malaikat, ‘Sekiranya mereka pernah melihat-Mu, sudah tentu mereka lebih sungguh-sungguh beribadah kepada-Ku serta memuji-muji-Mu, dan lebih banyak bertasbih kepada-Mu.’ Lalu Allah bertanya: ‘Apa yang mereka pohon daripada-Ku? (sedangkan Allah mengetahuinya).’ Malaikat menjawab, ‘Mereka memohon syurga daripada-Mu.’ Lalu Allah bertanya, ‘Adakah mereka pernah melihat syurga?’ Malaikat menjawab, ‘Tidak, Ya Allah.’ Allah bertanya, ‘Bagaimana keadaan mereka sekiranya mereka pernah melihat syurga?’ Jawab malaikat, “Sekiranya mereka pernah melihat syurga-Mu, sudah tentu mereka bersungguh-sungguh untuk memasukinya serta bersungguh-sungguh memohonnya daripada-Mu dan tentulah bertambah gelora jiwa mereka terhadapnya.’ Allah bertanya lagi, ‘Mereka meminta perlindungan kepada-Mu daripada apa? (sedangkan Allah mengetahuinya).’ Malaikat menjawab, ‘Mereka memohon perlindungan daripada api neraka.’ Allah SWT bertanya, ‘Apakah mereka pernah melihat neraka?’ Malaikat menjawab, ‘Tidak!’ Allah berkata, ‘Bagaimana keadaan mereka sekiranya mereka pernah melihat Neraka.’ Jawab malaikat, ‘Sekiranya mereka pernah melihat neraka-Mu, sudah tentu mereka bersungguh-sungguh untuk lari daripadanya dan tentulah bertambah takut mereka terhadapnya.’ Kemudian Allah SWT berfirman, “Bersaksilah kamu wahai para Malaikat, sesungguhnya Aku telah mengampuni mereka dan Aku telah memberikan apa yang mereka minta daripada-Ku dan Aku melindungi mereka daripada apa yang mereka minta perlindungan daripada-Ku.’ Malaikat berkata, ‘Wahai Allah! Sesungguhnya terdapat seorang hamba yang tersilap duduk bersama di dalam majlis itu, dia bukan bersama-sama dengan mereka.’ Allah SWT menjawab, ‘Aku juga akan mengampuninya kerana mereka adalah kelompok yang tidak ada yang celaka sesiapa yang bersama mereka.’” Hadis sahih direkod oleh Imam al-Bukhari (1422H: 8/108), Muslim (t.th.: 4/2069) dan al-Hakim (1990: 1/672).

Imam al-Nawawi ketika menjelaskan kelebihan berzikir secara beramai-ramai telah berkata, “Hadis tersebut menyatakan tentang kelebihan berzikir, kelebihan majlis zikir, orang yang bersama-sama dengan ahli zikir walaupun tidak turut serta berzikir bersama-sama mereka dan kelebihan duduk bersama orang yang soleh serta keberkatan mereka.” (al-Nawawi, 1972: 9/56)

3) Hukum membaca Yasin dan tahlil pada malam Jumaat

Antara isu yang dibangkitkan berkaitan amalan Yasin dan tahlil ialah hukum membacanya secara berterusan setiap malam Jumaat. Ada pendapat yang mengatakan bahawa amalan ini bid'ah dan berlawanan dengan hadis Nabi Muhammad SAW kerana Baginda melarang mengkhususkan amalan tertentu pada malam dan siang hari Jumaat. Abu Hurairah melaporkan, Nabi Muhammad SAW bersabda:

لَا تَخْتَصُّوا لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ بِقِيَامٍ مِنْ بَيْنِ اللَّيَالِي وَلَا تَخْصُّوا يَوْمَ الْجُمُعَةِ بِصِيَامٍ مِنْ بَيْنِ الْأَيَّامِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ فِي صَوْمٍ يَصُومُهُ أَحَدُكُمْ

Maksudnya : “Janganlah kamu mengkhususkan malam Jumaat untuk kamu melakukan qiyamullail, tanpa melakukannya pada malam yang lain. Serta janganlah kamu mengkhususkan hari Jumaat untuk kamu berpuasa sunat, melainkan hari Jumaat itu jatuh pada hari yang biasa kamu berpuasa sunat.”

Hadis sahih direkod oleh Imam Muslim (t.th.: 2/807)

Menurut pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafi'i, hadis tersebut bermaksud makruh mengkhususkan malam Jumaat untuk melakukan solat sunat yang khusus dan berpuasa sunat pada siang hari Jumaat tanpa menggandingkan pada hari sebelum atau selepas hari berikutnya. Namun, menghidupkan malam Jumaat dengan amalan sunat yang lain secara khusus adalah tidak termasuk dalam hukum makruh tersebut, seperti berselawat kepada Nabi Muhammad SAW pada malam Jumaat, membaca al-Qur'an, atau berzikir (al-Syarbini, 1933: 2/228; al-Bujairimi, 2000: 3/193; al-Ramli, 1993: 5/383; *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah*, 1427H: 34/123; al-Qalyubi, 1997: 3/178).

Oleh itu, mengkhususkan amalan membaca surah Yasin pada malam Jumaat tidak termasuk dalam hukum makruh yang terdapat dalam hadis Nabi tersebut. Para ulamak yang menyusun amalan bacaan Surah Yasin dan tahlil pada malam Jumaat telah mengambil sempena kelebihan malam Jumaat. ‘Abd al-Razzaq melaporkan, “Dan telah menceritakan kepada aku seseorang yang telah mendengar Baylamani menceritakan daripada bapanya, daripada Ibnu ‘Umar, bahawa dia telah berkata, ‘Terdapat lima malam, yang tidak ditolak doa padanya, iaitu malam Jumaat, malam pertama bulan Rejab, malam nisfu Sya’ban, malam Hari Raya Fitri dan malam Hari Raya Adha.’” (‘Abd al-Razzaq, 1983: 4/317).

Imam al-Syafi'i berkata, "Telah sampai kepada kami khabar yang mengatakan bahawa doa akan dimakbul pada lima malam: malam Jumaat, malam Hari Raya Adha, malam Hari Raya Fitrah, malam pertama bulan Rejab, dan malam nisfu Sya'ban." Al-Rabi' berkata, al-Syafi'i mengkhabarkan kepada kami katanya, Ibrahim bin Muhammad mengkhabarkan kepada kami katanya, "Saya bertemu dengan para ulamak Madinah, mereka berkumpul beramai-ramai di Masjid Nabawi pada malam hari raya, mereka berdoa dan berzikir kepada Allah sehingga berlalu sebahagian besar waktu malam. Telah sampai berita kepada kami bahawa Abdullah bin 'Umar menghidupkan malam pertemuan. Malam pertemuan adalah malam hari raya Korban, kerana keesokan harinya mereka menyembelih binatang korban." Al-Syafi'i berkata, "Saya suka kepada semua khabar yang menjelaskan tentang kelebihan beramal pada kelima-lima malam tersebut, dengan syarat ia tidak dianggap sebagai wajib." (al-Syafi'i, 1990: 1/264).

4.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, amalan Yasin dan tahlil yang diamalkan oleh masyarakat Islam; khususnya di Negeri Johor, mempunyai sandaran yang jelas. Ia adalah sebahagian daripada awrad Qushashiah, yang disusun oleh seorang ulamak mujtahid tarbiyah ruhiyah iaitu Syeikh Ahmad al-Qushashi. Sanad amalan ini bertaut dengan Syeikh Abdul Rauf al-Singkili. Oleh itu, bagi mengembalikan keyakinan kepada masyarakat Islam bahawa amalan Yasin dan tahlil yang mereka lakukan selama ini tidak bercanggah dengan nas Syarak, maka sanad amalan ini perlu dijelaskan dan masyarakat perlu mengamalkannya berlandaskan ilmu. Manakala bagi pihak yang tidak sealiran dengan pendekatan doa dan zikir adalah ibadah *tawfiqi* yang boleh berlaku ijtihad ulamak padanya, perlu berlapang dada dalam menerima perbezaan pendapat. Walaupun tidak bersetuju dan tidak menerima amalan Yasin dan tahlil yang telah diamalkan oleh masyarakat Islam di Malaysia selama ini, namun janganlah dilabel amalan tersebut sebagai bid'ah yang sesat, kerana ia hanya mengundang konflik dan perpecahan dalam kalangan masyarakat. Kepelbagaian ijtihad berkaitan nas yang zanni adalah ruang yang diiktiraf oleh Syarak.

RUJUKAN

- Abdul Rauf al-Singkili. (T.th). *Umdat al-muhtajin ila suluk maslak al-mufridin*. Manuskrip (09/NKT/YAPH/92). Banda Aceh: Perpustakaan Ali Hasymi.
- ‘Abd al-Razzaq, Abu Bakar bin Hammam al-San’ani. (1983). *al-Musannif*. Sunt. Habib al-Rahman al-A’zami. Cet. ke-2. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Albani, Muhammad Nasir Al-Din. (1992). *Silsilat al-ahadith al-da’ifah wa al-mawdu’ah wa ‘atharuha al-sayyi’fi al-‘ummah*. Riyad: Dar al-Ma’arif.
- Al-Alusi, Syihab al-Din Mahmud Ibn ‘Abdullah al-Husayni. (1995). *Ruh al-ma’ani*. Sunt. ‘Ali ‘Abd al-Bari ‘Atiyyah. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Amidi, Abu al-Hasan. (2010). *al-Ihkam fi usul al-ahkam*. Sunt. ‘Abd al-Razzaq ‘Afifi. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- Al-‘Azim Abadi, Abu ‘Abd al-Rahman Muhammad Asyraf bin Amir bin ‘Ali bin Haydar. (1415H). *‘Awn al-ma’bud syarh sunan Abi Daud*. Cet. ke-2. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bazzar, Abu Hafs Umar bin ‘Ali. (1976). *al-‘A’lam al-‘aliyyah fi manaqib Syeikh al-Islam Ibnu Taimiyyah*. Sunt. Dr. Solah al-Din al-Munajjid. Bayrut: Dar al-Kitab al-Jadid.
- Al-Bujairimi, Sulayman bin Muhammad bin ‘Umar. (2000). *Hasyiah al-Bujairimi ‘ala syarh minhaj al-tullab*. Sunt. ‘Abdullah Mahmud Muhammad ‘Umar. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bukhari, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma’il al-Ja’fi. (1422H). *Sohih al-Bukhari*. Sunt. Muhammad Zuhayr bin Nasir. Dar Tuq al-Najah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (1997). *al-Mustasfa*. Bayrut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Hakim, Abu Abdullah. (1990). *Mustadrak ‘ala al-sahihayn*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Haythami, Abu al-Hasan Nur al-Din ‘Ali bin Abi Bakr bin Sulayman. (1994). *Majma’ al-Zawa’id wa Manba’ al-Fawa’id*. Sunt. Husam al-Din al-Qudsi. al-Qaherah: Maktabah al-Qudsi.
- Al-Maghribi, Husayn Ibn Ibrahim. (1937). *Qurrat al-‘ayn bi fatawa ‘ulama’ al-Haramayn*. Mesir: Maktabat al-Tijariyyah al-Kubra.
- Al-Mawsu’ah al-fiqhiyyah*. (1427H). al-Kuwayt: Wizarah al-Awqaf wa al-Syu’un al-Islamiyyah.
- Al-Mubarakfuri, Abu al-‘Ala Muhammad ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Rahim. (t.th). *Tuhfat al-ahwazi bi syarh jami’ al-Tirmizi*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

- Al-Muhibbi, Muhammad Amin bin Fadl Allah. (t.th). *Khulasat al-athar fi a'yan al-qarn al-hadi al-'ashr*. Bayrut: Maktabah al-Khayyat.
- Al-Munawi, Zayn al-'Abidin Muhammad 'Abd al-Ra'uf bin Taj al-'Arifin bin 'Ali. (1356H). *Fayd al-qadir sharh al-jami' al-saghir*. Misr: al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra.
- Al-Najjar, 'Abd al-Majid. (1993). *Khilafah al-insan bayn al-wahy wa al-'aql bahth fi jadaliiyah al-nas wa al-'aql wa al-waqi'*. Cet. Ke-2. Herndon: al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami.
- Al-Nawawi, Yahya Ibn Syaraf. (1972). *Syarh Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Qalyubi, Shihab al-Din Ahmad bin Ahmad & 'Umayrah, Shihab al-Din Ahmad al-Barlisi. (1997). *Hasyiata Qalyubi wa 'Umayrah 'ala kanz al-raghibin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qushashi, Safiy al-Din Ahmad bin Muhammad bin 'Abd al-Nabi. 1909. *al-Simt al-majid fi sha'n al-bay'ah wa al-dhikr wa talqinuh wa salasil ahl al-tawhid*. Hyderabad: Matba'ah Majlis al-Da'irah al-Ma'arif al-Nizamiyyah.
- Al-Ramli, Shams al-Din Muhammad bin Abi al-'Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Shihab al-Din. (1993). *Nihayat al-muhtaj ila syarh al-minhaj fi al-fiqh 'ala mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Siddiqi, Sahr binti 'Abd al-Rahman. (2003). *Athar al-waqf al-Islami fi al-hayat al-'ilmiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah*. Madinah Munawwarah: Markaz Buhuth Dirasat al-Madinah al-Munawwarah.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. (t.th). *al-Risalah*. Sunt. Ahmad Muhammad Syakir. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris. (1990). *Kitab al-'Um*. Sunt. Ahmad Badr al-Din Hassun. Misr: Dar Qutaibah.
- Al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib. (1933). *Mughni al-muhtaj ila ma'rifah al-faz al-minhaj*. Misr: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa bin Muhammad al-Gharnati. (1992). *al-I'tisam*. Sunt. Sulaym bin 'Ayd al-Hilali. al-Sa'udiyah: Dar Ibn 'Affan.
- Al-Tirmizi, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah bin Musa bin al-Dahhak. (1975). *Sunan al-Tirmizi*. Cet. ke-2. Sunt. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Zirikli, Khayr al-Din. (2002). *al-A'lam qamus tarajim li asyhar al-rijal wa al-nisa' min al-'Arab*. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- Ibnu 'Allan, Muhammad 'Ali bin Muhammad bin Ibrahim al-Bakri al-Syafi'i. (2004). *Dalil al-falihin li turuq riyadh al-solihin*. Cet. ke-4. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

- Ibnu Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar al-Qurashi al-Basri. (1419H). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Sunt. Muhammad Husayn Syams al-Din. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibnu Qayyim, Syams al-Din Muhammad bin Abi Bakr bin Ayyub bin Sa'ad al-Jawziyah. (1996). *Madarij al-salikin bayn manazil iyyaka na'budu wa iyyaka nasta'in*. Cet ke-3. Sunt. Muhammad al-Mu'tasim BilLah al-Baghdadi. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibnu Taimiyah, Taqiy al-Din Abu al-'Abbas Ahmad bin 'Abd al-Halim al-Harrani. (1995). *Majmu' al-Fatawa*. Sunt. 'Abd al-Rahman bin Muhammad bin Qasim. Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaf al-Syarif.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah. (2011). *Zawiyah dalam lipatan sejarah & kebudayaan Alam Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Muslim bin al-Hajjaj, Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Nisaburi. (t.th). *Sahih Muslim*. Sunt. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

TRADISI AMALAN RATIB AL-ATTAS DALAM TAREKAT ALAWIYAH DI NEGERI JOHOR DARUL TA'ZIM

Mohd Azman Mohsin^{a*}, Md Hamzaimi Azrol Md Baharudin^b,
Fadhil Mohamad Amin^b,
Sulaiman Shakib Mohd. Noor^b, Othman Napiah^b

^a*Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Johor*

^b*Fakulti Tamadun Islam, UTM, Johor*

*Corresponding author: ibnumohsinalmuari@yahoo.com

Abstrak

Artikel ini adalah bertujuan menerangkan tentang latarbelakang tarekat Alawiyah, prinsip-prinsip, doktrin amalan Ratib al-Attas yang diamalkan oleh para pembimbing dan pengamal ratib ini. Tarekat ini telah diasaskan oleh al-Faqih Muqaddam Muhammad bin Ali BaAlawi (w.653H), di mana jalur nasab beliau sampai kepada Baginda Rasulullah s.a.w. Pengorbanan dakwah para sadah Alawiyin ini melalui misi dakwah, perdagangan dan perkahwinan telah berkembang sejak awal 1,400 M di seluruh Nusantara khususnya di Indonesia, Brunei, Singapura dan Malaysia khususnya di Negeri Johor. Seiring dengan penyebaran dakwah Islamiyah ini oleh para sadah Alawiyin telah menyebabkan tersebarnya amalan tarekat dan ratib di seluruh Nusantara. Amalan Ratib al-Attas ini telah diperkenalkan oleh seorang Wali Qutub Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas (w.1072H), wafat di Huraidah, Hadramaut, Yaman. Amalan ratib ini adalah salah satu dari 10 koleksi ratib dalam tarekat Alawiyah. Kebelakangan ini amalan Ratib al-Attas semakin mendapat tempat dihati masyarakat Islam dalam melestarikan tarbiyah kejiwaan khususnya anjuran yang semakin berkembang positif di madrasah, masjid, surau, rumah kediaman dan lain-lain lokasi yang sesuai bagi tujuan tersebut. Amalan ini secara praktikalnya dilaksanakan samada secara bersendirian atau berjamaah tanpa dibatasi waktu tertentu, dan khususnya dilakukan pada waktu malam. Amalan ratib juga merupakan sebagai satu proses pendidikan rohani secara informal bagi tujuan mendekatkan diri

kepada Allah S.W.T dan memperolehi kesejahteraan dan keselamatan zahir dan batin, dunia dan akhirat.

Kata kunci: tasawuf, tarekat, tarekat Alawiyah, Ratib al-Attas, sadah Alawiyin, pendidikan rohani

1.0 PENDAHULUAN

Usaha membangun dan mengukuhkan unsur kerohanian sangat penting dan perlu diberikan keutamaan bagi mengangkat darjat seseorang insan di sisi Penciptanya. Hal ini menurut Sheikh Abdul Qadir al-Jailani penciptaan roh manusia lebih dahulu dari penciptaan jasad mereka. Proses pementapan dan pemeraksanaan tiga aspek ajaran aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Imam Abu Hassan al-Asyaari, Imam Abu Mansor al-Mathuridi, Imam Junid al-Baghdadi dan Iman al-Ghazali sebagaimana yang tercatat dalam warta kerajaan Negeri Johor 2016 adalah menjadi agenda utama dalam sistem pendidikan umat Islam masa kini. Tiga aspek utama ini adalah Islam, Iman dan Ihsan yang bersandarkan kepada hadis Jibril, riwayat Imam Bukhari dan Muslim. Praktikal Ihsan juga dikenali sebagai ilmu tasawuf bertujuan melatih seorang muslim dan mukmin supaya mencapai tahap seorang muhsin yang dekat mengcintai dan dicintai oleh Allah S.W.T. (Jahid, 1994; Othman, 2002).

Ilmu dan amalan tasawuf sangat berperanan sebagai alat dan medium bagi menyuburkan semula hati yang mati akibat kelalaian mengikuti syariat Islam dan kegagalan mengingati Allah S.W.T. Tasawuf mendorong umat Islam untuk meningkatkan amal ibadah dan memajukan dunia dengan peraturan Rabbaniyah. Ia juga mendidik manusia kaedah dan kemahiran menunaikan ibadah amali bersama pemeliharaan niat yang baik, pengikisan sifat *mazmumah* (tercela), penerapan sifat dan nilai *mahmudah* (terpuji), berakhlak dan mempunyai hubungan yang baik sesama mahluk (Habib Umar, 2009; Habib Abdullah al-Haddad, 2010; Mohd Murtadza, 2002).

Disiplin ilmu tasawuf ini akan menjadi lebih berwibawa, sekiranya ia diaplikasikan dan modal insan mulia sebagai *role model* dalam masyarakat, samada dari sudut kepahlawanan atau kemuliaan mereka bagi mengangkat martabat umat ini (Zulkifli al-Bakri, 2009).

2.0 TAREKAT DALAM KONTEKS ILMU TASAWUF

Disiplin ilmu tasawuf seperti yang dikenali ramai memiliki banyak nama dan gelaran seperti ilmu hati (ilmu *qalb* atau *wijdan*), ilmu batin, ilmu terus dari Allah (*laduni*), ilmu rahsia (*asrar*), ilmu hakikat, ilmu rasa rohani (*Dhauqi*), ilmu ihsan, ilmu *al-Tadhki`ah*, *al-Sulūk*, *al-Kashaf* dan ilmu ikhlas (Abdul Fatah, 2006; Zulkifli al-Bakri, 2009). Konotasi ini sesuai dengan maksud firman Allah (Surah al-Zariyat, 51: 56) “Dan (*ingatlah*) Aku tidak menciptakan jin

dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”, di mana menurut Imam al-Qushairi (2011), berkata Ibnu Abbas, bermaksud *“beribadah kepadaKu membawa erti untuk mengenaliKu”*. Selanjutnya menurut Imam al-Ghazali r.a (w.505H), bahawa hukum bertasawuf adalah fardu ain kerana tiada seorang manusia pun yang boleh terlepas daripada sebarang keaiban dan penyakit hati, melainkan Nabi a.s. Manakala Imam Abu Hasan al-Shadhili r.a (w.656H) berpendapat sesiapa yang tidak bersungguh-sungguh mempelajari ilmu ini (tasawuf), akan mati dalam keadaan berterusan melakukan dosa besar, sedangkan dia tidak menyedarinya (Muhammad Fuad, 2008; Zulkifli al-Bakri, 2009).

Antara tokoh-tokoh dalam disiplin ilmu tasawuf ialah Abu Ishak Ibrahim bin Adham (w.161H), Abul Faidh Zu al-Nun al-Masri (w.245H), Abu Ali al-Fudhail bin Iyad (w.187H), Abu Mahfuz Ma’arūf bin Fairuz al-Kakhi (w.200H), Abul Hasan Sari bin al-Mughlas al-Saqathi (w.257H), anak murid al-Kakhi dan ramai lagi tokoh-tokoh yang tidak dapat disenaraikan di sini (Imam Sha`rani, 2006; Abu Nuaim, 2010; al-Qushairi, 2011).

Tiada syak lagi bahawa insan pertama beramal dengan disiplin tasawuf dan tarekat ialah Nabi Muhammad s.a.w, diikuti oleh para sahabatnya (Muhammad Fuad, 200; Jahid, 2011). Menurut Sheikh Najm al-Din al-Kubra bahawa disiplin ilmu syariat, tasawuf dan tarekat adalah disiplin ilmu yang sama tidak dapat dipisahkan, tarekat ibarat lautan, bahtera sebagai shari`ah dan tasawuf ibarat mutiara. Kedua-dua tarekat dan tasawuf adalah perkara yang serupa kerana doktrin dan kandungannya adalah serupa sahaja (Jahid, 1994). Tasawuf dan tarekat mempunyai hubungan yang sangat erat. Tasawuf adalah penyucian jiwa insan yang bermatlamat mendekatkan diri dan kembara menuju Allah S.W.T. Manakala tarekat adalah jalan mencapai maqam dekat dan tinggi di sisi Allah S.W.T. melalui pencarian dan pimpinan guru murshid, sheikh tarekat yang telah sampai perjalanan (*wusul*) kepada Allah S.W.T. Latihan kerohanian oleh guru kepada murid yang memerlukan mujahadah, perjuangan dan kerja keras bagi meningkat maqam tinggi yang telah dilalui oleh pengalaman guru tersebut. Proses membuang sifat-sifat tercela dalam diri (*takhali*) dan memasukkan nilai-nilai terpuji (*tahalli*). Dalam organisasi tarekat wujudnya istilah guru murshid, baiah (perjanjian dalam amalan), ijazah, method zikir-zikir terpilih, talqin, rabith, pemakaian khirqah (pakaian sufi), suluk, uzlah, maqam dan hal, latihan-latihan, ribath (tempat latihan), kitab-kitab, silsilah-silsilah ambilan ilmu dan tarekat dari guru ke guru hingga kepada Baginda Rasulullah s.a.w. Silsilah adalah unsur terpenting dalam sebuah tarekat (Sri Muliayati, 2004; Mahmud Hamdi Zaqzuz, 2012).

Menyorot kembali kedatangan dan penyebaran Islam menurut Nurulwahidah e.t.al., (2013) ke Alam Melayu khususnya negara Islam di Pasai, Aceh adalah dibawa oleh tokoh ulama dari Timur Tengah yang berasal dari Hadramaut, Yaman. Manakala menurut Sulaiman (2002), kedatangan Islam di Alam Melayu adalah berdasarkan tiga teori kemunculan Islam iaitu pendakwah dari negara Arab, melalui pendakwah India Muslim dan dari jalan pendakwah negara China. Adapun asal usul tersebarnya tarekat ke Alam Melayu secara umumnya dari dua sumber iaitu Makkah al-Mukaramah dan negara India, manakala amalan bertarekat sampai di Malaysia secara umumnya dari dua sumber iaitu Makkah dan Indonesia. Menurut Sri Muliayati (2004), antara tarekat yang mu'tabarah (dianggap sah melalui silsilah guru) di Nusantara ini adalah Qadiriyyah, Shadhiliyyah, Naqsabandiyah, Shatariyyah, Samaniyyah, Ahmadiyah Idrisyah, Chistiyah dan sebagainya.

3.0 TAREKAT ALAWIYAH

Tarekat Alawiyah juga dikenali dengan nama Aali BaAlawi, Abi Alawi dan *Ashab al- Yamin* (golongan kanan). Nama Alawi adalah ambilan daripada dua nama, pertama daripada Saidina Ali bin Abi Talib yang bernikah dengan Saidatina Fatimah *al-Zahra* binti Rasulullah s.a.w. Pendapat kedua adalah daripada Alwi bin Ubaidillah bin Ahmad (*Imam Muhajir*) bin Isa *al-Naqib* bin Ali *al-Uraidhi* bin Ja'afar *al-Sadiq* (w.148H) bin Muhammad *al-Baqir* (w.114H) bin Ali Zainal Abidin (w.95H) bin Imam Husain bin Ali bin Abu Talib, suami kepada Saidatina Fatimah *al-Zahra* binti Rasulullah s.a.w.

Sejarah bermulanya tarekat Alawiyah ini mempunyai hubungkait dengan tokoh pertama keturunan Rasulullah s.a.w iaitu Ahmad bin Isa *al-Muhajir* sebagai bapa hijrah. Beliau telah berhijrah dari Basrah, Iraq ke Hadramaut, Yaman pada 317H dan bermula tersebarnya mazhab Shafie di sana (Habib Zain, 2005; Habib Alwi, 1991). Dari titisan keturunan beliau maka telah lahirnya keluarga al-Attas, al-Saggaf, al-Kaf, Bafaqih, al-Aidrūs, Bin Sheikh Abu Bakar, Al-Habshi, al-Haddad, Bin Sumaith, Bin Shahab, Bin Yahya, Bin Sahal, Bin Hamid, al-Hadi, al-Qadri, Jamalulail, al-Siri, al-Aidid, al-Jufri, al-Mussawa, al-Zahir dan banyak lagi nama kabilah yang tidak dapat disebutkan di sini.

Tarekat ini telah diasaskan oleh *al-Faqih al-Muqaddam* Muhammad bin Ali BaAlawi bin Muhammad (*Sahib al-Mirbath*) bin Ali bin Alawi (*Khali Qasam*) bin Muhammad bin Alwi bin Ūbaidillah bin Imam(*al-Muhajirillah*) Ahmad bin Isa (*al-Naqib*) bin Muhammad bin Ali (*al-Uraidhi*) bin Ja'afar (*al-Sadiq*) bin Muhammad (*al-Baqir*) bin Ali (*Zainal Abidin*) bin Hussien bin Imam

Ali bin Abi Talib. Beliau (1.574H-w.653H) di maqamkan di tanah perkuburan Zabal, Tarim. (Syed Hasan, 1996).

Beliau amat menghormati tarekat-tarekat yang lain kerana tujuan mereka adalah sama dan silsilah hampir semua tarekat berasal daripada Saidina Ali bin Abi Talib k.w. kecuali tarekat Naqsabandiyah yang sanad silsilahnya sampai kepada Saidina Abu Bakar al-Siddiq r.a. (Syed Hasan al-Attas, 2010).

Guru beliau adalah Abu Talib al-Makki (w.386H) pengarang kitab *Qutul Qulub Fi Muamatil Mahbub*, menurut ulama pada ketika itu tiada kitab tasawuf dan tauhid yang sehebatnya. (Syed Hasan al-Attas, 2010; Said, 2010). Tokoh seterusnya ialah *Sheikh al-Qutb Abdul Rahman al-Saggaf*, (w. 819H), yang digelar *al-Muqadam at-Thani*. Imam al-Ghauts Umar al-Muhdar (w.865H), anak kepada *Sheikh al-Qutb Abdul Rahman al-Saggaf*. *Al-Qutb* Abdullah bin Abu Bakar al-Adni, (w.914H) di Aden. *Sheikh* Abu Bakar bin Salim, dikenali dengan *Fakhrul Wujud*, (w.992H). *Al-Qutb al-Anfas* Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas (992H-1072H), pengasas dan penyusun (Sohib al-Ratib) amalan Ratib al-Attas. *Al-Qutub Dakwah wal Irsyad* Imam Habib Abdullah bin Alawi al-Haddad.

Menurut Habib Zain Sumaith (2005), ramai lagi tokoh-tokoh yang lahir selepas mereka dimana masing-masing memiliki ilmu yang sangat luas. Tradisi tarekat banyak terpengaruh dengan tarekat Alawiyah. Tarekat ini sangat kuat pengaruhnya, khususnya di kalangan BaAlawi sendiri. Ini mungkin disebabkan tingginya ilmu dan akhlak mereka serta keterikatan nasab keturunan Baginda Rasulullah s.a.w. (Umar, 2000).

Musyawaharah 165 ulama yang diadakan di Sidogiri, Indonesia pada 30hb April 1962, telah menetapkan secara rasmi bahawa golongan Alawiyin dari Hadramaut yang bermazhab Shafie dan beraqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran Asyairah, Maturidiyah, Junaidiyah dan Ghazaliah adalah golongan yang menyebarkan dakwah di Indonesia. Antara tokoh Alawiyin di Nusantara ini adalah sebahagian besar wali songo (Sembilan) sekitar awal 1400M berdasarkan catatan di maqam salah seorang wali sembilan iaitu Maulana Malik Ibrahim di Gersik, Jawa Timur pada 8hb April 1416M/ 12hb Rabiul Awal 882H. Mereka bertanggungjawab membantu penyebaran Islam dalam kerajaan Majapahit dan Sriwijaya di Jawa Timur dan Barat Indonesia. Namun sebelum beliau terdapat seorang mubaligh pertama ke Tanah Jawa dari kesultanan Kedah yang bernama Fatimah binti Syed Maimun bin Hibatullah yang wafat pada 2hb Disember 1082M/ 7hb Rejab 475H di Leran, Gersik, Jawa Timur adalah berketurunan Alawiyin. Begitulah wujudnya Kerajaan Islam, Kedah, Melaka, Terengganu, Kelantan,

Aceh, Deli, Palembang, Bintoro, Demak, Ceribon, Banten, Pontianak, Indonesia, Brunei, Mindano, Filipina. Kebanyakan golongan Alawiyyin ini memperoleh pemerintahan Islam melalui perkahwinan. Manakala dalam konteks Negeri Johor bahawa terdapat ramai para sadah Alawiyyin dari Arab Hadrami keturunan Rasulullah jalur al-Husaini iaitu dari kabilah al-Attas, al-Haddad, al-Habshi, al-Aidrus serta lainnya. Mereka telah memberikan sumbangan bakti kepada Negeri ini terutama dalam bidang pendidikan samada duniawi atau ukhrawi. Bermula dari Jawatan Mufti pertama, Timbalan Mufti, Kadi-kadi, Guru-guru Agama, Imam-imam dan sebagainya. Pembinaan madrasah, masjid dan surau oleh golongan Alawiyyin ini seperti masjid Wadi Hasan, Madrasah al-Attas al-Arabiah telah banyak melahirkan golongan intelek agama terutama para ulama' dan umara' dalam negeri ini. Mereka juga bertanggungjawab menyebarkan amalan kerohanian seperti budaya ratib al-Attas, ratib al-Haddad, maulid Daibaie dan majlis-majlis ilmu di masjid dan surau dalam negeri ini. (Habib Alwi bin Tahir al-Haddad, 1991; al-Hamid, 1996; Abd. Latif & Ibnu Mohsin al-Muari, 2013).

3.1 PRINSIP-PRINSIP TAREKAT ALAWIYAH

Menurut Habib Hasan (1996), dalam kitab *Shams al-Zahirah* bahawa zahir tarekat ini *al-Ghazali'ah* atau apa yang terdapat di dalam kitab Imam al-Ghazali seperti *Bidayatul al-Hidayah*, *Ihya Ulumuddin*, *Minhaj al-Abidin* dan lain-lain. Batinnya adalah *al-Shadhiliyah* atau seperti apa yang terkandung dalam kitab *al-Hikam* oleh Ibnu Atoillah al-Iskandari, termasuk wirid-wiridnya seperti mengamalkan Hizib *al-Nasr* dan Hizib *al-Bahri* oleh Imam Abul Hasan al-Shadhili. Tarekat ini sebagaimana tarekat mu'tabarah yang lain adalah berlandaskan al-Quran dan Sunnah. Menjadi dasar utama setiap tarekat adalah berprinsip kepada aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Menurut Habib Alwi (1991), Habib Abdullah bin Alwi al-Haddad menyatakan golongan yang berjaya ialah mereka yang berpegang teguh dengan konsep aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Imam al-Muhaqiq Habib Ahmad bin Zain Al-Habshi (w.1145H) dalam Habib Zain, (2005) dan Umar (2000), menyatakan tarekat ini memiliki lima prinsip utama iaitu: Ilmu, amal, *khauf* (takut dan mengharap hanya kepada Allah S.W.T.), *Wara'* (memelihara diri dari sifat dan perbuatan *mazmumah*) dan *ikhlas* (suci hati semata-mata kerana Allah). Manakala Habib Alwi bin Tahir al-Haddad (1991) menyatakan terdapat empat prinsip iaitu ilmu, amal, *tahalli* (menghias diri dengan sifat mahmuddah) dan *takhali* (mengosongkan diri dari sifat mazmumah).

Tarekat ini adalah tarekat yang mudah, mesra rakyat sehingga pengikut dan pecinta tarekat ini tidak menyedari mereka berada dalam tarekat Alawiyah kerana ia tidak menentukan syarat-syarat tertentu yang penting adalah ikhlas dalam setiap amalan (Syed Hasan al-Attas, 2010). Ada di kalangan ulama Alawiyah menyatakan bahawa ia bukan satu tarekat tetapi satu manhaj (metodologi dakwah) yang *simple* disifatkan sebagai tasawuf akhlaki (Umar, 2000). Maka tarekat ini mengambil dua teori dari tokoh kerohanian Islam yang utama iaitu Imam al-Ghazali r.a dari sudut amalan-amalan zahir dan batinnya adalah Imam Abdul Hasan al-Shadhili r.a dari sudut amalan batin iaitu maqam dan hal. Ini bererti telah cukup kesempurnaan diri kepada salik menuju Allah S.W.T melalui jalan kerohanian tarekat ini berdasarkan ikutan dan pimpinan salafus soleh.

3.1.1 JENIS-JENIS AMALAN HARIAN

Prinsip kedua di dalam tarekat Alawiyah ialah amal. Ilmu dan amalan adalah gabungan utama sebagai kaedah mendekati diri kepada Allah S.W.T. Beramal dengan melaksanakan perintah Allah S.W.T dan meninggalkan segala tegahanNya. Mengingati Allah S.W.T dengan membaca zikir-zikir tertentu sebagai satu proses penyucian rohani dari segala sifat-sifat mazmumah (tercela) kepada sifat-sifat mahmudah iaitu terpuji (Habib Zain Sumaith, 2005). Zikir adalah wangian hati dan dengannya terhasil hubungan dengan kecintaannya iaitu Allah S.W.T. (Sheikh Muhammad, 2003). Antara amalan mereka ialah amalan membaca ratib pada setiap waktu pagi dan petang, berjamaah di masjid mahupun bersendirian di rumah. Antara ratib yang terkenal ialah seperti ratib al-Aidrūs, susunan Imam Abdullah bin Abu Bakar al-Aidrūs, Ratib al-Attas susunan Imam Umar bin Abdul Rahman al-Attas, Ratib al-Haddad susunan Imam Abdullah bin Alwi al-Haddad, Ratib Imam Muhammad bin Abdul Rahman al-Baar, Ratib Imam Soleh bin Abdullah al-Attas, Ratib Imam Ahmad bin Muhammad Alwi al-Mahdar. Selain itu, terdapat banyak amalan-amalan lain seperti wirid, hizib, selawat, al-Azkar, bacaan maulid Rasulullah s.a.w serta doa-doa yang disusun oleh tokoh-tokoh Alawiyah (Habib Zain, (t.t); Nurulwahidah Fauzi, Tarek Ladjal & Tatiana A. Denisova, 2013).

Antara kitab-kitab amalan yang telah tersebar dan menjadi rujukan dan pegangan utama para salik dalam usaha mendekati diri kepada Allah S.W.T ialah seperti Kitab *Sabil al- Muhtadin* (سبيل المهتدين) susunan Syed Abdullah bin Alwi bin Hasan al-Attas. Kitab *al-Khulasoh* (الخلاصة) terjemahan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, susunan Habib Umar bin Muhammad bin Salim bin Hafiz bin al-Sheikh Abu Bakar bin Salim. Kitab *المسلك القريب لكل سالك منيب* Jalan yang dekat bagi orang yang mengikut

jalan rujuk kepada Tuhan), susunan Habib Tahir bin Husain bin Tahir. Kitab *مخ العباداة لأهل السلوك والأرادة*, Habib Abdul Qadir bin Ahmad bin Abdul Rahman al-Saggaf al-Alawi al-Hasani al-Hadrami. Kitab *عمل اليوم والليلة*, *Dar al-Hawi*, Bairut, Lubnan. Kitab *النجوم الزاهرة لسالك طريق الآخرة*, Habib Zain bin Ibrahim bin Sumaith, *Darul Ilmi wa Dakwah*. Kitab *عمل اليوم والليلة* (Amalan Siang dan Malam), Hasan bin Abdullah bin Umar al-Shatiri, terjemahan Habib Thoaha bin Abu Bakar bin Yahya, Jakarta dan banyak lagi.

Penghayatan dan ambilan dari tujuh buah kitab amalan ini umpamanya, serta perlaksanannya yang dilakukan secara komitmen dan konsisten sudah cukup melayakkan seorang *salik* (insan yang mengembara secara rohani) *wusul* (sampai) kepada Tuhan Penciptanya. Bimbingan guru-guru murshid dari tarekat ini amat perlu memandangkan terdapat lima usul yang memerlukan guru bagi penjelasan yang terang iaitu nilai ilmu, amal, ikhlas, khauf dan wara'. Nilai cahaya, rahsia dari amalan zikir serta barakah guru murshid adalah sesuatu pengalaman yang sukar diertikan dan berbahagialah mereka yang melalui proses perjalanan kerohanian tersebut (Abi Talib al-Makki, 2010; al-Qusairi, 2011).

4.0 RATIB AL-ATTAS

Salah satu rutin dan doktrin amalan dalam tarekat ini ialah membaca ratib. Ratib mengandungi himpunan zikir-zikir serta doa-doa yang disusun oleh para salafus soleh berdasarkan panduan al-Quran, sunnah dan ijma' para ulama'. Menurut Abdul Manam (2011), zikir dari sudut bahasa bermaksud sebut, ingat dan kenang. Manakala dari sudut peristilahan tasawuf pula, zikir bermaksud terlepas daripada kelalaian dan kelupaan hati dengan sentiasa merasa hadir berserta Allah. Ini bermakna zikir merangkumi perkara yang wajib dan sunat seperti perintah yang terkandung di dalam rukun yang lima, yang terbatas dengan masa serta membaca al-Quran dan zikir dengan lisan dan hati yang tidak terbatas pada masa dan waktu.

Manakala perkataan al-Attas pula bermakna bersin. Pengarang dan penyusun ratib (*Sohib al-Ratib*) ini adalah seorang tokoh ulama Alawiyin dan wali Qutub iaitu Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas (992H-w.1072H). Beliau, bapa dan datuk telah diriwayatkan sering *attas* (bersin) semasa dalam kandungan ibunya. Menurut Habib Hasan (1997), ratib ini memiliki banyak nama antaranya: *Aziz al-Manal Wa Fathu Bab al-Wisol* (Sesuatu yang sukar diperolehi dan kunci bagi pintu penghubung), *Hisnul Hasin* (Kubuh yang kukuh) dan lain-lain.

Kaedah amalan membaca ratib ini, bermula dengan menghadihkan bacaan *al-Fatihah* kepada Baginda Rasulullah s.a.w dan *Sahib Ratib* serta anak murid kesayangan beliau Sheikh Ali Bin Abdillah Baaras, muslimin muslimat, mukminin dan mukminat. Kemudian membaca 17 zikir di dalamnya, antaranya ta'awuz, basmalah, hauqalah, tasbih, tahlil, selawat, istighfar, memohon *husnu al-khatimah* (Habib Ali, 2007). Zikir 17 ini tidak termasuk dua bacaan dari surah *al-Hasyr*, 59: 21-24 pada awalnya dan 2 ayat akhir surah *al-Baqarah* yang ditambah oleh Habib Ali bin Hasan bin Abdullah bin Husin bin Umar bin Abdul Rahman al-Attas (*Sahib al-Qirtas dan Sahib al-Mashad*).

Sesudah itu, pembimbing akan membaca *al-Fatihah* (al-Fawatih), kemudian diikuti beramai-ramai membaca *al-fatihah* sebanyak lima kali bacaan antaranya ditujukan bacaan kepada Rasulullah s.a.w, sahabat, ahli keluarga dan mereka yang mengikuti baginda Rasulullah s.a.w, keluarga, para sahabat dan zuriat keturunan Baginda. Bacaan *al-Fatihah* kepada *al-Muhajir* Ahmad bin Isa dan *al-Faqih al-Muqaddam* Muhammad bin Ali BaAlawi. Bacaan *al-Fatihah* kepada Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas, dan anak murid yang paling dikasihi iaitu al- Sheikh Ali bin Abdullah Baras. Bacaan *al-Fatihah* kepada para aulia (wali-wali Allah), para syuhada, para solihin dan imam al-Rasyidin, kemudian ditujukan kepada kedua ibubapa, guru-guru, kepada para arwah penduduk negara ini, mukmin, mukminat, muslimin dan muslimat. Bacaan *al-Fatihah* dengan harapan diterima segala permohonan dan pengharapan bagi kebahagiaan dunia dan akhirat. Dan sekali lagi *al-Fatihah* ditujukan kepada baginda Rasulullah s.a.w. Seterusnya bacaan doa oleh pembimbing ratib dan diaminkan oleh para jamaah yang hadir. Maka selesailah baca ratib ini. Amalan ini biasanya diamalkan di Masjid Hadramaut Yaman secara berjamaah selepas solat isyak dan selepas solat maghrib pada bulan Ramadhan (Habib Ali, 2007).

4.1 FAEDAH RATIB AL-ATTAS

Amalan zikir dari tarekat ini telah menghasilkan banyak rahsia kesejahteraan dan keselamatan zahir dan batin, cahaya dan barakah perjalanan kerohanian yang sukar untuk diterjemahkan. Menurut Afifuddin 2003; Habib Alwi 2005; Habib Ali 2007 telah didatangkan tentang kelebihan zikir secara umum dan kelebihan kalimah-kalimah ini secara khusus dengan tidak terkira di dalam al-Quran dan hadis.

Antara maksud firmanNya menjadi modul dan kaedah mentaati dan melaksanakan perintah Allah S.W.T supaya manusia sentiasa ingat kepadaNya (Surah *al-Ahzab*, 33:41-42). Suatu pekerjaan yang besar dan tinggi nilainya

(Surah *al-Ankabut*, 29:45). Alat mendepani masa akan datang dengan merujuk (ketika senang dan susah) kepada Maha Pencipta (Surah *al-Baqarah*, 1:156). Alat menenangkan hati dan perasaan (Surah *ar-Ra'du*, 13:28). Alat pemancar cahaya ketuhanan dalam diri (Surah *al-Nur*, 24: 35-37). Alat membentuk dan membina pemikiran positif serta modal terhindar dari terhumban ke tempat yang paling hina iaitu neraka (Surah *Ali Imran*, 3:191). Alat pembersihan jiwa (*tazkiyah al-nafs*) (Surah *al-Syamsu*, 91:9-10). Modal (*al-baqiyatus solehah*) untuk menghadap dan melihat Allah S.W.T di Hari Kiamat kelak (Surah *al-Syua'ra*, 26: 88-89). (Surah *al-Kahfi*, 18:46) Doa saat yang dekat dengan Allah serta dimakbulkan Allah segala permintaan (Surah *al-Baqarah*, 1:186). Senjata menjauhi musuh manusia iaitu syaitan yang boleh menjadi rakan. (Surah *al-Zukhruf*, 43:36). Ubat penyakit-penyakit batin. (Surah *Ali Imran*, 3:134). Jauh daripada mengingati Allah S.W.T ditimpa musibah dalam kehidupan dunia dan akhirat (Surah *Toha*, 20:124). Allah S.W.T akan melupakan serta mengabaikan mereka (Surah *al-Hasyr*, 59:19).

Ayat-ayat ini disokong oleh hadis-hadis Qudsi dan sahih Bukhari dan Muslim, disamping pandangan para sahabat, ulama' tasawuf dan tarekat yang lain. Habib Abdullah al-Haddad menyatakan dalam *qasidah al-ainiyah* agar melazimi membaca al-Quran dengan bacaan yang baik serta berzikir. Insan yang telah diberi hidayah sekiranya dia berzikir maka zikir menjadi makanan baginya. Sekiranya menghadapi kesengsaraan jiwa maka zikir menjadi ubat dan penawar baginya (Habib Ahmad, 2013).

4.2 CABARAN DALAM AMALAN RATIB AL-ATTAS

Disiplin ilmu tasawuf sering mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat sejak dahulu lagi. Polimik mengenai persoalan berkaitan ilmu tasawuf ini adakah ia benar berasal daripada ajaran dan disiplin ilmu Islam sering timbul di kalangan masyarakat dari semasa ke semasa, sehingga muncul beberapa isu yang sangat kontradik sifatnya. Situasi ini menimbulkan kegelisahan dan kebimbangan di kalangan umat Islam (Othman, 2002) terutama para pengamal zikir dalam tarekat Muktabarah sejak sekian lama.

Manakala budaya amalan tarekat dalam ilmu tasawuf seperti membaca al-Quran, ratib, wirid, hizb, selawat, istighfar dan doa. Ratib al-Attas ini adalah amalan yang baru berkembang dalam masyarakat Islam sejak kemunculan Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas. Maka ia dilihat sebagai satu amalan berjamaah yang tidak dilaksanakan pada zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat r.a. Segelintir masyarakat yang terdiri dari para sarjana Islam melihat amalan sebagai budaya bidaah yang tidak berlaku di zaman Rasulullah s.a.w., manakala ajaran

tasawuf dan tarekat tidak memiliki dalil yang kukuh dari Baginda Rasulullah s.a.w melainkan suatu kebatilan dan kebimbangan mereka terperangkap dengan bisikan syaitan (Ibnu Jauzi, 2012).

Oleh yang demikian, satu penelitian yang mendalam terhadap latar belakang, tokoh-tokoh, serta amalan-amalan mereka yang memerlukan kepada penelitian dan penjelasan yang signifikan dengan keadaan dan suasana hari ini. Ini bertujuan bagi mengelak berlakunya fitnah, salah faham serta persepsi negatif yang berterusan. Keadaan seumpama ini merupakan sesuatu yang negatif terhadap hubungan sosial umat Islam serta mewujudkan suasana kekeruhan dalam mempraktikkan amalan murni dalam usaha mencapai husnul khatimah menuju Allah S.W.T. (al-Qusairi, 2011). Bagi merungkai persoalan dan polimik ini maka Ratib al-Attas ini memerlukan pengesahan dari pihak yang berautoriti dan berwajib sama ada yang bersifat nasional mahupun internasional di Nusantara.

Dalam konteks aplikasi amalan Ratib al-Attas di Negeri Johor telah diamalkan lebih dari 90 tahun sebagaimana cetakan awal naskhah Ratib al-Attas oleh wakaf Madrasah al-Attas al-Arabiah Johor Bahru, Johor (dibina pada 1913M) pada tarikh 1922M. Mufti Kerajaan Negeri Johor dan Negeri Pahang telah membuat pengesahan bahawa 17 zikir yang terdapat dalam Ratib al-Attas tidak bertentangan dengan al-Quran, hadis dan amalan para Ulama'. Kini amalan ini telah berkembang lebih dari 100 buah masjid dan lebih 50 buah surau termasuk masjid-masjid kerajaan yang diurus oleh Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau Jabatan Agama Islam Negeri Johor.

5.0 KESIMPULAN

Tarekat Alawiyah merupakan salah satu daripada tarekat mu'tabar. Kekuatan tarekat ini adalah dari sudut nasab keturunan sampai kepada Baginda Rasulullah s.a.w dan dalam perlaksanaan ibadah mereka kepada Allah S.W.T. Tarekat ini adalah tarekat yang mudah menyerap dan diterima baik kebanyakan masyarakat Islam Nusantara. Pegangan zahirnya adalah sumber Imam al-Ghazali dengan menghayati kitab-kitabnya. Pegangan batinnya pula merujuk kepada Imam Abu Hasan al-Shadili dari konteks maqam dan halnya.

Lima prinsip asas tarekat yang memastikan bahawa perjalanan tokoh-tokoh mereka jelas dan mengambil langkah demi langkah bagi memastikan perjalanan mereka tidak sesat dan terpesong daripada jalan yang lurus dan benar. Prinsip amal mendorong para tokoh tarekat menyusun amalan bagi tujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Proses berzikir dapat menyucikan diri dari segala kekotoran batin seperti syirik, nifaq dan pelbagai penyakit hati ibarat pakaian yang kotor perlu dibersihkan secara harian dengan bahan kimia yang berkesan menanggalkan segala kekotoran (Imam Abdul Wahab al-Sharani, 1998; Habib Abdullah bin Alwi al-Haddad, 2010). Zikir-zikir dalam tarekat adalah sebagai makanan yang enak dan minuman yang segar serta sebagai alat pendidikan dan senjata kerohanian dalam proses kembara insan menuju Allah S.W.T. Manakala penelitian dan analisa mendalam yang dilakukan terhadap hubungkaitnya doktrin 17 zikir di dalam ratib tersebut, maka jelas terdapat bukti dan dalil kukuh dalam konteks pengambilan sumber utama iaitu al-Quran, al-Hadis dan amalan para ulama dan sama sekali tidak bertentangan dengan hukum syara'. Oleh yang demikian, amalan dan budaya beratib ini adalah salah satu alternatif serta proses pendidikan rohani secara informal yang mampu memberi faedah yang besar iaitu sudut zahir dan batin terhadap pembimbing dan pengamalnya. Bukan sekadar itu sahaja, malah telah mendapat kedudukan yang tinggi dihati insan yang selalu berusaha dan bermujahadah untuk memperolehi nilai rahmat dan barakah Allah S.W.T. serta dapat mencapai maqam dan ahwal al-Muhasinin. Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas melalui ratibnya serta tokoh-tokoh sadah Alawiyah lain telah menyumbang jasa yang sangat besar dalam pendidikan dakwah kerohanian kembara menuju objektif perhambaan yang faqir disisi Allah S.W.T. (Mohd Azman, 2017).

RUJUKAN

- Abdul Fatah Haron Ibrahim (2006). Syari'at, Tareqat, Haqiqat dan Ma'rifat: Suatu Analisa Kritis. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Malaysia: JAKIM.
- Abdul Manam bin Mohamad al Merbawi (2001). *Tarekat Naqsabandiah dan sejarah kemasukannya ke Malaysia*. Universiti Malaya: Tesis Doktor Falsafah.
- Abdul Rahman Ibnul Jauzi (2012). *Perangkap Iblis*. Solo Indonesia: Pustaka Arafah.
- Afffuddin Abdullah bin As'ad bin Ali al-Yafiie (2003). *Al-Irsyad wa al-Tatritz fi Fadli Zikrullah wa Tilawah Kitabul Aziz*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyah.
- Al-Hafidz Abi Naim Ahmad bin Abdullah al-Asfahani (2010). *Hilyah al- Aulia*. Kaherah: Al-Taufikiya.
- H.M.H al-Hamid al-Husaini (1996). *Perbahasan Tuntas Perihal Khilafiyah*. Bandung: Yayasan al-Hamidiy.
- H.M.H al-Hamid al-Husaini (1999). *Pembaru Abad ke 17, Imam Habib Abdullah bin Alwi al-Haddad, riwayat, pemikiran, nasihat dan tarekatnya*. Indonesia: Pustaka Hidayah.
- Habib Abdullah bin Alwi bin Muhammadal-Haddad (2010). *Nasaih al-Diniyah Wa al-Wasoya al-Imaniyah*. Jakarta: Darul Hijrah.
- Habib Ahmad bin Zainal Habsyi BaAlawi (2007). *Sharah al-Aini`ah, Nazam Saidina Habib al-Qutb Abdullah bin Alwi al-Haddad*. Surabaya: Darul Ulum al-Islamiyah.
- Habib Ali bin Hasanbin Abdullah bin Husain bin Umar al-Attas BaAlawi al-Hadrami (2007). *Al-Qirtas, Syarah Ratib Imam Umar bin Abdul Rahman bin Aqil al-Attas BaAlawi al-Hadrami*. Bogor: Mahaad Huraidah.
- Habib Alwi bin Ahmad bin al-Hasan bin Abdullah bin Alwi al-Haddad BaAlawi (2005). *Syarah Ratib al-Haddad*. Tarim: Hadramaut.
- Habib Alwi bin Tahir al-Haddad (1991). *Ukudul Mas Bi Manakib Imam Habib Ahmad bin Hasan bin Abdullah al-Attas*. Singapura: Cetakan Kerjaya.
- Habib Muhammad bin Abu Bakar al-Sibli Ba`Alawi (1982). *Al-Masra al-Rawi Fi Manaqib al-Saddah al-Kiram Aali Abi Alawi*. (t.tp).
- Habib Syed Hasan bin Muhammad al-Attas (2008). *Tarekat Alawi`ah Latarbelakang dan Bentuk Amalan. Siri Penjelasan Tasauf*. Johor: Jabatan Agama Johor.
- Habib Syed Hasan bin Muhammad bin Salim al-Attas (1997). *Kelebihan Ratib, huraian Ratib Habib Umar bin Abdul Rahman al-Attas*. Singapura: Masjid BaAlawi.

- Habib Syed Hasan bin Muhammad al-Attas (1996). *Umar bin Abd. Rahman, kisah dan sejarah al-Qutub al-Anfas Habib Umar bin Abd. Rahman, pengasas Ratib al-Attas*. Singapura: Masjid BaAlawi.
- Habib Umar bin Hafidz (2011). *Cahaya Hati*. Jawa Timur: Pustaka Basma.
- Habib Zain bin Ibrahim bin Sumaith (t.t). *An Nujumu az-Zahirah Li Salik Torekil Akhirah*.(t.tp)
- Habib Zain bin Ibrahim bin Sumaith Ba`Alawi al- Hasani (2005). *Manhaj al-Sawi Syarah Usul Tarekah as-Sadah Aali BaAlawi*. Tarim: Darul Ilmu wat Dakwah.
- Haron Din (2008). *Ikhtiar Penyembuhan Penyakit Dengan Ayat-Ayat dan Doa-Doa Mustajab*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia.
- Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (2010). *Bidayah al-Hidayah*. Kedah: Khazanah Banjariyah.
- Imam Abdul Wahab al-Sha`rani (1998). *Anwar al-Qudsi`ah Fi Ma`rifat Qawaid al-Sufi`ah*. Beirut: Maktabah al-Ma`arif.
- Imam Abil Qasim Abdul Karim bin Hawazan al-Quaisri (2011). *Risalah al-Qushairi`ah Fi Ilmi Tasawuf*. Indonesia: Dar al-Kutub Islamiyah
- Imam al-Bukhari (1993). *Sohih al-Bukhari*. Semarang: C.V As-Syifa.
- Imam an-Nawawi (2000). *Azkar: Pilihan dari kalimat Rasulullah s.a.w*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Imam Jalal al-Din al-Suyuti r.a (2001). *60 Hadith Kelebihan Ahli Bait*. Sofa Production.
- Imam Jalaluddin Sheikh Muhammad bin Abdullah bin Sheikh al-Aidrus Ba`Alawi (1995). *Idtho Asrar Ulum al-Muqarabin*.Yaman: Darul Hawi.
- Imam Muhyiddin Al-Nawawi (2000). *Terjemahan al-Azkar, pilihan dari kalimat Rasulullah s.a.w*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Imam Sha`rani (2006). *Al-Tobaqah al- Kubra*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyah.
- Jahid bin Sidek (1994). *Shaikh di dalam Ilmu Tariqah*. Universiti Malaya: Tesis Doktor Falsafah
- Johari Mat (2005). Selawat ke atas Rasulullah s.a.w.: Antara Ma`tur dan Bukan Ma`tur. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Hal.173-188. Selangor, JAKIM.
- Khadher Ahmad & Ishak Sulaiman (2012). Sihir Dan Rawatan Menurut Perspektif Ibn Qayyim al-Jawziyyah (691H/1292M-751H/1350M): Satu Analisa. *Jurnal ILIM*, Selangor. JAKIM. Hal. 19-38.
- Mahmod Hamdi Zaqzuz (2012). *Mausuaat al-Tasawuf al-Islami*. Kaherah: Darul Kutub al-Masriyah.
- Mohd Azman bin Mohsin (2017). Ratib al-Attas Amalan Dalam Tarekat Alawiyah di Masjid Habib Hasan Johor Bahru, UTM Skudai, Johor.

- Mohd. Murtadza bin Haji Ahmad (2008). *Penjanaan Tariqah Tasawuf Dalam Pembangunan Rohani Negara*. Negeri Sembilan Darul Khusus: Jabatan Mufti.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi (1991). *Al-Mu'jam al-Muhfaris Lil Alfaz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Darul al-Hadith.
- Muhammad Fuad bin Kamaludin (2008). *Rahsia Ketuhanan Dalam Syarah Hikam Sheikh Ibnu Atoillah Al-Sakandari*. Selangor: Abnak Printing.
- Nurulwahidah Fauzi, Tarek Ladjal, Tatiana A. Denisova, Mohd Roslan Mohd Nor, Aizan Ali Mat Zin (2013) Malaysia Tareqat Alawiyah as an Islamic Ritual Within Hadhrami's Arab in Johor. *Middle-East Journal of Scientific Research* 14 (12): 1708-1715, 2013, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University Malaya, 50603 Kuala Lumpur.
- Othman bin Napiyah (2002). *Ar-Rabitah Dalam Ilmu Tasawuf*. Universiti Malaya: Tesis Doktor Falsafah.
- Sheikh Abdul Hafiz Faraghli Ali al-Qarni (2002). *Prinsip-Prinsip Tasawuf Islam*. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti
- Sheikh Abdul Qadir Isa al-Halabi (2001). *Haqaiqi Ani Tasawuf*. Syria: Darul Irfan.
- Sheikh Abdul Wahab al- Sha`rani (2008). *Kashfu al-Ghumah An Jamie al-Ummah*. Beirut: Darul Fikr.
- Sheikh Abdullah bin Muhammad Ba Semaih (1996). *Tafsir pimpinan ar Rahman kepada pengertian al Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Sheikh Abi Talib al-Makki (2010). *Qut al-Qulub Fi Muamalah al-Mahbub*. Lebanon: Beirut.
- Sri Muliayati (2004). *Mengenal & Memahami tarekat-tarekat Muktabarah di Indonesia*. Jakarta: Prenada Media.
- Sulaiman Shakib bin Mohd. Noor (2011). *Membina Model Khidmat Nasihat Keluarga Islam di Masjid-Masjid Daerah Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Doktor Falsafah.
- Syed Abdul Rahman bin Muhammad bin Hussin al-Mashor (1984). *Syamsu al-Zahirah Fi Nasabi Ahli Bait Min Bani Alawi*. Jeddah: Alimu al-Ma'rifah.
- Syed Abdullah bin Alwi bin Hasan al-Attas (1968). *Sabil al-Muhtadin Fi Dhikri Adi`ah al-Ashab al-Yamin*. Mesir: Kaherah.
- Umar Ibrahim (2000). *Thariqah Alawi`ah*. Indonesia: Penerbit Mizan.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2009). *Soal Jawab A-Z tentang tasawuf tapi anda tiada tempat bertanya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.

KONSEP ASAS PEMBENTUKAN INDIKATOR BANDAR SEJAHTERA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Norizam Lagiman^a, Ibrahim Ngah^{b*}, Ismail Mustari^c, Siti Norashikin Bashirun^d

^a*Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Johor*

^b*Pusat Perancangan dan Pembangunan Inovatif (CIPD), UTM, Johor*

^c*Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor*

^d*Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM, Kampus Bandaraya Melaka*

**Corresponding author: noriizz@yahoo.com*

Abstrak

Bandar adalah pusat kepada perkembangan tamadun manusia. Kemunculan Islam sebagai agama teragung dan mulia adalah bertitik mula dari bandar. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti konsep, prinsip dan ciri bandar sejahtera berteraskan Islam dan membentuk indikator bandar sejahtera berasaskan pandangan cendekiawan Islam seterusnya mengukur tahap kesejahteraan sesebuah bandar menerusi set indikator kesejahteraan bandar yang dihasilkan dan mengenalpasti implikasi kajian terhadap dasar perancangan dan pembangunan masyarakat bandar. Kaedah kajian menggunakan rekabentuk kajian tinjauan dengan teknik pengumpulan data melalui soal selidik. Hasil kajian mendapati, faktor ekonomi, akidah dan fizikal mendapat skor tertinggi iaitu bagi indikator ekonomi iaitu berkembang budaya waqaf dikalangan penduduk mendapat skor min 4.91. Bagi indikator akidah iaitu penduduk membaca al-Quran sebagai amalan harian mendapat skor 4.90 dan indikator fizikal iaitu kewujudan persekitaran bersih mendapat skor min 4.89. Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa kesejahteraan sesebuah bandar dipengaruhi oleh faktor spiritual jika dibandingkan dengan faktor fizikal.

Kata kunci: Indikator, Bandar, Perbandaran, Kesejahteraan, Perancangan Bandar

1.0 PENGENALAN

Islam adalah agama yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas panduan dalam membangunkan kehidupan. Kemunculan Islam sebagai agama teragung dan mulia adalah bertitik mula dari bandar sebagaimana kewujudan bandar pertama Islam di Madinah. Kehidupan bandar telah mencorakkan tamadun Islam sehingga berjaya melahirkan pelbagai institusi berbentuk sosial, politik, ekonomi dan budaya yang membentuk masyarakat *madani*, mengatasi masyarakat Barat pada ketika itu yang masih berada dalam Zaman Kegelapan. Dengan kewibawaan umat Islam, mereka membina bandar dan membangunkan masyarakatnya menjadi maju, makmur, sejahtera, aman, adil dan berakhlak mulia sehingga menjadi masyarakat yang bertamadun. Pada asasnya, Islam telah berjaya melahirkan bandar yang sejahtera sebagaimana zaman kegemilangan umat Islam terdahulu.

Pada masa kini, persoalan tentang kesejahteraan hidup di bandar dan indikator kesejahteraan secara umumnya semakin menjadi tumpuan. Kebanyakan kajian awal indikator telah dilakukan oleh negara maju di Barat (Paola Jiron & Giulia Fadda, 1999). Daripada kajian-kajian tersebut, mereka berpendapat bahawa indikator merupakan ukuran penting dalam menilai status kesejahteraan hidup di kawasan bandar. Kata indikator itu sendiri telah memberi makna menunjukkan amaran, panduan, isyarat atau kesan. Istilah ini pada umumnya berasal dari perkataan Latin iaitu *indicare* yang membawa maksud mendedahkan atau menunjuk arah, memberitahu secara umum atau menilai, malah indikator merupakan alat pengukuran yang boleh digunakan dengan berkesan untuk membolehkan pihak berkepentingan menilai pencapaian komuniti tertentu (Ahmad Hezri, 2002). Perkataan 'indikator' juga memberi maksud *variable* yang membantu kita dalam mengukur perubahan-perubahan yang terjadi baik secara langsung atau pun tidak langsung (*WHO, 1981*). *Variable-variable* memberi petunjuk kepada kita tentang suatu keadaan tertentu, sehingga boleh digunakan untuk mengukur perubahan (Green, 1992). Indikator juga sesuatu yang boleh membantu untuk menjelaskan kedudukan arah dan sejauh mana matlamat yang ditetapkan itu akan tercapai (Hart, 1999).

Pembangunan indikator untuk mengukur pencapaian perancangan bandar mengikut konsep pembangunan lestari telah banyak dilakukan. Contoh terkini, rangkaian bandar lestari antarabangsa (*Sustainable Cities International*) pada tahun 2012 telah menjalankan kajian perbandingan indikator kelestarian bagi 12 bandar terpilih di Afrika, Amerika, Asia, Australia, Eropah dan Timur tengah. Dalam kajian ini, indikator kelestarian di senaraikan dan dibandingkan

bagi setiap bandar tersebut dan indikator yang lazim diguna pakai oleh lebih dari tiga buah bandar telah dikenal pasti, dan dijadikan sebagai panduan (Jadual 1).

Berasaskan tinjauan terhadap konsep indikator, contoh indikator bandar lestari dapat disimpulkan bahawa indikator pembangunan sedia ada di peringkat bandar adalah lebih berbentuk pembangunan material yang merangkumi dimensi sosial, ekonomi dan fizikal. Ia tidak mengambil kira dimensi spiritual (hubungan manusia dengan Allah SWT) yang sangat penting untuk mencapai kesejahteraan secara menyeluruh. Pendekatan menyeluruh ini hanya dapat diperolehi daripada sumber rujukan Islam, iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

2.0 KONSEP DAN TEORI PERBANDARAN ISLAM

Sesebuah tamadun lahir dari kewujudan sebuah bandar (Ahmad Zaki Abdul Latif, 1997). Tahap kehidupan tertinggi yang dicapai oleh manusia digelar tamadun. Perubahan sistem kehidupan yang lebih kompleks adalah merupakan perubahan sosial (Ting Chew Peh, 1993). Fungsi sesebuah bandar yang semakin dinamik dan kompleks masa kini sebenarnya dirujuk kepada model perbandaran Barat meskipun model perbandaran dari Timur telah lama wujud. Dalam Islam, tujuan perbandaran adalah untuk menjaga *kemaslahatan umumiah* (kepentingan umum), manakala agama Islam dijadikan ramuan asas dalam pembentukan masyarakat kota yang bertamadun (Ahmad Zaki Abdul Latif, 1997).

Jadual 1: Indikator Kelestarian Bandar

Sektor	Indikator Umum	Indikator Khusus
Ekonomi	Kadar pengangguran/pekerjaan	Kadar pengangguran/kadar <i>underemployment</i>
		Peratus pekerjaan hijau
		Purata tahun pendidikan profesional bagi tenaga kerja
	Pertumbuhan ekonomi	Kadar pertumbuhan tahunan GDP
		Kadar pertumbuhan tahunan GNP
		Kadar eksport bersih
Pelaburan asing langsung		
Alam	Ruang hijau	Peratus kawasan hijau kepada jumlah kawasan
		Peratus pokok kepada luas kawasan/penduduk

	Pengurangan gas rumah hijau / kecekapan tenaga	Jumlah GHG dihasilkan per bandar/ per kapita Peratus jumlah tenaga digunakan bersumberkan tenaga diperbaharui Modal <i>split</i> pengangkutan
	Mobiliti	Purata <i>commute time</i> dan kos
	Kualiti air /kedapatan	Jumlah air yang ada
		Indeks/skor kualiti air
		Nisbah penduduk akses kepada air yang diminum selamat
		& mencukupi
	Kualiti udara	Tahap bahan mendapan (PM10-mg/m3)
	Air diguna semula / kitar semula	Kadar kitar semula
		Isipadu sisa pepejal dijanakan
Sosial	Kejiranan lengkap/ padat	Akses kepada perkhidmatan tempatan pada jarak singkat
		Kadar jenayah
		Pengukuran agihan pendapatan dan ketidakseimbangan
	Perumahan	Peratus perumahan sosial/mampu milik/ keutamaan
		Pecahan sektor perumahan mengikut jenis
	Kualiti ruang awam	Peratus laluan jalan berkeadaan baik
		Peratus ruang hijau kepada luas kawasan bandar
	Pendidikan	Bilangan sekolah dengan program pendidikan alam sekitar
		Kadar celik huruf orang dewasa
	Kebersihan	Peratus penduduk akses kepada infrastruktur
		pembentungan
	Kesihatan	Kadar kematian / jangka hayat
Peratus penduduk akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan		


Sumber: SCI

Perbandaran dirujuk sebagai ketamadunan (umran, hadarah, madaniyah, tamadun) oleh masyarakat Arab yang menekankan kepada masyarakat yang maju dan terbangun nilai keinsanannya (Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan, 2001). Konsep perbandaran dalam dua lingkungan ini ternyata berbeza serta memberi gambaran struktur sosial sesebuah masyarakat sama ada telah mencapai suatu sistem kehidupan yang lebih kompleks, seperti yang disebut oleh Durkheim sebagai kesepaduan organik ataupun tidak (dlm. Ting Chew Peh, 1993). Justeru itu, konsep perbandaran seharusnya dilihat dalam konteks yang lebih kompleks iaitu seluruh struktur pembentukan ketamadunan sebagaimana digambarkan dalam kajian-kajian perbandaran Islam yang ditulis dalam tulisan arab klasik sehingga kepada penulis-penulis Islam moden (Ahmad Zaki Abdul Latiff 1997; Mohammad Tajuddin Mohamad Rasdi & Rosdan Abdul Manan, 2001).

Perbandaran Islam mempunyai beberapa konsep yang menyentuh aspek fizikal dan spiritual yang dikenalpasti sejak zaman Rasulullah S.A.W. dan Zaman Khulafa'al-Rasyidin. Pada zaman terkemudian pertembungan budaya antara Rom dan Parsi pada Zaman Umayyah dan Abasiyyah menyebabkan berlakunya perubahan dalam konsep perbandaran Islam dari aspek perkembangan fizikal, sosio budaya dan institusi. Daripada kajian bandar Islam terdahulu (Ahmad Zaki, 1997), perkara yang jelas membezakan sifat bandar Islam ialah dimensi bukan fizikal seperti aqidah penduduknya, pelaksanaan syariat Islam, pembangunan institusi dakwah dan aktiviti-aktiviti penduduknya yang menzahirkan sistem kehidupan Islam.

Perkara penting dalam sistem hidup Islam ialah untuk melengkapkan diri manusia supaya dapat mengurus diri agar mampu menjadi insan yang bertakwa, beriman, beradab dan beribadah iaitu menjaga hubungan dengan Allah SWT. Islam juga mendidik manusia supaya mampu mengurus sistem yang ada seperti ekonomi, politik, sosial dan budaya yang dinamakan ilmu kifayah iaitu untuk menjaga hubungan manusia dengan manusia yang lain seperti mana yang diperintah dalam al-Quran dan al-Sunnah. Islam dalam membentuk baldatun thoibah (bandar yang baik) sebagaimana maksud firman Allah dalam surah Saba' ayat 15; "... bandar yang baik dan mendapat keampunan Allah," tidak menolak kaedah inovatif dan kreatif seperti menjalankan penyelidikan, asalkan tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Dari sudut falsafah dan epistemologi, terdapat perbezaan yang jelas di antara bandar sejahtera dan bandar tidak sejahtera. Perbezaan pertama ialah bandar sejahtera mempunyai sumber epistemologi ilmu yang jelas dan sesuai sepanjang masa, iaitu sumber daripada al-Quran dan al-Sunnah. Sedangkan bandar tidak sejahtera lebih bersandarkan kepada epistemologi akal dan rasionaliti yang berubah mengikut peredaran masa. Kedua, bandar sejahtera mempunyai ruang untuk aplikasi ilmu dan mesra persekitaran ilmu, sedangkan bandar tidak sejahtera memperdagangkan ilmu dan hanya yang berkemampuan sahaja mendapat kelebihan pengetahuan. Mereka yang tidak berkemampuan akan terus ketinggalan. Bandar sejahtera dari perspektif Islam tidak dapat dipisahkan dari sistem hidup Islam itu sendiri yang bersumber al-Quran dan al-Sunnah. Kesejahteraan dalam Islam hanya tercapai apabila Islam diterima pakai dan dihayati secara keseluruhan dalam setiap peringkat dan dimensi kehidupan merangkumi peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara dan dimensi akidah, sosio-budaya, ekonomi, institusi pentadbiran dan fizikal. Perancangan bandar sejahtera perlu dilihat dalam konteks kesepaduan sistem hidup Islam yang diterjemahkan dalam aktiviti kehidupan seharian masyarakat (sistem aktiviti) dan dimenifestasi ke dalam ruang dan rekabentuk fizikal (sistem ruang) (Rajah 1).



Rajah 1: Kerangka Sistem Bandar Sejahtera Islam

Dalam sistem hidup Islam yang dipanggil syariat Islam, matlamat utamanya adalah untuk menjamin kesejahteraan hidup umat Islam di dunia dan di akhirat. Prinsip utama yang menjadi asas panduan bagi mencapai konsep *al-falah* (kejayaan hidup didunia dan akhirat) ialah *Maqasid Syariah*. Daripada sistem hidup Islam ini, lahirlah aktiviti dan perlakuan manusia di bandar seperti aktiviti pendidikan, ibadah, perniagaan, kebajikan dan lain-lain. Pola ruang dalam bandar merupakan manifestasi daripada sistem dan aktiviti yang mempunyai hubungan kait dengan sistem hidup dan akidah. Kesepaduan keseluruhan akidah, aktiviti dan pola ruang yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah sahaja yang akan melahirkan bandar yang sejahtera.

3.0 KAEDAH KAJIAN

Kajian terhadap indikator kesejahteraan bandar ini dimulakan dengan membuat tinjauan awal daripada al-Quran dan al-Sunnah serta kajian-kajian lepas, maka sebanyak 63 indikator awal telah dihasilkan. Indikator-indikator ini telah dibengkelkan bersama empat orang pakar bidang di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Hasil perbincangan bersama pakar bidang, maka dibuat penambahan 9 indikator dan menjadikan 72 indikator. Setelah penilaian indikator dilakukan berdasarkan persetujuan pakar, maka telah dilaksanakan kajian rintis untuk mengesahkan indikator yang telah dihasilkan. Borang soal selidik yang dibangunkan oleh penyelidik telah diuji kebolehpercayaan dan kesahannya dengan memperoleh nilai *Cronbach Alpha* 0.91. Nilai *Cronbach Alpha* yang diperoleh adalah tinggi iaitu melebihi >0.9 . Pengesahan kepentingan indikator tersebut dilakukan dalam bentuk borang soal selidik kepada responden yang terdiri daripada cendekiawan Islam dan diukur dengan menggunakan skala likert. Responden juga diberi peluang untuk memberikan pendapat dalam borang soal selidik untuk menilai kepentingan indikator dan menambah indikator yang bersesuaian. Seramai 150 orang responden yang mewakili tiga kumpulan responden iaitu agamawan, ahli akademik dan perancang bandar telah dilibatkan dalam kajian Delphi¹ yang dijalankan. Pada Delphi pusingan pertama hanya 109 orang yang menjawab soal selidik yang diberikan. Namun begitu, selepas berakhirnya dua pusingan soal selidik, hanya 70 orang daripada mereka yang melengkapkan kedua-dua pusingan kajian Delphi¹ yang dijalankan. Oleh yang demikian, perbincangan dalam bahagian ini hanya melibatkan latarbelakang 109 orang responden sahaja yang dibincangkan. Daripada 109 orang responden, 38 orang responden dari kumpulan 1. Jadual 2 menunjukkan latarbelakang 38 orang responden berkenaan. Berdasarkan jadual tersebut, sebahagian besar daripada mereka adalah pegawai atasan dari Jabatan Mufti, iaitu 52.6 peratus. Manakala 31.6 peratus adalah responden dari Jabatan Agama Negeri dan 15.8 peratus daripada Jabatan Agama Persekutuan.

Jadual 2: Agamawan-Responden Kumpulan 1

Jabatan	Bil. Responden
Jabatan Mufti Johor	3
Jabatan Mufti Perak	2
Jabatan Mufti Pahang	2
Jabatan Mufti Pulau Pinang	3
Jabatan Mufti Terengganu	3
Jabatan Mufti Negeri Sembilan	2
Jabatan Mufti Melaka	2
Jabatan Mufti Kelantan	1
Jabatan Mufti Selangor	1
Jabatan Mufti Sarawak	1
Total	20 (52.6%)
Jabatan Agama Islam Johor	12 (31.6%)
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	6 (15.8%)
JUMLAH KESELURUHAN	38 (100%)

Responden dari kumpulan 2 pula adalah seramai 40 orang daripada kalangan pensyarah Fakulti Pengajian Islam dari lima buah universiti tempatan, dua buah kolej dan sebuah Institut Pendidikan Guru. Jadual 3 menunjukkan latarbelakang 40 orang responden tersebut. Majoriti responden dalam kumpulan ini merupakan ahli akademik yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Pengajian Islam dari Universiti Teknologi MARA yang membentuk 45 peratus daripada responden dalam kumpulan ini. Manakala 32.5 peratus pula terdiri daripada lain-lain universiti, 15 peratus diwakili oleh pensyarah dari kolej, dan hanya 7.5 peratus mewakili responden dari Institut Pendidikan Guru.

Jadual 3: Ahli akademik-Responden Kumpulan 2

BADAN BERKANUN	BIL.	%
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	4	10.0
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	3	7.5
Universiti Teknologi Mara (UiTM)	18	45.0
Universiti Tun Hussien Malaysia (UTHM)	2	5.0
Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	3	7.5
Universiti Selangor (UNISEL)	1	2.5
Kolej Islam Melaka (KUIM)	2	5.0
Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)	4	10.0
Institut Pendidikan Guru (IPG)	3	7.5
JUMLAH KESELURUHAN	40	100

Responden dari kumpulan 3 pula adalah seramai 31 orang dan mereka adalah dalam kalangan perancang bandar yang terdiri daripada 18 pihak berkuasa tempatan dan dua orang responden dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD). Jadual 4 menunjukkan latarbelakang 31 orang responden tersebut. Berdasarkan jadual, majoriti responden dalam kumpulan ini terdiri dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Mereka ini membentuk 12.9 peratus daripada responden dalam kumpulan ini. Manakala responden dari Majlis Bandaraya Shah Alam pula mewakili 9.67 peratus responden dan selebihnya terdiri daripada pihak berkuasa tempatan yang lain, termasuk responden dari Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Sebagaimana perbincangan di atas, responden yang terlibat dalam kajian Delphi yang dijalankan adalah dalam kalangan cendekiawan Islam yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas sama ada dalam bidang perancangan bandar dan/atau mempunyai latarbelakang pengajian Islam. Berbekalkan latar belakang yang dimiliki itu, melalui kajian Delphi pusingan pertama, responden diminta untuk membuat penentuan terhadap 72 indikator kesejahteraan yang telah dikenalpasti. Kepentingan 72 indikator itu adalah sebagai indikator kesejahteraan yang dinilai oleh responden melalui pusingan kedua kajian Delphi yang dijalankan. Bagi tujuan ini, tahap kepentingan 72 indikator yang dikenalpasti itu berdasarkan persepsi responden dengan menggunakan skala likert (1 hingga 5), nilai 1 mewakili tahap tidak penting dan nilai 5 mewakili tahap sangat penting. Nilai antara 1 hingga 5 mewakili tahap kepentingan antara tidak penting dan sangat penting. Selain itu, responden telah mengemukakan 40 senarai tambahan indikator kesejahteraan bandar bagi menentukan kepentingan 40 indikator tambahan. Maka, diadakan Delphi pusingan kedua dan terhasillah 112 indikator kesejahteraan bandar mengikut kepentingan sebagaimana dinilai oleh responden.

Jadual 4: Perancang bandar- Responden Kumpulan 3

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BIL.	%
Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB)	2	6.45
Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)	2	6.45
Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT)	2	6.45
Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)	1	3.23
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	1	3.23
Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)	1	3.23
Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)	1	3.23
Majlis Perbandaran Nilai (MPN)	2	6.45

Majlis Perbandaran Taiping (MPTG)	2	6.45
Majlis Perbandaran Manjung (MPM)	1	3.23
Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	3	9.67
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB)	1	3.23
Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)	2	6.45
Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)	4	12.9
Majlis Perbandaran Ipoh (MPI)	1	3.23
Majlis Perbandaran Temerloh (MPT)	1	3.23
Majlis Perbandaran Kemaman (MPKemaman)	1	3.23
Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ)	1	3.23
JPBD Johor	1	3.23
JPBD Pulau Pinang	1	3.23
JUMLAH KESELURUHAN	31	100

4.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Soal selidik yang telah diedarkan bertujuan mengenalpasti indikator yang boleh mengukur kesejahteraan dalam sesebuah kawasan perbandaran berasaskan perspektif Islam melalui enam aspek iaitu fizikal, akidah, akhlak, ekonomi, sosial, dan institusi. Analisis data soal selidik menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* 18.0 dan respon dibentangkan dalam peratus dan min seperti yang boleh dilihat dalam Jadual 5 hingga Jadual 10.

Hasil dapatan kajian indikator kesejahteraan bandar mengikut cendekiawan adalah seperti berikut: Aspek fizikal yang terdapat dalam Jadual 5 mendapat skor min tertinggi iaitu 4.0 ke atas adalah kewujudan persekitaran bersih 4.89, mempunyai bekalan air yang mencukupi 4.83, manakala indikator seterusnya iaitu wujudkan pusat kaunseling, wujudkan lebih banyak wakaf untuk dijadikan tempat berehat, terdapat hiasan air yang mengalir dan pengurusan sisa pepejal kepada tenaga boleh guna mendapat skor yang sama iaitu 4.82. Kemudahan sokongan di sekitar masjid seperti stesen minyak dan kedai-kedai kecil adalah 4.76. Indikator berikutnya iaitu kewujudan kemudahan awam atau infrastruktur asas yang lengkap dan berkualiti, mercu tanda menunjukkan arah kiblat, mengumpulkan seluruh komuniti dalam satu pusat kemudahan seperti hospital dan pejabat mendapat skor yang sama iaitu 4.75. Manakala, persekitaran aman daripada pencemaran udara, bunyi dan pencemaran air ialah 4.72. Terdapat dua indikator yang mempunyai skor min yang sama, 4.71, iaitu penyediaan tempat tidur musafir atau gelandangan dan pusat aktiviti untuk semua

peringkat umur. Bagi kawasan lapang untuk solat Jumaat dan solat sunat seperti solat sunat aidilfitri mendapat skor min 4.67. Bagi indikator berikutnya, iaitu musolla di pejabat dan di kompleks membeli belah 4.66 dan masjid sebagai pusat khidmat masyarakat Islam dan bukan Islam 4.66. Indikator yang seterusnya iaitu wujudkan pusat jagaan haiwan yang berkeliaran seperti kucing, anjing dan lain-lain serta wujudkan zon makanan halal mempunyai skor yang sama iaitu 4.65. Bagi indikator wujudkan taman tema berkonsepkan Islam mendapat skor 4.63, medan hukuman hudud atau ta'zir 4.61, dan mewujudkan kaki lima berkeluasan 15 kaki untuk mengelakkan berselisih lelaki dan perempuan 4.59. Seterusnya, kewujudan kawasan pemeliharaan alam semulajadi 4.57, tanah perkuburan sistematik dan tersusun mendapat skor 4.56, masjid berfungsi sebagai pusat pentadbiran bandar 4.55, dan masjid sebagai paksi pembinaan 4.48. Bangunan tersusun pula mendapat skor 4.42 dan kadar penggunaan pengangkutan awam yang tinggi 4.40. Banyak rumah ibadah untuk orang Islam didirikan 4.35. Kewujudan banyak kawasan lapang riadah 4.29 manakala penduduk berkembang dan bertambah 4.24. Diperbanyakkan syiar Islam seperti papan tanda al-Quran dan kata-kata nasihat 4.19 serta lanskap yang menarik 4.09. Bangunan mengarah kiblat 4.07. Banyak laluan basikal dan pejalan kaki yang diwujudkan 4.05. Kadar penggunaan basikal dan pejalan kaki yang tinggi 4.03. Terdapat lima aspek fizikal yang mendapat skor min yang sederhana iaitu 3.0 ke atas iaitu kewujudan pengasingan tempat ibadat berasaskan rumah kediaman penganut dan bangunan dengan senibina futuristik dan bercorak Islamik dengan skor 3.88. Manakala bangunan cantik dengan kepelbagaian bentuk dan warna mendapat skor 3.66. Kurang tempat ibadat agama lain 3.51 dan binaan bangunan rendah, tidak melebihi tiga tingkat mendapat skor 3.00.

Bil	Indikator	Peratus					Min
		TP	KP	N	P	SP	
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	
1.	Bangunan mengarah kiblat	1.7	1.7	10	10.4	21.6	4.07
2.	Bangunan tersusun	0.4	0.4	3.7	15.8	24.9	4.42
3.	Bangunan cantik dengan kepelbagaian bentuk dan warna	0.8	2.9	14.1	20.3	7.1	3.66
4.	Kurang tempat ibadat agama lain	2.1	4.6	17.4	10.4	10.8	3.51
5.	Kewujudan pengasingan tempat ibadat berasaskan rumah kediaman penganut	2.5	2.5	10.0	12.9	17.4	3.88

6.	Kewujudan persekitaran bersih	-	0.4	3.7	41.1	45.2	4.89
7.	Binaan bangunan rendah, tidak melebihi 3 tingkat	4.1	9.1	19.5	7.1	5.4	3.00
8.	Persekitaran aman daripada pencemaran udara, bunyi dan pencemaran air	-	0.4	11.6	33.2	45.2	4.72
9.	Penduduk berkembang dan bertambah	-	0.4	6.2	20.3	18.3	4.24
10.	Banyak rumah ibadah untuk orang Islam	0.4	0.8	4.6	15.8	23.7	4.35
11.	Mempunyai bekalan air yang mencukupi	-	-	0.4	6.6	38.2	4.83
12.	Kadar penggunaan pengangkutan awam yang tinggi	-	-	5.0	17	23.2	4.40
13.	Kadar penggunaan basikal dan pejalan kaki yang tinggi	0.4	-	11.2	19.5	14.1	4.03
14.	Banyak laluan basikal dan pejalan kaki yang diwujudkan	-	0.4	12.4	16.6	15.8	4.05
15.	Kewujudan banyak kawasan lapang riadah	-	-	5.4	21.2	18.7	4.29
16.	Kewujudan kawasan pemeliharaan alam semulajadi	-	-	1.7	15.8	27.8	4.57
17.	Kewujudan kemudahan awam/ infrastruktur asas yang lengkap dan berkualiti	-	-	0.8	9.5	34.9	4.75
18.	Masjid sebagai paksi pembinaan	-	-	5.4	12.4	27.4	4.48
19.	Masjid sebagai pusat pentadbiran bandar	-	-	3.7	12.4	29.0	4.55
20.	Masjid sebagai pusat khidmat masyarakat Islam dan bukan Islam	-	-	0.8	12.4	32.0	4.66
21.	Kemudahan sokongan di sekitar masjid seperti stesen minyak dan kedai-kedai kecil	-	-	-	10.8	34.4	4.76

22.	Kawasan lapang untuk solat jumaat dan solat sunat seperti solat sunat aidilfitri	-	-	1.2	12.0	32.0	4.67
23.	Mercu tanda menunjukkan arah kiblat	-	-	0.4	10.4	34.4	4.75
24.	Musolla di pejabat dan di kompleks membeli belah	-	-	1.2	12.4	31.5	4.66
25.	Wujudkan pusat kaunseling	-	-	0.8	6.2	38.2	4.82
26.	Penyediaan tempat tidur musafir atau gelandangan	-	-	2.5	7.9	34.9	4.71
27.	Wujudkan pusat jagaan haiwan yang berkeliaran seperti kucing, anjing dan lain-lain	-	-	1.7	12.4	31.1	4.65
28.	Wujudkan lebih banyak wakaf untuk dijadikan tempat berehat	-	-	0.4	7.1	37.8	4.82
29.	Pusat aktiviti untuk semua peringkat umur	-	-	1.7	13.3	30.3	4.71
30.	Wujudkan zon makanan halal	-	-	0,8	9.5	34.9	4.65
31.	Terdapat hiasan air yang mengalir	-	-	0.8	16.6	27.8	4.82
32.	Wujudkan taman tema berkonsepkan Islam	-	-	1.2	17.0	27.0	4.63
33.	Mengumpulkan seluruh komuniti dalam satu pusat kemudahan seperti hospital, pejabat	-	-	0.4	8.3	36.5	4.75
34.	Mewujudkan kaki lima berkeluasan 15 kaki untuk mengelakkan berselisih lelaki perempuan	-	-	-	6.6	38.6	4.59
35.	Tanah perkuburan sistematik dan tersusun	-	0.4	2.1	14.1	28.6	4.56
36.	Lanskap yang menarik	-	0.4	10.8	18.3	15.8	4.09
37.	Diperbanyakkan syiar Islam seperti papan tanda al- quran dan kata-kata nasihat	0.4	-	8.7	17.4	18.7	4.19
38.	Bangunan dengan senibina futuristik dan bercorak Islamik	-	2.1	12.9	18.3	12.0	3.88
39.	Medan hukuman hudud atau ta'zir	-	-	2.1	13.3	29.9	4.61

40.	Pengurusan sisa pepejal kepada tenaga boleh guna	-	-	-	7.9	37.3	4.82
-----	--	---	---	---	-----	------	------

Sumber: Soal selidik 2014

Faktor akidah yang terdapat dalam Jadual 6 mendapati bahawa faktor yang mendominasi kesejahteraan sesebuah bandar dengan mendapat skor min yang tinggi iaitu 4.0 ke atas adalah penduduk membaca al-Quran sebagai amalan harian 4.90. Indikator melahirkan golongan kader Islam yang terbaik hingga mampu memimpin dunia 4.86. Bagi nisbah penduduk Islam tinggi memperoleh skor 4.73, mengambil kira pandangan ilmuan Islam dan kelestariannya mendapat skor 4.60, manakala tahap keimanan penduduk tinggi (diukur melalui amalan wajib dan sunat) mendapat skor 4.56. Perlaksanaan syariah Islam dalam masyarakat 4.54, kewujudan golongan cerdik pandai agama dalam masyarakat 4.50 dan penduduk mengutamakan solat berjemaah 4.43.

Aspek akidah yang asas adalah memahami agama dengan memahami asas-asas dan Tasawwur Islam. Seseorang yang mempunyai akidah yang mantap akan menjadi kuat pegangan agamanya. Beliau akan menjadi manusia yang soleh walau di mana dan dalam keadaan apa sekalipun dia berada. Taufiq Wa'iy (2004) menjelaskan “pada hakikatnya tidak ada satupun kekuatan yang dapat menandingi kekuatan iman yang berfungsi mengarah dan menentukan tindakan-tindakan manusia. Akidah akan membantu individu memandag apa yang diinginkan dan memberi semangat untuk mencapainya”, manakala Hasan Hudaibi (1977) menyebutkan “dirikanlah Islam di dalam hati-hati kamu nescaya akan tertegak Islam di atas muka bumi kamu”.

Jadual 6: Faktor Akidah

Bil	Indikator	Peratus					Min
		TP (1)	KP (2)	N (3)	P (4)	SP (5)	
1.	Nisbah penduduk Islam tinggi	-	-	-	12.0	33.2	4.73
2.	Tahap keimanan penduduk tinggi (diukur melalui amalan wajib dan sunat)	-		1.2	17.0	27.0	4.56
3.	Penduduk membaca al-Quran sebagai amalan harian	-		-	4.1	41.1	4.90

4.	Penduduk melaksanakan tuntutan rukun Islam secara berterusan	0.4 -		3.7	14.1	29.0	4.58
5.	Perlaksanaan syariah Islam dalam masyarakat	-		2.1	16.6	26.6	4.54
6.	Penduduk mengutamakan solat berjemaah	-		5.0	15.8	24.5	4.43
7.	Kewujudan golongan cerdik pandai agama dalam masyarakat	-		2.9	16.6	25.7	4.50
8.	Mengambil kira pandangan ilmuan Islam dan kelestariannya	-		2.1	13.7	29.5	4.60
9.	Melahirkan golongan kader Islam yang terbaik hingga mampu memimpin dunia	-		0.4	5.4	39.4	4.86

Sumber: Soal selidik 201

Analisis terhadap aspek akhlak yang diperolehi dari Jadual 7, mendapati skor min tertinggi adalah hubungan yang baik sesama manusia 4.86 manakala anggota masyarakat mempunyai ilmu pengetahuan dan membimbing masyarakat 4.84, dan qiamullail (berjaga malam) untuk ibadah mendapat skor 4.83. Bagi mengutamakan amanah dalam kehidupan 4.80, indikator mengutamakan kepentingan masyarakat berbanding kepentingan individu dan budaya guna semula (*recycle*) barangan mendapat skor min 4.79. Bagi indikator menghormati ibu bapa, para ilmuan dan orang yang lebih tua 4.78. Indikator yang menyatakan penglibatan dalam aktiviti kemasyarakatan, kebudayaan Islam seperti berzanji, nasyid, marhaban mengikut masa yang sesuai dan menghidupkan majlis ilmu mendapat skor min yang sama iaitu 4.76. Indikator aurat sentiasa dijaga 4.75 dan mengutamakan amalan sunnah dalam kehidupan 4.72. Bagi indikator seterusnya iaitu sabar dalam menghadapi ujian dan kadar celik al-Quran mendapat skor min 4.71. Di samping itu, penduduk mengamalkan uzlah (bertafakur) 4.69, penduduk menyempurnakan janji 4.68, mewujudkan program dan aktiviti khusus melatih remaja berasaskan Islam 4.6, penduduknya menguruskan masa dengan betul 4.60, penduduk kurang bercakap perkara sia-sia 4.57, banyak berlapar (puasa) 4.51 dan akhirnya bagi indikator mempunyai pelan strategik dalam ilmu dakwah Muslim dan non-Muslim mendapat skor min 4.49.

Jadual 7: Faktor Akhlak

Bil	Indikator	Peratus					Min
		TP (1)	KP (2)	N (3)	P (4)	SP (5)	
1.	Hubungan yang baik sesama manusia	-	-	0.8	4.6	39.8	4.86
2.	Penduduk menyempurnakan janji	-	-	1.7	10.8	32.8	4.68
3.	Sabar dalam menghadapi ujian	-	-	1.7	9.5	34.0	4.71
4.	Aurat sentiasa dijaga	-	-	1.2	8.7	35.3	4.75
5.	Penglibatan dalam aktiviti masyarakat	-	-	0.8	9.1	35.3	4.76
6.	Kadar celik al-Quran	-	-	0.4	12.0	32.8	4.71
7.	Mengutamakan kepentingan masyarakat berbanding kepentingan individu	-	-	0.8	7.5	36.9	4.79
8.	Mengutamakan amalan sunnah dalam kehidupan	-	-	1.2	10.0	34.0	4.72
9.	Menghormati ibu bapa, para ilmunan dan orang yang lebih tua	-	-	0.4	8.7	36.1	4.78
10.	Mengutamakan amanah dalam kehidupan	-	-	0.4	7.9	36.9	4.80
11.	Penduduk kurang bercakap perkara sia-sia	-	-	2.1	14.9	28.2	4.57
12.	Banyak berlapar (puasa)	-	-	1.7	18.7	24.9	4.51
13.	Qiamullail (berjaga malam untuk ibadah)	-	-	0.8	6.2	37.8	4.83
14.	Penduduk mengamalkan uzlah (bertafakur)	-	-	0.8	12.0	32.4	4.69
15.	Penduduknya menguruskan masa dengan betul	-	-	1.2	15.4	28.6	4.60
16.	Kebudayaan Islam seperti berzanji, nasyid, marhaban mengikut masa yang sesuai	-	-	-	10.8	34.4	4.76
17.	Budaya guna semula (<i>recycle</i>) barangan	-	-	0.4	8.3	36.5	4.79
18.	Menghidupkan majlis ilmu	-	-	0.8	9.1	35.3	4.76
19.	Mewujudkan program dan aktiviti khusus melatih remaja berasaskan islam	-	-	0.8	13.3	31.1	4.66

20.	Anggota masyarakat mempunyai ilmu pengetahuan dan membimbing masyarakat	-	-		7.1	38.2	4.84
21.	Mempunyai pelan strategik dalam ilmu dakwah Muslim dan non-Muslim	-	-	2.5	17.8	24.9	4.49

Sumber: Soal selidik 2014

Analisis terhadap aspek ekonomi yang diperoleh dari Jadual 8 mendapati, skor min tertinggi adalah berkembang budaya waqaf dalam kalangan penduduk dengan mendapat skor 4.91, dan penduduk tidak mengamalkan atau menggunakan sistem kewangan berasaskan riba 4.75. Bagi indikator kedapatan makanan halal dan baik secara meluas 4.68, muamalat dalam urusan jual beli 4.57, dan penduduk Islam mengeluarkan zakat 4.47. Manakala, sistem wakaf, zakat dan baitulmal tersusun, kemas dan sistematik 4.42, rasuah dibanteras mendapat skor 4.39, dan tiada kegiatan bercanggah seperti penjualan arak, judi, pelacuran dan rumah urut 4.31. Untuk indikator banyak punca rezeki/pekerjaan 4.12, peniaga tidak menipu dalam timbangan dan semuanya hidup harmoni pula mendapat skor 4.07, dan kewujudan budaya menabung wang skornya ialah 3.90. Bagi budaya bersedekah berkembang dalam masyarakat 3.63, kurang bebanan hutang 3.45, dan akhirnya indikator berhemah dalam berbelanja atau memanfaatkan rezeki mendapat skor min 3.03.

Jadual 8: Faktor Ekonomi

Bil	Indikator	Peratus					Min
		TP (1)	KP (2)	N (3)	P (4)	SP (5)	
1.	Kedapatan makanan halal dan baik secara meluas	-	-	0.8	12.4	32.0	4.68
2.	Muamalat dalam urusan jual beli	-	-	1.2	16.6	27.4	4.57
3.	Banyak punca rezeki/pekerjaan	1.7	1.7	8.7	10.4	22.8	4.12
4.	Penduduk Islam mengeluarkan zakat	-	0.4	2.9	16.6	25.3	4.47
5.	Budaya bersedekah berkembang dalam masyarakat	0.8	3.3	14.1	20.3	6.6	3.63
6.	Kurang bebanan hutang	2.9	5.4	15.4	11.2	10.4	3.45

7.	Kewujudan budaya menabung wang	2.5	2.9	9.1	12.4	18.3	3.90
8.	Berkembang budaya waqaf dikalangan penduduk	-	-	0.4	2.9	41.9	4.91
9.	Berhemah dalam berbelanja/ Manfaatkan rezeki	3.3	10.8	17.8	7.5	5.8	3.03
10.	Penduduk tidak menggunakan sistem kewangan riba	-	-	0.4	10.4	34.4	4.75
11.	Tiada kegiatan bercanggah seperti penjualan arak, judi, pelacuran dan rumah urut	-	0.4	5.0	19.9	19.9	4.31
12.	Rasuah dibanteras	0.8	0.4	4.6	13.7	25.7	4.39
13.	Peniaga tidak menipu dalam timbangan	1.7	1.7	10.0	10.4	21.6	4.07
14.	Sistem wakaf, zakat dan baitulmal tersusun kemas / sistematik	0.4	0.4	3.7	15.8	24.9	4.42

Sumber: Soal selidik 2014

Analisis terhadap aspek sosial yang diperoleh dari Jadual 9 mendapati, skor min tertinggi yang menyumbang kepada kesejahteraan sesebuah bandar adalah pengamalan adab dalam institusi kekeluargaan 4.89. Manakala perkembangan budaya ilmu 4.83, kawalan pendatang dan penduduk asing bagi mengawal gejala sosial 4.76, kesatuan umat Islam 4.72, dan hiburan disekat 4.57. Seterusnya, hikmah dalam setiap tindakan (ada perancangan/perbincangan) 4.41, pengurangan kadar jenayah 4.36, dan menganjurkan sukan bertaraf dunia berkonsepkan syariah mendapat skor min 4.30. Bagi indikator penduduk bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keharmonian masyarakat 4.25, pengawalan pergaulan bebas dan maksiat di bandar 4.06, manakala indikator penglibatan penduduk dalam badan kebajikan, dakwah Islamiah 4.03. Terdapat empat aspek sosial mendapat skor min 3.0 ke atas (sederhana) iaitu hormat menghormati hak orang lain 3.88, saling membantu dikalangan penduduk 3.66, keadilan dalam semua urusan (tiada penganiyaan atau kezaliman) 3.49 dan indikator aktiviti dakwah berkembang mendapat skor min 3.00.

Analisis terhadap aspek institusi yang diperoleh dari Jadual 10 mendapati, skor min tertinggi adalah kewujudan pelbagai institusi sukarelawan seperti askar, polis, rela, rukun tetangga secara sukarela 4.81. Manakala indikator

seterusnya yang mendapat skor min yang tinggi adalah mewujudkan satu badan yang berfungsi mengajak ma'ruf dan mencegah kemungkaran serta mewujudkan institusi falak syari'e dengan min 4.80. Terdapat juga indikator yang mendapat skor min yang sama, iaitu 4.76 iaitu bagi indikator kewujudan institusi penjagaan dan pembelaan terhadap anak-anak yatim, fakir miskin, ibu tunggal dan warga emas yang tinggi dan pengurusan hal ehwal agama secara sistematik bertepatan hukum syara'. Pengurusan dan pentadbiran dalam Islam mempunyai kaitan secara langsung dengan keimanan kepada Allah S.W.T. iaitu pendekatan yang diambil dengan menggunakan pendekatan tauhid bagi menentukan segala tindakan pengurusan adalah untuk menyempurnakan masalah kebaikan yang ditentukan oleh syariat. Pertama, untuk menyempurnakan amanah yang diterima manusia daripada Allah S.W.T. sebagai hamba dan khalifah-Nya di muka Bumi. Kedua, untuk mengerjakan amal soleh secara *syura* dalam organisasi. Ketiga, untuk membina peradaban yang diredhai Allah berlandaskan ajaran Tauhid. Keempat bertanggungjawab menghapus *fasad* (keburukan) untuk menegakkan keadilan dalam organisasi dan juga dalam masyarakat. Kelima, matlamat akhir pengurusan dan pentadbiran ialah mencapai *al-falah* iaitu kesejahteraan dan keberuntungan serta kemenangan di dunia dan akhirat (Mohd Affandi Hassan,1990).

Jadual 9: Faktor Sosial

Bil	Indikator	Peratus					Min
		TP (1)	KP (2)	N (3)	P (4)	SP (5)	
1.	Saling membantu dalam kalangan penduduk	0.8	2.9	14.1	20.3	7.1	3.66
2.	Keadilan dalam semua urusan (tiada penganiyaan / kezaliman)	2.1	4.6	17.8	10.4	10.4	3.49
3.	Hormat menghormati hak orang lain	2.5	2.5	10.0	12.9	17.9	3.88
4.	Pengamalan adab dalam institusi kekeluargaan	-	-	0.4	3.7	41.1	4.89
5.	Aktiviti dakwah berkembang	4.1	9.1	19.5	7.1	5.4	3.00
6.	Kesatuan umat Islam	-	-	0.4	11.6	33.2	4.72
7.	Penduduk bertanggungjawab menjaga keselamatan dan keharmonian masyarakat	-	0.4	6.2	19.9	18.7	4.25
8.	Pengurangan kadar jenayah	0.4	0.8	4.6	15.4	24.1	4.36
9.	Perkembangan budaya ilmu	-	-	0.4	6.6	38.2	4.83

10.	Hikmah dalam setiap tindakan (ada perancangan/perbincangan)	-	-	5.0	16.6	23.7	4.41
11.	Penglibatan penduduk dalam badan kebajikan, dakwah Islamiah	0.4	-	11.2	19.5	14.1	4.03
12.	Pengawalan pergaulan bebas dan maksiat di bandar	-	0.4	12.0	17.0	15.8	4.06
13.	Menganjurkan sukan bertaraf dunia berkonsepkan syariah	-	-	5.4	20.7	19.1	4.30
14.	Hiburan disekat	-	-	1.7	15.8	27.8	4.57
15.	Kawalan pendatang dan penduduk asing bagi mengawal gejala sosial	-	-	0.8	9.1	35.3	4.76

Sumber: Soal selidik 2014)

Indikator seterusnya iaitu kewujudan institusi perbankan Islam memperoleh skor min 4.70. Indikator berikutnya iaitu kewujudan penguatkuasaan undang-undang syariat Islam dan masjid sentiasa dimakmurkan mendapat skor min 4.67. Mustafa al-Siba'i (1984) menyatakan bahawa masjid telah diberikan kedudukan yang tinggi dalam ajaran Islam dengan kelebihannya sebagai tempat ibadat bagi umat Islam dan peranannya sebagai pusat aktiviti masyarakat dan negara. Menurut Salih Ghanim al-Sadlan (1994), Rasulullah S.A.W. telah mengambil langkah membina masjid setiap kali baginda sampai di tempat baru. Menurut Yusof al-Qaradhawi (1970), umat Islam berjaya mencapai kejayaan melalui aktiviti pengimaran masjid yang begitu hebat dalam sejarah Islam, kerana masjid adalah medium utama kepada Islam itu sendiri dari segi keagamaan, politik dan kemasyarakatan. Seterusnya, bagi indikator kewujudan institusi pendidikan agama Islam dalam masyarakat mendapat min 4.66, manakala kewujudan institusi kepimpinan dan pengurusan bandar yang cemerlang 4.64. Untuk indikator mewujudkan sistem pendidikan berintegrasi tahfiz dan akademik seperti sekolah ulul albab bagi melahirkan insan quranik, ensklopedik dan ijthadik memperoleh skor min 4.63. Indikator kewujudan institusi dakwah dan kebajikan dalam masyarakat 4.55, dan akhirnya kebertanggungjawaban atau kepatuhan terhadap institusi keluarga Islam (penyelesaian permasalahan keluarga mengikut aturan Islam) mendapat skor min 4.48.

Jadual 10: Faktor Institusi

Bil	Indikator	Peratus					Min
		TP (1)	KP (2)	N (3)	P (4)	SP (5)	
1	Kebertanggungjawaban/kepatuhan terhadap institusi keluarga Islam (penyelesaian permasalahan keluarga mengikut aturan Islam)	-	-	5.4	12.4	27.4	4.48
2	Kewujudan institusi dakwah dan kebajikan dalam masyarakat	-	-	3.7	12.9	28.6	4.55
3	Kewujudan penguatkuasaan undang-undang syariat Islam	-	-	0.8	12.9	31.5	4.67
4	Pengurusan Hal Ehwal Agama secara sistematik bertepatan hukum syara'	-	-	-	10.8	34.4	4.76
5	Kewujudan institusi pendidikan agama Islam dalam masyarakat	-	-	1.2	12.4	31.5	4.66
6	Kewujudan institusi penjagaan dan pembelaan terhadap anak-anak yatim, fakir miskin, ibu tunggal dan warga emas yang tinggi	-	-	0.4	10.0	34.9	4.76
7	Masjid sentiasa dimakmurkan	-	-	1.2	12.0	32.0	4.67
8	Kewujudan pelbagai institusi sukarelawan seperti askar, polis, rela, rukun tetangga secara sukarela	-	-	0.8	6.6	37.8	4.81
9	Kewujudan institusi perbankan Islam	-	-	2.5	8.3	34.4	4.70
10	Kewujudan institusi kepimpinan dan pengurusan bandar cemerlang	-	-	1.7	12.9	30.7	4.64
11	Mewujudkan satu badan yang berfungsi mengajak ma'ruf dan mencegah kemungkaran	-	-	0.8	7.1	37.3	4.80

12	Mewujudkan sistem pendidikan berintegrasi tahfiz dan akademik seperti sekolah ulul albab bagi melahirkan insan quranik, ensklopedik dan ijthadik	-	-	1.7	13.3	30.3	4.63
13	Mewujudkan institusi falak syari'e	-	-	0.8	7.1	37.3	4.80

Sumber: Soal selidik 2014

5.0 KESIMPULAN

Masyarakat bandar adalah masyarakat yang bertamadun dalam corak kehidupan sosial, ekonomi dan politik. Ciri-ciri masyarakat bertamadun ialah mempunyai adab, berilmu pengetahuan, berpandangan luas, berpandangan jauh dan tersusun serta terdiri daripada masyarakat yang penuh dengan nilai keinsanan. Bandar bukanlah sumber atau pusat berlakunya maksiat dan munculnya gejala-gejala negatif tetapi watak-watak manusia yang menghuni bandar tersebut menyebabkan kerosakan dalam kesejahteraan sesebuah bandar. Oleh yang demikian itu, penilaian konsep dan falsafah bandar yang ada di negara ini khususnya dan negara-negara Islam umumnya perlu di lakukan atau dinilai kembali supaya bandar-bandar di negara ini menjadi paksi dan pusat kepada pembinaan tamadun umat dan penyubur kerjasama dalam kalangan masyarakat bandar. Hasil kajian ini dapat dijadikan panduan dalam merancang bandar yang sejahtera dengan memperbaiki bandar yang sedia ada dan dapat dijadikan asas penting dalam merancang perancangan bandar pada masa akan datang.

Berasaskan tinjauan terhadap konsep indikator, contoh indikator bandar lestari dan literatur mengenai ciri-ciri bandar Islam, dapat disimpulkan bahawa indikator kesejahteraan bandar Islam perlu dibangunkan kerana sehingga kini belum wujud indikator kesejahteraan bandar dari perspektif Islam. Indikator pembangunan sedia ada di peringkat bandar adalah lebih berbentuk pembangunan material termasuk yang merangkumi dimensi secara menyeluruh (sosio, ekonomi dan fizikal) seperti indikator bandar lestari di luar negara dan MURNINET di Malaysia. Berasaskan penelitian terhadap ciri-ciri bandar Islam terdapat dimensi bukan material yang penting diambil kira dalam mengukur kesejahteraan sesebuah bandar termasuk aspek akidah, penghayatan terhadap akhlak dan syariat Islam boleh dijadikan panduan untuk membina indikator kesejahteraan.

Dalam Islam, kesejahteraan bandar perlu berasaskan matlamat hidup Islam iaitu *al-falah*. Prinsip *al-falah* merangkumi pelbagai dimensi hidup termasuk dimensi aqidah, akhlak, sosial, ekonomi dan institusi yang dibentuk berasaskan perintah, larangan, pengajaran dan petunjuk dalam al-Quran dan al-Sunnah. Dalam membina indikator kesejahteraan bandar dari perspektif Islam, kajian ini mengambil pendekatan dengan merujuk al-Quran dan al-Sunnah sebagai sumber asas dan kajian serta pandangan cendekiawan sebagai sumber kedua. Oleh kerana usaha untuk mengeluarkan indikator merupakan suatu yang besar dan mencabar dan di luar kemampuan untuk seseorang individu, maka kajian ini merujuk kepada pakar bidang terdiri daripada cendekiawan pengajian Islam dan perancang bandar untuk menyaring dan menilai indikator seterusnya memilih indikator yang sesuai dengan perspektif Islam. Adalah diharapkan pendekatan ini akan membawa kepada ijtihad yang menepati atau hampir kepada pendekatan dari perspektif Islam dan menghasilkan indikator yang lebih baik berbanding dengan indikator sedia ada yang berteraskan falsafah Barat.

RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim.
- Abd al-Rahman bin Khaldun. (1993). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Al-Tab`ah al-`Ula. Beirut: Dar al-Kutub.
- Ahmad Hezri Adnan. (2002). *Sustainable Development Indicator for the State of Selangor*. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zaki Abdul Latiff. (1997). *Perbandaran di Timur Tengah: Kesannya Terhadap Masyarakat Islam abad 1-III Hijrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan. (1992). *The Tawhidic Approach in Management and Public Administration – Concepts, Principles and An Alternative Model*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration Malaysia.
- Mohamad Tajuddin Mohd Rasdi dan Roslan Abdul Manan. (2001). *Konsep Perbandaran Islam: Suatu Gagasan Alternatif*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustafa al-Siba'i. (1984). *Al-Sirah al-Nabawiyah: Durus wa Ibar*. Jordan: Al-Maktab al-Islami. h.74-75.
- Paola Jirón & Giulietta Fadda. (1999). *The Process of Formulating Quality of Life Indicators Using a Gender Perspective. The Need for "Gendered" Indicators in Urban Policy, Programme and Project Analysis*. Diakses melalui <http://www.calidaddevida.uchile.cl/pdf/Process.pdf>. Tarikh akses: 6 November 2010.
- Salih Ghanim al-Sadlan. (1994). *Al-Masjid wa Dauruhu fi al-Tarbiyyah wa al-taujih*. Riyadh: Dar Balansiyah, h.17-18.
- Taufik Yusof Al-Wa'iy. (2004). *Al Iman Waiqadhu al-Quwaa al-Khafiah (Iman Membangkitkan Kekuatan)*. Vol 15. Kuwait: Yusuf Publication, Darul Buhus Al-Ilmiah.
- Ting Chew Peh. (1993). *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusof al-Qaradhawi. (1970). *Al-Ibadah fial-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah, h.233

GAGASAN JOHOR BERKEMAJUAN DARI PERSPEKTIF MAQASID SYARIAH: SATU SOROTAN

Othman Sahalan^{a*},
Mohamad@ Mad Som Bin Sujimon^a

^a*Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH)*

**Corresponding author: man328@yahoo.com*

Abstrak

Artikel ini membentangkan tentang Gagasan Johor Berkemajuan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri Johor Darul Ta'zim dan kaitannya dengan penerapan nilai Maqasid Syariah. Artikel ini dimulakan dengan sejarah negeri Johor secara ringkas. Seterusnya ia akan memaparkan pengenalan Gagasan Johor Berkemajuan dan perkara berkaitan dengannya seperti teras, misi, visi dan matlamat serta inisiatif yang menyokong gagasan berkenaan. Artikel ini turut menerangkan pengenalan Maqasid Syariah secara umum dan kepentingannya dalam urus tadbir sesebuah kerajaan. Penerapan nilai maqasid syariah yang diterjemahkan dalam enam inisiatif utama gagasan ini akan turut dipaparkan. Metodologi kajian ini adalah kajian perpustakaan yang diperolehi melalui bahan penerbitan seperti buku, majalah, laporan dan juga bahan-bahan dalam talian. Hasil kajian menunjukkan keserasian gagasan ini dengan maqasid syariah yang diterjemahkan melalui program-program yang disusun atur demi kelestarian pentadbiran sesebuah kerajaan.

Kata kunci: Penerapan nilai, Maqasid Syariah, Urus tadbir kerajaan.

1.0 LATAR BELAKANG

Pengukuran kejayaan dan kemajuan sesebuah Negara Islam seharusnya dilihat dari pelbagai aspek. Antara aspek yang penting ialah urus tadbir berlandaskan syariat Islam yang matlamatnya adalah keampunan dan keredhaan Allah SWT sepertimana disebutkan dalam al-Quran, Surah Saba' Ayat ke 15:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّاتٍ عَن يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُوا مِن رِّزْقِ رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُ ۗ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ۝١٥

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: Dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur) dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan Yang Maha Pengampun.*

Allah SWT telah mengiktiraf kemajuan dan kemewahan serta kesejahteraan penduduk di negeri Saba', selagi mana mereka mensyukuri nikmat yang diberikan oleh Illahi, negara tersebut akan terus berada dalam keadaan yang baik lagi makmur, di bawah perlindungan Tuhan sekali gus mendapat keampunan dan keberkatan daripadanya.

Justeru setiap tindakan dalam merangka urus tadbir dan perjalanan sesebuah kerajaan perlu melihat segenap aspek pentadbiran Islam seperti *al-siasah al-syar'iyah*, *maqasid syariah*, *maslahah* dan *madarrah*, *al-'adl*, *al-ihsan* dan lain-lain. Merujuk kepada Malaysia, bermula dengan memperkukuhkan asas kenegaraan dengan meletakkan batu asas yang kuat dalam Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan iaitu Islam sebagai Agama Persekutuan, pelbagai usaha, pencapaian dan perancangan dibuat untuk memastikan pengamalan Islam dalam pentadbiran negara dilaksanakan secara syumul. Bahkan sehingga kini, pelbagai pengiktirafan dan kejayaan yang diraih mendapat perhatian di persada antarabangsa sebagai bukti kejayaan dalam mengurus negara dengan cara pentadbiran berteraskan prinsip Islam.

Kini Malaysia merupakan perintis dan hub kepada beberapa aspek produk Islam seperti pengurusan halal, hub kewangan Islam, pengurusan haji, pengurusan zakat, harta wakaf, pelancongan Islam, pendidikan Islam berteraskan ilmu aqli dan naqli, dan seumpamanya. Namun, apa yang menyedihkan masih ada segelintir masyarakat yang berprasangka dengan mempersoalkan adakah benar dengan melaksanakan dan menjadi perintis produk Islam menjadikan Malaysia sebuah negara Islam. Berdasarkan itu, barisan kepimpinan negara telah mengilhamkan satu idea menerusi pembangunan Indeks Syariah Malaysia.

Indeks Syariah Malaysia berperanan sebagai wadah *muhasabah* untuk melihat apa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan adalah menepati prinsip *Maqasid Syariah*. Dalam konteks ini, apa yang paling penting ialah keseriusan pemerintah untuk terus melakukan *islah* (usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada

suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai menurut syarak) dengan melihat apa lagi ruang penambahbaikan untuk memacu Malaysia sebagai sebuah negara yang melaksanakan Islam secara syumul dan bersistematik.

2.0 NEGERI JOHOR

Negeri Johor Darul Ta'zim merupakan sebuah negeri yang agak unik jika dilihat dari segi sejarah pemodenan Islam. Agama Islam telah mula dianuti oleh masyarakat Johor sejak kejatuhan kerajaan Islam Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511 Masehi iaitu zaman Sultan Mahmud Shah di Kota Tinggi. Selang beratus tahun selepas itu, Sultan Abu Bakar, (1862-1895M) merupakan sultan dan pemerintah Johor yang mempunyai visi yang jauh pada masa itu, bukan hanya menjadikan Teluk Belanga, Singapura sebagai pusat perniagaan dan interaksi dalam kalangan peniaga malah lebih daripada itu, bagindalah yang bertanggungjawab tentang pemodenan negeri Johor bukan sahaja dalam bidang perniagaan tetapi juga dalam bidang-bidang lain seperti pendidikan. Baginda telah menamakan Bandar Johor Bahru, yang sebelumnya dikenali sebagai Tanjung Puteri dijadikan ibu negeri Johor. Pada tahun 1866M Bandar Johor Bahru dijadikan sebagai pusat pentadbirannya. Paksi pemodenan Islam yang diamalkan di negeri Johor bukanlah pengubahsuaian daripada pengaruh barat British sebagaimana di negeri-negeri lain di semenanjung Malaysia, tetapi adalah diambil daripada pemikir-pemikir sultan Uthmaniyyah di Istanbul, khususnya Sultan terakhir kerajaan Uthmaniyyah Turki iaitu Sultan Abdul Hameed II (1876-1909M). Perkara yang berkaitan dengan Islam semuanya adalah diambil daripada pemikiran Islam moden Turki dan secara khusus bahawa pendidikan Islam di negeri Johor adalah berasaskan kepada pemikiran Islam moden Uthmaniyyah yang diimport ke negeri ini dan dijadikan sebagai satu kesinambungan pemikiran Islam yang berpaksikan pemodenan Islam Turki.

3.0 GAGASAN JOHOR BERKEMAJUAN

3.1 Pengenalan

Mengikut jejak langkah kerajaan persekutuan, Negeri Johor turut mengorak langkah menyahut seruan supaya pemerintahan negeri berlandaskan konsep penerapan Syariah Islamiah melalui Maqasid Syariah. Syariat Islam yang bersifat anjal (*flexible*) sememangnya sesuai diamalkan setiap masa dan ketika dan di mana-mana jua.

Menurut konsep Maqasid Syariah, Syariat Islam itu seluruhnya adalah bertujuan untuk mendapatkan kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Segala tindak tanduk perlu bertepatan dengan konsep menghasilkan kemaslahatan dan menolak kerosakan atau kemudaratan. Jika ditelusuri karya para ulama terdahulu berkaitan aplikasi maqasid syariah, kebanyakannya adalah berkisarkan maslahat dan mudarat yang berbentuk peribadi dan khusus kepada satu-satu golongan sahaja. Namun begitu, dengan perkembangan pemikiran maqasid yang berlaku, para ulama kontemperor seperti Muhammad Ibnu 'Asyur, al-Qaradawi, al-Raisuni dan lain-lain telah meluaskan konsep pelaksanaan Maqasid Syariah dalam hukum-hakam pentadbiran atau *siasah syar'iyah*.

Antara contoh terawal yang menjadikan masalah sebagai teras kepada keputusan kerajaan Islam adalah pengumpulan dan pembukuan al-Quran dalam satu mushaf. Perkara ini dilaksanakan pada zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA di

atas cadangan Saidina Umar al-Khattab RA. Pada awalnya Saidina Abu Bakar tidak bersetuju dengan cadangan ini kerana Rasulullah SAW tidak pernah melakukan atau memerintahkan hal itu. Namun setelah dipujuk oleh Saidina Umar RA dengan hujah bahawa sekiranya al-Quran tidak dikumpul dan dihimpun dalam satu mushaf, akan menyebabkan perpecahan ummah disebabkan kekeliruan terhadap al-Quran yang benar-benar sah. Hal ini merupakan mudarat yang amat besar kepada umat Islam. Akhirnya Saidina Abu Bakar RA bersetuju. Justeru dilantik Saidina Zaid Bin Thabit RA bagi mengetuai projek ini. Para ulama sering menjadikan peristiwa ini sebagai contoh terawal kepada aplikasi *masalih mursalah*¹ yang seterusnya menghasilkan banyak lagi tindakan dan langkah kerajaan Islam dalam urus tadbir negara.

Sehubungan dengan itu, langkah kerajaan negeri Johor yang memperkenalkan Gagasan Johor Berkemajuan sebagai terjemahan kepada konsep kemaslahatan umum adalah bertepatan dengan syariat Islam yang fleksibel dan sentiasa relevan setiap masa, keadaan dan ketika. Melalui gagasan ini, bermula dengan penjagaan lima teras dalam menjaga kelangsungan dan kelestarian kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ianya juga mengenengahkan keperluan asas dan kemestian manusia melalui konsep *dharuriat, hajiat dan tahsiniat*².

3.2 Definisi

Menurut YAB Dato' Haji Mohamed Khaled Nordin, Mantan Menteri Besar Johor, Gagasan Johor Berkemajuan ialah instrumen bagi mewujudkan keseimbangan dalam pembangunan Johor yang inklusif pada masa hadapan. Misi dan Visi gagasan ini ialah "Melahirkan Masyarakat Terbaik".

¹ Menurut al Ghazali, masalah mursalah adalah sesuatu masalah yang tidak berlawanan dengan nas syarak. Kaedah yang digunakan bagi menentukan kesahihan sesuatu hukum yang lahir daripada kaedah *masalah mursalah* ialah kaedah qias. Masalah ini boleh diertikan dengan kemaslahatan yang tidak didukung oleh dalil syara' yang jelas (explicit), akan tetapi banyak nas umum yang boleh menaungi kemaslahatan jenis ini. Ia juga boleh ditakrifkan dengan kemaslahatan yang tiada dalil yang mengiktiraf atau menolaknya.

² A. **Dharuriat:** Menurut Imam as-Syatibi: al-Dharuriat adalah sesuatu yang mesti dilakukan agar mendapat kemaslahatan di dunia dan akhirat, jika al-Dharuriat ini tidak dilaksanakan, maka kemaslahatan itupun tidak akan ada tetapi yang akan timbul adalah kerosakan, kesengsaraan dan kerugian yang besar.

B. **Hajiat:** Hajiyat ialah perkara yang berkaitan dengan keperluan umum, tetapi tidaklah sampai ke tahap dharurah (terdesak, terpaksa dan tidak dapat dielakkan).

C. **Tahsiniat:** Al-Imam al-Ghazali mendefinisikannya sebagai: ((peringkat ketiga: iaitu perkara yang tidak termasuk dalam dharuriat ataupun hajiat, tetapi ianya terletak dalam lingkungan perkara tambahan dan hiasan serta kemudahan bagi keistimewaan-keistimewaan dan perkara sampingan. Ianya juga terhasil sebagai menjaga sebaik-baik cara dalam adat mahupun ibadat).

³ Dato' Mohamed Khaled Nordin sempena Majlis Amanat YAB Menteri Besar Johor 2016, 4hb Februari 2016

Matlamat yang digariskan pula adalah sebagaimana berikut:

- a) Memajukan kehidupan masyarakat yang berfikiran jauh dan mempunyai sistem nilai yang maju, bersusila dan berakal budi.
- b) Membentuk pemikiran dan sistem nilai yang seiring dengan pembangunan ekonomi.
- c) Mewujudkan satu anjakan sosial kepada pemikiran, budaya dan sikap berkemajuan.
- d) Membina peradaban yang unggul.

Beliau turut berharap bahawa dengan gagasan ini negeri Johor akan lebih makmur dan harmoni, menjadi kuasa ekonomi unggul hari ini dan berdekad-dekad lagi, juga untuk melihat negeri Johor menjadi negeri yang terus disegani dan dihormati.

3.3 Teras Gagasan Johor Berkemajuan

Gagasan ini direkabentuk dengan menggariskan empat teras sebagai pasak yang kuat dan teguh yang akan menyumbang kepada kejayaan dan keberkesannya. Empat teras tersebut adalah:

- a) TEAM Johor menerusi penglibatan seluruh rakyat negeri Johor,
- b) Memanfaatkan inovasi sains dan teknologi,
- c) Menggiatkan ekonomi Johor
- d) Pengukuran pencapaian dan prestasi yang berkesan⁴.

3.4 Team Johor

Gagasan Johor Berkemajuan yang dicetuskan oleh YAB Menteri Besar Johor adalah merupakan satu usaha yang memerlukan kerjasama daripada semua pihak terutamanya seluruh Bangsa Johor. Konsep Muafakat Johor yang turut diperkenalkan oleh beliau adalah terjemahan kepada sikap tolong-menolong dan bekerjasama dalam menjadikan negeri Johor Darul Ta'zim sentiasa berada di landasan yang tepat sebagai sebuah negeri yang dinamik, maju, bersatu padu demi kelestarian agama, ekonomi, pendidikan dalam dekad yang mendatang.

Pembangunan pesat yang dinikmati seharusnya diseimbangkan juga dengan pembangunan akhlak, moral dan intelek Bangsa Johor. Sudut pandang dan pemikiran yang maju pastinya akan dapat meningkatkan daya saing Bangsa Johor bukan sahaja peringkat nasional bahkan peringkat antarabangsa. Justeru, melalui Gagasan Johor Berkemajuan, pelbagai inisiatif yang telah dirangka, disusun dan diatur demi menjayakan matlamat dan objektif yang digariskan.

Kewujudan TEAM Johor ini sebenarnya juga adalah hasil penelitian para ulama yang merujuk kepada petikan daripada surah al-Qasas ayat 26 yang antara tafsirannya merujuk tentang perimustahaknya untuk kita, tidak kira pemimpin, golongan teknokrat, para birokrat mahupun rakyat terbanyak supaya bekerja kuat lagi bersungguh-sungguh, dengan penuh amanah juga dipercayai, demi memakmur negara dan mensejahterakan rakyat.

⁴ Ucapan Amanat YAB Menteri Besar Tahun 2017 di Persada Johor, 26 Januari 2017

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتِ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

Maksudnya: *Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah*⁵.

3.5 Inisiatif Johor Berkemajuan

Gagasan Johor Berkemajuan mempunyai enam inisiatif utama yang direka bentuk sesuai dengan perubahan setempat dan masa. Bagi memilih inisiatif-inisiatif ini, kerajaan Johor telah mengambil kira pandangan semua pihak bermula dengan nasihat daripada DYMM Sultan Johor, jabatan-jabatan kerajaan, sektor awam dan swasta seterusnya seluruh rakyat jelata bagi memastikan ianya akan memberi faedah yang berpanjangan kepada semua pihak. Secara ringkas, enam inisiatif itu adalah:

- a) Pembangunan Inklusif
- b) Ekonomi Berkesejahteraan
- c) Johor Lestari
- d) Keusahawanan Johor
- e) Johor Berkemahiran
- f) Johor Yang Islami

Tulisan ini akan memaparkan keenam-enam inisiatif tersebut secara ringkas dan sedikit penjelasan berkaitan program yang disusun di bawah inisiatif tersebut.

4.0 MAQASID SYARIAH

4.1 Pengenalan

Teori maqasid ini menekankan bentuk dan tujuan syariat dalam kehidupan. Menurut Mohd Rumaizuddin Ghazali (2015), dengan mengetengahkan teori usul fiqh ini, para ulama lebih moderat dan lebih universal dalam memandang syariat. Antara orang yang mengarang mengenai maqasid Syariah ialah 'Izuddin bin Abdul Salam (m. 660), kemudian diikuti oleh al-Qarafi (m.684H) dan al-Syatibi (790H). Pada zaman moden ini, antara yang menulis mengenai maqasid Syariah ialah Muhamad Tahir bin Ashur, 'Alal al-Fasi, Ahmad al-Raisuni dan Yusuf al-Qaradawi. Menurut Muhammad Tahir bin Ashur, antara sebab jumud dalam bidang fiqh ialah disebabkan kelalaian dan kurang memberi perhatian oleh ulama-ulama terhadap maqasid Syariah. Maqasid Syariah ini semakin rancak diperkatakan apabila suburnya kebangkitan Islam terutama penyeruan ke arah pelaksanaan hukum Islam dalam negara Islam.

4.2 Definisi Maqasid Syariah

Al-Maqasid dari sudut bahasa: Jama' perkataan maqasid/maqasid – diambil daripada *fi'il qasada yaqsudu qasdan*. Asal kalimah (*qa-sa-da*) dalam bahasa Arab bermaksud keazaman, menuju (ke arah), pangkuan ke arah sesuatu. Manakala *al-qasid* boleh membawa pelbagai makna antaranya: mendatangi sesuatu, jalan yang lurus, sandaran dan ibu, keadilan dan juga juga pecah dalam apa jua keadaan. Menurut al-Marbawi (1935),

⁵ Al-Quran, 28 : 26

قصد خفي membawa makna maksud yang tersembunyi. Antara definisi al-Maqasid adalah sebagaimana berikut:

- a) Hikmah yang dimaksudkan dengan syariah yang datang daripada al-Syari' (Pencipta Syariat).
- b) Al-Maslahah (kebaikan).
- c) Menafi, menghilangkan dan mengelakkan kemudaratan.
- d) Menolak dan menghilangkan kesukaran/kesusahan atau mengangkat kesukaran, kesempitan dan menetapkan kemudahan dan keringanan.
- e) Al-Kulliyat al-Khams al-Kubra.
- f) Al-'Ilal (sebab-sebab, rasional).

Menurut Ibnu 'Asyur, maqasid al-tasyri' itu ialah: *Pengertian-pengertian dan hikmah-hikmah yang dititikberatkan dalam semua atau sebahagian besar perundangan Islam. Ia tidak hanya dikhususkan kepada hukum-hukum tertentu sahaja.*

Manakala 'Alal al-Fasi pula mendefinisikan maqasid sebagai: *Memahami matlamat daripada syariat dan rahsia dalam perkara yang telah ditetapkan oleh syarak dalam setiap hukum. Yusuf Hamid al-'Alim pula menyatakan: Kemaslahatan (kebaikan) yang kembali kepada para hambaNya sama ada di dunia mahupun di akhirat, sama ada cara memperolehinya adalah dengan jalb al-masalih (menghasilkan manfaat) atau dengan daf'ul madhaar (menolak kemudaratan). Al-Qaradawi pula mendefinisikan maqasid sebagai: Matlamat-matlamat yang dituju oleh nas-nas yang terdiri daripada perintah-perintah, larangan-larangan dan keharusan-keharusan, dan hukum-hukum yang juz'iy akan merealisasikan dalam kehidupan para mukallaf, sama ada individu, komuniti, masyarakat dan ummah.*

Menurut al-Raisuniy pula, maqasid ialah *Tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syariat bagi merealisasikan syariat demi kebaikan kepada para hambaNya.*

Jelaslah daripada definisi-definisi di atas, terdapat persepikatan di antara para ulama' tentang keadaan maqasid yang beredar bersama-sama kemaslahatan, tujuan dan hikmah yang dimaksudkan oleh syara' untuk direalisasikan ketika menetapkan syariah.

4.3 Definisi Syariah:

Syari'ah dari sudut bahasa: Ianya diambil daripada wazan "فَعِيلَةٌ" dengan makna "مَفْعُولَةٌ" yang bermaksud tempat yang membawa kepada air (saluran, tali air), ianya juga merupakan sumber air yang dibuat oleh manusia bagi memudahkan penyaliran air. Maka manusia boleh minum dan mengambil air untuk kegunaan lain dengannya.

Menurut al-Laith, syariah adalah perkara yang disyariatkan (ditetapkan) oleh Allah SWT kepada para hambanya seperti puasa, solat, haji, nikah dan lainnya. Manakala Ibnu 'Asyur telah berkata: (...dan Syariah itu ialah Al-Din, al-Millah yang diikuti dan terbentuk daripada Syara' iaitu: membina jalan untuk kemudahan orang, dan syara' juga dinamakan *al-nahju* (al-manhaj). Seorang lagi ulama istilah iaitu al-Raghib al-Asfahaniy mentakrifkan syariah sebagai jalan Allah SWT sebagaimana pada *Syariatul Ma'* iaitu saluran air.

Berdasarkan beberapa takrifan di atas, Abdul Ilah al-Qasimi (2012) menyimpulkan definisi Syariah secara istilah iaitu *Segala perkara yang disyariatkan oleh Allah SWT ke atas para hambanya daripada urusan agama, iaitu hukum-hakam yang pelbagai*.

Kesimpulannya, Maqasid Syariah merujuk kepada tujuan-tujuan dan objektif pensyariatan hukum-hakam yang pelbagai sama ada secara keseluruhan atau sebahagian besar daripadanya.

4.4 Maqasid Al-Dharuriat Al-Khams (Lima Prinsip Maqasid Al-Dharuriat)

Istilah menjaga maqasid yang lima ialah penjagaannya oleh sebahagian individu ummah dan sudah tentunya penjagaan oleh majoriti (umum) adalah lebih utama. Perkara ini boleh berlaku dengan dua perkara sebagaimana disebutkan oleh al-Syatibi (2002) dalam *al-MuwĒfaqat* dan disokong oleh Dr. Abdul KarĒm ZaidĒn (2013).

Pertama; Apa yang boleh mendirikan rukun-rukun dan menetapkan kaedah-kaedahnya, ianya juga boleh dikatakan sebagai penjagaan agar ianya wujud (terhasil).

Kedua; Apa yang boleh mengelakkan daripada kekurangan (kecacatan) yang pasti berlaku atau dijangka berlaku. Ianya boleh dikatakan juga sebagai penjagaan agar lestari dan tidak hilang, rosak atau musnah.

4.4.1 Menjaga Agama

Penjagaan agama dari sudut kewujudannya boleh berlaku dengan cara; pensyariatan iman, melafazkan dua kalimah syahadah, mendirikan solat, menunaikan zakat, puasa, haji, dan lain-lain lagi. Sekalipun kewajipan ini difardhukan oleh Allah SWT ke atas para hambaNya, dan ianya merupakan hak yang perlu ditunaikan oleh para hamba, tetapi kemaslahatan yang terhasil daripada kefardhuan ini akan kembali kepada individu itu sendiri mahupun masyarakat di dunia dan akhirat. Ianya juga sebagai satu wasilah (jalan) untuk mendapatkan segala fadhilat dan kelebihan dharuriat (kemestian).

Manakala penjagaannya daripada lenyap boleh berlaku dengan cara: Pensyariatan dan galakan berjihad, pengharaman riddah (murtad) dan pensyariatan hukuman ke atasnya, pengharaman mereka-reka perkara agama dan hukuman ke atas pelakunya.

4.4.2 Pemeliharaan Jiwa (Nyawa)

Penjagaan jiwa (nyawa) dari sudut kewujudannya – supaya ianya kekal wujud – boleh berlaku dengan cara: Menjaga hak manusia dalam kehidupan, juga menjaganya daripada binasa secara individu atau umum. Juga ianya berlaku dengan pensyariatan peraturan dan sistem halal dan haram yang merupakan neraca kepada manfaat dan mudarat. Rujukan perkara ini bahawa setiap masalah dan mafsadah tidak akan dapat dicapai sepenuhnya hanya dengan menggunakan akal manusia. Bahkan penetapannya adalah bergantung kepada ketetapan daripada Allah SWT yang bersifat Maha Mengetahui yang nyata mahupun yang tersembunyi sebagaimana firmanNya dalam Surah al-Mulk ayat 14:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ۝١٤

Maksudnya: *Tidakkah Allah Yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui (segala-galanya)? sedang ia Maha Halus urusan PentadbiranNya, lagi Maha mendalam PengetahuanNya!*

Manakala penjagaannya daripada lenyap boleh berlaku dengan cara: Pengharaman membunuh dan pencyariatan qisas, juga larangan daripada menyiksa mayat (merobek, mencincang atau mengerat mayat), dan pencyariatan hukuman ke atas perompak dan penyamun, serta lain-lainnya.

Akan tetapi dengan menjaga kepentingannya iaitu menjaganya daripada kerosakan, kemusnahan dan kemudaratan sebelum berlakunya sesuatu, seperti melawan, memerangi penyakit yang sedang menular. Sebagaimana telah dilakukan oleh Saidina Umar RA iaitu beliau melarang para tentera daripada memasuki wilayah Syam kerana adanya wabak taun.

Justeru yang dimaksudkan ialah jiwa/nyawa yang haram dibunuh dari sudut pandangan syariat. Atau disebut juga golongan yang terpelihara (*ma'sum*) darahnya.

Selain menjaga nyawa, menjaga segala anggota tubuh badan daripada binasa juga merupakan perkara yang mesti dijaga kerana kehormatan anggota adalah sama dengan kehormatan nyawa. Sebagai contoh, ada anggota badan yang sekiranya ia binasa, pelakunya boleh dikenakan diat (gantirugi) secara keseluruhan (*kamilah*).

4.4.3 Penjagaan Akal

Penjagaan akal dari sudut kewujudannya – supaya ianya kekal wujud – boleh berlaku dengan cara: Pembelajaran ilmu pengetahuan dan penyebarannya. Justeru banyak nas yang menggalakkan menuntut ilmu pengetahuan, namun memadai kita mengambil firman Allah SWT:

...قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولَٰئِكَ
أَلَّا يَتَذَكَّرُوا
أَلَّا يَتَذَكَّرُوا ۝١٤

Maksudnya: *Katakanlah lagi (kepadanya): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna.*⁶...

⁶ Al-Quran, 39 : 9

Dan juga firmanNya:

... وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ۗ

Maksudnya: ...dan berdoalah dengan berkata: Wahai Tuhanku, tambahilah ilmuku⁷.

Manakala penjagaannya supaya tidak hilang adalah dengan memeliharanya daripada dimasuki kecacatan yang membawa kepada kerosakannya. Kekurangan yang memasuki akal seseorang akan membawa kepada kerosakan sebahagian (juz'i), manakala kekurangan dan kecacatan yang memasuki akal masyarakat akan membawa kepada kerosakan yang lebih besar.

Al-Qaradawi telah berkata: ((...terdapat sebahagian ulasan atas pendalilan para ulama usul atas sebahagian perkara dharuriat dan kulliyat. Sebagai contoh pendalilan ke atas pemeliharaan akal dengan pengharaman arak dan penyariatan hukuman ke atas peminumnya. Dan saya melihat bahawa pemeliharaan akal boleh berlaku dalam Islam dengan pelbagai cara. Antaranya: Kefarduan menuntut ilmu ke atas setiap muslim lelaki dan perempuan, perjalanan (rehlah) dalam menuntut ilmu, proses menuntut ilmu secara berterusan bermula daripada buaian sehingga ke liang lahad, dan kefarduan mempelajari setiap ilmu yang diperlukan oleh ummah dalam perkara agama atau dunia secara fardu kifayah, juga menghasilkan minda berilmu dan berpengetahuan yang boleh mendatangkan keyakinan dan menolak daripada mengikut hawa nafsu atau sangkaan semata-mata. Sebagaimana minda ini juga mampu menolak taqlid buta kepada generasi terdahulu atau kepada pemimpin-pemimpin besar atau kepada orang awam, dengan keadaan *imma'ah* (ragu-ragu), dan seruan kepada pemerhatian dan berfikir pada segala kejadian di langit dan di bumi dan setiap makhluk Allah SWT)).

4.4.4 Pemeliharaan Keturunan

Pemeliharaan keturunan dari sudut kewujudannya – supaya ianya kekal wujud – boleh berlaku dengan cara; penyariatan dan galakan perkahwinan. Nabi SAW telah bersabda yang bermaksud:

... وَأَتَزَوَّجُ النِّسَاءَ فَمَنْ رَغِبَ عَن سُنَّتِي فَلَيْسَ مِنِّي

Maksudnya: ...dan aku mengahwini para wanita, maka barangsiapa yang tidak suka dengan sunnahku adalah bukan dari kalangan umatku.

Manakala penjagaan kelestariannya adalah dengan pengharaman zina, liwat dan juga qazaf (menuduh orang lain berzina), dan penyariatan hukuman ke atas pelakunya. Ibnu 'Asyur telah berkata: ((Manakala menjaga keturunan – atau disebut juga menjaga *al-nasl* – maka para ulama tidak menjelaskan dengan terperinci maksudnya. Justeru kami menerangkannya dengan terperinci iaitu yang dimaksudkan dengan memelihara keturunan itu ialah daripada kecacatan dan kerosakan. Justeru diambil kira sebagai perkara dharuri, kerana keturunan adalah punca perkembangan

⁷ Al-Quran, 20 : 114

spesis manusia. Sekiranya ia rosak atau cacat maka akan membawa kepada kepupusan spesies manusia. Sebagaimana kata-kata Nabi Lut kepada kaumnya:

... وَتَقَطُّعُونَ السَّبِيلَ ... ٢٩

Maksudnya: ...dan kamu memotong jalan lalu-lalang (untuk tujuan jahat kamu (liwat))⁸?

4.4.5 Pemeliharaan Harta

Pemeliharaan harta dari sudut kewujudannya boleh berlaku dengan cara; menguruskan harta agar ianya digunakan untuk tujuan pelaburan dan pengembangan supaya tidak statik dan perlu menjauhkannya daripada perkara yang boleh membawa kepada permusuhan, pertengkaran dan kemudaratan. Juga perlu berlaku adil padanya dengan meletakkannya di tempat yang wujud kerananya. Allah SWT berfirman:

... إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ٢٨٢

Maksudnya: ...apabila kamu menjalankan sesuatu urusan Dengan hutang piutang Yang diberi tempoh hingga ke suatu masa Yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya)⁹...

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا ٢٧

Maksudnya: dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) orang yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu¹⁰.

Manakala penjagaannya supaya tidak hilang adalah dengan pengharaman mencuri dan merompak, juga hukuman ke atas pelaku kedua-duanya.

5.0 SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu pada 6 inisiatif Johor Berkemajuan yang telah digariskan oleh YAB Mantan Menteri Besar Johor dalam ucapan pelancaran gagasan ini. Penulis akan membicarakan sebahagian sahaja dan bukan semua program dalam setiap inisiatif tersebut. Kajian turut melihat keserasian dan hubungan di antara inisiatif tersebut dengan Maqasid Syariah.

⁸ Al-Quran, 29 : 29

⁹ Al-Quran, 2 : 282

¹⁰ Al-Quran, 25 : 67

5.1 Penerapan Maqasid Syariah Dalam Gagasan Johor Berkemajuan

Kebijaksanaan pemerintah dalam mengatur urus tadbir sesebuah kerajaan akan dapat membantu meningkatkan taraf hidup rakyat ke arah kehidupan yang lebih baik, lestari dan maju dari segenap aspek kehidupan. Urus tadbir yang berlandaskan prinsip-prinsip Islam seperti maqasid syariah juga diyakini akan dapat membantu membasmi penyakit-penyakit ummah sebagaimana dinyatakan oleh Nooh (2018) seperti;

- a) Kejahilan dan buta huruf
- b) Kemiskinan dan kemelaratan hidup
- c) Penyakit jasmani dan rohani
- d) Perpecahan, perseteruan dan permusuhan yang merugikan.
- e) Kebejatan sosial dan keruntuhan moral

5.2 Enam (6) Inisiatif Johor Berkemajuan

- a) Pembangunan Inklusif
- b) Ekonomi Berkesejahteraan
- c) Johor Lestari
- d) Keusahawanan Johor
- e) Johor Berkemahiran
- f) Johor Yang Islami

Jadual 1, merumuskan setiap agensi yang terlibat dan program yang dijalankan dalam merealisasikan keenam-enam inisiatif Johor berkemajuan tersebut. Perbincangan seterusnya akan memperincikan setiap inisiatif tersebut sama ada telah dijalankan, sedang dijalankan mahupun yang akan dijalankan.

Jadual 1: Inisiatif Johor Berkemajuan

INISIATIF	
<p>A. <u>PEMBANGUNAN INKLUSIF</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan Pelan Pertumbuhan Strategik Johor • Penubuhan Tabung Waqf Rakyat Johor • Pelan Transformasi Central • Business District (CBD) Johor Bahru • Pelan Rejuvenasi Desa Johor • Zon Antarabangsa bagi Koridor Pembangunan Selat Johor (KPSJ) • Dasar Johor Prihatin • Perkhidmatan Bas Awam Percuma • Perkhidmatan Wi-Fi Hotspot Percuma 	<p>B. <u>EKONOMI BERKESEJAHTERAAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) • Skim Subsidi Pembinaan/ Pembaikan Rumah • Perumahan Penjawat Awam & Kakitangan Kerajaan • Projek Perumahan Rakyat • Skim Pembiayaan Rumah Mampu Milik Johor • Sistem Permohonan Atas Talian RMMJ • Perumahan untuk Asnaf & Golongan yang Memerlukan • Penempatan & Penyelesaian Setinggan • Penambahbaikan Berterusan Sistem Kebajikan Sosial Rakyat Johor
<p>C. <u>JOHOR LESTARI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Dasar Kelestarian Johor • Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim • Masyarakat Rendah Karbon • Pemeliharaan & Pemuliharaan Biodiversiti • Tabung Amanah Hidupan Liar • Program Johor Bersih & Lestari 	<p>D. <u>KEUSAHAWANAN JOHOR</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Pelaksanaan Entrepreneur Development Centre (EDC) • Kedai Harga Patut Muafakat Johor (imCoop) • Koperasi Muafakat Bangsa Johor • Pembangunan Usahawan Asnaf • Pelan Tindakan Strategik Perusaha Kecil dan Sederhana (PKS) Johor • Insentif Merencanakan Keusahawan • Pembangunan Usahawan Belia Islam • Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) • Kemudahan Usahawan Belia • Usahawan Bumiputera/Luar Bandar
<p>E. <u>JOHOR BERKEMAHIRAN</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Hab Kemahiran Johor (Johor Skill Hub) • Pelan Induk Pembangunan Kemahiran Johor • Tabung Latihan Kemahiran Johor - RM10 Juta • Unit Swadaya Insan Negeri Johor • Program Kembara Kerjaya • Pinjaman Pendidikan Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) • Program Bantuan Tuisyen YPJ • Kampus Induk Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) di Bandar Akademi YPJ, Kota Tinggi • Institut Integriti Kepimpinan & Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS) • Program Johor Talent & Duta Jauhar • Tabung Pendidikan Peringkat Sarjana • Pembangunan Kapasiti Kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri 	<p>F. <u>JOHOR YANG ISLAMI</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Transformasi Pendidikan Agama • Pelan Strategik Pendidikan Islam Johor • Penambahbaikan Berterusan Sistem Kutipan & Pengagihan Zakat oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) – rujuk buletin MAIJ • Festival Seni Muafakat Johor • Festival Kesenian Islam Johor • Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa • Program Iqra' & Fardhu Ain (IQFA) • Kenaikan Gaji Guru Sekolah Agama Johor • Imbuan Tahunan Guru KAFA • Tabung Amanah & Warisan Johor • Pembangunan Golongan Muafak

5.2.1 Pembangunan Inklusif

Menerusi inisiatif ini, pelbagai pelan dan rancangan telah disusun atur oleh kerajaan Negeri Johor. Segala yang dirancang ini jelas bertepatan dengan konsep masalah dalam syariat Islam. Salah satu rancangan yang penting ialah Penubuhan Tabung Waqf Rakyat Johor (TWRJ) yang dilancarkan pada 8 November 2016 yang berobjektifkan perkara berikut:

- a) Mengumpul dana Waqaf melalui Waqaf Tunai (Individu, Muafakat Waqaf Korporat dan Potongan Gaji) dan pelaburan.
- b) Mempromosikan Tabung Waqaf Rakyat Johor melalui media massa, ekspo, karnival, laman sesawang dan penerbitan bagi mengembangkan institusi Waqaf di negeri Johor.
- c) Merangka program kebajikan sosio-ekonomi dan kemasyarakatan yang menjadi manfaat serta faedah kepada umat Islam di negeri Johor.
- d) Membuat pelaburan yang dibenarkan oleh syarak untuk manfaat ekonomi umat Islam di negeri Johor.

TWRJ sudah berjaya mengumpul sebanyak RM 12 juta sumbangan pada hari pertama pelancarannya. Mantan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, jumlah itu adalah sumbangan Kerajaan Negeri Johor, Perbadanan Islam Johor (PIJ), Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ), Johor Corporation (JCorp) dan Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor serta badan-badan korporat yang lain. Tiga projek khas yang kini dalam perancangan untuk dibangunkan menerusi Tabung Waqaf Rakyat Johor ialah Kompleks Perubatan Pakar di Bandar Baru Uda; Dewan Besar Larkin dan 'Food Truck' Muafakat Bangsa Johor.

Perbadanan Islam Johor (PIJ) menjalin usaha sama pintar dengan Kencana Healthcare Sdn Bhd bagi pembangunan Kompleks Perubatan Pakar di atas tanah wakaf seluas kira-kira 2.2 hektar di Jalan Tahana, Bandar Baru Uda. Projek bernilai RM600 juta dan dibangunkan atas tanah wakaf milik Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) itu dijangka siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada tahun 2020. Kompleks Perubatan Pakar itu mampu menyediakan kemudahan 280 katil pesakit, 60 klinik pakar, 120 bilik penginapan, kemudahan pakar dan 650 tempat letak kenderaan awam. Kencana Healthcare bertanggungjawab membangunkan projek itu dengan pengendali berpengalaman manakala PIJ sebagai nazir bagi pembangunan atas tanah wakaf itu. Keunikan hospital ini ialah ianya selari dengan objektif utama penubuhan Tabung Waqaf Rakyat Johor (TWRJ) yang mengutamakan kebajikan para pesakit, justeru rawatan percuma akan diberi kepada 1,000 hingga 3,000 orang golongan asnaf melalui insurans berkelompok.

Merujuk kepada inisiatif ini, penerapan maqasid syariah dapat dilihat iaitu penjagaan nyawa melalui penubuhan hospital wakaf. Penjagaan harta melalui pewujudannya dapat dilihat pada projek Dewan Besar Larkin dan 'Food Truck' Muafakat Bangsa Johor yang pastinya akan dapat memakmurkan ekonomi serta menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Selain TWRJ, banyak lagi program telah disusun seperti penubuhan Koridor Pembangunan Selat Johor, Zon Antarabangsa bagi Koridor Pembangunan Selat Johor (KPSJ), Dasar Johor Prihatin, Perkhidmatan Bas Awam Percuma yang dinamakan sebagai Bas Muafakat Johor. Perkhidmatan ini merupakan perkhidmatan bas yang

disediakan oleh Kerajaan Negeri Johor melalui 4 Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat serta di kendalikan oleh Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ). Tujuan perkhidmatan ini diadakan adalah bagi mengurangkan kos sara hidup warganegara dan memberikan kemudahan serta meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam kepada rakyat di laluan-laluan yang telah dikenalpasti. Perkhidmatan Bas Muafakat Johor diberikan secara percuma kepada seluruh warganegara. Laluan perkhidmatan Bas Muafakat Johor merangkumi 15 laluan di wilayah Iskandar Malaysia meliputi kawasan Johor Bahru, Johor Bahru Tengah, Pasir Gudang dan Kulai. Sebanyak 30 buah bas akan dilengkapi dengan Sistem CCTV, GPS, Sistem Data Penumpang dan Kemudahan Internet Percuma (WIFI). Bagi mendapatkan perkhidmatan Bas Muafakat ini, pengguna perlu mendaftar dan mendapatkan Kad Muafakat Johor. Akhir sekali, bagi memudahkan masyarakat Johor mendapatkan maklumat terkini mengenai program-program kerajaan dan pelbagai sumber informasi, Perkhidmatan Wi-Fi Hotspot Percuma.

5.2.2 Ekonomi Berkesejahteraan

Melalui inisiatif Ekonomi Berkesejahteraan, adalah jelas bahawa Kerajaan Johor begitu mengambil berat terhadap penyediaan keperluan asas rakyat Johor seperti perumahan rakyat. Perkara ini dijelmakan melalui Skim Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ). Sudah tentu ianya akan dapat memenuhi keperluan hajiyyat kepada rakyat Johor iaitu keperluan untuk memiliki tempat tinggal. Ianya juga termasuk dalam konsep penjagaan nyawa menurut maqasid syariah. Polisi ini dapat memberi peluang rakyat tempatan khususnya yang berpendapatan sederhana atau sederhana rendah memiliki kediaman sendiri.

Menurut Mantan Adun Nusajaya, Dr Zaini Abu Bakar, berkata, berdasarkan respons yang diterima daripada orang ramai, polisi berkenaan adalah satu tindakan bijak disebabkan harga kediaman khususnya di kawasan pesat membangun telah meningkat hampir sekali ganda sejak lima tahun lalu. Menurutnya lagi, berdasarkan harga pasaran semasa, kediaman jenis teres dua tingkat dijual pada harga RM300,000 hingga RM500,000 terutamanya di kawasan bandar raya Johor Bahru yang termasuk dalam kawasan pembangunan Iskandar Malaysia.

Beliau menambah bahawa dengan harga pasaran semasa kediaman, sudah tentu ramai yang tidak mampu untuk membeli rumah sendiri dan dengan polisi RMMJ kediaman dijual dengan harga lebih murah begitu juga dengan polisi Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

Di samping itu, Inisiatif ini turut menyediakan kemudahan seperti Skim Perumahan bagi Penjawat Awam (PPA1M) & Kakitangan Kerajaan. Projek Perumahan Rakyat turut dilaksanakan bagi memberi peluang rakyat Johor yang berpendapatan rendah mampu memiliki kediaman sendiri.

5.2.3 Johor Lestari

Islam amat mementingkan hubungan manusia dengan alam sekitar. Ini dapat dilihat melalui perintah syara' untuk menjaga dan memelihara alam sekitar seterusnya tidak mencemar dan merosakkan alam sekitar. Antara ayat-ayat al-Quran yang berkaitan perkara ini ialah Firman Allah SWT:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ۝

Maksudnya: *Dan apabila dikatakan kepada mereka: Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi, mereka menjawab: Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan*¹¹.

وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ۝۸۳

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mengurangi hak-hak orang ramai dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di bumi*¹².

Ayat-ayat di atas melarang manusia membuat kerosakan di muka bumi. Di antara makna kerosakan itu ialah pencemaran alam sekitar yang akhirnya akan menyebabkan bumi semakin kurang selamat untuk didiami.

Justeru melalui Inisiatif Johor Lestari, kerajaan Johor telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan bumi ini terus sejahtera dan selamat melalui Dasar Kelestarian Johor, Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim. Begitu juga kerajaan berusaha ke arah masyarakat rendah karbon. Salah satu terjemahan perkara ini ialah larangan menggunakan bahan polyesterine sebagai medium penyediaan makanan dan minuman dan mewajibkan penggunaan bahan bioplastik dan pembungkusan biorosot (bio-degradable) dan bio-kompos bagi tujuan tersebut bermula 1 Januari 2018.

Melihat kaitan perkara ini dengan maqasid syariah, jelas bahawa inisiatif ini dirangka bagi melestarikan alam sekitar yang selamat dan ini merupakan terjemahan kepada perintah menjaga nyawa dalam Islam. Segala inisiatif ini akan menghasilkan masalah iaitu alam sekitar yang bersih dan selamat. Kebersihan sememangnya satu elemen penting dalam memastikan kelestarian kehidupan manusia bahkan sekiranya ianya tidak dijaga, akan membahayakan nyawa dan ini adalah mudarat yang perlu dielakkan. Ianya bertepatan dengan konsep جلب المنفعة ودفع المضرة (menghasilkan manfaat dan mengelakkan kemudaratan). Justeru penjagaan kebersihan akan meningkatkan taraf kesihatan rakyat seterusnya mengurangkan risiko penyakit bawaan vektor yang kebiasaannya disebabkan oleh alam sekitar yang kotor dan tidak dipelihara dengan baik.

Kerosakan alam sekitar sememangnya suatu yang dijangkakan akan berlaku disebabkan oleh tangan-tangan manusia. Perkara ini dirakamkan dalam al-Quran iaitu firmanNya:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ
بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ٥١

¹¹ Al-Quran, 2 : 11

¹² Al-Quran, 26 : 183

Maksudnya: *Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*

Pemeliharaan hidupan liar juga diambil berat kerana perkara ini jika tidak dijaga akan menyebabkan rosaknya rangkaian ekosistem dan bio-diversiti yang sangat penting bagi kelestarian alam sekitar.

5.2.4 Keusahawanan Johor

Ekonomi merupakan salah satu maksud dan tujuan syariah. Bahkan seruan untuk meningkatkan ekonomi terdapat pada hadis-hadis nabi SAW. Antaranya ialah sabda baginda tentang fadilat dan kelebihan orang yang memberi berbanding orang yang menerima iaitu hadis yang diriwayatkan oleh Hakim bin Hizam:

... أَيْدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ أَيْدِ السُّفْلَى

Maksudnya: *Tangan yang di atas (memberi) lebih baik daripada tangan yang di bawah (menerima).*

Terdapat juga kata hikmah arab yang berbunyi

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا ۚ فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي كَانَتْ عَلَىٰ الْبَشَرِ نَفْسًا حَنِيفًا ۚ لَٰكِنَّا ضَلَلْنَا ۚ وَمَا أَكْثَرَ النَّاسَ الضَّالِّينَ ۗ

Maksudnya: *Orang yang tidak mempunyai apa-apa tidak akan mampu untuk memberikan apa-apa.*

Berdasarkan dua dalil di atas, jelas bahawa ekonomi perlu dijana dan disuburkan melalui usaha dan keringat yang antara lainnya dengan melalui jalan perniagaan dan keusahawanan. Ia juga bertepatan dengan hadis Nabi SAW:

عَنِ الْمُقَدَّامِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:
مَا أَكَلَ أَحَدٌ طَعَامًا قَطُّ خَيْرًا مِنْ أَنْ يَأْكُلَ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ وَإِنَّ نَبِيَّ اللَّهِ دَاوُدَ عَلَيْهِ
السَّلَامُ كَانَ يَأْكُلُ مِنْ عَمَلِ يَدِهِ.

Maksudnya: *Tidaklah seseorang itu makan makanan yang lebih baik berbanding makanan yang diperolehi melalui usahanya sendiri, dan sesungguhnya Nabi Allah Daud AS makan dengan rezeki yang diperolehi melalui usahanya sendiri.*

Sebagaimana disebutkan di awal perbincangan bahawa maqasid syariah perlu melalui dua proses iaitu *ÉjÉd* (mewujudkan) dan *ibqÉ'* (mencegalkan). Melalui inisiatif Keusahawanan Johor, kerajaan Johor telah melaksanakan beberapa program bagi memastikan rakyat Johor menikmati kemakmuran yang berpanjangan. Antara program tersebut ialah pemerksaan usahawan melalui Entrepreneur Development Centre (EDC). Menyedari peri pentingnya untuk memperhebat bidang keusahawanan sekali gus melahirkan lebih ramai usahawan di Johor, kerajaan negeri menubuhkan Pusat Pembangunan Usahawan (EDC). EDC yang terletak di Pusat Perniagaan UDA ditubuhkan berperanan sebagai pusat sehenti bagi usahawan untuk mendapatkan informasi berkaitan program dianjurkan selain menyelaras maklumat pelbagai agensi terlibat. Menerusi penubuhan EDC, segala khidmat nasihat, rundingan, permasalahan, bantuan, pelaksanaan program latihan daripada agensi berkaitan dapat disalurkan kepada para usahawan dengan cepat, efisien dan tepat.

Selain daripada itu, pelbagai program lain turut disusun bagi memastikan penjagaan harta melalui pewujudan dan pengekalannya supaya tidak hanya berlegar pada satu golongan sahaja. Inisiatif ini juga akan menggalakkan persaingan sihat di kalangan usahawan agar menghasilkan produk yang bermutu dan berkualiti lebih-lebih lagi dengan konsep *halalan taiyyiban* yang sangat ditekankan oleh agama Islam. Program-program lain yang turut dijalankan ialah pembiayaan bagi merencanakan keusahawanan adalah seperti berikut:

- a) Kedai Harga Patut Muafakat Johor (imCoop)
- b) Koperasi Muafakat Bangsa Johor
- c) Pembangunan Usahawan Asnaf
- d) Pelan Tindakan Strategik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Johor
- e) Insentif Merencanakan Keusahawan
- f) Pembangunan Usahawan Belia Islam
- g) Usahawan Industri Kecil dan
- h) Sederhana (IKS)
- i) Kemudahan Usahawan Belia
- j) Usahawan Bumiputera
- k) Usahawan Luar Bandar

5.2.5 Johor Berkemahiran

Melalui inisiatif Johor Berkemahiran, pelbagai program dan insentif disusun atur bagi memastikan Bangsa Johor menjadi bangsa yang bukan sahaja cemerlang dari sudut intelek, tetapi turut gemilang dalam meningkatkan keupayaan kemahiran insaniah (*soft-skill*). Perkara ini diberikan penekanan kerana ianya akan menyokong inisiatif yang lain dari sudut penyediaan tenaga kerja dan modal insan yang berkemahiran tinggi dalam setiap bidang. Perkara ini sangat dituntut dalam agama bahkan ia dirujuk sebagai penjagaan akal dan kepintaran yang akan memanfaatkan masyarakat dan Negara.

Penggunaan kepintaran buatan (*artificial intelligence*) pada masa kini sememangnya perkara yang perlu dihadapi oleh semua pihak. Kemajuan teknologi ini banyak membantu mempermudah urusan seharian bermula daripada membersihkan rumah, pemanduan tanpa pemandu sehingga kepada sistem persenjataan dan pertahanan. Namun begitu, ianya perlu dikawal selia oleh manusia yang berkemahiran tinggi agar ianya tidak mendatangkan kemudaratan dan sudah

tentu ia dilarang oleh syara'. Kajian terbaru dari Stephen Hawking (2014), iaitu seorang saintis Britain yang hebat dan terkenal, memberi amaran akan bahayanya ilmu dan teknologi kepintaran buatan (A.I) yang mana akan menjadi satu bencana kemanusiaan yang amat besar lagi menakutkan.

Satu contoh program yang memberi impak besar kepada masyarakat Johor ialah **Program Duta Jauhar** yang merupakan sebuah program cetusan idea YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin, Menteri Mantan Besar Johor dalam membangunkan sosio-ekonomi rakyat Johor melalui penglibatan Mahasiswa Johor daripada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara. Inisiatif ini adalah pengiktirafan besar Kerajaan Negeri Johor kepada golongan mahasiswa yang diyakini boleh bersama-sama menyumbangkan idea kreatif, inovatif dan sumber tenaga bagi menjayakan agenda pembangunan masyarakat dan negeri.

Kumpulan mahasiswa yang berjaya dipilih menyertai program ini akan melaksanakan projek-projek yang berpotensi memberi impak dan manfaat kepada masyarakat di setiap daerah Negeri Johor, dengan menggunakan pendekatan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* atau Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Setiap projek menetapkan kumpulan sasaran penerima manfaat seperti pelajar, golongan belia, usahawan IKS, rakyat pendapatan rendah & miskin tegar, masyarakat orang asli, ibu tunggal dan sebagainya, berdasarkan matlamat dan bidang keberhasilan projek tersebut.

Para pemenang akan dipilih daripada beberapa kategori bagi memilih kumpulan yang terbaik. Anugerah tertinggi keseluruhan dinamakan sebagai Anugerah Permata. Setiap tahun, satu kumpulan akan menerima anugerah berprestij ini. Setakat 2017, empat pemenang telah dipilih iaitu Universiti Malaysia Terengganu, UMT (Duta Jauhar 1.0), Institut Sains dan Teknologi Darul Ta'zim, INSTEDT (Duta Jauhar 2.0), Universiti Sains Malaysia, USM (Duta Jauhar 3.0), dan Kolej Pengajian Islam Johor, MARSAH (Duta Jauhar 4.0).

Jadual 2: Program Duta Jauhar

Bil	Tahun	Jumlah Projek	Jumlah IPT	Jumlah Peserta	Penglibatan Masyarakat
1.	Siri 1/2014	19	12	285	1269
2.	Siri 2/2015	22	19	330	6092
3.	Siri 3/2016	27	21	405	14,798
4.	Siri 4/2017	38	24	555	23,013

5.2.6 Johor Yang Islami

Penerapan nilai agama dalam pemerintahan dan kerajaan bukanlah sesuatu yang asing. Agama Islam diangkat menjadi Agama Persekutuan melalui Perkara 3 (1) Perlembagaan Persekutuan. Justeru, nilai agama yang diambil dan diamalkan akan memastikan agama diletakkan di tempat yang sepatutnya. Lebih-lebih lagi Negeri Johor yang menjadikan Agama Islam sebagai Agama Negeri buat selama-lamanya sebagaimana termaktub dalam Fasal 57, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri

Johor (1895) yang diakui bahawa ianya menjadi rujukan kepada sebahagian besar Perlembagaan Persekutuan.

Dari segi sejarah Islam tempatan, Johor telah dipilih oleh pemerintah Osmaniah (1299M- 1922M) yang telah memerintah sekitar 623 tahun dan melaksanakan Islam sebagai yang digariskan. Setelah itu Johor ingin akan terus melaksanakan Islam sebagai mana yang dikehendaki Islam itu sendiri. Ajaran Islam yang tulen adalah mementingkan kesederhanaan dan tidak terlampau eksterim. Mufti-mufti Johor dari keturunan Hadrami Yemen meneruskan usaha dengan membawa Islam sebagai yang diajarkan oleh Rasulullah SAW. Kerana ulama tersebut ketika berada di tanah Melayu mereka telah meninggalkan pengalaman pahit di negeri Yemen pada masa itu yang asyik berperang dan berbalah-balah dengan kaum muda yang dikenali sebagai wahabi dan tidak terlampau eksterim seperti kaum syiah yang menggungkan hanya keturunan-keturunan Rasulullah dan melaknat sahabat –sahabat Nabi yang tiga lagi itu dan inilah Islam yang dibawa oleh Johor iaitu bersederhana dalam agama. Sebab pendidikan Islam di Johor adalah diambil daripada system pendidikan Osmaniah. Mereka membenarkan amalan Tasawwuf dan tidak menghadkan kepada Tariqat tertentu bahkan mengharuskan semua jenis tariqat selagi tidak bertentangan dengan ajaran Islam yang tulen. Inilah kehebatan Islam di Johor yang mengamalkan Islam secara sederhana dan **tidak** terlampau taksuf.

Jelas bahawa Islam di Johor dari segi sejarahnya telah bertahan begitu lama di mana rakyat jelatanya dapat disatukan dalam satu wawasan iaitu menjunjung Islam berpandukan kepada ajaran Islam Ahli Sunnah Waljamaah sehingga Johor dikenali sebagai pelopor pendidikan Islam.

5.2.6.1 *Pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah (ASWJ) di Johor*

- Aliran al-Asyairah dan al-Maturidiah mesti diamalkan oleh masyarakat Islam Johor.
- Sejarah keislaman Nusantara pada umumnya adalah dipelopori oleh ulama-ulama atau pendakwah yang datang dari hadramaut yang berhubung dan berdamping rapat dengan kesultanan melayu pada masa itu.
- Dalam konteks Tanah Melayu, Melaka dahulunya merupakan pusat perkembangan Islam di mana Parameswara akhirnya telah memeluk agama Islam dengan nama Sultan Muhammad.
- Ini bertepatan dengan kata-kata Ibnu Khaldun yang mengatakan:

(النَّاسُ عَلَى دِينِ مَلُوكِهِمْ)

Maksudnya: “Rakyat jelata akan menurut agama anutan raja-raja mereka.

Adalah menjadi satu kewajipan kepada seluruh rakyat jelata untuk berpegang dengan akidah ASWJ, demi meneruskan kelangsungan hidup yang bersatu padu, tenteram, aman dan bahagia.

Hal ini diperkukuhkan lagi dengan Fatwa Negeri Johor yang telah diwartakan pada 16 Feb 2012 yang menyatakan:

Adalah ditetapkan bahawa umat Islam di Negeri Johor hendaklah mengikut undang-undang dan ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahlis Sunnah Wal Jama'ah dari segi aqidah berpandukan mazhab Al-Asya'irah dan Al-Maturidiah, Syariah berpandukan mazhab Syafi'e. Walaubagaimanapun tiga mazhab yang mu'tabar iaitu Hanafi, Maliki dan Hanbali boleh dirujuk dan digunakan dalam menyelesaikan masalah-masalah tertentu dan dari segi akhlak hendaklah berpegang dengan akhlak Islamiyyah.

Ini jelas menunjukkan bahawa penduduk Islam Johor mesti berpegang teguh kepada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Justeru fahaman yang terkeluar daripada Ahli Sunnah Wal Jamaah dianggap melanggar enakmen Islam negeri Johor dan boleh dikenakan tindakan.

5.2.6.2 Masa depan Islam di negeri Johor

Johor bercita-cita mengembalikan keagungan dan kecemerlangan fahaman beragama di kalangan rakyat dan pemimpin melalui bidang kemasyarakatan (ekonomi dan politik), kebudayaan, pentadbiran, perjawatan dan pendidikan.

Mengekalkan wirid dan zikir yang dibawa oleh ulama-ulama dari hadramaut seperti ratib al-Haddad dan ratib al-Attas yang berupa pengisian rohani dan pendinding masyarakat Islam negeri Johor.

5.2.6.3 Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ)

Antara keunikan negeri Johor ialah sistem pendidikan agama yang teratur sejak peringkat rendah lagi iaitu melalui Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ). Mantan Menteri Besar Johor, YAB Dato' Mohamed Khalid Nordin (2017) dalam satu kenyataannya berkata sistem Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) merupakan antara sistem pendidikan agama moden yang paling lama dan tersusun di rantau ini. Usianya menjangkau 100 tahun pada 2018 dan akan menjadi sebahagian daripada identiti, warisan dan kebanggaan masyarakat Johor. Manakala menurut Mantan Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor, Abd Mutalip Abd Rahim, SAKJ diwujudkan atas perintah Sultan Johor, Almarhum Sultan Abu Bakar sebagai memberi pendidikan agama kepada kanak-kanak Islam di negeri ini.

Menurutnya, sekolah tersebut menggunakan perantaraan bahasa Melayu secara percuma yang bertujuan bagi memastikan kanak-kanak Islam di Johor mendapat pendidikan agama yang teratur, sempurna dan dikawal oleh kerajaan negeri.

Secara ringkasnya, bermula pada tahun 1918 pendidikan bermula dengan nama Sekolah Al-Quran yang hanya kepada pembelajaran al-Quran. Kemudiannya, pada tahun 1920 nama Sekolah Al-Quran ditukar kepada Sekolah Kitab. Seterusnya, pada tahun 1923 pendidikan agama diperkembangkan lagi dengan mewujudkan kelas Darjah Khas sebagai satu-satunya lanjutan Sekolah Agama Petang. Tidak berhenti di situ sahaja, pada tahun 1960 pula Maahad Johor ditubuhkan sebagai pusat pengajian IV Thanawi di negeri Johor bagi kesinambungan Thanawi I hingga Thanawi III.

Pendidikan agama Islam di negeri ini diperkukuhkan lagi dengan tertubuhnya sekolah berasrama penuh iaitu Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang (SMAKJ) pada tahun 1988. Melihat pada perkembangan pendidikan agama Johor

yang bermula dari sekolah rendah, menengah juga sekolah tinggi, maka tercetuslah idea penubuhan Kolej Pengajian Islam Johor (Marsah) pada tahun 1997 yang mana ia 100 peratus bawah pentadbiran kerajaan negeri ini. Pada asalnya ia hanya menawarkan pengajian Diploma Syariah Islamiah dan Usuluddin secara berkembar dengan Universiti al-Azhar, Mesir dengan mod program 3+1 (3 Tahun di MARSAH dan setahun di Universiti al-Azhar). Sesuai dengan permintaan yang semakin tinggi daripada masyarakat Johor dan cita-cita untuk melihat negeri Johor mempunyai sebuah institusi Islam bertaraf universiti, pihak kerajaan Johor melalui belanjawan tahun 2018, telah mengisytiharkan untuk menaik taraf MARSAH sebagai sebuah kolej universiti yang akan menampung keperluan bagi 10,000 pelajar. Jelas perkara ini adalah bertepatan dengan penjagaan akal dari sudut *i'jad* (mewujudkan). Kerajaan juga berharap bahawa kolej universiti itu nanti akan mampu melahirkan pakar-pakar dalam bidang Pengajian Islam dan Pendidikan Islam.

Melalui inisiatif ini juga, beberapa transformasi telah dilakukan membabitkan pelbagai pihak. Antaranya ialah Transformasi Pendidikan Agama yang diterjemahkan melalui pelan strategik pendidikan Islam. Melalui pelan ini, sekolah agama kerajaan Johor (SAKJ) telah melangkah ke era baharu dengan memperluaskan segala komponen kurikulum ke arah pembelajaran abad ke-21. Pengenalan sistem Apple yang telah diterapkan dalam pembelajaran digital sudah pasti menyokong pelan ini.

Di samping itu, skim pinjaman buku teks SAKJ juga telah ditambah liputannya dan ini memberikan peluang yang lebih luas kepada para pelajar khususnya yang kurang berkemampuan bagi terus menikmati kemudahan pembelajaran.

Inisiatif ini menyokong maqasid syariah. Ianya terjelma dalam kurikulum agama SAKJ yang direkabentuk bagi menyiapkan para pelajar dengan jatidiri agama yang kukuh dan kuat bagi melindungi agama dan akal. Pembahagian kurikulum mengikut bidang Akidah, Syariah dan Akhlak sangat bertepatan dengan ajaran Islam tulen. Antara kitab yang digunakan sebagai rujukan utama ialah kitab Matla' al-Badrain dan Risalah Tauhid.

Umumnya, murid-murid Sekolah Agama Johor adalah murid-murid yang berdaftar dan belajar di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Kebangsaan. Sekolah Agama Johor pula berfungsi untuk menambah, melengkap dan memperkukuhkan lagi matapelajaran pendidikan Islam. Oleh itu, kurikulum yang disediakan oleh Sekolah Agama Johor hanya menumpukan kepada matapelajaran pendidikan agama sahaja. Tahap I (Darjah I, II, III) Tahap II (Darjah IV, V, VI)

Jadual 3: Kurikulum SAKJ

TAHAP 1 (DARJAH I, II, III)	TAHAP II (DARJAH IV, V, VI)
<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan al-Quran & Tajwid • Pendidikan Tauhid • Pendidikan Ibadah • Pendidikan Akhlak • Pendidikan Sirah • Pendidikan Jawi • Pendidikan Bahasa Arab • Pendidikan Amali 	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan al-Quran & Tajwid • Pendidikan Tauhid • Pendidikan Fiqh I (Ibadah) • Pendidikan Fiqh II (Muamalat, Jinayat dan Faraid) • Pendidikan Akhlak • Pendidikan Sirah • Pendidikan Jawi • Pendidikan Bahasa Arab • Pendidikan Amali

6.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penelitian penulis terhadap aplikasi maqasid syariah dalam gagasan Johor Berkemajuan, berikut adalah kebaikan yang diperolehi melalui gagasan ini:

Pertama: Urus tadbir negeri selari dengan kehendak syara’

Penerapan nilai maqasid syariah dapat memastikan kerajaan yang mentadbir mengambil kira segala jenis kemaslahatan yang boleh memberi faedah dan kebaikan serta kebajikan kepada seluruh masyarakat Johor khususnya dan Malaysia amnya. Perkara ini tidak terbatas kepada umat Islam sahaja tetapi merentasi masyarakat bukan Islam.

Kedua: Manfaat kepada masyarakat Johor

Urus tadbir yang dipaksakan dengan konsep masalah ‘ammah akan menghasilkan manfaat yang menyeluruh kepada masyarakat. Kepentingan umum didahulukan berbanding kepentingan peribadi. Ini akan menjadikan negeri bertambah makmur, dinamik dan maju.

Ketiga: Islam dijadikan teras pentadbiran

Pembangunan sesebuah kerajaan tidak boleh hanya diukur melalui kepesatan pembangunan fizikal sahaja. Ianya perlu diseimbangkan dengan keperluan agama, rohani dan intelek. Penjagaan alam sekitar yang turut dititikberatkan akan membantu kelestarian sumber alam agar terus dapat dipelihara dan diwarisi oleh generasi akan datang. Jelas dalam gagasan ini penerapan Islam terzahir secara langsung atau tidak langsung. Ini akan menjamin kelestarian pemerintahan yang berpandukan ajaran agama Islam.

Sebagai kesimpulannya, Maqasid Syariah yang dijadikan paksi kepada tadbir urus sesebuah kerajaan terbukti mampu menjadikan pentadbiran lebih teratur, berkesan dan holistik. Melalui pendekatan ini, seluruh aspek kehidupan manusia seperti agama, nyawa, harta, keturunan dan akal. Perlu diingatkan juga bahawa konsep maqasid syariah ini merentasi sempadan agama, bangsa dan keturunan. Justeru, dengan penjagaan lima aspek ini, akan menjadikan matlamat penubuhan Negara yang aman, tenteram, harmoni dan sejahtera dapat direalisasikan sebagaimana konsep *بلدة طيبة ورب غفور* (Negeri yang aman, baik, selamat dan sejahtera, serta Tuhan yang Maha Pengampun).

RUJUKAN

- Abdul Ilah al-Qasimi. (2012). *Madkhal 'Am Li Dirasati Maqasid Syariah*, Dar al-Kalema, Kaherah.
- Abdul Karim Zaidan. (2013). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut, Muassasah Risalah Nasyirun, cet. 1, Ms. 299.
- Abdul Qadir Hirz Allah. (2005). *al-Madkhal Ila 'Ilm Maqasid Syariah*, Maktabah al-Rusyd Nasyirun, Riyadh, Cet. 1.
- Al-Raisuni, Ahmad. (2013). *Madkhal Ila Maqasid Syariah*, Dar al-Kalema, Kaherah, Cet. 1.
- Al-Raisuni, Ahmad. (2014). *al-Fikr al-Maqasidi Qawaiduhu wa Fawaiduhu*, Dar al-Kalema, Kaherah, Cet. 3.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim Bin Musa Bin Muhammad al-Lakhmi al-Gharnaty. (w. 790H). (2002). *al-Muafaqat fi Usul al-Tasyri' al-Islami*, Tahqiq Dr. Muhammad al-Iskandarani, Adnan Darwisy, Dar al-Kitab al-Araby, Beirut, Cet. 1.
- A Rahman Tang Abdullah. (2011). *Hikayat Johor dan Tawarikh al-Marhum Sultan Abu Bakar*, Yayasan Warisan Johor, hal. 74.
- Buletin Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jan-Jun 2017, MAIJ.
- Kepentingan Maqasid Syariah Dalam Berfatwa Di Malaysia, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa (Infad)* 2015, USIM, ms. 8.
- Mohd Hairudin Amin, Kamarul Azmi Jasmi. (2011). *Sekolah Agama, Penjana Generasi Berakhlak*, Penerbit UTM, Johor Bahru, Edisi Pertama.
- Muhammad Ahmin. (2016). *Maqasid al-Muafaqat, al-tashil li Kitab al-Maqasid Min al-Muafaqat*, Dar al-Kalema, Kaherah.
- Muhammad Idris Abdul Rauf al-Marbawi. (1935). *Kamus al-Marbawi*, Pustaka Nasional Singapura, jld. 2.
- Muhammad Yusuf Khalid, Mohd Rumaizuddin Ghazali, Dzulkifli Abdul Razak. (2015). *Kepimpinan Lestari berasaskan Maqasid Syariah*, Penerbit Usim, Nilai.
- Nooh Bin Gadot. (2015). *Peranan Agama Dalam Memupuk Nilai-Nilai Wasatiyyah Dan Menolak Ideologi Radikal Dan Ekstrim* (Kertas Kerja yang dibentangkan pada Putrajaya International Security Dialogue, 5 Januari 2018, Hotel Marriot Putrajaya)
- Maqasid Syariah: Asas Kesejahteraan Ummah, Khutbah JAKIM 25 Mac 2016 / 16 Jamadilakhir 1437
- Ucapan Dato' Mohamed Khaled Nordin sempena Majlis Amanat YAB Menteri Besar Johor 2016, 4hb Februari 2016
- Ucapan Amanat YAB Menteri Besar Tahun 2017 di Persada Johor, 26 Januari 2017

Internet

<http://jauhar.my/dua-inisiatif-rancarkan-keusahawanan-johor/>

<http://jauhar.my/dua-inisiatif-rancarkan-keusahawanan-johor/>

<https://komunitijohor.wordpress.com/2017/10/08/kerajaan-sokong-empat-inisiatif-baharu-johor/>

<http://www.pij.gov.my/aktiviti/tabung-waqaf-rakyat-johor/> <https://www.hmetro.com.my/node/180068>

<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/07/304613/pij-kencana-healthcare-bangun-kompleks-perubatan-pakar>

<http://www.basmuafakatjohor.com/>

<https://johortimes.my/2017/11/23/bajetjohor2018-pembungkus-biorosot-ganti-polisterin-dan-plastik-mulai-1-januari/>

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/edc-pemacu-keusahawanan-johor-1.16176#ixzz55WojtRlk>

<http://www.bbc.com/news/technology-30290540>

<http://www.dutajauhar.my/pengenalan/latar-belakang.html>

<http://www.maij.gov.my/?p=2814>

<http://muafakatjohor.com/team-johor/>









Autograf

